


PENGANTAR

SEJARAH PATANI

Mengenang 40 Tahun Haji Sulong



Patani dan Daerah Sekitarnya

PENGANTAR

SEJARAH PATANI

Ahmad Fathy al-Fatani

Pustaka Darussalam, Alor Setar
1994 *PC1835*

РНН ЗИА В 8
БЕЗЫДОВСКИЙ

*Penerbit:
Pustaka Darussalam,
No. 961, Kompleks Peruda 1B,
Jalan Sultan Badlishah,
05710 Alor Setar, Kedah Darul Aman*

Cetakan Pertama, Julai 1994
©Ahmad Fathy al Fatani

Hak cipta dilindungi undang-undang.
Tidak boleh menyalin apa jua kandungan buku ini dengan apa pun bentuk dan cara - elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman dan sebagainya - tanpa kebenaran bertulis daripada pengarang.

HARGA: RM 15.00

Taipset & Tataletak:
QI Enterprise
P.O. Box 17, 15700, Kota Bharu, Kelantan.
Muka Taip Teks: Times New Roman
Saiz Taip Teks: 10/12 poin

M
959.3 783194 Dicetak oleh
Athen Dian Darulnaim Sdn. Bhd.
5315-A, Jln. Sultan Yahya Petra, 15200, Kota Bharu, Kelantan.

30 AUG 1995
Perpustakaan Negara
16/10/95

Kenang-kenanganku kepada
Puteri Sungai Padi
yang tidak pernah tau
kenapa aku tega meninggalkannya



YM Tengku Abdul Kadir Kamaruddin

Raja Patani yang terakhir



YM Tengku Wook alias Nik Wook
Raja Jambu yang terakhir

the first time, the author has been able to study the effect of the different factors on the quality of the product.

The results obtained from the experiments have shown that the quality of the product is influenced by the following factors:

(a) The type of raw material used, i.e., the quality of the raw material used.

(b) The temperature at which the raw material is heated, i.e., the temperature at which the raw material is heated.

(c) The time at which the raw material is heated, i.e., the time at which the raw material is heated.

(d) The amount of water used, i.e., the amount of water used.

(e) The amount of salt used, i.e., the amount of salt used.

(f) The amount of sugar used, i.e., the amount of sugar used.

(g) The amount of flour used, i.e., the amount of flour used.

(h) The amount of yeast used, i.e., the amount of yeast used.

(i) The amount of oil used, i.e., the amount of oil used.

(j) The amount of vinegar used, i.e., the amount of vinegar used.

(k) The amount of baking powder used, i.e., the amount of baking powder used.

(l) The amount of salt used, i.e., the amount of salt used.

DAFTAR ISI

<u>Pendahuluan</u>	<u>x</u>
BAB I: PATANI AWAL	
<u>Muqaddimah: Patani Itu Langkasuka</u>	<u>3</u>
<u>Negeri Patani Dibangunkan</u>	<u>10</u>
<u>Patani di Bawah Ratu-ratu</u>	<u>20</u>
<u>Patani Selepas Raja Kuning</u>	<u>36</u>
BAB II: PATANI DI BAWAH SIAM	
<u>Patani Alah Kepada Siam</u>	<u>47</u>
<u>Patani Dibahagi-bahagi</u>	<u>53</u>
<u>Pemberontakan Patani 1832</u>	<u>61</u>
<u>Patani 1902: Berakhirnya Sebuah Kesultanan</u>	<u>67</u>
<u>Thai Rathaniyum: Jerutan Yang Makin Diperketat</u>	<u>75</u>
<u>Haji Sulong dan Memorandum Tujuh Perkara</u>	<u>83</u>
<u>Mahmud Muhyiddin: dan "janji Inggeris" yang mungkir</u>	<u>93</u>
<u>Gempar: dan simpati parti politik di Tanah Melayu</u>	<u>101</u>
<u>Regu Pimpinan yang Tewas</u>	<u>112</u>
<u>Tahun-tahun Selepas Haji Sulong</u>	<u>122</u>
BAB III: TEMPAT-TEMPAT BERSEJARAH DI PATANI	
<u>Kerisek: Satu Tapak Sejarah di Patani</u>	<u>135</u>
<u>Tanjung Dato': Misteri Sebuah Kuburan</u>	<u>142</u>
<u>Chabang Tiga Patani: Kota Tua dan Makam Raja</u>	<u>150</u>
<u>Masjid-masjid Bersejarah</u>	<u>160</u>
<u>Makam-makam Bersejarah</u>	<u>182</u>
BAB IV: CITRA LUKA SEBUAH NEGERI	
<u>Hakisnya Sebuah Budaya Melayu</u>	<u>197</u>
<u>Muhajirin Patani</u>	<u>221</u>
<u>Penutup: Patani Darul Salam Apa Itu?</u>	<u>229</u>

PENDAHULUAN

Buku ini ditulis dalam jarak waktu yang agak panjang dan dalam situasi yang berbeza-beza. Bahagian pertama bermula dalam bentuk nota-nota catatan ceramah saya kepada sekumpulan pelajar-pelajar Patani di Kota Bharu, Kelantan, pada tahun 1980, pada waktu saya 'mengungsi' ke sana tidak lama selepas peristiwa *Demonstrasi Rakyat Patani* secara besar-besaran pada penghujung tahun 1975 dan awal tahun 1976. Siri ceramah ini tidak sampai selesai. Atas sebab-sebab yang tidak dapat dijelaskan di sini, ceramah-ceramah ini yang diselenggarakan pada setiap hari Khamis petang di salah sebuah sekolah swasta di Kota Bharu, telah terpaksa dibatalkan. Dengan demikian, bahagian pertama isi buku ini tinggal tersimpan dalam bentuk nota sehingga apabila ia disemak semula pada waktu buku ini mau dicetak dan diterbitkan. Bahagian ini belum pernah disiarkan dalam mana-mana penerbitan.

Bahagian kedua pula bermula dengan sebuah cerita yang lain lagi. Seorang teman lama penulis, saudara Ahmad Latif, yang sejak pertengahan dekad 1980-an menetap di Kota Bharu, menghubungi penulis pada tahun 1991 bagi maksud mendapatkan tenaga pembantu bagi majalah yang sedang dipimpinnya, *Peristiwa*, dengan cara mengisi suatu rubrik tetap dalam majalah berkenaan. "Saudara boleh tulis apa saja," katanya, "tapi yang kira-kira sesuai dengan tahap *Peristiwa*." Meskipun pada awalnya saya menyatakan tidak bersedia kerana sudah lama tidak menulis, namun akhirnya apabila saya teringat kepada siri ceramah saya yang tidak selesai dahulu, saya kemudian menyatakan persetujuan saya. Dengan demikian, bermula pada pertengahan 1991, saya mulakanlah rubrik *Pengantar Sejarah Patani* ini dalam *Peristiwa*. Sebanyak 8 siri daripada tajuk-tajuk yang sekarang terkumpul dalam bahagian kedua buku ini berhasil saya

kirim ke Kota Bharu, dan disiarkan tanpa banyak suntingan. Ada banyak surat yang saya terima lewat Ahmad Latif sehubungan dengan tersiaranya siri *Pengantar Sejarah Patani* ini yang pada umumnya menanggap baik dan alangkah bagusnya, kata mereka, jika telah selesai, siri tersebut diabadikan dalam bentuk buku.

Namun agak malang. Majalah *Peristiwa* yang semula berjalan baik, ditakdirkan tidak berusia panjang. Dengan demikian, siri *Pengantar Sejarah Patani*, seperti juga siri ceramah saya pada bahagian pertama, tidak sempat berakhir.

Pada awal tahun 1993, saudara Ahmad Latif menemui saya dan menyatakan kesediaannya untuk menyelenggarakan penerbitan *Pengantar Sejarah Patani* dalam bentuk buku. Saya memberitaunya bahawa siri itu belum selesai. "Masih ada perlu ditulis lagi," kata saya.

Demikianlah, pada pertengahan tahun 1993, dengan bahan-bahan rujukan yang sangat terbatas, saya mulai bekerja menyiapkan tajuk-tajuk yang tertangguh yang sedianya telah saya rancangkan untuk *Peristiwa*. Dua buah tajuk, *Gempar* dan *Tahun-tahun Selepas Haji Sulong*, saya masukkan ke dalam bahagian kedua bagi melengkapkan kandungan bahagian yang tidak selesai ini.

Manakala itu, bahagian ketiga pula adalah gabungan dari tiga siri rencana dalam *Peristiwa* serta dengan tambahan dua tajuk yang baharu disiapkan - *Masjid-masjid Bersejarah* dan *Makam-makam Bersejarah*. Hal yang sama juga berlaku pada bahagian akhir - bahagian keempat - apabila sebuah tajuk baru, *Hakisnya Sebuah Budaya Melayu*, dimasukkan, sebagai tambahan ke atas dua tajuk yang sedia diangkat dari majalah *Peristiwa - Muhibbin Patani* dan *Patani: Darul Salam Apa Itu?*

Kecuali itu, berbanding dengan siri asalnya dalam *Peristiwa*, buku ini menjadi lebih lengkap dan sempurna setelah diperkayakan dengan gambar-gambar, peta dan salasilah raja-raja. Selain itu, beberapa semakan fakta, penyuntingan ayat serta penyelarasaran kesinambungan antara satu tajuk dengan satu tajuk yang lain telah juga dilakukan bagi maksud menjadikan buku ini lebih lancar, kemaskini serta tidak terasa seperti sebuah kumpulan karangan yang dibukukan. Saya telah berusaha menyajikan buku ini dalam bentuknya yang bukan "sekadar fakta" tetapi juga mengandungi tafsiran-tafsiran dan andaian-andaian sebagaimana yang selayaknya ada

dalam sesebuah buku sejarah. Dengan apologi kepada beberapa kelemahan yang pasti wujud dan tak dapat dielakkan, saya mengharapkan agar buku ini dapat dinikmati dan dihayati.

Bagi saya peribadi, Patani adalah sebuah nostalgia dunia Melayu. Orang-orang yang memperhatikan peta dunia Melayu sangat menyedari bahawa sebuah negeri bernama Patani telah luput dari senarai negara bangsa Melayu pada hari ini. Lebih malang lagi, persoalan negeri Patani bukan setakat persoalan *barang hilang*, akan tetapi lebih dari itu ialah betapa persoalan ini telah tidak dapat diungkap dan diketengahkan di mana-mana. Dalam hal ini, betapapun getirnya penderitaan orang Islam di Palestin, di Kashmir atau sekarang ini di Bosnia, namun nasib mereka masih lebih baik ketimbang nasib orang-orang Islam di Patani, kerana persoalan mengenai bangsa dan negara mereka masih mendapat tempat di berbagai media dan forum antarabangsa.

Negeri Patani ditakdirkan telah menjadi sebuah negeri yang dilupakan, sepi dan tidak naik panggung. Namanya hanya wujud pada peta lama atau dalam dokumen lama sahaja. Demikian juga dengan orang Patani - hilang dan tak dikenal. Suatu kali saya berkesempatan duduk-duduk di ruang tunggu sebuah perpustakaan di sebuah universiti di Malaysia, menunggu seorang kawan asal Patani tetapi berasas baik dapat kerakyatan Malaysia dan kini menjadi pensyarah di universiti berkenaan. Di sebelah saya duduk seorang mahasiswa yang nampaknya juga sedang menunggu kawannya untuk masuk ke dewan kuliah. Kami berbual-bual. Kerana menyedari bahawa saya sedang berada di Malaysia dan di sebuah universiti pula, saya lalu menggunakan bahasa Melayu baku.

Selepas memperkenalkan nama masing-masing, si mahasiswa bertanya saya, "Dari mana?"

"Patani," jawab saya, langsung dan spontan.

Saya masih ingat akan kehairanannya.

"Di mana itu?" tanyanya. Masih hairan atau masih tidak jelas.

"Di bahagian selatan Thailand, bersempadan dengan negeri Kelantan," kata saya menjelaskan.

"Tetapi saudara boleh bercakap Melayu".

"Memang saya orang Melayu," jawab saya dengan suara rendah, seperti kecil hati pula kerana ada orang Melayu yang begitu hairan menemukan seorang Melayu lain yang boleh bercakap Melayu.

"Saudara pula dari mana?" tanya saya, sekadar untuk mengalih persoalan.

"Saya Johor," jawabnya. Ada nada bangga sedikit dalam pengucapannya.

Jawapan beliau seolah-olah membuka ruang kepada saya untuk menjelaskan tentang negeri Patani. Saya memberitaunya bahawa dari segi sejarah, kedudukan negeri Patani dengan negeri Kelantan samalah seperti kedudukan negeri Johor dengan negeri Riau. Jika pusat pemerintah Kerajaan Johor pernah berada di Riau, maka pusat pemerintahan Kerajaan Kelantan juga pernah berada di Patani. Jika hari ini orang Johor dan orang Riau merasa mereka adalah orang yang sama, maka demikian juga dengan orang Kelantan dan orang Patani.

"Hubungan antara Johor dengan Patani pun sangat rapat," kata saya pula. "Pernah terjadi persemendaan di antara kerabat D'Raja Johor dengan kerabat D'Raja Patani. Kalau tidak salah ingatan saya, ada tiga kali perkahwinan yang melibatkan dua keluarga D'Raja ini. Selain dari itu, Patani pun pernah meminta bantuan Johor sewaktu diserang Siam, manakala Johor pula pernah mendapatkan bantuan Patani buat mengusir Portugis," kata saya menerangkan.

Si mahasiswa tekun mendengar.

"Saya tidak pernah tau semua ini," katanya kemudian, terbata-bata.

"Saudara belajar dalam jurusan apa?" tanya saya pula.

"Ekonomi," jawabnya.

Saya jadi mengerti. Mungkin kalau beliau belajar dalam jurusan sejarah atau pengajian Melayu, kejahilannya tentang rumpun bangsanya sendiri tidaklah sebesar yang dimilikinya sekarang.

* * * *

Buku ini saya tulis bagi maksud memenuhi keperluan anak-anak muda generasi baru, di Patani maupun di luar Patani, yang sudah terputus dari

dunia Melayunya ini. Di Patani sendiri saya perhatikan, ramai anak-anak muda yang sudah tidak tau tentang asal muasal mereka lagi. Kerana sudah terlalu lama berada di bawah Siam dan hidup dalam acuan budayanya, orang Patani kini sudah kehilangan minda dan citarasa Melayunya. Dalam hal ini, sempadan Thai-Malaysia bukan sahaja menjadi sempadan politik dan negara, tetapi malahan sudah menjadi sempadan bahasa dan budaya.

Seorang ibu muda yang saya temui di Tanjung Dato' mengaku bahawa beliau tidak tau apa-apa dengan makam D'Raja Patani di kampungnya. Ibu ini yang pada waktu itu sedang menyeret dua orang anaknya yang bogel di bibir pantai memberitau saya dalam loghat Patani "*Kubo oghe tingga. Dio ado lamo belum pada ambo ado*".

Lain pula ceritanya dengan seorang anak sekolah di Kota Baru, Raman, yang memberitau saya bahawa batas sempadan kemaharajaan Thai yang lama adalah meliputi negeri-negeri Terengganu, Kedah dan Kelantan. "Kerana takut, raja Siam bersetuju menyerahkan negeri-negeri ini (Terengganu, Kedah dan Kelantan) kepada Inggeris," katanya kesal seolah-olah dirinya adalah Raja Siam yang terpaksa melepaskan banyak wilayahnya kepada orang lain.

Episod-episod kecil ini menggambarkan bahawa tidak ada negeri Melayu bernama Patani dalam pemikiran generasi muda di Patani. Kiranya orientasi pendidikan Thai, termasuk pengajian sejarahnya, telah berjaya membentuk generasi baru orang Patani menjadi manusia *Thai Muslim* yang asing dan terpisah daripada dunia Melayunya yang besar dan luas itu.

Buku ini saya tulis untuk mereka. Lebih daripada sebuah nostalgia peribadi, saya seolah-olah merasa terpanggil untuk memberikan kepada mereka satu wacana tentang masa lampau mereka yang selama ini tidak pernah mereka ketahui. Walaupun diakui, memang ada buku-buku tentang ini yang pernah dihasilkan sebelum ini, akan tetapi atas beberapa faktor, terutamanya kerana kecurigaan dan salah faham, telah menyebabkan buku-buku seperti ini tidak sampai kepada mereka. Saya yakin bahawa faktor-faktor seperti ini sudah tidak wujud lagi kini, dan dengan demikian diharapkan semoga penerbitan buku ini dapat sampai kepada matlamatnya.

Pada kesempatan ini, saya suka merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan saya kepada beberapa orang teman kerana turut terlibat menjayakan penerbitan buku ini. Kepada saudara Ahmad Latif kerana

peranannya sebagai *dynamo* yang sering menggerakkan saya supaya terus menyudahkan siri yang tidak selesai ini, kepada seorang teman di Alor Setar yang tidak mau namanya disebut kerana mengirimkan kepada saya bahan-bahan rujukan yang diperlukan sepanjang penulisan ini, kepada seorang keluarga jauh saya di Penarek, Patani, kerana bersedia menemani saya melawat tempat-tempat bersejarah dan sekaligus mengambil gambar-gambarnya, kepada penyelidik sejarah dan budaya Kelantan yang terkenal, Nakula, kerana kesediaannya diganggu berkali-kali melalui telefon bagi mendapatkan beberapa penjelasan dan maklumat mengenai sejarah awal Patani, terutama mengenai pemerintahan raja-raja Kelantan di Patani, kepada Encik Shaari di Pujud kerana meminjamkan saya *Pitis Belanja Negeri Patani* untuk dirakamkan dalam buku ini, serta ramai lagi yang lain. Kepada mereka semua saya ucapkan *jazakal'Lahu khairan kathiran*.

Patut disebut, bahawa secara tidak sengaja, buku ini terbit pada pertengahan 1994, yakni bertepatan dengan ulangtahun keempat puluh hilangnya pejuang Patani yang sangat masyhur - Haji Sulong. Sesungguhnya, saya tidak merancang *kabetulan* ini, sebaliknya ia terjadi atas sebab-sebab yang di luar milik dan upaya saya seperti yang telah saya ungkapkan di awal pendahuluan ini. Dengan menyedari bahawa saya secara tiba-tiba berada pada suatu *sempena* yang sangat baik seperti ini, maka izinkanlah saya mengambil peluang ini untuk merakamkan dedikasi penerbitan buku ini kepada beliau. Semoga Allah melimpahkan rahmat ke atas rohnya, amin! (*al-Fatihah*).

Terakhir, adalah menjadi harapan saya, semoga penerbitan buku ini mampu sekadarnya menumbuhkan rasa minat dan cinta orang Patani terhadap *tanah usang pusaka moyang* yang didiaminya turun temurun. Bagi saya peribadi, walaupun pengalaman sejarah yang ditempuh oleh Patani sangat pahit dan sukar, namun saya tidak pernah menyesal menjadi orang Patani. Di mana pun saya pergi, saya akan tetap memperkenalkan kepada umum bahawa saya adalah orang Patani. Kata-kata ayah yang tajam dan keras "kerana kamu orang Patani, maka aku tidak akan pernah membentarkan kamu belajar di sekolah Siam," sangat mengesankan saya. Bertahun-tahun kemudian, apabila saya dewasa dan ayah sudah meninggal, saya menemukan kembali makna kata-kata ini dalam amanat Haji Sulong seperti yang dikutip Fraser (1966:53) dan disalin oleh Surin:

"Kami, orang Melayu, sangat menyedari bahawa kami telah

ditempatkan di bawah kekuasaan Siam kerana dikalahkan. Istilah "Thai-Islam" yang dengannya kami dikenal oleh pemerintah Siam selalu mengingatkan kami kepada kekalahan itu, dan kerana itu tidak kami suka. Oleh sebab itu kami mohon kepada pemerintah supaya menyebut kami "Melayu-Islam" agar oleh dunia luar kami dapat dibezakan daripada Thai."

Dengan amanat ini, saya akhiri pendahuluan ini. Selamat membaca!

Kuala Bekah, Pattani

Ahmad Fathy al Fatani

29 Ramadan 1414



(i)

Patani Awal

$b_1 \dots b_n$

1. MUQADDIMAH: Patani Itu Langkasuka

Patani yang dimaksudkan dalam buku ini bukanlah wilayah atau "Changwad Pattani" sebagaimana yang wujud dalam peta negara Thai sekarang tetapi adalah merujuk kepada sebuah negeri yang sempadannya adalah lebih luas; iaitu meliputi wilayah-wilayah Narathiwat, Yala dan sebahagian daripada Songkhla (daerah-daerah Sebayor dan Tibor).¹⁾

Negeri Patani mempunyai sejarah yang lama, jauh lebih lama daripada sejarah mana-mana negeri di Semenanjung Melayu seperti Melaka, Johor, Selangor dll. Sejarah lama Patani adalah merujuk kepada kerajaan Melayu tua pengaruh India - Langkasuka. Scorang pensyarah Kaji Manusia dan Sosial di *Prince of Songkla University* di Patani, Seni Madakakul berpendapat bahawa Langkasuka adalah terletak di Patani. Pendapat ini disokong oleh beberapa orang sejarawan lain seperti Prof. Zainal Abidin Wahid, Mubin Shepard, Prof. Hall dan Prof. Paul Wheately. Beberapa alasan telah dikemukakan kenapa Langkasuka disebut sebagai bertempat di Patani, dan tidak seperti penemuan sebelumnya, iaitu di Kedah.²⁾

Ahli kaji manusia telah mengesahkan bahawa bangsa yang mula-mula bermastautin di Tanah Melayu adalah dari suku Javanesse-Malay yang kelak kemudiannya menurunkan keturunan Melayu Patani di Selatan Thai sekarang. Dalam satu catatan mengenai keberangkatan Raja Siam ke Tanah Melayu ada disebutkan bahawa orang-orang Arab dan India dikatakan telah masuk bermastautin di daerah ini dan bersemenda

-
- 1) Sekarang dieja "Sa Ba Yoi" dan "Thepha".
 - 2) Mengikut kajian Dato' Sir John Bradle, kawasan timur Langkasuka meliputi daerah pantai timur tanah Semenanjung, mulai daripada Singgora, Patani, Kelantan hingga ke Trengganu, termasuk juga kawasan sebelah utara negeri Kedah (lihat Mohd Dahlam Mansoor, *Pengantar Sejarah Nusantara Awal*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1979, muka surat 51 - 52)

dengan suku Javanese-Malay ini. Kepercayaan yang mengatakan bahawa suku Javanese Malay ini menjadi moyang kepada orang Melayu Patani kini disahkan oleh seorang pakar sejarah Thai, Prof. Praya Anuman Rajathon dan disokong oleh bekas PM Thai, Kukrit Pramoj dalam sebuah tulisannya di akhbar harian Thai "Siam Rath" pada 31 Ogos 1975.

Tanah Melayu telah didatangi oleh pedagang-pedagang Barat (Arab-India) dan China sejak sebelum Masehi lagi. Dalam buku-buku catatan pedagang ini ada disebut bahawa kerajaan tua yang terdapat di Tanah Melayu ialah Langkasuka. Seorang pengembara China menyebut bahawa sewaktu beliau datang ke Langkasuka pada tahun 200 Masehi, ia mendapati negeri itu telah lama dibuka. Selain dari itu dalam sebuah catatan sejarah China yang ditulis pada zaman Kerajaan Liang (502-566M) ada disebut bahawa negeri Langkasuka dibuka pada hujung abad Masehi yang pertama lagi - mungkin antara tahun 80-100 Masehi. Mengenai letak Langkasuka (disebutnya Lang-ya-hsiu) catatan ini menyebut: "Kerajaan Langkasuka terletak di laut selatan, mempunyai daerah yang luas iaitu dari Timur ke Barat memakan masa 30 hari berjalan kaki, dan dari utara ke selatan selama 20 hari berjalan kaki...."³⁾

Buku sejarah negeri Kedah, *Hikayat Merong Mahawangsa*, ada menyebut bahawa negeri Langkasuka terbahagi kepada dua bahagian: Sebahagian terletak di negeri Kedah, iaitu diperkatai terletak di kawasan tebing Sungai Merbok, manakala bahagian kedua terletak di sebelah timur Kedah, iaitu diperkatai terletak di pantai Laut China Selatan. Dalam hal ini Prof. Paul Wheatly tidak ragu-ragu lagi mengatakan bahawa Langkasuka terletak di Patani sekarang. Pendapat ini disokong oleh Prof. Pearn, Prof. Hall dan Persatuan Sejarah Kelantan. Seni Madakakul, dalam tulisannya *Sejarah Patani Purba - di mana Negeri Langkasuka?*, Naskhah Ru Sembilan (Fakulti Pendidikan, Universiti Songkhla Nakharin, tahun 3, bil. I, Mac 1976) sewaktu menyokong pendapat ini menjelaskan bahawa dalam sejarah China pada abad pertama dan kedua Masehi ada disebutkan nama-nama negeri Kedah dan Langkasuka. Bukti ini menyakinkan beliau bahawa Kedah dan Langkasuka adalah dua buah negeri yang berasingan. Beliau menyatakan bahawa

3) Lihat Paul Wheatly, *The Golden Chersonese*, Pustaka Ilmu, Kuala Lumpur, 1966, hal 253-254.




CANDI: Reruntuhan Candi Hindu zaman Langkasuka di Chalek, Binjai
Lima (Yarang), Patani.



LANGKASUKA: Pecahan seramik dan artifak purbakala di bekas candi
peninggalan zaman Langkasuka.



Bekas ladang getah penduduk yang diusahakan sejak puluhan tahun, ternyata dilapisi bawah gondokan tanah ini tersimpan candi peninggalan zaman Langkasuka.



Aktiviti pemugaran bekas candi zaman Langkasuka.

dalam suatu kajian yang dijalankan di Patani, beliau menemui orang-orang tua di daerah Jerang yang mengatakan bahawa Jerang dan daerah Pujud duhulunya adalah terletak di tepi laut. Orang-orang kampung telah memberitahu beliau bahawa mereka pernah menemukan kepingan batu-batu purba sewaktu menggali telaga sedalam enam kaki. Kesan-kesan purba juga ditemui di sepanjang Kg. Jerang hingga ke Kg. Perawang⁴ yang mengesahkan bahawa di situ pernah menjadi pantai laut. Bukti-bukti ini meyakinkan beliau bahawa Langkasuka adalah negeri tua Patani. Selain dari itu beliau juga memetik sebuah cerita dalam *Negarakertagama* yang menyebut bahawa ibu kota Patani pada abad tersebut (abad buku berkenaan ditulis) bernama *Djere*, suatu sebutan yang hampir sama dengan perkataan Jerang atau Jerai dalam bahasa Melayu. Di samping itu sumber sejarah China juga ada menyebut bahawa Jerang adalah terletak di tepi pantai.

Agama Dan Kepercayaan

Adalah dipercayai bahawa Langkasuka menganut kepercayaan Hindu. Prof. Tecuw dan Prof. D.K Wyatt dalam suatu ceramahnya sewaktu menghadiri Pameran Kebudayaan Selatan Thai di Universiti Patani dalam tahun 1970 menegaskan bahawa Langkasuka adalah sangat maju perniagaannya dan pantainya disinggahi oleh ramai pedagang, terutama dalam pelayaran mereka antara Tanah Malaya dengan Vietnam. Dalam tahun 450 scorang ahli pengembara China mencatat bahawa di Patani (Langkasuka) beliau menemui beberapa orang kaum Brahmin dari India yang tinggal di istana Raja. Bukti ini mengesahkan bahawa agama Brahman Hindu telah bertapak di Patani pada tahun sebelum 450.]

Prof. Hall menyatakan bahawa dalam tahun 515 Masihi, Raja Langkasuka dikenali dengan nama Bhaga Datta, iaitu suatu nama dalam bahasa Sanskrit yang bererti 'pembawa kuasa'. Nama ini memberi erti jelas akan pengaruh India dan Hindu di Langkasuka.

Mengenai istiadat penduduk Langkasuka, Sejarah China pada abad Dinasti Liang menyebut bahawa penduduk Langkasuka tidak suka

4) Dalam daerah Jerang, Namanya yang sah ialah "Pra Ong" yang bermaksud "kota raja" dalam bahasa Thainya. Di dalam kampung ini masih terdapat beberapa bekasan kota raja dan tinggalan purbakala.

berambut panjang. Kepala mereka bercukur licin, mereka memakai pakaian yang ditenun dari kapas dan berbaju tanpa lengan. Rajanya selalu membuat kunjungan ke mana-mana dengan menggunakan gajah yang dipandu oleh seorang gembala. Hamba rakyat berbaris memanjang mengiringi Raja dengan membawa panji-panji dan memalu gendang.

Apabila Kemaharajaan Sriwijaya berjaya menakluk Nakorn Sri Thamarat pada 775 Maschi dan kemudiannya mengembangkan kekuasaannya ke selatan (Patani), mulailah penduduk Patani meninggalkan agama Brahman Hindu dan memeluk agama Budha. Dipercayai Kerajaan Sriwijaya inilah juga yang telah mengembangkan bahasa Melayu ke Patani. Sebuah berhala Budha zaman Sriwijaya yang ditemui dalam gua Wad Tham di daerah Yala membuktikan pertukaran agama daripada Bhraman kepada Buddha ini. Walau bagaimanapun, kesan-kesan purba ini telah banyak dimusnahkan apabila orang Patani mengancut Islam kemudiannya. Ini telah menyebabkan negeri Patani sekarang menjadi miskin dengan bahan-bahan purba dan ini boleh menyukarkan kajian sejarah lamanya.

Bahasa Melayu Sanskrit dan agama Budha yang dibawa oleh Sriwijaya sangat mempengaruhi orang Patani. Mulai dari tarikh pemerintahan Sriwijaya inilah Patani mulai meningkat maju dan mencapai kemajuanunya, menyebabkan ia menjadi lebih terkenal dari zaman sebelumnya.

Menurut Seni Madakakul, Patani mulai mencapai zaman majunya pada tahun Budha 800. Sekitar tahun itu kerajaan Sriwijaya di Palembang bercantum dengan kerajaan Sailendra di Jawa, lalu membentuk dirinya menjadi satu kuasa besar menakluki bukan sahaja Nusantara, malah termasuk Indo China. Raja Sailendra telah memilih Patani sebagai pusat pemerintahannya di Tanah Melayu. Pemerintahan Sriwijaya di Patani dijalankan tanpa menggunakan kuasa tentera dan birokratik, tetapi dengan menggunakan kuasa laut dan perniagaan melalui penguasaan pelabuhan-pelabuhan di sepanjang pantai. Kuasa tadbir Patani berada di tangan seorang raja yang menghantar ustzi kepada Sriwijaya di Palembang selaku pihak yang menguasai segala urusan luar di peringkat pusat. Hasil negeri Patani pada masa itu banyak berupa keluaran pertanian dan perniagaan. Beberapa pengetahuan bernilai seperti teknik membajak dan berladang diterima oleh orang Patani daripada orang Jawa.

I Tsing, seorang pengembara China yang terkenal, menyatakan bahawa kebudayaan Melayu Budha di kepulauan Indonesia adalah terlalu maju, terutama pada abad ke-6 Masehi. Kebudayaan ini dipercayai dibawa masuk ke Patani melalui bahasa, agama Budha, ilmu pelayaran, seni bina, muzik dan peralatan D'Raja. Prof. Hall menggambarkan rupa kapal-kapal layar zaman Sriwijaya sebagai mempunyai bentuk seni tersendiri dengan cat warna-warni dan diselangi dengan ukiran yang halus. Apabila kenyataan ini dihubungkan dengan bentuk perahu kolek Kelantan dan Patani, maka kenyataan Hall ini didapati ada benarnya juga.

2. NEGERI PATANI DIBANGUNKAN

Berdasarkan buku *Hikayat Patani*, pengasas negeri Patani ialah Phya Tu Nakpa. Beliau adalah putera kepada Phya Tu Krub Mahajana yang memerintah di suatu tempat yang bernama "Kota Mahligai". Oleh kerana Kota Mahligai ini letaknya jauh dari pantai, maka ia telah menyebabkan suatu kesukaran kepada saudagar-saudagar untuk singgah. Perniagaan dalam negeri menjadi merosot dan berkurangan. Keadaan ini telah menyebabkan rakyat dalam negeri keluar mencari kehidupan di luar kota, mengakibatkan Kota Mahligai mengalami jumlah penduduk yang semakin berkurang. Sementara itu, di kawasan pinggir pantai, iaitu pada kampung-kampung yang dibuka oleh orang-orang Melayu dari Sumatera, keadaan telah menjadi sebaliknya - bertambah maju dan ramai.⁵⁾

Pada suatu hari Phya Tu Nakpa pergi berburu ke hutan yang berhujung pada sebuah pantai. Pada pantai itu terdapat sebuah pondok yang didiami oleh dua orang tua. Salah seorang daripadanya bernama Pak Tani. Apabila baginda sampai di pantai berkenaan, baginda mendapati kawasan tepi laut itu sangat sesuai untuk dijadikan negeri, bagi menggantikan negerinya yang terletak jauh di darat. Maka baginda pun memerintahkan supaya dipindahkan sahaja 'Kota Mahligai' ke tempat itu. Sesuai dengan nama tuan punya pondok yang baginda temui, negeri itu di sebut *Pak Tani*, yang kemudiannya oleh perubahan sebutan menjadi *Patani*. Nama Patani ini, yang dikatakan berasal dari nama *Pak Tani*, adalah berdasar kepada *Hikayat Patani* dan *Sejarah Kerajaan Melayu Patani* (m.s. 27).⁶⁾

5) Ibrahim Shukri, *Sejarah Kerajaan Melayu Patani*, Pasir Putih, tanpa tarikh, muka surat 26.

6) Selain dari versi *Hikayat Patani* dan *Sejarah Kerajaan Melayu Patani* ini, cerita asal

Menurut SKMP lagi, Kg. Pak Tani adalah terletak dalam suatu kawasan yang amat clok. Tanahnya datar, tetapi tinggi dan terselamat daripada banjir. Pantainya berupa suatu telokan yang luas dengan sebuah tanjung yang panjang terentang di hadapan, yang boleh menjadi pelabuhan yang baik kerana terlindung daripada bahaya ombak dan angin ribut. Selain dari itu terdapat pula sebuah anak sungai yang menjadi jalan keluar masuk dari laut ke darat. SKMP menyebut bahaya Kg. Pak Tani ini

nama negeri Patani juga terakam dalam cerita *bahari* orang tua-tua di Patani. Sekurang-kurangnya terdapat dua versi cerita lisan yang pernah saya dengar sehubungan dengan asal nama negeri Patani ini;

Pertama: Nama Patani berasal dari kalimat "pantai ini". Konon diceritakan dalam versi ini, bahawa seorang putera raja dari *negeri seberang laut* (entah dari mana tidak pernah diketahui) ditemui terdampar di "pantai ini" selepas perahuanya pecah dipukul ribut dan karam di tengah samudera. Semua awak-awaknya tenggelam dan lemas di laut. Beliau sendiri selamat sampai di "pantai ini" kerana dibawa oleh sekumpulan ikan kacang (ikan alu-alu?). Kebetulan pada waktu putera raja ini sampai di pantai, rakyat negeri berkennaan sedang berkumpul untuk mencari seorang pengganti raja yang baharu selepas raja terdahulu mangkat tanpa meninggalkan putera atau puteri. Menurut adat negeri itu, apabila putus pewaris takhta, maka seorang pengganti hendaklah dicari dengan cara melepaskan seekor gajah sakti @ gajah putih buat memilih hakal pengganti raja dari kalangan rakyat negerinya. Menurut adat ini, siapa-siapa yang disentuh oleh belalai gajah sakti ini, maka orang itu akan diterima menjadi raja bagi negerinya, tanpa mengira sama ada orang yang disentuh itu lelaki atau perempuan, kanak-kanak atau orang tua, kaya atau miskin atau sebagaimana. Menurut versi *bahari* ini, apabila gajah berkennaan dilepaskan, gajah tersebut langsung meluru ke arah pantai lalu menjulang naik putera raja yang didararkan oleh ikan kacang tadi. Dengan demikian, putera raja berkennaan ditabalkan menjadi raja, dan disebut "raja di pantai ini". Nama ini kemudiannya, lama kelamaan, berubah menjadi "raja pata ni" dan kemudian lagi "pata ni" dan *patani*.

Kedua: Versi kedua ini juga berasal dari kalimah "pantai ini", tetapi dengan variasi cerita yang lain pula. Menurut versi kedua ini, satu rombongan raja yang sedang berburu menemukan seekor kijang (atau rusa?) yang tersesat di sebuah hutan kecil di pinggir pantai. Apabila dikejar, binatang berkennaan lari ke arah pantai dan lesap di sana. Beberapa dicari, tidak juga ditemui. Pada waktu sang raja menyusul di belakang dan bertanyakan arah binatang berkennaan "menghilang", anggota rombongan memaklumkan bahawa binatang berkennaan hilang di "pantai ini". Walaupun sang raja memerintahkan supaya binatang berkennaan dicari sampai dapat, namun sang binatang tak dapat dikesan dan kehilangan jejak. Berdasarkan kisah ini, tempat di pinggir pantai tempat raja berburu tadi dikenal dengan nama "pantai ini" (maksudnya: *hilang di pantai ini*). Belakangan, sama seperti pada versi pertama, oleh berlalunya waktu, nama ini berubah untuk akhirnya menjadi *patani* (kedua-dua versi cerita bahari ini diceritakan kepada saya oleh seorang tua di Palas, daerah Penarik, Patani, pada pertengahan dekad 1960-an).

terletak di sekitar Kerisek sekarang.

Setelah Pya Tu Nakpa berpindah ke Patani, Patani menjadi lebih ramai dan oleh kerana lokasinya yang baik, tempat baru ini menjadi makmur dan mewah. Kaum kerabat diraja juga mulai berpindah ke sini. Phya Tu Nakpa telah memerintahkan supaya dibangunkan sebuah istana berhampiran dengan kampung Pak Tani, iaitu dalam daerah Kerisek sekarang, dengan pintu kota istana menghadap ke arah sungai - Sg. Pepiri yang sekarang sudah tertimbus.

Sebuah kubu pertahanan bagi menahan serangan musuh telah juga dibina, mengikut cara-cara ilmu pertahanan zaman dahulu. Kubu ini digali mulai dari Sg. Kerisek hingga bertemu dengan Sg. Pepiri dalam Kg. Parit. Sejak itu tinggallah rakyat Patani membangunkan negerinya menjadi bertambah maju. Apabila Phya Tu Nakpa mangkat, puteranya yang bernama Raja Antira telah mengambil alih takhta kerajaan. Bagaimanapun, tarikh pemerintahan dua orang raja ini masih belum dapat dikesan.

Bangsa Dan Kerajaan Thai

Orang-orang Siam adalah berasal dari kawasan selatan negeri China. Suku bangsa ini pada mulanya tinggal di kawasan kecil di sepanjang Sg. Yangtze, yang kemudiannya secara perlahan-lahan dikuasai oleh kerajaan-kerajaan China zaman dahulu. Pada pertengahan kurun Maschi yang ketujuh, mereka berjaya mendirikan negeri mereka sendiri di baratdaya China - Nanchao. Negeri ini terletak di satu kawasan tanah rata yang mengelilingi sebuah tasik yang letaknya 600 kaki tinggi di pergunungan Yunan.

Bangsa Thai adalah bangsa penjajah. Dari kedudukan asal mereka di Nanchao, mereka kemudiannya mengembangkan pengaruh mereka ke selatan dan ke timur. Ke selatan mereka menyerang negeri-negeri Melayu seperti Grahi (Chaiya), Gharbi (Krabi), Thambralingga (Surat Thani), Ligor (Nakhon Sri Thamarat) dan Senggora (Songkhla). Di sebelah timur mereka menyerang wilayah-wilayah kepunyaan bangsa Mon dan Khmer. Kadang-kadang bangsa Thai ini juga menyerang Annam. Pada penghujung kurun ke-9, mereka pernah melanggar sempadan negeri China yang menyebabkan kerajaan China masa itu, Tang, berpecah-belah. Pada tahun 1253 maharaja Monggol, Kublai Khan, menakluk

Nanchao. Sejak itu orang Thai meninggalkan Nanchao dan berpindah ke selatan. Di selatan mereka menubuhkan kerajaan Sukhotai, sebuah negeri yang telah mereka takluki dari Khmer pada 1238. Di sini, orang Thai amat terpengaruh dengan kebudayaan Khmer. Corak agama Budha yang diamalkan oleh orang Khmer diikuti oleh orang Thai, manakala tulisan Khmer dipakai untuk mengeja bahasa Thai, sesudah disesuaikan oleh raja Sukhotai yang terkenal, Rama Khamheng (1283-1317). Sesudah Rama Khamheng meninggal dunia, Sukhotai menjadi merosot. Sebuah kerajaan Thai yang lain pula muncul - Ayuthaya. Kerajaan ini diasaskan oleh seorang ketua orang Thai yang kuat, Rama Tibodi, pada 1350. Haruslah diingat bahawa seorang pemerintah (Sultan) Patani, pernah membuat lawatan ke Ayuthaya ini.

Patani Memeluk Islam

Terdapat suatu cerita yang menarik mengenai bagaimana Raja Patani memeluk Islam. *Hikayat Patani* menceritakan kira-kira begini: "Syahadan pada suatu ketika, Raja Patani ditimpa sakit. Diubati oleh segala dukun istana tetapi tidak juga sembuh. Akhirnya ada seorang Pasai, Sheikh Said namanya, memberi kesanggupan untuk mengubatinya, tetapi dengan syarat apabila sembuh nanti, Raja mesti memeluk agama Islam. Syarat itu diterima oleh Raja, tetapi apabila sembuh, baginda tidak menepati janjinya. Beberapa tahun kemudian, penyakit lamanya kambuh lagi, lalu orang Pasai itu datang lagi mengubati penyakit baginda dengan syarat yang sama seperti dahulu. Apabila sudah sembuh lagi, baginda tetap memungkiri janjinya. Akhirnya penyakit itu menyerang lagi bagi kali yang ketiga. Kali ini baru baginda bersumpah, katanya: "Jikalau sembuh penyakitku sekali ini, tiadalah ku ubahkan janjiku dengan dia itu. Demi berhalu yang ku sembah ini, jikalau aku mengubahkan janjiku ini, janganlah sembuh penyakitku ini selama-lamanya." (mukasurat 73).

Setelah baginda sembuh dari sakitnya, baginda bersama keluarga dan pembesar istana memeluk Islam. Sejak itu mulailah Islam berkembang di Patani.)

Terdapat perbezaan pendapat mengenai nama Raja Patani yang memeluk Islam ini. *Hikayat Patani* menyebutnya sebagai Phya Tu Nakpa sendiri, iaitu Raja yang membuka negeri Patani, lalu menukar nama kepada Sultan Ismail Shah, sementara buku *Sejarah Kerajaan Melayu*

Patani pula menyebutnya sebagai Raja Antira, putera kepada Phya Tu Nakpa, lalu menukar kepada nama Islam, Sultan Muhammad Shah. Sultan Ismail Shah (HP) atau Sultan Muhammad Shah (SKMP) kemudiannya melantik Sheikh Said menjadi guru agama Islam di dalam istananya dan diberi gelaran "Datuk Sri Raja Faqeh". Setelah raja memeluk Islam yang segera kemudiannya diikuti oleh para pembesar, pengaruh Hindu-Budha mulai berkurang, lemah dan akhirnya hilang dari Patani. Pada masa inilah patung-patung Hindu-Budha dipercayai telah dimusnahkan.⁷⁾

Muhammad Shah @ Ismail Shah telah mengadakan hubungan dengan dua buah kerajaan jiran; Melaka dan Siam. Utusan Raja Patani ke Melaka telah disambut dengan baik oleh Sultan Mahmud Shah (1488-1511), demikian juga dengan utusannya ke Ayuthaya.

Patani pada waktu ini sudah mampu menarik perhatian saudagar-saudagar timur seperti Jepun, China, Siam dan kepulauan Melayu. Pelabuhan Patani mulai ramai, dan perniagaan bertambah maju. Ekonomi Patani mulai berkembang.

Pada tahun 1511 Melaka jatuh ke tangan Portugis. Sejak itu mulailah saudagar Eropah mendatangi alam Melayu, termasuk Patani. Pada tahun 1516 Patani menerima kunjungan kapal perniagaan Portugis yang pertama yang segera mendapat izin Sultan untuk membuka gedung perniagaannya di Patani. Inilah rekod awal mengenai perniagaan bangsa Eropah di Patani yang dapat dikesan setakat ini. Seorang ahli perniagaan Portugis, Pinto, menulis pada tahun 1538: "Pada masa saya datang ke Patani dalam tahun itu saya telah berjumpa hampir-hampir 300 orang Portugis yang tinggal di dalam bandar Patani. Selain dari Portugis, didapati juga bangsa-bangsa timur seperti Siam, China dan Jepun. Orang-orang Jepun besar juga perniagaannya di dalam bandar ini."

Sultan Muhammad Shah mangkat dengan meninggalkan dua orang

7) Tidak diketahui pasti bilakah tarikh pengislaman ini berlaku. Seperti kebanyakan karya "sastera sejarah" yang lain, kitab *Hikayat Patani* juga tidak menyatakan tarikh bagi peristiwa ini. Bagaimana pun, dengan merujuk kepada Teeuw dan Wyatt, juga W. K. Che Man, pemasyurhan kerajaan Patani menjadi sebuah negara Islam disebut sebagai berlaku pada tahun 1457 (lihat W. K. Che Man "Islam in Contemporary Patani" dalam *Akademika* bil. 34 (Januari 1989, muka surat 114).


putera; Raja Muzaffar dan Raja Mansur, dan seorang puteri bernama Raja Aishah. Bagi menggantikan ayahnya, Raja Muzaffar telah dipersetujui oleh kerabat diraja dan pembesar negeri, memakai gelar Sultan Muzaffar Shah, dan adindanya, Raja Mansur, dilantik menjadi Raja Muda.

Sultan Muzaffar dan Mansur Shah

Selain dari usaha-usaha biasa seorang Raja untuk memajukan negerinya, Sultan Muzaffar juga telah melakukan lawatan keluar negeri untuk tujuan persahabatan. Beliau telah melawat negeri Siam untuk berkenalan dan bersahabat dengan rajanya, kerana pada pandangan beliau, Siam adalah jiranya yang terdekat. Sepeninggalan baginda, adiknya Raja Mansur telah memangku takhta kerajaan Patani. Setelah belayar beberapa hari, angkatan baginda tiba di muara Sg. Chao Praya, lalu mudik ke kota Ayuthaya. Malang bagi Raja Muzaffar, kunjungan baginda tidak diterima dengan selayaknya oleh Raja Siam. Raja Siam merasa taraf beliau lebih tinggi daripada Sultan Patani. Walaupun begitu, sewaktu pulang, Raja Siam sempat juga menghadiahkan beberapa hamba tawanan Burma (Pegu), 100 orang Lan Chang dan seorang gadis Siam kepada Baginda. Di Patani, hamba-hamba ini di tempatkan di sebuah perkampungan khas. Oleh sebab mereka masih beragama Budha, maka mereka telah membina rumah ibadat mereka di situ, yang dinamakan Kedi (rumah sami). Kg. Kedi ini masih wujud sampai sekarang di Patani dan dikenali dalam bahasa Thai dengan nama *Ban Di*.


Kesan layanan yang tidak sepatutnya diterima baginda daripada raja Siam ini telah meninggalkan kesan yang mendalam dalam jiwa baginda Sultan Muzaffar Shah. Apabila Burma menyerang Siam pada tahun 1563, baginda telah menerima berita ini dengan gembira. Baginda bercadang untuk niembalas kesombongan raja Siam terhadap baginda dengan cara menyerang Siam pada saat genting ini. Untuk tujuan ini baginda telah menyiapkan kelengkapan sejumlah 200 buah kapal dengan disertai oleh ribuan soldadu termasuk adinda baginda, Raja Mansur. Setibanya di Ayuthaya, angkatan baginda telah bermukim di hadapan Wad Mongkud Bangkacak. Serangan tentera Muzaffar yang dilancarkan pada waktu malam ini telah berjaya menawan istana raja Siam. Peristiwa ini berlaku pada tahun 1563 iaitu sewaktu Siam diperintah oleh Phra' Maha Cak Kapat. Bagaimanapun, Raja Siam dapat melaikan diri melalui sebuah

I. Salasilah Raja-raja Patani (Menurut *Hikayat Patani*)



Sumber: Teeuw & Wyatt (eds.) (1970). *Hikayat Patani/The Story of Patani*, The Hague: Martinus Nijhoff.
[Nota: k = Kerajaan; l = lahir, m = mangkat]

II. Salasilah Raja-raja Patani
 (Menurut *Sejarah Kerajaan Melayu Patani*)



Sumber: Ibrahim Shukri, *Sejarah Kerajaan Melayu Patani*, Matbaah Majlis Ugama Islam Kelantan, Kota Bharu, t.t.
 [Nota: X = kahwin; k = Kerajaan; m = mangkat]

jong di Raja, dan kemudiannya dapat menawan kembali istananya.

Dalam HP dikisahkan, bahawa sewaktu sedang berperang itu, baginda telah menyuruh adinda baginda pulang terlebih dahulu, dengan meninggalkan lebih kurang 1,500 orang soldadu sahaja untuknya. Sekembalinya ke Patani, Raja Mansur tidak mendengar sebarang berita mengenai abangnya, Muzaffar. Sebenarnya, sewaktu Raja Mansur berangkat pulang, Sultan Muzaffar telah mangkat secara mengejut di Kuala Sg. Chao Phra'ya dan dikebumikan di kuala sungai negeri Siam itu.

Pada waktu Muzaffar berangkat menyerang negeri Siam, permaisuri baginda sedang hamil dan masih belum melahirkan sewaktu baginda mangkat. Walaupun baginda telah mempunyai seorang anak daripada gundik, bernama Raja Bambang, namun mengikut undang-undang negeri, Raja Bambang tidaklah boleh dilantik menjadi Sultan Patani. Keputusan mesyuarat keluarga di raja dan pembesar kemudiannya mengambil keputusan memilih adinda baginda, Raja Mansur, menjadi Sultan, manakala anakanda baginda almarhum Sultan Muzaffar yang lahir setelah selesai pertabalan Sultan Mansur diberi gelaran "Patik Siam" sebagai kenangan-kenangan kepada almarhum ayahandanya yang mangkat di negeri Siam itu.

Rebutkuasa Dalam Istana (1572-1584)

Sultan Mansur Shah memerintah Patani antara tahun 1564 hingga 1572. Baginda mangkat dengan meninggalkan dua orang putera; Raja Bahadur dan Raja Bima (anak dari gundik) dan seorang puteri, Raja Aishah. Namun begitu baginda sempat berwasiat supaya anak saudaranya - anak Sultan Muzaffar Shah - iaitu Patik Siam dilantik sebagai penggantinya. Wasiat ini telah dilaksanakan oleh keluarga di Raja dan pembesar negeri, lalu Patik Siam diisyiharkan sebagai Sultan dengan memakai gelar Sultan Patik Siam. Pada waktu Patik Siam dilantik menjadi Sultan, baginda baru berusia 9 tahun, dan oleh kerana itu, pemerintahannya telah dijalankan oleh ibu saudaranya, Raja Aishah (saudara perempuan kepada Muzaffar, yang berkahwin dengan Raja Jalal - raja negeri Sai - dan yang telah dibawa pulang ke Patani setelah suaminya meninggal).

Perlantikan raja Patik Siam sebagai sultan telah menimbulkan rasa tidak senang kepada Raja Bambang - saudaranya dari keturunan gundik. Didorong oleh amarah yang amat sangat, pada suatu pagi, menjelang

waktu subuh, ketika Sultan Patik Siam sedang berada di biliknya, Raja Bambang masuk dan dengan sebilah keris membunuh Sultan Patik Siam yang baru berusia 10 tahun. Ikat terbunuh dalam peristiwa tragis ini ialah bunda saudara Patik Siam, Raja Aishah. Raja Bambang melaarkan diri dari istana, tetapi sempat dikepung. Raja Bambang mati apabila diradak dengan leming sewaktu sedang bersembunyi dalam sebuah bilik.

Peristiwa pembunuhan Sultan Patik Siam memulakan suatu zaman berdarah dalam istana Patani. Pengganti Sultan Patik Siam ialah Raja Bahadur, anak Sultan Mansur dan sepupu kepada Patik Siam. Bahadur menaiki takhta pada 1573. Pemerintahannya juga berakhir dengan peristiwa berdarah apabila baginda dibunuh oleh saudara lelakinya - Raja Bima - scorang anak gundik. Pembunuhan ini terjadi akibat suatu perselisihan saham yang berlaku antara baginda dengan Raja Bima. Pembunuhan, Raja Bima, sempat dikepung dan dibunuh. Bahadur telah meninggalkan semua anak-anak perempuan - Raja Hijau, Raja Biru dan Raja Ungu. Ketiga-tiga orang puteri ini telah ditakdirkan akan memainkan peranan penting dalam sejarah negeri Patani. Di Bawah 3 orang puteri inilah Patani menikmati zaman gemilangnya pada akhir abad ke-16 dan separuh bahagian pertama abad ke-17.

3. PATANI DI BAWAH RATU-RATU

Bermula dengan Raja Hijau, yang menaiki takhta pada 1584, negeri Patani berturut-turut diperintah oleh empat orang Raja Perempuan. Zaman ini yang dikenal dalam sejarah Patani dengan nama "Zaman Ratu-Ratu" berlangsung selama lebih setengah abad sebelum raja perempuan Patani yang terakhir, Raja Kuning, mangkat pada tahun 1651. Di bawah pemerintahan ratu-ratu inilah Patani menikmati zaman emasnya yang gah dan jaya.

Raja Hijau menjadi raja pada waktu bangsa Barat sudah mulai meluaskan perdagangannya ke dunia timur. Pada waktu ini Portugis sudah mengalahkan Melaka dan Sepanyol mulai bertapak di Filipina, terutamanya di Luzon. Seperti kerajaan-kerajaan Melayu yang lain, sekitar awal abad ke-17 ini, negeri Patani mulai terdedah kepada pengaruh dan kontak dengan negara asing, yang kesannya bukan sahaja mendatangkan kemakmuran tetapi juga dampak politik yang berpanjangan, terutamanya dengan Siam, Jepun dan Belanda.

Pada tahun 1602 Raja Hijau memberi kebenaran kepada orang Belanda mendirikan logi perdagangan mereka di Patani. Sebelum itu, sejak 1592, sudah wujud hubungan dagang secara rasmi di antara Patani

dengan Jepun apabila ratu Patani berkenan menerima mengadap wakil kerajaan Jepun pada tahun yang sama.⁸⁾ Pada tahun 1605, bangsa Sepanyol pula datang bermiaga di Patani, dan kemudian lagi, pada tahun 1612, satu lagi perjanjian dagang - kali ini dengan Inggeris pula - dimaterai.

Raja Hijau memerintah Patani sehingga 1616. Dalam zaman baginda, Patani mula diancam Siam apabila percubaan pertama Siam ke atas Patani terjadi pada tahun 1603. Serangan pertama ini dapat dipatahkan. Namun demikian, sepanjang abad ke-17, berbarengan dengan zaman makmurnya, survival Patani berada di dalam bahaya. Hubungannya dengan Siam adalah ibarat hubungan ayam dengan musang. Masa depan politik Patani pada waktu ini sangat ditentukan oleh pasang surut politik negeri Siam, juga oleh hubungan baiknya dengan negeri-negeri Melayu berjiran - Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor.

Baginda Raja Hijau sempat menggali sebatang sungai untuk tujuan pengairan kepada rakyatnya. Pada masa pemerintahannya, air Sungai Kerisik hampir tidak berguna kerana terlalu asin. Baginda telah mengerahkan rakyat supaya membuat satu terusan bermula di Sungai Kerisik dan berakhir di Kuala Temangan (dekat Kampung Perigi sekarang) bagi membolehkan air dari Sungai Patani mengalir ke laut melalui Sungai Kerisik. Dengan demikian air dari Sungai Kerisik menjadi tawar dan sawah dapat menghasilkan panennya.

Mangkat pada tahun 1616 pada usia 63 tahun. Baginda dijolokti selepasnya dengan nama *Marhum Temangan*.

Raja Biru (1616 - 1624)

Adik Raja Hijau. Baginda menjadi pemerintah Patani setelah berusia 50 tahun. Bagi menghadapi ancaman Siam yang sentiasa menghantui Patani, Raja Biru mempelawa Sultan Kelantan pada waktu itu - Sultan Abdul Kadir - membentuk satu gabungan negara Persekutuan Patani atau Negara Patani Besar bagi mewujudkan satu pakatan tentera yang padu dan kuat buat menghadapi siri-siri peperangan dengan Siam yang diperkirakan bakal terjadi pada bila-bila masa sahaja.

8) Sudah sejak tahun 1538, Fernando Mendez Pinto melaporkan terdapat ramai sekali para pedagang Jepun di Patani.

Utusan pertama Raja Patani ke istana Kelantan pada tahun 1616 (tidak lama selepas baginda naik takhta) gagal mendapat apa-apa jawapan positif daripada pihak Kelantan. Demikian juga dengan kunjungan Raja Biru sendiri ke Kelantan pada sekitar awal tahun 1617. Bagaimanapun, pada kunjungan kali keduanya ke Kelantan pada tahun 1618, Raja Biru berjaya mendapatkan persetujuan "bersyarat" daripada Sultan Kelantan.⁹ Namun demikian, gabungan ini tidak segera menjadi kenyataan kecuali setelah berlalu separuh masa bahagian pertama tahun 1619. Penggabungan ini berterusan selama 131 tahun, iaitu sehingga tahun 1750, dan merupakan penggabungan Patani - Kelantan yang paling lama dalam sejarah.¹⁰

Selain perancangan politik jangka panjang seperti ini, di dalam negerinya, Raja Biru sempat pula memperbaiki terusan yang dibina oleh kekandanya Raja Hijau. Ternyata air sungai yang melalui terusan Kuala Temangan terlalu kuat dan sering meruntuhkan tebing kaki kota istana, di samping telah menyebabkan air di kuala Sungai Kerisik menjadi tawar sehingga merusakkan bendang garam yang merupakan di antara perusahaan utama Patani. Atas perintah Raja Biru, satu tandak atau ampanan kecil dibina bagi menyekat atau memperlambangkan laluan air dari Sungai Patani ke Sungai Kerisik. Tandak ini diperbuat dengan menggunakan batu dan sehingga sekarang kampung tempat tandak ini dibina dikenal dengan nama Kampung Tandak Batu.

Kecuali itu, zaman Raja Biru juga menyaksikan usaha pembuatan tiga buah meriam besar sebagai langkah persiapan bagi menghadang serbuan Siam. Anda boleh ikuti cerita pembuatan meriam ini, sekaligus cerita-cerita lisan yang berkait dengannya, di dalam bahagian lain dalam buku ini.

Raja Biru mangkat pada tahun 1624. Baginda dikenal dengan nama *Marhum Tengah*.

9) Syarat-syarat ini ialah: Kelantan hendaklah mempunyai kawasan negerinya sendiri dengan memiliki kuasa-kuasa tertentu (otonomi) serta tidak ada apa-apa ufti atau cukai dikenakan ke atas Kelantan dalam penggabungan ini.

10) Patut disebut bahawa penggabungan ini adalah penggabungan kali kedua Kelantan di dalam Persekutuan Patani. Penggabungan kali pertama berlaku pada tahun 1502 tetapi segera berakhir pada tahun 1524.

Raja Ungu (1624 - 1635)

Baginda ialah adik Raja Biru dan bekas permaisuri Pahang. Pulang ke Patani selepas berada di Pahang selama 30 tahun berikutnya kemangkatan suaminya, Sultan Abdul Ghafur, pada tahun 1614.

Dianggap raja perempuan Patani yang paling handal dan ambisius. Zaman pemerintahannya yang tidak lama - tidak sampai satu dekad - sempat mengheretnya ke dalam dua kali peperangan besar dengan musuh tradisi Patani - Siam. Kali pertama pada tahun 1632 manakala kali kedua pada tahun 1633 tetapi berlarutan sehingga 1634. Walaupun dengan mendapat bantuan dan kerjasama pihak Belanda di Bangkok dan Betawi, namun Siam gagal merebut Patani dalam kedua-dua siri peperangan yang diperkirakan cukup besar ini.¹¹⁾

Dikatakan bahawa pertahanan ibu kota Patani pada zaman Raja Ungu unggul sekali. Sungai Patani, meskipun dalam, tetapi agak sempit. Kapal-kapal musuh yang masuk melalui kualanya yang bernama Kuala Bekah, akan terdedah kepada peluru-peluru meriam, senapang dan anak panah beracun orang Patani. Pada bahagian panitainya pula, terdapat dua buah benteng yang terkenal kebal; satu terletak ke arah barat laut ibu kota pada kuala besar, mampu menghalang musuh daripada mara ke ibu kota dari sebelah barat hingga sampai ke tebing Sungai Patani di seberang ibu kota, dan satu lagi terletak ke arah timur laut ibu kota pada Kuala Ra, mampu menyekat musuh daripada mara ke ibu kota dari arah timur.

Manakala itu, ibu kota Patani sendiri dilindungi dari sebelah timurnya oleh suatu benteng yang terkenal dengan gelaran "Benteng Raja Biru".

Untuk menghadapi serangan Siam ke atas negerinya, Raja Ungu telah menggerahkan sejumlah 23,000 orang tentera. Ditambah dengan bantuan dari Kelantan, Pahang dan Johor, angkatan ini berjumlah 30,000 orang semuanya.¹²⁾

11) Pada waktu kedua-dua serangan ini dilancar ke atas Patani, Siam diperintah oleh Prasat Thong melalui satu rampasan kuasa dengan membunuh Raja Athittayawong pada bulan September 1629. Raja Ungu yang menyifatkan Prasat Thong sebagai "berperangai buruk, pembunuhan dan pengkhianat" telah tidak mengiktiraf raja Siam yang baru ini dan disamping menolak penghantaran uflis bunga emas kepada Siam, baginda telah pula bertindak lebih jauh dengan mengisyaratkan pembebasan Patani daripada naungan Siam.

12) Lihat Abdullah Muhammad (Nakula), "Sejarah Kelantan (Beberapa Lintasan)", kertas kerja dalam *Seminar Sejarah dan Budaya Wilayah Kelantan di Kota Bharu* pada 12 -

Dengan upaya seperti ini, dua kali serangan Siam di atas dapat diatasi.

Dua tahun kemudian, 1636, Siam sekali lagi merancang akan melancarkan serangan ke atas Patani. Kali ini juga dengan janji kerjasama dan bantuan daripada Belanda. Bagaimanapun, perancangan ini dibatalkan berikutan campur tangan Sultan Rijaluddin Muhammad Shah (1612-1652) dari Kedah dan ramalan sami Budha yang mengatakan bahawa jika serangan dilancarkan, Siam akan tetap kalah dan malahan akan lebih buruk lagi. Usaha-usaha diplomatik kemudiannya diambil bagi mendamaikan Patani-Siam. Satu utusan Siam tiba di istana Patani pada tahun 1636 bagi menggesa raja Patani yang baru, Raja Kuning, supaya meminta maaf kepada kerajaan Siam serta menyambung semula pengiriman ufti bunga emas yang tertangguh pada zaman Raja Ungu. Walaupun pihak Patani berkeras dan bersikap enggan pada peringkat awal, tetapi atas nasihat Belanda, ratu Patani kemudiannya bersetuju menghantar utusan damai pada bulan Ogos 1636. Satu persetujuan dicapai apabila Patani bersetuju menceruskan pengiriman ufti bunga emas kepada Siam, manakala pihak Siam pula bersetuju melantik seorang pesuruhjaya bertaraf duta di Patani sebagai tanda persahabatan antara kedua negara.

Raja Kuning (1635-1651)

Raja Ungu mangkat pada tahun 1635, meninggalkan negeri Patani dalam suatu keadaan "damai sementara" dalam hubungannya dengan raja Siam yang serakah - Prasat Thong. Baginda yang dikenal selepas mangkatnya dengan nama *Marhum Pahang* digantikan oleh anakanda baginda daripada perkahwinannya dengan Sultan Abdul Ghafur Pahang - bernama Raja Kuning.

Pada zaman Raja Kuning, satu lagi peperangan berlaku di antara Patani-Siam. Peperangan ini terjadi pada tahun 1638 dan merupakan peperangan kali keempat di antara kedua negara sejak 1603. Kecuali *Sejarah Kerajaan Melayu Patani* oleh Ibrahim Shukri, hampir tidak ada sumber lain yang menyebut peristiwa peperangan Patani-Siam pada kali

15hb. April 1980, fasal IX, muka surat 12-13. Dalam *Dagh Register* dinyatakan bahawa Pahang dan Jobor menghantar 50 buah ghali besar dengan 5,000 orang tentera pada 14hb. November 1634 bagi membantu Patani.

ini. Difahamkan daripada SKMP bahawa perperangan pada kali ini tidak sebesar perperangan pada tahun-tahun 1632 hingga 1634 dan lebih merupakan *gimmick* politik raja Siam yang baru mengambil alih takhta (SKMP muka surat 74).¹³⁾

Padatahun 1641 Baginda berkunjung ke Ayuthaya bagi memperbaharui hubungan dua hala antara Patani-Siam. Selepas peristiwa ini, Patani tinggal aman selama beberapa waktu tanpa diganggu, sambil menikmati zaman emasnya serta menjadi sebuah negara yang sangat berpengaruh di antara kerajaan negeri-negeri Melayu pada waktu itu.

Raja Kuning bersuamikan Yang Di Pertuan Muda Johor, adinda bongsu kepada Sultan Abdul Jalil Shah III (Sultan Johor 1623-1677). Perkahwinan ini berlangsung di Patani pada tahun 1632, tidak lama selepas perperangan Patani-Siam pada tahun berkenaan.¹⁴⁾ Baginda adalah seorang yang kaya dan mempunyai sifat-sifat seorang raja yang bertanggungjawab terhadap rakyat dan negaranya. Baginda disebut mempunyai minat yang tinggi dalam perniagaan dan dikatakan memiliki kapal-kapal dagangnya sendiri yang berdagang di rantau alam Melayu di bawah kendalian seorang yang bergelar "saudagar raja". Atas inisiatif Baginda, satu kerahan tenaga secara besar-besaran telah dijayakan bagi memperdalam kuala Sungai Patani yang semakin tohor pada zamannya. Adalah dipercayai usaha ini diambil sehubungan dengan tersekatnya kapal-kapal dagang baginda keluar masuk melalui kuala sungai tersebut.

Di samping kegiatan berdagang, Raja Kuning juga dilaporkan gemar bercucuk tanam, menyebabkan "dalam masa baginda menjadi pemerintah itu tiada pernah baginda menggunakan wang hasil mahsul kerajaan buat perbelanjaan hari-hari walaupun baginda berhak menggunakan wang itu melainkan wang perbelanjaan hari-hari adalah hasil daripada jualan

13) Wood dalam bukunya *History of Siam* menyebut memang ada persiapan dibuat bagi melancarkan perang ke atas Patani pada tahun 1636 (bukan 1638), tetapi dibatalkan atas nasihat Belanda. Rujukan kepada sejarah Siam mendapat tidak ada raja Siam yang baru menaiki takhta pada tahun 1638 atau pada tahun-tahun lain dalam dekad 1630an. Siam tetap berada di bawah pemerintahan Prasat Thong sehingga apabila baginda mangkat pada bulan Ogos 1656.

14) Sesetengah sumber menyebut 1644. Dalam SKMP disebut bahawa rombongan perkahwinan yang terdiri daripada seramai 3,000 orang beserta dengan berpuluhan puluh kapal layar ini malahan sempat membantu menyekat serangan Siam ke atas Patani. Selepas istiadat perkahwinan selesai, Yang DiPertuan Muda Johor menetap di Patani.

bunga-bunga dan tanaman yang ada di dalam taman baginda sahaja" (*Sejarah Kerajaan Melayu Patani*, muka surat 72)

Kearah akhir daripada pemerintahannya, Raja Kuning terlibat dalam hubungan "tidak mesra" dengan Raja Sakti I, Datu Kelantan yang memerintah di Kota Pangkalan Datu.¹⁵⁾ Adalah dipercayai, hubungan seperti ini wujud berikutan sikap tidak puas hati Raja Sakti I terhadap Raja Kuning yang tidak mengambil apa-apa tindakan ke atas bapa saudaranya (bapa saudara Raja Sakti I) yang telah merebut haknya ke atas takhta kedatuan Kelantan. Seperti yang dituturkan dalam sejarah Kelantan, ayah Raja Sakti I, Datu Abdul Kadir (sebelumnya bergelar Sultan Abdul Kadir) mangkat dalam tahun 1632. Baginda sepatutnya digantikan oleh anaknya Raja Sakti I, tetapi hak ini segera dirampas oleh bapa saudaranya, Raja Abdullah, yang bertindak secara sewenang-wenang menaiki takhta kedatuan Kelantan, lalu membebaskan Kelantan daripada Patani, kembali memakai gelar "sultan" dan memerintah dari Kota Jelasin. Keadaan seperti ini scolah-olah meletakkan kuasa politik Kelantan kepada dua bahagian: sebahagian mengakui Raja Abdullah sebagai "sultan" dan sebahagian yang lain mengakui Raja Sakti I sebagai Datu Kelantan yang sah. Berdasarkan riwayat sejarah Kelantan, Raja Abdullah berkuasa mulai kawasan Melor dan Kota Jelasin terus ke ulu, manakala Raja Sakti I berkuasa di sekitar Kota Pangkalan Datu dan kawasan hilir serta seluruh kawasan Kelantan barat.

Sejak zaman bundanya lagi, Raja Unyu, kedua-dua tokoh ini tidak diiktiraf sebagai wakil-wakil pemerintah Kelantan yang sah, tetapi tanpa apa-apa tindakan diambil. Meskipun pada tahun 1638 ratu Patani yang baru, Raja Kuning, memberikan pengakuan bersuratnya kepada Raja Sakti I sebagai Datu Kelantan yang sah, namun "Sultan Abdullah" tetap juga dibiarkan bersultanan di Kelantan sehingga apabila baginda mangkat pada tahun 1646. Tempat baginda kemudiannya digantikan oleh adindanya Raja Abdul Rahim dengan gelaran *Sultan Abdul Rahim* yang memerintah

15) *Datu* ialah gelaran bagi pemerintah Kelantan pada waktu ini. Gelar ini diperkenalkan bagi menggantikan gelaran *Sultan* yang dihapuskan berikutan penggabungan Kelantan ke dalam Persekutuan Patani pada tahun 1619. Dalam istilah modern, gelaran *Datu* bolehlah disamakan dengan *Wali* atau *Governor* yang dilantik oleh satu kuasa pusat bagi menjadi pemerintah di mana-mana wilayah di bawah kekuasaannya.

Kelantan di dalam kawasannya dengan sangat zalim.

Pada tahap ini, Raja Sakti I khasnya dan rakyat Kelantan amnya, sedang tertunggu-tunggu apakah tindakan yang bakal diambil oleh Raja Kuning, selaku pemerintah pusat di Patani, terhadap perlakuan zalim Sultan Abdul Rahim ini. Setelah lama menunggu dan ternyata Raja Kuning bersifat "lepas tangan" dalam perkara ini, Raja Sakti I mulai merasa bahawa Raja Kuning seolah-olah sengaja membiarkan negeri Kelantan berada dalam kondisi huruhara kalaupun tidak untuk menjerumuskannya ke dalam satu kancalah perang saudara. Tersikir oleh Raja Sakti I bahawa jika sekiranya terjadi perang saudara antara baginda dengan Sultan Abdul Rahim, maka kerajaan pusat di Patani akan merasa sangat gembira oleh kerana sejak zaman bundanya lagi - Raja Ungu - memang telah ada hasrat untuk menghapuskan keturunan kedua-dua Kelantan yang lama dan menggantikannya dengan yang baru yang bersedia menerima apa-apa arahan dari pusat di samping dapat pula mengenakan semula bayaran usti dan cukai ke atas Kelantan sebagaimana halnya dengan gabungan Kelantan ke dalam Patani pada kali yang pertama dahulu.

Mulailah Raja Sakti I incengumpulkan tentera buat memberontak melawan kuasa pusatnya - Patani. Tahap pertama ke arah ini ialah melancarkan perang penyatuan ke atas Kelantan terlebih dahulu. Kira-kira pada akhir tahun 1649, baginda menyerang kota Mahligai (satu tempat dekat Melor sekarang) - tempat persemayaman Sultan Abdul Rahim. Serangan ini dilancarkan pada waktu malam, sewaktu Sultan sedang mengadakan satu pesta besar. Pada waktu itu, pintu kota dibuka untuk orang ramai keluar masuk menyaksikan pelbagai pertunjukan kesenian dan teater tradisional. Pertempuran berlangsung hingga ke pagi dan berakhir dengan Sultan Abdul Rahim mati ditikam Raja Sakti I di tepi sebuah tasik - Tasik Lelayang Mandi.

Dengan pembunuhan ini, Kelantan yang dahulunya terbahagi dua, kini kembali bersatu di bawah Raja Sakti I. Setahun kemudian, 1650, baginda menyerang kuasa pusatnya sendiri - Patani - dan menjatuhkan Raja Kuning. Selepas mengalahkan Patani, baginda berturut-turut merebut Senggora, Pathalung dan Legor.¹⁶⁾

16) Negeri-negeri atau jajahan taaluk Raja Sakti I ini kemudianya disatukan di bawah

Raja Kuning turun dari takhta pada tahun 1651, lalu berangkat dengan para pengiringnya ke negeri suaminya - Johor. Di tengah pelayaran di laut, berkebetulan pada pesisir pantai Kelantan, baginda jatuh gering dan didaratkan di Kota Pangkalan Datu. Beberapa bulan kemudian, baginda mangkat di Kelantan dan dikebumikan di Kanipung Pancor, Kemumin. Makam baginda masih ada sampai sekarang dan dikenali dengan nama "Makam Nang Cayang".

Patani Dalam Abad 17


Meskipun terbantut dengan beberapa kali perang dengan Siam, juga krisis dalaman dengan kedatuan Kelantan, namun Patani dalam abad 17 adalah sebuah negara dengan kuasa besar, berpengaruh, mewah dan makmur. Selama abad ini, orang barat sudah menerjah alam timur, membuat kontak dagang dengan mereka dan malahan menjajah mereka. Melaka diduduki Portugis seawal 1511, diikuti Belanda pada tahun 1641. Manila jatuh ke tangan Sepanyol pada 1571 dan Belanda merebut Sunda Kelapa (kemudiannya mereka ubah nama kepada Batavia) pada 1619. Dalam hal ini Inggeris agak terlambat.

Terlepas daripada akibat-akibat buruk bangsa barat ini, Patani menjadi makmur kerana kehadiran mereka. Hubungan antara negeri-negeri jadi meluas, manakala persaingan dagang antara sesama mereka telah menyebabkan keuntungan masuk mencurah-curah.

Banyak catatan ditemui mengenai Patani sekitar abad ini. Scorang penulis Belanda yang sampai di Patani pada awal abad 17, Van Neck, memuji-muji pemerintahan Raja Hijau. Katanya:

".....She has reigned very peacefully together with her councillors (whom they call *mentery*) for about 13 or 15 years, so that all her subjects are better pleased with her rule than that of the deceased king, as all food stuffs are at present very cheap there, which during

nama Patani Besar (lihat peta). Sehubungan dengan peristiwa ini sumber Siam menyebut bahawa pada tahun 1648 terjadi kekacauan di Senggora dan walaupun tindakan ke atasnya diambil, namun Senggora gagal ditundukkan. Pada tahun 1655, satu lagi percubaan dibuat bagi mengalahkan Senggora, tetapi "pan glima yang bertindak memimpin angkatan perang laut telah melarikan diri dan pulang ke Siam dengan malu" (Wood, sumber sama, muka surat 183-184).



Peta negara Patani Besar yang dibangunkan oleh Raja Sakti I (1650-1679)



Makam Raja Kuning (Nang Chayang IV) di Panchor, Kemumin, Kelantan.

the king's time were half as expensive again (so they say) as a result of the heavy exactions which were made then ...".¹⁷⁾

Scorang penulis Belanda yang lain, John Nieuhoff, yang datang ke Patani pada tahun 1660 menyebut negeri Patani pada zaman itu bersempadan dengan Pahang di sebelah selatan dan dengan Legor di sebelah utara.¹⁸⁾ Menurutnya lagi, "Legor pada waktu ini telah disatukan dengan Siam sebagai sebuah negara". Nama Patani diambil dari nama bandarnya yang terletak di antara garis lintang 7° 56' darjah dan terletak tidak berapa jauh dari laut. Penduduk Patani digambarkan sangat ramai sehingga dapat mengeluarkan 180,000 tentera dalam medan perang, manakala di kota Patani dan kawasan sekitarnya sahaja dapat mengadakan 10,000 orang tentera.¹⁹⁾

Tidak lama sebelum Nieuhoff, scorang kapten bangsa Inggeris yang melawat Patani pada masa Raja Kuning, bernama Alexander Hamilton, menulis dalam nada dan gambaran yang lebih kurang sama. Katanya: "Rakyat jelata di dalam negeri Patni pada masa itu dikira yang laki-laki (tidak termasuk perempuan) yang berumur dari 16 tahun hingga 60 tahun adalah sebanyak 150,000 orang. Penduduk di dalam bandar Patani pun terlalu ramai sehingga menjadi sebuah kota yang besar serta penuh dengan rumah yang bersesak banyaknya iaitu mulai dari kota pintu raja hingga sampai ke Kampung Bandar tiadalah keputusan rumah. Jika sekiranya seckor kucing berjalan di atas bumbung rumah-rumah itu mulai dari pangkal kota hingga ke hujungnya, boleh dijalani terus dengan tidak payah lagi turun berjalan di tanah."²⁰⁾

Mengenai perniagaan di pelabuhan Patani, Nieuhoff mengatakan bahawa negeri Patani pada waktu itu lebih berkuasa dalam bidang perkapalan

17) Lihat A. Teeuw dan Wyatt D.K., *Hikayat Patani*, Martinus Nijhoff, The Hague 1970, muka surat 242.

18) Sempadan seperti ini mengandungi negeri-negeri yang sekarang bernama Terengganu, Kelantan, Patani Asal, Senggora dan Pathalung. Gambaran ini bertepatan dengan catatan sejarah Kelantan yang menyatakan bahawa pada pertengahan abad ke-17, seluruh negeri-negeri ini disatukan di bawah "Negara Patani Besar" oleh Raja Sakti I (lihat peta).

19) J.J. Seelam "XVIIth Century Visitors to the Malay Peninsula" dalam JMBRAS jilid XII bahagian II (dipetik dari Nakula, *sumber sama*, muka surat 20).

20) Ibrahim Shukri, *sumber sama*, muka surat 77.

daripada Johor dan Pahang atau negeri-negeri lain yang berhampiran dengannya.²¹⁾ Godinho de Eredia pula, seorang Portugis kelahiran Melaka, menyebut Patani adalah sebuah bandar besar dan ibu kota bagi orang Melayu pada waktu itu (abad 17), manakala pelawat Perancis, Nicholas Gervaisé, yang melawat Patani pada tahun-tahun 1680an menyatakan: "*Patani is no more extensive than other three (Johore, Jambi and Kedah), but it is much more famous, and best known by the history of its revolutions and by the present state of its government*"²²⁾

Barangan eksport Patani pada waktu itu antara lain ialah garam, binatang ternak seperti lembu dan ayam, rempah, hasil hutan seperti kayu cendana putih dan kuning, kulit binatang, tanduk, gading gajah dan lain-lain. Manakala importnya pula termasuklah tembikar dan kain daripada China dan Jepun, kapas dan kayu manis dari Champa dan Kemboja, kapur barus dan batu geliga dari Borneo, buah pala dan bunga cengklik dari Ambon dan lain-lain. Melihat daftar ini, sangat jelas bahawa perniagaan Patani pada abad 17 bukan sahaja melibatkan negeri-negeri di alam Melayu, tetapi juga negeri-negeri Asia yang lain, termasuk Annam, Pegu dan Bengal.

Namun, segera pada akhir abad ke-17, Patani mulai kehilangan zaman emasnya. Kekuatan politik dan daya tarik pelabuhannya sebagai pusat dagang yang utama di rantau ini jadi malap dan pudar. Tempat dan kedudukannya sudah diambil orang dan para pedagang mulai beralih ke sana. Sekitar penghujung abad 17 ini Patani dicabar hebat oleh pusat-pusat dagang yang baru seperti Johor, Aceh dan Banten, juga Melaka dan Batavia yang di bawah kuasa Belanda. Akibatnya, pelabuhan Patani tinggal sepi dan terbiar.

Sebagai negara perairan, ekonomi Patani sangat bergantung kepada perniagaan. Kemerosotannya dalam bidang ini telah menyebabkan barometer ekonomi Patani pada penghujung abad 17 mulai perlahan dan menurun. Maka boleh dikatakan, sejak awal abad 18, pelabuhan Patani

21) J.J. Sechan, *sumber sama*.

22) Nicholas Gervaise, *Histoire Naturelle et Politique du Royaume de Siam*, Edisi Kedua, Paris 1960, halaman 316-317 (dipetik dari Muhammad Yusoff Hashim, *Persejarahan Melayu Nusantara*, Teks Publishing Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1988, muka surat 302).

hanya mampu bertahan menjadi salah sebuah pusat perniagaan tempatan sahaja. Dengan kemerosotan ini, ditambah kemudiannya dengan faktor-faktor politik dalam negeri yang tidak stabil dan serangan Siam yang tidak pernah mengenal lelah ke atas Patani, menjadikan Patani pada abad 18 sebuah negeri *petani* alias pertanian yang miskin dan kehilangan taring politik dan kuasa besar yang pernah dimilikinya.

4. PATANI SELEPAS RAJA KUNING

Raja perempuan Patani yang terakhir daripada dinasti lama, Raja Kuning, turun takhta pada tahun 1651 berikutan serangan Raja Sakti I dari Kelantan ke atas kuasa pusat Patani. Meskipun demikian, Raja Sakti I tidak memerintah Patani, sebaliknya menyerahkan Patani kepada putera sulongnya, Raja Bahar, yang memerintah sehingga 1670.

Bermula daripada sinilah, negeri Patani kemudiannya diperintah oleh raja-raja daripada Kelantan, negeri yang dahulunya terletak di bawah kuasa pusat Patani tetapi sekarang berbalik menjadi pemerintah negeri Patani sendiri. Sesetengah penulis menamakan zaman ini dengan nama "zaman pemerintahan raja-raja Kelantan" atau "raja-raja pemerintah Kelantandi Patani". Saya sendiri tidak cenderung menamakannya dengan nama ini oleh kerana terdapat dua orang raja dalam tempoh ini yang bukan berasal daripada keturunan Kelantan; seorang dari keturunan Kedah-Patani, manakala seorang lagi adalah seorang pemberontak yang berbuat onar dan merebut kuasa istana.

Haruslah diingat bahawa pada waktu ini negeri Kelantan masih lagi bertaraf sebuah wilayah di dalam negara *Patani Besar* (negara persekutuan yang dibentuk pada 1619 oleh Raja Biru (Patani) dan Sultan Abdul Kadir (Kelantan). Walaupun berjaya mengalahkan kuasa pusat, namun Raja Sakti I tidak pernah berhasrat mau memisahkan Kelantan daripada Patani, malah sebaliknya, seperti yang dapat dilihat sebelum ini, baginda telah pula menggabungkan wilayah-wilayah taaluknya yang lain seperti Terengganu, Senggora dan Pathalung, menjadi sebuah persekutuan yang lebih besar dalam upayanya menahan serbuah dan kemaraan bangsa Siam ke selatan.

Raja Sakti I mangkat pada tahun 1662 akibat luka-luka kerana terkena serpihan peluru meriam dalam pertempuran di laut Patani antara angkatan lautnya dengan angkatan laut Siam beberapa tahun sebelumnya. Baginda

digantikan oleh putera keduanya, Raja Omar, tetapi tidak lama. Apabila Raja Omar memutuskan untuk mengembara ke merata-rata negeri, Baginda telah menyerahkan takhta negara *Patani Besar* kepada kakandanya Raja Bahar, raja pemerintah negeri Patani. Dengan ini bermakna negara Patani Besar sekarang diperintah oleh Raja Bahar, yang memerintah dari kota Patani. Oleh kerana baginda memerintah dari Patani, maka ini menampakkan seolah-olah negeri Kelantan kembali berada di bawah kuasa pusat Patani.

Pada tahun 1670, Raja Bahar melepaskan takhta negara Patani Besar kepada permaisurinya, Raja Mas Kelantan, kerana menyertai rombongan adiknya mengembara ke Jawa. Raja Mas Kelantan memerintah sehingga 1698.²³⁾

Selepas Raja Mas Kelantan, Patani diperintah oleh anaknya Raja Mas Chayam (bukan Mas Jayam) yang ditakdirkan memerintah Patani dalam dua sessi. Sessi pertama mulai tahun 1698 hingga 1702, manakala sessi kedua mulai tahun 1716 hingga 1718. Bagi tempoh selang antara dua sessi ini - 1702 hingga 1716 - negeri Patani diperintah oleh dua orang raja - Raja Dewi (1702 - 1711) dan Raja Bendang Badang (1711-1716).

Bagi sessi pertama, Raja Mas Kelantan dimazbulkan daripada takhta oleh pembesar-pembesarnya sendiri pada tahun 1702 berikutnya sikap keras baginda dalam perkara pelaksanaan undang-undang jenayah syari' di dalam negeri. Baginda dikenal sebagai seorang raja yang tegas dan tidak mengenal tolak ansur. Mana-mana pesalah yang thabit kesalahannya dihukum tanpa kecuali. Keadaan ini telah menyebabkan timbul perasaan gelisah di kalangan pembesar yang berkepentingan dan berakhir dengan tindakan diambil bagi memecat baginda.

Kekosongan takhta negeri Patani kemudiannya ditawarkan kepada Dato' Bendaraha Bendang Badang, tetapi beliau menolaknya. Kerana penolakan ini, para pembesar kemudiannya bersepakat menaikkan Raja

23) Unsururaya para sejarawan menganggap raja perenpuan Patani yang memerintah pada akhir abad 17 ialah Raja Kuning. Berdasarkan riwayat sejarah Kelantan ini jelas bahawa Raja Kuning mangkat di Kelantan pada pertengahan abad 17 dan tempatnya diambil oleh seorang raja laki-laki, iaitu Raja Bahar. Kenyataan ini diperkuat oleh keterangan Nieuhoff yang berkunjung ke Patani pada 1660 yang menyatakan bahawa Patani pada waktu itu diperintah oleh seorang raja laki-laki (lihat Nakula, *sumber sama*, muka surat 23)

Dewi ke atas takhta. Raja Dewi, seperti dikenal dari namanya, adalah juga seorang raja perempuan dan dikenali dalam sejarah Patani dengan nama *Phra Chao* (bahasa Siam yang bermaksud Raja Perempuan). Baginda ialah anak salah seorang kerabat D'Raja Kedah yang melarikan diri ke Patani pada masa Aceh menyerang Kedah pada tahun 1619 dan kahwin dengan seorang warga Patani. Setakat ini tidak jelas apakah hubungan baginda dengan kerabat D'Raja Kelantan yang memerintah Patani sehingga membolehkan baginda dilantik menjadi raja Patani menggantikan Raja Mas Kelantan yang terkenal keras.

Namun pemerintahan Raja Dewi juga berakhir dengan peristiwa turun takhta. Kejadian ini berlaku pada tahun 1711. Sebab-sebab terjadinya peristiwa ini masih juga berkait dengan faktor pembesar negeri. Kali ini atas sebab-sebab hasad dengki pula. Bagi menyelamatkan keadaan, Dato' Bendahara Bendang Badang yang telah menolak tawaran takhta pada kali pertama dahulu, kali ini terpaksa menerima. Baginda yang nama tubuhnya Long Baha (tanpa "r"),²⁴⁾ memerintah Patani dalam dua situasi; antara 1711 hingga 1713 selaku raja dengan kuasa penuh, manakala selepas 1713 disebut sebagai "raja pada nama" sahaja.²⁵⁾

Pada tahun 1715 Raja Bendang Badang dipanggil menjadi Raja Kelantan berikutan kemangkatan mertuanya Raja Sakti II pada tahun yang sama. Baginda memerintah di kota Pangkalan Datu sehingga apabila baginda mangkat pada tahun 1733 dalam suatu perang saudara di antara baginda dengan anak saudaranya - Long Muhammad.

Zaman pendek selama 11 bulan selepas Raja Bendang Badang diisi oleh Raja "pemberontak" Laksamana Dajang yang langsung mengambil alih takhta Patani berikutan kepulangan baginda ke Kelantan. Tidak lama

24) Lebih dikenali di Kelantan dengan nama *Raja Tuan Besar*. Baginda ialah anak Wan Daim yang pernah dilantik oleh Raja Mas Chayam menjadi Datu Jambu dan bergelar Dato' Pangkalan.

25) Tidak jelas kenapa gambaran seperti ini boleh berlaku dalam sebuah sistem politik Melayu tradisional yang biasanya sangat terikat kepada raja dan istana. Berdasarkan perkembangan yang berlaku selepasnya, sangat mungkin keadaan ini terjadi kerana ulah Raja Laksamana Dajang yang memberontak dan menguasai pembesar istana, tetapi belum berani memakzulkan Raja Bendang Badang (begitu baginda dikenali kemuadianya) dan menggantikannya dengan dirinya sendiri. Walaupun demikian, beliau dipercayai telah mengambil alih kuasa dan memerintah di belakang tabir.

selepas "bertakhta", Raja Laksamana Dajang terlibat dalam usaha-usaha penyingkirkan oleh para pembesar. Selepas tidak tahan menghadapi penentangan-penentangan ini, baginda lari ke Senggora, tetapi berjaya dikejar dan dibunuh di Chenak (Thai: *Cha Na*)

Selepas peristiwa ini, Raja Mas Chayam kembali menjadi Raja Patani - 1716. Tetapi kali ini baginda tidak sempat berlama-lama memerintah, kerana segera selepas dua tahun, 1718, baginda meninggal dunia.²⁶⁾


26) Tarikh tahun 1718 sebagai tahun mangkat raja Mas Chayam ini diambil daripada sumber Patani-Kelatan, dan "disedari" sangat berbeza daripada tarikh yang banyak disebut oleh penulis-penulis sebelum ini - 1725 atau 1726 atau 1728. Adalah dipercayai, kecenderungan mentarikhkan tahun selepas 1725 sebagai tahun mangkat Raja Mas Chayam ini dibuat berdasarkan alasan bahawa pertabalan Tun Zainal Abidin menjadi Sultan Terengganu berlaku pada tahun 1725, dalam mana dinyatakan bahawa bagi maksud upacara pertabalan ini Raja Mas Chayam, selaku bonda angkatnya, ada mengurniakan sebilah pedang dan sebilah keris panjang bernama *Keris Panyang Mas Chayam* untuk dijadikan alat kebesaran kerajaan Terengganu turun temurun. Adalah tidak mungkin bagi Raja Mas Chayam untuk menganugerahkan alat-alat kebesaran ini jika baginda sendiri pada masa yang sama telah meninggal dunia.

Sebenarnya, setelah diperiksa, kebanyakannya sumber yang menyatakan pertabalan di atas berlaku pada tahun 1725, adalah dibuat berdasarkan kepada maklumat Raja Ali Haji dalam bukunya *Tuhfat al-Nafiz* yang menyebut bahawa setelah selesai peperangan di Riau antara Upu Dacang Merewah dengan Raja Kechil Siak, maka Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah, Johor (1718-1760) serta Yang DiPertuan Muda menitahkan Raja Tua - Dacang Menambun - datang ke Terengganu kerana melantik Tun Zainal Abidin menjadi raja Terengganu dengan gelaran Sultan Zainal Abidin. Oleh kerana perang yang dimaksudkan berlaku pada tahun 1725, maka menasabahlah jika peristiwa pertabalan di atas berlaku pada tahun yang sama atau pada tahun selepasnya (1726).

Tetapi menurut sumber riwayat tradisi Patani, Kelantan dan malahan Terengganu sendiri, penobatan Tun Zainal Abidin menjadi Sultan Terengganu tidak dilakukan oleh Johor, tetapi oleh Patani. Dinyatakan dalam riwayat-riwayat ini bahawa baginda *Nang Chayang* memerintahkan orang-orangnya supaya berlengkap kerana hendak ditabalkannya Zainal Abidin menjadi Sultan Terengganu. Menurut sebuah sumber Terengganu, terdapat catatan yang menyatakan bahawa peristiwa ini berlaku pada kira-kira tahun 1114 Hijriyah (bersamaan 1702 M). Tarikh yang sama juga pernah diberi oleh Abdullah Nakula dari Kelantan walaupun beliau tidak menyebut "ditabalkan" tetapi "mengisyiharkan dirinya sebagai raja dengan mengambil gelaran *sultan*" (lihat Misbaha, *Terengganu Dari Bentuk Sejarah*, Utusan Publication & Distributors, Kuala Lumpur 1978, muka surat 102 dan Abdullah b. Mohamed (Nakula) "Zaman Awal Kelantan: Negeri Tersembunyi Dalam Sejarah Malaysia" dalam *Adabi* 78, muka surat 118). Tarikh yang diberi oleh dua sumber ini bertepat dengan zaman Raja Mas Chayam menaiki takhta Patani bagi sessi pertama, iaitu sehingga 1702.


III: RAJA-RAJA PATANI DARIPADA DINASTI KELANTAN

Abu Muzaffar Wiliyullah
(*Wan Abul Muzaffar*)



Sumber: Abdullah Mohamed (Nakula), *Keturunan Raja-raja Kelantan dan Peristiwa-peristiwa Bersejarah*, Kota Bharu 1981.

**IV: Salasilah Raja-raja Patani dan kaitannya dengan Kelantan
(bandingkan juga dengan Salasilah III)**



Sumber: Nakula, *ibid.*

Baginda tidak pernah bersuami walaupun dilaporkan cantik dan sangat pintar. Sifat-sifat tegas dan berani yang dimilikinya selama menjadi raja disebut sebagai di antara penyebab yang menghambat beliau daripada bersuami atau menemukan seorang suami yang layak. Seorang adinda baginda, Nang Rugayah, kahwin dengan seorang bangsawan Johor yang berlindung di Patani dan yang diambil menjadi anak angkatnya, bernama Tun Jenal (Tun Zainal Abidin), anakanda kepada Bendahara Seri Maha-

Selain dari ketepatan tarikh ini, alasan juga dapat dilihat pada kedudukan Tun Zainal Abidin pada masa itu sebagai anak angkat sekaligus ipar Raja Mas Chayam, juga status negeri Terengganu sendiri yang sehingga awal abad ke-18 disebut dalam sumber-sumber Patani sebagai masih terletak di dalam lingkungan negara Patani Besar bersama-sama dengan Kelantan. Menurut sumber ini, perpisahan negeri Terengganu daripada Patani Besar bermula pada masa akhir pemerintahan Raja Mas Kelantan memerintah Patani, iaitu kira-kira beberapa bulan sahaja selepas baginda mangkat pada tahun 1698. Pada waktu itu, atas sebab-sebab yang tidak jelas, Raja Mas Kelantan telah bertindak membahagikan negeri Kelantan kepada dua bahagian; Kelantan Barat dan Kelantan Timur dengan Sungai Kelantan yang lebaik itu menjadi sempadananya. Wilayah Kelantan Barat diserahkan kepada Tuan Sulong yang kensudian membangunkan ibu kotanya yang baru, Kota Kubang Labu antara tahun-tahun 1701 hingga 1704, manakala Wilayah Kelantan Timur digabungkan kepada Terengganu. Pada waktu pembahagian ini dibuat, Tun Zainal Abidin telah dilantik menjadi Datu Terengganu oleh Raja Mas Kelantan (kira-kira dalam tahun 1694). Jika maklumat sumber ini benar, maka bolehlah difiksirkan bahawa apa yang dilakukan oleh Raja Mas Chayam hanyalah sekadar meng^{confirm} apa yang telah dibuat oleh bondanya sahaja. Menurut keterangan, satu angkatan iring-iringan orang Patani dalam jumlah yang cukup besar dikirim oleh Ratu Patani ke Terengganu bagi memeriahkan istiadat yang sangat gilang gemilang ini. Selepas peristiwa ini, Terengganu perlahan-lahan membentuk identiti yang tersendiri, bebas dan merdeka daripada induknya Patani, dan selama abad 18 berikutnya, terlibat dalam pertelingkahan politik dengan Kelantan yang terpaksa berhenias pulas berjuang mendapatkan wilayah Kelantan Timur yang digabungkan kepada Terengganu.

Kegagalan Misbaha menentukan bahawa *Nang Chayang* yang dimaksudkan dalam catatan Terengganu adalah *Raja Mas Chayam* hanyalah semata-mata kerana kekeliruan untuk membezakan antara Raja Kuning dengan Raja Mas Chayam. Beliau nampaknya sama seperti kebanyakan penulis yang lain, cenderung berpendapat bahawa Raja Kuning memerintah Patani sehingga 1686 atau 1688. Kerana kecenderungannya yang seperti ini, maka bagi beliau, keabsahan catatan yang mengatakan bahawa *Nang Chayang* ada mengambil peranan seniasa hayatus dalam perkara perlantikan Sultan Zainal Abidin I "adalah menimbulkan kesangsian". Walau bagaimanapun, beliau mengakui tentang "kemungkinan benarnya cerita *Nang Chayang* menjadikan Sultan Zainal Abidin I anak angkatnya" (Misbaha, *sumber sama*, muka surat 101)

Bagi saya, jika Misbaha jelas bahawa *Nang Chayang* yang dimaksudkan bukan Raja Kuning, tetapi Raja Mas Chayam, kesangsian beliau mungkin berakhir.

raja Tun Habib Abdul Majid gelar Marhum Padang Saujana.

Selepas mangkatnya Raja Mas Chayam digantikan oleh Raja Along Yunus, putera bongsu kepada Raja Long Nik (saudara Raja Long Baha @ Raja Bendang Badang). Pemerintahan baginda agak lama tetapi berakhir dengan sangat tragis apabila baginda mati ditembak oleh Dato' Pangkalan Pauh berikutnya satu pertelingkahan keluarga. Peristiwa ini berlaku pada tahun 1729 atau menurut sesetengah sumber 1727.

Selepas peristiwa ini, Patani diperintah oleh Raja Yunus, saudara sebapa kepada Raja Along Yunus, bergelar Sultan Yunus. Baginda ialah bekas Datu Charakan dan anak kepada Raja Long Baha (*Raja Bendang Badang* di Patani dan *Raja Tuan Besar* di Kelantan) dengan isteri keduanya Raja Pah, anak Raja Sakti II. Jadiya baginda tidak lain ialah sepupu kepada Raja Along Yunus yang mati ditembak dan bapa saudara kepada Long Yunus, bakal pembangun dinasti raja-raja Kelantan yang ada sekarang pada bahagian kedua abad kelapan belas. Baginda memerintah sehingga 1749 apabila sekali lagi berlaku pembunuhan ke atas pemilik takhta Patani. Pembunuhan ini dilakukan oleh Datu Pujud, Long Nuh (sebenarnya sepupu baginda sendiri), dengan sangat rahasia sekali.²⁷⁾

Mendengar berita penibunuhan ini, adinda Baginda, Raja Long Sulaiman yang memerintah di kota Pangkalan Datu, Kelantan, datang ke Patani menemui Raja Long Nuh, bertanyakan kalau-kalau Long Nuh dapat membantunya mencari pembunuh Sultan Yunus. Sambil menitiaskan "air mata buaya", Raja Long Nuh meminta maaf kepada sepupunya Raja Long Sulaiman kerana tidak terdaya mengesan jejak pembunuh Sultan Yunus.

Long Sulaiman pulang ke Kelantan Timur lalu membentuk satu kumpulan kecil tentera buat menyiasat pembunuhan saudaranya. Khuatir kalau-kalau kejahatannya akan ketahuan, Raja Long Nuh yang memang bersalah, menjemput Long Sulaiman ke Pujud dalam tahun 1750 lalu menyerahkan wilayah Kelantan Barat kepada Long Sulaiman. Dengan penyerahan ini Raja Long Sulaiman kembali menjadi raja *seluruh*

27) Peristiwa pembunuhan ke atas Sultan Yunus, Patani, telah menyebabkan negeri Kelantan berpisah daripada Patani Besar, menjadikannya negeri terakhir yang keluar daripada persekutuan yang dibangunkan pada pertengahan abad 17, selepas dimulakan oleh Senggora, Pathalung dan terakhir, Terengganu.

Kelantan yang merdeka dan bebas daripada kuasa pusat Patani.

Selepas daripada peristiwa ini, Long Nuh mengambil alih pemerintahan Patani yang telah mengecil dan mengisytiharkan dirinya menjadi raja Patani, memerintah di kota Pujud, satu tempat tidak jauh di selatan kota Patani. Baginda memerintah sehingga 1771 apabila baginda mangkat dan tempatnya digantikan oleh anaknya Raja Bakar. Raja Bakar mangkat pada 1774 selepas tidak lama memerintah.

Raja Patani yang terakhir sebelum kejatuhannya kepada Siam ialah Long Muhammad bergelar Sultan Muhammad. Baginda ialah anakanda kepada Raja Bakar dan memerintah Patani mulai 1774 sebelum terbunuh dalam perang menentang Siam pada tahun 1785.

Kemerosotan Patani

Mulai pada separuh bahagian kedua abad 17, Patani adalah sebuah kuasa yang sedang mengalami proses menurun. Meskipun tinggal aman selama hampir satu abad menjelang kejatuhannya pada tahun 1785, namun Patani dengan segala faktor perpecahan wilayah dan krisis pucuk pimpinan (baca: takhta), telah menjadi "orang sakit di Semenanjung Melayu" selama abad ke-18 berikutnya.

Perang yang terakhir antara Patani - Siam kerana soal keengganan membayar usti terjadi dalam tahun 1638.²⁸⁾ Sejak tarikh ini, sehinggalah apabila Patani jatuh ke tangan Siam pada 1785, tidak ada lagi perang di antara kedua negara kerana usti-usti itu selalu dibayar. Meskipun demikian, pembayaran ini dihentikan oleh Patani pada tahun 1767 apabila Ayuthaya, ibu kota Siam yang lama, jatuh ke tangan Burma. Kerana kejatuhan Ayuthaya ini, Patani menjadi bebas daripada naungan Siam sehingga 1785.

Ketiadaan serangan Siam yang dianggap musuh tradisi bersama, telah menyebabkan negara Patani Besar berpecah. Perpecahan ini dimulakan

28) Tarikh ini menurut Ibrahim Shukri dalam bukunya *Sejarah Kerajaan Melayu Patani*, muka surat 74-75. Seorang penulis sejarah Kelantan, Abdullah Nakula, menyebut perang terakhir Patani-Siam ini sebagai berlaku pada tahun 1682 (lihat Nakula, *zumer sama*, muka surat 33), manakala Leonard Andaya pula menyebutnya pada tahun 1709 (lihat Leonard Andaya, *Kerajaan Johor 1641-1728*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1987, muka surat 284-285).

oleh Senggora pada tahun 1679, diikuti tidak lama kemudian oleh Pathalung. Pada awal abad ke-18, seperti yang dapat dibaca pada catatan kaki sebelum ini, apabila Terengganu pula berpisah berikut perlantikan Tun Zainal Abidin menjadi Sultan Terengganu, maka negara Patani Besar hanya diwakili oleh Patani Asal dan negeri Kelantan sahaja lagi. Kelak kemudiannya, apabila negeri Kelantan pula merdeka pada pertengahan abad ke-18, seperti yang dilihat di atas, maka negeri Patani kembali memiliki tanah asalnya, dengan sempadan-sempadan lama negeri Senggora di sebelah utara dan negeri Kelantan di sebelah selatan. Sebelum itu, dalam satu perkembangan yang lain, Legeh, sebuah wilayah Patani yang terletak di antara Sai, Reman dan Kelantan, telah juga berlepas diri dari Patani. Peristiwa ini berlaku pada tahun 1745 apabila Legeh dikuasai oleh Long Abdul Rahman Baginda (biasa disebut Long Deraman) selepas melancarkan satu rampasan kuasa ke atas Datu Legeh yang lama.

Tidak syak lagi, perpecahan wilayah seperti ini, ditambah dengan ketiadaan tokoh yang karismatik telah menyebabkan negeri Patani terdedah kepada pelbagai faktor ketidakstabilan politik dan kemerosotan ekonomi. Inilah wajah sebenar Patani pada beberapa dekad terakhir menjelang kejatuhannya kepada Siam pada tahun 1785. Dengan semua perkembangan ini, Patani benar-benar menjadi sebuah negara yang mengecil - mengecil dari segi tanah milik, mengecil dari segi kuasa dan pengaruh, pun juga mengecil dari segi kekuatan ketenteraan.

Malang bagi Patani, kerana hampir serentak dengan kemerosotan ini, Siam berjaya bangkit semula daripada kejatuhanya di tangan Burma. Di bawah pimpinan seorang tokoh bernama Taksin, Siam muncul lagi menjadi sebuah negara yang bersatu dan kuat, yang bukan sahaja mampu mengusir pendudukan Burma tetapi malahan menundukkan negeri-negeri (baca: wilayah) yang selama pendudukan Burma, mengisytiharkan bebas daripada kuasa pusat Ayuthaya.

Selaras menundukkan semula Ayuthaya pada 1768 dan menawan kembali Chiangmai pada 1775, negeri Siam hampir seluruhnya dapat direbut kembali dan disatukan. Menjelang 1776, Taksin berjaya mengusir keluar semua saki baki tentera Burma daripada Siam, kecuali di wilayah Tavoi dan Tenasserim yang sehingga sekarang tetap kekal menjadi sebahagian wilayah Burma (sekarang Myanmar).

Meskipun kemudian Taksin dimakzulkan pada tahun 1782 kerana dituduh "tidak waras" dan Siam digantikan oleh Rama Tibodi dengan gelar Rama I, namun Siam pada waktu ini adalah Siam yang telah sepenuhnya dipulihkan. Selepas menyatu di bawah satu kekuasaan pusat yang baru, Bangkok, Siam meneruskan kempen lama mereka ke arah negeri-negeri Melayu di selatan.

Akan mampukah Patani, dengan kekuatannya yang telah sirna dan kali ini pula tanpa tenaga-tenaga sekutu yang membantu, menghadapi musuh tradisinya yang terkenal buas ini?

(ii)

PATANI DI BAWAH SIAM

11. *Leptodora* *hirsutum* L.

12. *Leptodora* *hirsutum* L.

13. *Leptodora* *hirsutum* L.

14. *Leptodora* *hirsutum* L.

15. *Leptodora* *hirsutum* L.

16. *Leptodora* *hirsutum* L.

17. *Leptodora* *hirsutum* L.

18. *Leptodora* *hirsutum* L.

5. PATANI ALAH KEPADA SIAM

Upaya Siam menakluk Patani bermula pada tahun 1603. Entah kerana sakit hati disebabkan Patani pernah menyerang Ayuthaya pada tahun 1563, entah kerana irihati atas kemakmuran yang dinikmati Patani selama abad 17 dan bahagian pertama abad 18, Siam tetap menjadikan "kempen" penaklukan ini sebagai suatu agenda politik jangka panjangnya yang tetap dan berterusan. Kempen ini sambung bersambung dari seorang raja kepada seorang raja yang lain, sehingga apabila Patani jatuh pada tahun 1785. Jumlah keseluruhan masa yang diambil bagi menjayakan kempen ini ialah 182 tahun.

Pada waktu serangan pertama dilancarkan pada tahun 1603, Patani sedang diperintah oleh Raja Perempuan Patani yang pertama - Raja Hijau.

Pada waktu ini Patani sangat makmur. Kuasanya melebar hingga ke Kelantan dan Terengganu. Kecuali Johor, tidak ada Negeri Melayu lain di belahan Timur Semenanjung Melayu yang memiliki kemakmuran dan kekuatan setanding Patani. Kuala sungainya - Sungai Patani - menjadi laluan dagang senteri hilir mudik membawa dagangan masuk dan keluar Patani. Pada 7hb. November 1601 misalnya, seorang Belanda bernama Jacob van Neck dilaporkan sampai ke Patani dengan dua buah kapal dagang, *Amsterdam* dan *Gonds*. Setahun kemudian, 1602, Raja Perempuan Patani membenarkan orang Belanda mendirikan loji perdagangannya di Patani. Sebelum itu, pada tahun 1592, Raja Patani menerima mengadap wakil Kerajaan Jepun yang datang meminta keizinan baginda untuk membuka perniagaan di Patani. Hubungan antara Patani - Jepun ini kemudiannya jadi mesra apabila Ratu Patani mengirim utusan ke Jepun berturut-turut pada tahun 1599 dan 1606.

Serangan pertama Siam ke atas Patani dipimpin oleh Panglima Okya Dicha. Sebuah angkatan laut Siam lengkap dengan beribu-ribu orang tentera dan kelengkapan perang bertolak dari Ayuthaya bagi memenuhi hasrat Raja Siam waktu itu, Phra Naresuan, untuk menakluk Patani. Serangan ini bagaimanapun dapat dipatahkan oleh Patani dengan bantuan tenaga-tenaga asing yang bermiaga di Patani pada waktu itu.


Menyedari adanya ancaman Siam ke atas kemerdekaan Patani, Raja Perempuan Patani yang Kedua, Raja Biru (1616-1624), menggerahkan kawalan keselamatan yang ketat ke atas Patani. Pada masa bagindalah usaha-usaha pembuatan meriam besar telah dilakukan. Sejumlah tiga laras meriam, masing-masing diberi nama *Seri Negara*, *Seri Patani* dan *Mahalela* telah dapat disiapkan oleh sekumpulan tukang dengan diketuai oleh seorang tukang berbangsa Cina bernama Lim Tau Kin.

Namun, meskipun dengan persediaan dan kawalan yang ketat seperti ini, serangan kedua Siam tidak pernah muncul pada zaman Raja Biru. Serangan ini tidak terjadi kecuali setelah berlalu hampir 30 tahun selepas serangan pertama. Pada waktu serangan ini terjadi, Raja Biru yang sentiasa "waspada" telah mangkat dan Patani diterajui oleh Raja Perempuan Patani yang ke-3 - Raja Ungu.

Serangan kedua ini terjadi pada tahun 1632, juga dengan diketuai oleh Okya Dicha. Sebelum melancarkan serangan, Siam telah terlebih dahulu menghubungi Belanda di Betawi (Batavia) bagi mendapatkan bantuan. Belanda bersetuju, tetapi sehingga serangan dibuat ke atas Patani, Siam tidak pernah menerima bantuan yang dijanjikan.

Sementara itu, di pihak Patani pula, orang Melayu telah dapat mengusir serangan ini berkat kekuatan 3 laras meriam besar yang disediakan oleh Raja Biru sebelumnya, ditambah dengan tenaga tiga ribu rakyat Terengganu yang secara kebetulan berada di Patani kerana menyertai rombongan Yang di Pertuan Muda Johor meminang anak raja Ungu yang bernama Raja Kuning (perkahwinan telah terpaksa ditangguhkan sehingga perang selesai. Selepas berkahwin Yang Dipertuan Muda Johor tidak pulang ke Terengganu, tetapi menetap di Patani).

Kecewa dengan kegagalan ini, Siam sekali lagi melancarkan serangan pada tahun berikutnya, 1633 atau menurut sesetengah sumber 1634, di bawah pimpinan Phya Phra Khlang. Pada waktu ini Raja Siam yang lama telah digantikan dengan Prasat Thong, iaitu seorang yang lebih dapat dianggap sebagai "perampas" daripada seorang raja yang sebenar, tetapi juga yang punya ambisi yang sama terhadap Patani. Serangan ini dibuat dalam jarak masa yang dekat kerana Siam beranggapan bahawa Patani masih "belum pulih" daripada luka-luka serangan dahulu. Sebaliknya pada pihak Siam, sekali lagi persetujuan dicapai dengan Belanda di



Peta Semenanjung Melayu abad ke-17, menunjukkan Negeri Patani terletak jauh di sebelah selatan kerajaan Thai (peta diambil dari buku *History of Thailand*, Bangkok).

Betawi bagi mendapatkan bantuan. Dipendekkan cerita, perang ketiga Siam - Patani pun terjadilah. Tetapi sekali lagi Siam gagal; kerana beberapa sebab; pertahanan Patani yang kuat, kekurangan bekalan makanan serta wabak penyakit di pihak Siam dan kelewatan tiba bantuan yang dijanjikan Belanda (bantuan sampai setelah angkatan Siam berangkat pulang). Di sebaliknya pula, pihak Patani mendapat bantuan daripada negeri-negeri Melayu seperti Johor dan Pahang.

Raja Ungu mangkat dua tahun kemudian - 1635, digantikan oleh puterinya Raja Kuning. Baginda (Raja Kuning) adalah seorang raja yang masyhur bijak dalam sejarah kesultanan Patani, banyak membuat pembaharuan dan kemajuan kepada rakyat, melibatkan diri dalam perniagaan dan merupakan raja perempuan Patani yang keempat dan terakhir daripada dinasti lama memerintah Patani. Sumbangan baginda yang kekal disebut orang sehingga sekarang ialah usahanya memperdalam kuala Sungai Patani bagi membolehkan kapal-kapal besar masuk berlabuh membawa dan mengangkut dagangan.

Pada masa baginda menjadi raja, Siam sekali lagi menyerang Patani (serangan kali keempat). Serangan ini berlaku pada tahun 1638. Pimpinan serangan kali ini dipegang oleh Pesuruhjaya Siam yang memerintah Negeri Ligor, bergelar "Oky Sena Phimok". Pesuruhjaya ini asalnya seorang berbangsa Jepun bernama Yamada, tetapi telah lama menetap di Siam dan menjadi pegawai tentera yang berkhidmat kepada raja Siam. Oleh kerana jasa-jasanya yang banyak maka raja Siam telah melantiknya menjadi Pesuruhjaya Ligor.

Serangan kali keempat ini juga gagal.

Selepas serangan ini, Patani tinggal aman selama hampir satu setengah abad. Selang masa yang lama ini telah menyebabkan Patani "alpa" kepada musuh lamanya. Selain dari itu berbagai kelemahan dialami Patani selepas masa-masa gemilang yang dicapainya dalam masa pemerintahan ratu-ratu berempat dan terutamanya pada masa pemerintahan Raja Kuning yang relatif panjang.

Dalam sejarah Patani, tempoh antara tahun selepas kemangkatan Raja Kuning dengan tahun kejatuhan Patani ke tangan Siam dikenali sebagai tahun-tahun "serba tidak menentu". Selama tempoh ini Patani tidak pernah mempunyai keturunan raja yang tetap. Seorang raja dilantik,

tetapi kemudian seorang raja lain pula menggantikannya. Keadaan seperti ini telah menyebabkan tumpuan tidak dapat diberikan bagi memaju dan memperkuatkan ekonomi serta pertahanan Patani. Masa habis dalam perselisihan faham dan rebut kuasa. Tidak terkecuali pemberontakan dan pembunuhan sesama sendiri. Menurut kajian terdapat sejumlah 11 orang raja pemerintah Patani (termasuk Raja Mas Chayam yang menjadi raja dua kali) di antara tempoh tahun 1651 hingga tahun 1785 ini.

Menurut Ibrahim Shukri dalam bukunya *Sejarah Kerajaan Melayu Patani* (muka surat 81-91), latarbelakang serangan Siam kali ini dapat dikesan seawal tahun 1767 lagi, iaitu apabila Ayuthaya ditawan oleh orang-orang Burma. Ekoran daripada penaklukan ini, beberapa orang raja kecil telah mengambil kesempatan mengisyiharkan kemerdekaan negerinya masing-masing daripada kekuasaan pusat, termasuk Raja Ligor di selatan. Bagi mengatasi bahaya perpecahan ini, Siam berusaha sedaya upaya menyatukan semula pemerintahan negaranya di bawah satu kuasa pusat yang kuat dan bersatu. Usaha ini berjaya kerana pada waktu yang sama, muncul seorang tokoh bernama Taksin yang berjaya mengusir pendudukan Burma di Ayuthaya dan sekaligus menyatukan kembali Siam. Raja-raja kecil yang memberontak ditundukkan, tetapi tidak Raja Ligor. Bagi mengalahkan Ligor, satu serangan secara besar-besaran dilancarkan, yang memaksa Raja Ligor lari ke Senggora. Di Senggora baginda tetap diekori oleh pasukan Taksin, menyebabkan baginda lari ke negeri yang lebih ke selatan lagi, iaitu Patani. Di Patani baginda meminta perlindungan politik daripada Sultan Patani waktu itu - Raja Long Nuh.

Malang bagi Patani kerana pelarian Raja Ligor tetap dijejak oleh pasukan Taksin. Pada kira-kira penghujung tahun 1769, rombongan Taksin tiba di Sungai Tibor (sempadan Patani - Senggora) lalu menghantar utusan ke Patani pada bulan Disember tahun yang sama meminta supaya Raja Ligor diserahkan kepadanya. Permohonan di terima, dan sejak itu negeri Ligor atau Nakhorn Sri Thammarat kembali menjadi wilayah Negeri Siam.

Meskipun demikian, namun Siam tetap cemburu kepada Patani. Apabila Burma sekali lagi menyerang bahagian Utara Siam pada tahun 1776, Siam "cuba" meminta bantuan Patani. Permintaan ini lebih berupa pancingan atau untuk "mengukur hati" Raja Patani daripada untuk

mendapat bantuan sebenar. Patani menolak, dan sejak itu Siam bersikap "menunggu waktu" bagi membaham Patani. Peluang ini kemudiannya terbuka pada tahun 1784 apabila Burma menyerang Ligor pula. Selepas berjaya mengusir Burma daripada Ligor, "pandang mata" Siam jatuh ke Patani.

Dipendekkan cerita, Siam menyerang Patani pada tahun 1785. Kerana lama tidak diserang, Patani hidup dalam lalai dan leka. Dengan kubuk-kubu pertahanan yang telah lama terbiar, askar-askar yang tidak terlatih serta dengan persiapan logistik yang tergesa-gesa dan kelam-kabut, Patani berusaha menyelamatkan negaranya daripada terkaman singa Nanchao ini. Namun betapapun tenaga dikerah, Patani kalah dalam pusingan terakhir ini. Sultan Patani, Sultan Muhammad Shah, tewas di medan tempur. Sebaliknya panglima perang Siam, Phraya Kalahom Rachina dan Phraya Sibakorn, berjaya membawa balik kemenangan kepada Raja Siam selepas gagal dalam kempen menakluk Patani sejak dimulakan lebih satu setengah abad sebelumnya. Pada waktu kemenangan ini dicapai, Siam diperintah oleh Raja Rama Thibodi atau lebih dikenali dengan nama "Rama I", iaitu pengasas kepada dinasti raja-raja Rama yang memerintah Thai sekarang.

Kedah yang "kecut hati" melihat kejatuhan Patani di depan matanya segera membuat perjanjian "memajak" Pulau Pinang kepada Inggeris pada tahun berikutnya, 1786, dengan janji bahawa Inggeris akan melindunginya daripada ancaman Siam.


Mampukah Kedah menghadapi ancaman Siam? Atau bersediakah Inggeris melindungi Kedah daripada ancaman ini? Jawapan bagi pertanyaan ini alangkah merupakan suatu permasalahan sejarah yang lain pula. Bagaimanapun adalah jelas bahawa kejatuhan Patani telah mengubah warna sejarah dan masa depan politik negeri "Merong Mahawangsa" ini.

6. PATANI DIBAHAGI-BAHAGI

Sebelum jatuh ke tangan Siam pada tahun 1785, negeri Patani adalah sebuah negeri besar. Ia merangkumi kawasan-kawasan yang sekarang dipanggil "Changwad" atau Wilayah Narathiwat, Yala, Patani dan sebahagian daripada Wilayah Songkhla atau Senggora. Malah, sebahagian besar daripada Daerah Ulu Perak di Semenanjung Malaysia sekarang, lebih kurang mulai daripada Lenggong, Kening, Grik, Selama, Rantau Panjang dan Keroh (sekarang Pangkalan Hulu) adalah dahulunya merupakan kawasan negeri Patani Darul Salam. Demikian juga dengan beberapa kawasan yang sekarang termasuk di dalam negeri Kelantan seperti Jedok, Jeli, Air Lanas dan Batu Melintang (dalam Jajahan Tanah Merah dan Jeli). Di sebelah utara pula, sempadan negeri Patani dengan wilayah Senggora ditandai pada sebatang sungai bernama "Sungai Tibor" (seperti Sungai Golok yang menjadi sempadan antara Kelantan (Malaysia) dengan Thailand sekarang).

Inilah "lebih kurang" luas kawasan negeri Patani pada waktu kekalahannya kepada Siam pada tarikh di atas. Menurut A. Bangnara dalam bukunya *Patani Dahulu Dan Sekarang* (Penal Penyelidikan Angkatan al-Fatani 1977), setelah mengalahkan Patani, tentera pendudukan Siam telah bertindak kejam ke atas rakyat Patani. Sebulan lamanya mereka membakar dan merompak segala barang dan harta benda rakyat, termasuk membakar istana Sultan di Kerisek. Sesetengah buku pula menyebut bahawa tentera Siam menangkap orang-orang Patani dan menggiringnya ke Bangkok menjadi tawanan perang atau hamba sahaya.

Dua laras meriam besar yang dibuat dalam masa pemerintahan Raja Biru, *Seri Patani* dan *Seri Negara*, juga dibawa sebagai oleh-oleh dari medan perang. Meriam yang bernama *Seri Negara* diberitakan jatuh di Kuala Patani pada waktu diangkut naik ke kapal, manakala sebuah yang lain, *Seri Patani*, selamat sampai di Bangkok dan sekarang diletak di



RAMPAS: Meriam Seri Patani, di antara senjata pertahanan yang diangkut Siam, kini berada di depan pejabat Kementerian Pertahanan Bangkok.

hadapan pejabat Kementerian Pertahanan Thai sama ada untuk menjadi perhiasan atau sebagai "tugu kemenangan". Sebuah lagi meriam, *Mahalela*, lesap entah di mana.

Memulakan pemerintahannya di Patani, Siam melantik seorang yang bernama Tengku Lamidin menjadi Raja Patani (istilah "Raja" dipakai bagi membezakan raja-raja Patani yang dilantik Siam dengan Sultan-Sultan Patani lama). Ibrahim Shukri dalam bukunya *Sejarah Kerajaan Melayu Patani* menyebut raja-raja yang dilantik oleh Siam ini sebagai "Raja Patung" oleh kerana kuasa sebenar pentadbiran negeri Patani adalah terletak pada tangan Pesuruhjaya Siam di Ligor, di samping Patani sendiri mulai terpaksa menghantar ufti bunga emas ke Bangkok sebagai tanda "taat setia" kepada Siam.

Bagi menggantikan istana lama di Kerisek yang dibakar hangus, Tengku Lamidin membina kediaman barunya di Kg. Perawang.

Zaman awal pemerintahan Tengku Lamidin merupakan suatu zaman yang sangat sulit. Keadaan ini dapat dimengerti oleh kerana inilah untuk pertama kali dalam sejarahnya Patani "dipaksa" hidup di bawah payung kekuasaan asing. Keadaannya serba tidak kena dan payah. Kota Kerisek yang dahulunya ramai, kini telah sunyi. Penduduk yang mengungsi ke tempat-tempat lain selama perang terjadi, masih belum berani pulang memenuhi ibu kota Patani yang lama. Perdagangan merosot. Hasil pertanian tidak mampu menyuap mulut penduduk yang lapar, dan berbagai-bagai masalah "selepas perang" yang lain lagi. Namun, dengan segala kepayahan ini, Tengku Lamidin berjaya juga mengumpul kembali rakyatnya dan membina semula "negeri"nya.

Empat tahun kemudian (1789), setelah keadaan kembali pulih dan stabil, Tengku Lamidin mula mengatur strategi melawan Siam. Meskipun diakui bahawa Baginda dilantik oleh Siam dan kekuasaannya sangat terbatas, namun tidak sangguplah baginda melihat negerinya "menderita" di bawah penjajahan Siam. Memulakan langkahnya dalam hal ini, tindakan baginda yang pertama-tama ialah menghantar utusan kepada seorang Raja Annam bernama Ong Chiing Su, memintanya supaya menyerang Siam dari sebelah utara manakala baginda sendiri akan menyerangnya dari pihak selatan. Namun malang bagi Tengku Lamidin, kerana bukan sahaja permintaan baginda tidak dipenuhi, akan tetapi lebih

dari itu, Raja Annam telah pula memanjangkan surat baginda kepada Raja Siam di Bangkok sebagai bukti pengkhianatan.

Bagai disengat kala jengking, Siam segera "bangkit" menyiapkan bala tenteranya buat "mengajar" Raja Patani. Dengan dipimpin oleh Phra'ya Kalahom, pasukan ini berangkat ke selatan lalu menyatu dengan pasukan Pesuruhjaya Siam di Ligor dan Senggora, memukul angkatan Patani yang pada waktu itu telah mara sejauh Pathalung. "Peperangan ini telah berlaku dengan hebatnya selama 3 tahun. Tidak ada siapa kalah dan menang". Lapor Ibrahim Shukri dalam bukunya *Sejarah Kerajaan Melayu Patani* (muka surat 97). Tetapi oleh kerana kesilapan Raja Patani yang keluar terlalu jauh dari pusat negerinya, maka ini telah menyebabkan sukar baginya mendapatkan bantuan tambahan baik berupa tenaga, makanan ataupun senjata. Keadaan ini telah mengakibatkan tentera Patani menjadi lemah, dan akhirnya terpaksa mundur untuk memberi lajuan kepada tentera Siam menuju ke Patani.

Dipendekkan cerita, negeri Patani dengan ibu kotanya yang baru di Perawang jatuh ke tangan Siam pada tahun 1791. Sekali lagi sejarah berulang. Patani "babak-belur" dilanyak tentera Siam yang bermaharajalela. Tengku Lamidin ditangkap dan dihukum bunuh. Rakyat ditawan dan harta benda dirampas.

Sebelum tentera Siam pulang ke Bangkok, mereka sekali lagi melantik "Raja Patung" menjadi Raja Patani. Kali ini mereka melantik seorang yang dikenali dengan nama "Dato' Pangkalan", iaitu salah seorang pembesar Melayu yang berpengaruh dan yang pernah menjadi ketua di Kerisek. Selain dari itu, bagi tujuan mengimbangi keadaan, Siam juga melantik seorang pembesar Siam bergelar "Laksamana Dajang" menjadi semacam pengawal keselamatan negeri bagi mengawal orang Melayu daripada "menderhaka" kepada Siam. Beberapa orang Siam juga diarah tinggal di Patani sebagai langkah berjaga-jaga.

Sedikit masa tenang berlaku di Patani selepas Siam menguatkuasakan perlantikan-perlantikan ini. Akan tetapi tidak lama. Beberapa tahun kemudian, Dato' Pangkalan sering bertelagah dengan orang-orang Siam dalam perkara pemerintahan dan pentadbiran negeri. Mereka dikatakan banyak campurtangan dan "menggalang" Dato' Pangkalan, di samping seringkali melakukan tindakan-tindakan ganas ke atas rakyat. Pada tahun

1808 pertelagahan ini mencapai puncaknya. Akibatnya: Dato' Pangkalan secara mengejut menyerang orang-orang Siam di Patani menyebabkan ketuanya, Laksamana Dajang, lari menyelamatkan diri ke Senggora.

Di Senggora mereka memaklumkan kepada Bangkok bahawa Dato' Pangkalan dan orang-orang Melayu telah belot. Bala tentera Siam dikerah ke Patani bagi menangkap Dato' Pangkalan.


Di Patani, sekali lagi persiapan diatur bagi menyekat kemaraan "orang-orang gasar" Siam. Sekalian kerabat Dato' Pangkalan, Dato' Sai dan Dato' Pujud dikerah mengumpulkan kekuatan dalam usaha melepaskan Patani daripada belenggu Siam. Dalam pusingan pertama, tentera Patani berjaya memaksa tentera Siam mundur hingga ke Ligor, tetapi dalam pusingan kedua, apabila Siam secara serentak menyerang dari arah laut dan darat, tentera Patani tidak ampuh lagi. Sekali lagi Patani menyerah. Dato' Pangkalan sendiri mati dalam pentempuran ini, manakala Dato'-Dato' yang lain sempat menyelamatkan diri.

Belajar dari dua kali pengalaman "khianat" ini, Siam kemudiannya melantik seorang Siam bernama Nai Kwan Sai menjadi Raja Patani. Beliau ialah seorang pembesar Chenak yang berasal daripada keturunan bangsa China yang datang berniaga di Chenak. Setelah dilantik menjadi raja, beliaupun datanglah memerintah Patani dan berbuat kampung kediaman di Kampung Bandar, tidak jauh dari Kerisek. Turut bersama beliau ialah beberapa ramai keluarga Siam daripada Senggora.

Inilah julung-julung kali dalam sejarah, negeri Patani diperintah oleh seorang bukan Melayu.

(Apabila Nai Kwan Sai mati pada tahun 1815, tempatnya digantikan oleh adiknya Nai Phai. Pada masa Nai Phai menjadi raja, negeri Patani tidak pernah aman. Perbalahan dan kadang-kadang pertumpahan darah terjadi di mana-mana di antara orang-orang Siam dengan Melayu. Apabila satu laporan dikemukakan ke Bangkok mengenai perkara ini, Siam memutuskan bahawa suatu dasar baru perlu diperkenalkan di Patani)

Dasar baru ini yang mulai diperkenalkan pada tahun 1816 ialah sebuah dasar yang dikenali umum dalam dunia politik penjajahan dengan nama *Divide and Rule*. Di bawah dasar ini "Negeri Patani Besar" dipecah



Tujuh negeri Patani kecil (selepas 1816)



Bekas Negeri Patani: Kini terpecah kepada tiga Cangwad (wilayah) -
Pattani, Yala dan Narathiwat.

kepada tujuh "Negeri Kecil", masing-masing bernama Nongchik, Jambu, Jalor (Yala), Teluban, Legeh (Range), Raman dan Patani sendiri. Pada setiap negeri kecil ini Siam melantik "raja-raja" dari kalangan orang-orang yang pada anggapannya dapat bekerjasama dengannya. Inilah asal mula wujud raja-raja kecil di Patani yang keturunannya masih dapat ditemui di sana sini sehingga sekarang.

Sembilan puluh tahun kemudian (1906), iaitu beberapa tahun sebelum "Persetiaan Bangkok" yang terkenal itu, "negeri-negeri kecil bertujuh" ini disusun semula menjadi hanya empat buah "negeri" sahaja, iaitu Patani (dengan memasukkan Nongchik dan Jambu), Yala (dengan memasukkan Raman), Teluban dan Legeh. Pada penyusunan kali ini, nama Legeh ditukar menjadi Bangnara, dan kemudian lagi pada tahun 1915, nama ini bertukar pula menjadi Ngrathiwat sehingga sekarang.

Pada 19hb. Mei 1916, istilah "negeri" dihapuskan, diganti dengan kalimah "wilayah" atau "*changwad*" sebagaimana pemakaian sekarang. Kemudian pada 16hb. Februari 1931 pula, Teluban (Saiburi) ditukarkan daripada sebuah wilayah menjadi hanya sebuah "daerah" dalam Wilayah Patani.)

Inilah sekelumit daripada sebuah riwayat panjang mengenai bagaimana "Negeri Patani Besar" berubah dan mengecil menjadi apa yang dikenal sekarang dengan nama Wilayah Narathiwat, Yala (daripada perkataan Jalor) dan Patani. Semua wilayah ini kini diketuai oleh seorang "governor" yang dikenali di kalangan orang Melayu Patani dengan nama "Raja Negeri". Tidak pernah ada orang Melayu dilantik bagi menjadi governor di "bekas" negeri Patani ini setakat ini.^{28a)}

28a) Kecuali Termsak Semantarat (saya tidak pernah tahu nama McLayunya), seorang bangsawan dari Setul, yang sempat dilantik menjadi Gabenor Wilayah Pattani bagi suatu tempoh yang tidak lama selepas pertistiwa *Demonstrasi Patani 1975*. Perlantikan ini dipercayai dibuat bagi meredakan keadaan di Patani berikutkan peristiwa berkenaan. Selepas keadaan menjadi terkawal, kembali jawatan gabenor disandang oleh warga keturunan Thai.

7. PEMBERONTAKAN PATANI 1832

Selepas dipecahkan menjadi "tujuh buah negeri kecil" pada tahun 1816, Patani segera kehilangan taringnya. Apa yang menjadi milik Patani di dalam struktur baru ini hanyalah sebuah kawasan kecil tidak sampai 25 kilometer panjang, iaitu dari Sungai Tok Jung di sebelah barat hingga ke Sungai Parit di sebelah timur. Di sebelah selatan mentara inimerangkumi kawasan-kawasan Pujud, Binjai Lima dan Telaga Sembilan hingga ke Sungai Bemok yang menjadi mentaranya dengan negeri Jalor. Di Bahagian utara, sempadannya pastilah pantai Teluk Siam yang sentiasa terdedah kepada ancaman Siam itu. Dari segi kedudukannya pula, "Negeri Patani Kecil" ini terletak di tengah-tengah di antara tiga buah negeri; Jambu dan Jalor di-sebelah selatan dan Nongchik di sebelah barat.

Selepas dipecah-pecahan seperti ini, Siam melantik Tengku Sulung menjadi "Raja (patung) Patani" beribu negeri di Kota Kerisck. Raja Siam, Nai Phai, yang tadinya merajai negeri Patani, di pindah menjadi Raja Negeri Jambu yang baru diwujudkan. Raja-raja lain yang dilantik ialah Tuan Nik menjadi Raja Nongchik (ibu negeri di Kota Nongchik), Tuan Mansor menjadi raja Reman (ibu negeri di Kota Bharu), Tuan Jalor menjadi Raja Jalor (di Jala), Nik Dah menjadi Raja Legeh (Tanjung Mas) dan Nik Diah menjadi Raja Sai atau Selindung Bayu (bertempat di Jeringa). Semua raja-raja ini diletak di bawah perhatian dan kawalan Pesuruhjaya Siam di Senggora (Thai: *Songkhla*).

Tengku Sulung yang merajai negeri Patani di atas ialah seorang yang berpangkat anak saudara kepada Raja Kelantan pada waktu itu - Long Muhammad bin Long Yunus (kemudiannya dikenali dalam sejarah Kelantan dengan nama Sultan Muhammad I). Baginda ialah putera kepada Tengku Muhammad ibni Sultan Mansor I dari Terengganu dan cucu kepada Long Yunus. Menurut riwayat, sebelum dilantik menjadi

Raja Patani, baginda pernah dilantik menjadi "Raja Kelantan" dengan gelaran Sultan Sulung dalam suatu diplomasi politik dengan Terengganu pada penghujung abad ke-18. Pada tahun 1805, apabila Long Muhammad (bapa saudaranya) mengambil alih tugas sebenar menjadi Sultan Kelantan, Tengku Sulung dilantik menjadi Raja Muda. Tetapi tidak lama kemudian, berikutan kematian isterinya Tengku Che Muda, baginda diberitakan tidak berminat lagi menjadi Raja Muda. Baginda lebih suka menjelajah ke negeri lain mencari ilmu dan pengalaman. Pada tahun 1807 baginda muncul di Patani dan hidup seperti rakyat biasa (lihat Abdullah Nakula "Sejarah Kelantan (Beberapa Lintasan)" kertas kerja dalam *Seminar Sejarah dan Budaya Wilayah Kelantan di Kota Bharu* pada 12 - 15hb. April 1980, Fasal XI dan XIII).

Di Patani, pada tahun 1808, baginda ikut serta dalam pemberontakan Dato' Pangkalan melawan Siam. Meskipun demikian, entah untuk mengambil hati orang Melayu entah untuk menarik simpati raja-raja Kelantan dan Terengganu, Siam melantik Tengku Sulung ini (kerabat D'Raja Kelantan dan Terengganu sekaligus), menjadi Raja Patani selepas pemecahan di buat pada tahun 1816. Selama masa pemerintahannya, baginda dikenali sebagai seorang raja yang sangat giat memajukan agama Islam di Patani. Ada riwayat yang menyatakan bahawa baginda adalah pembina sebenar Masjid Pintu Gerbang di Kerisek, Patani, iaitu sebuah masjid lama yang tidak pernah dapat disiapkan sehingga sekarang.

"Pemberontakan Patani" yang dimaksudkan dalam tulisan ini ialah sebuah peristiwa besar yang berlaku pada masa baginda menjadi Raja Patani inilah. Pemberontakan ini yang dikenali di kalangan rakyat Patani dengan nama "Musuh Patani" adalah sebuah pemberontakan yang sangat menentukan dalam sejarah Patani, di mana dikatakan bahawa pihak yang menang dalam peristiwa ini akan mampu menguasai terus negeri Patani, sementara pihak yang kalah akan terpaksa bertekuk lutut untuk suatu jangka masa yang lama kepada pihak yang menang.

Pemberontakan ini berlaku pada tahun 1932. Ia bermula apabila Tengku Din atau Tengku Kudin, seorang kerabat D'Raja Kedah, bangkit memberontak melawan pendudukan Siam di Kedah pada tahun 1831 dan berjaya memaksanya mundur sehingga ke Senggora. Di Senggora orang-orang Siam ini bergabung dengan tentera Siam di Senggora dan Ligor

bagi mengalahkan semula orang-orang Kedah. Satu angkatan besar disediakan bagi menyerang Kedah, tetapi masih juga tidak berjaya. Tengku Kudin telah keluar sendiri memimpin rakyat Kedah berjuang berhabis-habisan menentang Siam yang menyebabkan angkatan perang Siam terpaksa pulang ke Senggora sekali lagi.

Terdesak dengan perlawanannya Kedah yang sengit ini, Pesuruhjaya Siam di Senggora segera meminta bantuan dari Bangkok. Dalam jawapannya, Bangkok menulis surat kepada Raja Nai Phai (Raja Jambu) supaya mengerah semua raja-raja dalam enam buah Negeri Patani Kecil (Nongchik, Patani, Jalor, Reman, Legeh dan Sai atau Saiburi) mengumpulkan rakyatnya masing-masing bagi membantu Siam melawan Kedah. Empat orang raja - Patani, Nongchik, Legeh dan Jalor - telah patuh kepada perintah ini, tetapi dua orang raja yang lain - Reman dan Sai - enggan. Inilah kejayaan pertama yang dicapai Siam hasil daripada pemecahan Negeri Patani Besar kepada tujuh negeri kecil di atas.

Tentera empat negeri ini berkumpul di Jambu di bawah kelolaan Raja Nai Phai sebelum dihantar ke Senggora bagi menyertai angkatan induk yang akan berangkat ke Kedah. Memikirkan bahawa tentera-tentera ini akan dihantar berperang melawan saudara-saudara Islamnya orang-orang Kedah, raja-raja berempat ini kemudiannya "berbalik fikir" lalu menukar haluan bergabung dengan orang-orang Kedah dan memberontak melawan Nai Phai dan pendudukan Siam di Patani.

Dengan demikian, orang-orang Siam kini menghadapi tekanan dari dua penjuru; dari barat menghadapi Kedah dan dari timur menghadapi Patani. Melukiskan peristiwa ini, Ibrahim Shukri menulis "Oleh kerana orang-orang Siam itu sangat sedikit bilangannya, tidak berdaya mereka hendak melawan pemberontakan orang-orang Melayu. Banyaklah orang-orang Siam itu telah dapat dibunuh oleh mereka dan banyak pula yang sempat melarikan diri ke Senggora, tetapi telah juga diburu oleh orang-orang Melayu itu hingga sampai ke Theepa (Tibor), Chenak dan masuk ke dalam sempadan Senggora, lalu orang-orang Melayu itu pun bertemu lah dengan saudara-saudaranya orang-orang Kedah yang sedang berperang dengan orang-orang Siam Senggora itu" (lihat *Sejarah Kerajaan Melayu Patani*, muka surat 106-107).

Episod perang yang paling seru di antara gabungan Kedah-Patani

melawan Siam ini terjadi di suatu medan tempur di Bukit Anak Gajah berdekatan dengan Senggora. Adalah malang bagi tentera gabungan oleh kerana pada waktu peperangan ini sedang mencapai puncaknya, angkatan bantuan Siam daripada Bangkok di bawah pimpinan Phra' Khlang tiba. Namun, meskipun menghadapi kekuatan tentera yang lebih besar dan lengkap, gabungan Kedah -Patani tetap gigih bertahan. Gabungan ini hanya baru dapat dipecahan setelah penglimanya, Tengku Kudin, mati dalam peperangan ini.

Selepas kekalahan ini, orang-orang Kedah kembali ke Kedah dan orang-orang Patani pulang ke Patani. Phraya Phra' Khlang telah membahagikan pasukannya kepada dua bahagian bagi mengejar kedua-dua pasukan Kedah dan Patani. Dipendekkan cerita, Kedah akhirnya berjaya diduduki semula oleh Siam dalam selang waktu yang tidak lama. Adapun Patani, meskipun akhirnya dapat dikalahkan juga, akan tetapi ia telah terpaksa mengambil masa yang sedikit lama, oleh kerana setibanya di Patani, orang-orang Patani segera memperoleh bantuan daripada Sultan Kelantan dan Terengganu. Bantuan Kelantan dipimpin oleh Raja Muda Kampung Laut, anaknya Tengku Besar dan Raja Banggol, sementara bantuan Terengganu diketuai oleh Panglima Tengku Idris, Wan Kamil dan Encik Ismail. Angkatan bantuan ini menyatu dengan tentera Patani yang berundur daripada Senggora lalu membentuk sebuah pasukan bagi mempertahankan Patani di medan tempur Patani sendiri.

Menurut riwayat tradisi, inilah peperangan yang paling dahsyat pernah berlaku di antara Patani dengan Siam. Meskipun diakui bahawa Patani pernah berperang dengan Siam berkali-kali sebelum kejatuhannya, akar tetapi peperangan-peperangan ini hanya melibatkan kawasan pantai dan beberapa kawasan kecil di daratan yang menjadi ibu kotanya sahaja. Adapun "Pemberontakan Patani 1832", maka ia bukan sahaja melibatkan kawasan negeri yang lebih luas dan menyeluruh, akan tetapi ia juga turut disertai oleh orang-orang Kelantan dan Terengganu. Para pemerhati sejarah berpendapat bahawa jika sekiranya pemberontakan ini ditakdirkan berjaya, maka pastilah wajah sejarah negeri Patani akan menjadi berlainan daripada wajahnya yang ada sekarang.

Seorang ulama pengarang dari Patani yang telah lama bermastautin di Mekah, Sheikh Daud al-Fatani, dilaporkan telah juga "turun" ke Patani

bagi mengambil bahagian dalam perperangan yang sangat menentukan ini.

Bagi melemahkan kekuatan Patani, Siam telah bertindak membakar hangus semua "baloh padi" yang ada di dalam negeri Patani, di samping menyekat bantuan makanan daripada luar. Turut dibakar pada kesempatan ini ialah Masjid Pintu Gerbang di Kerisek yang dikatakan dibina oleh Raja Patani yang memberontak - Tengku Sulung.

Patani akhirnya kalah kerana strategi licik Siam ini. Panglima perang Kelantan dan Terengganu berundur ke negerinya masing-masing. Ikut berundur ke Kelantan ialah Raja Patani dan Raja Jalor (Tuan Kundur atau sesetengah sumber Tuan Bongkok). Tuan Kechik (Raja Nongchik) dan Nik Dah (Raja Legeh) berundur ke Ulu Patani (sempadan Perak), tetapi diburu oleh orang-orang Siam sehingga sampai ke daerah Jarum. Tuan Kecik akhirnya dapat dibunuh oleh Siam tetapi Nik Dah berjaya berlepas diri ke Perak.

Sekali lagi sejarah berulang. Patani "lebu-lebam" diligan tentera Siam yang tengah amarah. Rakyat dibunuuh dan dicabul. Mana-mana harta dan peralatan yang masih ada dipunggah ke kapal sebagai harta rampasan perang. Sejumlah 4,000 orang rakyat Patani dicucuk keting dan digiring ke Bangkok menjadi tawanan perang dan hamba abdi.

Tidak puas dengan tindakan ini, Siam bermaksud pula untuk menyerang Kelantan dan Terengganu kerana perbuatannya membantu Patani. Kerana bimbang atas keselamatan Kelantan, Sultan Kelantan pada masa itu - Long Muhammad - bersetuju menghantar utusan damai dan mengaku tunduk kepada Siam dengan membayar gantirugi sebanyak \$50,000.00 (\$30,000.00 dalam bentuk makanan dan peralatan) sebagai sanksi atas kesalahannya membantu Patani serta memulangkan Tengku Sulung dan Tuan Kundur kepada Siam. Pada masa yang sama, Terengganu juga dipaksa memulangkan panglima-panglima Patani yang berlindung di Terengganu seperti Panglima Damit, Panglima Mahmud, Panglima Pit dan Panglima Ahmad kepada Siam.

Menjelang September 1832, Siam sclesai mengatur semula negeri Patani. Seorang pembesar Melayu di Kerisek bernama Nik Yusoff dilantik menjadi Raja Patani. Baginda memerintah sehingga 1845 sebelum dipindah ke Jambu bagi memberi ruang kepada pendatang baru

dari Kelantan - Tengku Besar - menjadi Raja Patani.

Sangatlah sulit bagi Patani untuk bangkit semula daripada puing-puing kehancuran perangnya kali ini. Menurut cerita bahari orang tua-tua, selepas peristiwa "Musuh Patani" ini, orang Patani hidup dalam kesukaran. Kerana semua simpanan padi musnah dibakar dalam masa perang, maka harga padi untuk dibuat benih (bukan untuk dimakan) berharga "serial segobek". Rakyat hidup dengan memakan umbut dan pucuk-pucuk kayu. Ramai yang berhijrah ke luar Patani terutama ke Kelantan, Kedah, Perak dan Terengganu (dengan tumpuan ke daerah Besut).

Pada tahun 1838-39 apabila Kedah sekali lagi bangkit memberontak melawan Siam di bawah pimpinan Tunku Muhammad Saad dan Tunku Muhammad Taib, Patani tidak ikut serta. Ketidakterlibatan Patani kali ini dipercayai terjadi kerana Patani sendiri masih belum pulih daripada "luka-luka" perangnya yang dahulu. Jarak masa antara lima hingga enam tahun diperkirakan belum cukup bagi Patani untuk menulihkan sawah dan tanah pertaniannya di samping kekurangan "man power" kerana ramai rakyatnya yang mati dalam peperangan dan berhijrah keluar.

Selepas peristiwa 1832, tidak ada lagi perang besar dan menyeluruh di antara Patani dengan Siam. Kalau ada pun, maka ianya tidak lebih daripada insiden-insiden setempat yang tidak mempunyai kesan dan implikasi apa-apa.

8. PATANI 1902: Berakhirnya Sebuah Kesultanan



Setelah ditaklukkan pada tahun 1785 dan dibahagi-bahagikan pada tahun 1816, negeri Patani perlahan-lahan kehilangan identitinya sebagai sebuah negeri, baik sebagai sebuah negeri Melayu apa lagi sebagai sebuah negeri merdeka. Pemerintah Siam sentiasa berusaha dari semasa ke semasa, melalui berbagai cara, mengenakan cengkamannya ke atas Patani.

Selepas pemberontakan yang gagal pada tahun-tahun 1789 (melalui Tengku Lamidin) dan 1808 (melalui Dato' Pangkalan), Siam bertindak membahagikan negeri Patani kepada tujuh buah negeri kecil seperti yang dinyatakan di atas. Semua raja-raja bagi "negeri bertujuh" ini dilantik oleh Siam, dan umumnya terdiri dari kalangan mereka yang tidak ada hubungan kekeluargaan dengan kerabat diraja Patani yang lama, malah ada juga dari kalangan orang-orang Siam sendiri.

Dengan demikian, satu "mata rantai" kesultanan telah putus. "Raja-raja" yang baru dilantik ini tentu saja merasa sangat teikat dan terhutang budi kepada Siam kerana tiba-tiba menaikkannya ke atas takhta di sebuah negeri yang bukan menjadi warisannya. Selepas 1816 raja-raja bertujuh ini tidak lebih daripada "raja-raja patung" yang memerintah di balik telunjuk dan arahan Pesuruhjaya Siam di Songkhla.

Khusus bagi negeri "Patani Kecil", pada tahun 1845 Siam melantik Tengku Besar Kampung Laut, Kelantan, menjadi raja. Perlantikan ini memulakan sebuah tradisi kesultanan yang baharu di Patani - kesultanan Kelantan - tetapi hanyalah dalam batas lingkungan yang sangat kecil dan minimun. Meskipun masih di bawah pengaruh Siam, akan tetapi dalam beberapa hal, beberapa hak negeri dan taraf keistimewaan raja-raja, masih diraikan oleh pihak Siam.

Patut disebut bahawa pada pertengahan abad ke-19 ini juga, selair daripada Patani yang telah dipecahkan, Siam juga "menaungi" empat buah negeri Melayu yang lain, iaitu Kedah, Perlis, Kelantan dan



Pitis belanja Patani dilihat dari dua sisi.

Terengganu. Semua negeri ini, termasuk Patani, mengirim ufti taat setia kepada Siam. Kecuali itu, raja-raja ini dibebaskan mengutip cukai dan hasil mahsul di dalam negerinya, menggunakan wang perbelanjaan sendiri, melantik orang-orang besarnya sendiri serta mengeluarkan arahan pemerintahan sendiri di dalam negerinya. Saya tidak pasti apakah kedudukan seperti ini juga dinikmati Patani pada zaman ini, akan tetapi setidak-tidaknya ada dua perkara yang masih dibenarkan berlaku pada raja-raja Patani sehingga akhir abad ke 19, iaitu *Pertama*, mereka bebas mengutip cukai negeri dan *kedua*, mereka dibenarkan memakai wang atau *pitis* belanja sendiri di dalam negerinya (lihat gambar wang belanja negeri Patani bertarikh 1305 Hijriyyah bersamaan 1888 Masihi).

Kedudukan seperti ini bagaimanapun tidak lama. Segera pada penghujung abad ke-19 itu juga, Siam memulakan langkah-langkah pembaharuannya ke atas Patani. Pada tahun 1894-95, iaitu selagi Tengku Sulaiman Sharifuddin memerintah Patani, beberapa percubaan awal dibuat bagi membolehkan pihak Siam campurtangan dalam pentadbiran negeri Patani. Percubaan ini kemudiannya diperluas pada tahun 1901 apabila Kementerian Dalam Negeri menyediakan satu "regulation" bagi mengintegrasikan negeri Patani menjadi sebahagian daripada wilayah negeri Siam. Di bawah *regulation* ini, melalui apa yang dinamakan sistem "Boriwen Chet Hua-muang" Siam meletakkan negeri Patani bersama-sama dengan Nongchik, Jalor, Reman, Saiburi (Teluban), Jambu dan Legeh di bawah kawalan seorang pesuruhjaya kawasan yang dipanggil *Khaluwung Boriwen* dan berpusat di Songkhla. Dengan berkuatkuasanya sistem ini, Raja-raja Melayu dibebaskan daripada menghantar ufti ke Bangkok, akan tetapi sebaliknya pula, semua kutipan hasil daripada negeri berkenaan diserahkan seluruhnya kepada Bangkok. Sebagai pampasan atas semua "kehilangan" ini, raja-raja dan pembesar Melayu diberi pencen dan sara hidup oleh kerajaan Siam.

Pastilah dasar pembaharuan seperti ini tidak dapat diterima oleh raja Patani dan rakan-rakannya. Berbagai cara dilakukan oleh pihak Siam bagi mempengaruhi raja-raja ini supaya menurunkan tandatangan persetujuannya masing-masing. Menjadi kepala daripada semua keengganan ini ialah raja-raja Patani, Legeh dan Sai (Saiburi atau Teluban).

Dalam sepucuk suratnya kepada Sir Frank Swettenham di Singapura, Raja Abdul Kadir Kamaruddin Patani menulis yang kira-kira maksudnya begini: *Pemerintahan Siam sedang menindas rakyat Patani, mengganggu urusan kehidupan mereka yang damai serta menimbulkan kesengsaraan dan kehancuran di kalangan rakyat Melayu dan Islam. Satu-satunya pertolongan yang dapat diharapkan ialah melalui campurtangan Britain atas nama orang-orang Melayu ini.* Sementara itu, Raja Legeh, Raja Ngah Shamsuddin pula dalam sepucuk suratnya kepada Swettenham juga, antara lain menyatakan: *Penduduk Legeh kebanyakannya beragama Islam. Apabila berlangsungnya perayaan Siam, semua ketua mereka dipaksa oleh Khaluwung supaya berlutut dan membongkok di hadapan gambar Sri Baginda Raja Siam serta patung-patung Buddha. Seperti yang sudah diketahui umum, memuja berhala sangat dilarang oleh agama Islam. Keadaan ini telah menimbulkan rasa jijik dan tidak senang di kalangan penduduk Legeh ...* (surat bertarikh 18hb. Januari 1902).

Sebenarnya pada waktu itu, awal abad ke-20, keinginan Inggeris untuk memperluas pengaruh kekuasaannya di Semenanjung Melayu sehingga mencakup seluruh negeri-negeri Melayu cukup besar. Akan tetapi Sweettenham telah terlabih dahulu diperingatkan oleh Kementerian Tanah dan Jajahannya bahawa London lebih suka memelihara persahabatan dan hubungan baiknya dengan Bangkok atas alasan bahawa sebarang campurtangan Inggeris dalam urusan Patani akan mengurangi pengaruh dan peranan Siam sebagai sebuah "negara penyangga" (buffer state) antara Perancis di Indo China dan Inggeris di India dan Burma. Selain dari itu, pada kira-kira waktu yang sama juga, Inggeris sudah mempunyai rencananya yang tersendiri dengan empat buah daerah "taklukan" Siam di selatan Patani - Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu. Daerah-daerah ini dianggap lebih penting, dan kerana itu konsolidasi kekuasaan Inggeris di daerah-daerah ini akan jauh lebih menguntungkan daripada bermusuhan dengan Siam dalam persoalan mengenai Patani.

Inilah sikap dan pendirian Inggeris pada waktu Raja Abdul Kadir dan Tengku Ngah Shamsuddin menulis surat kepada Swettenham. Belakangan, sikap hati-hati Inggeris ini segera dimanfaatkan oleh Siam apabila dalam *Perjanjian Inggeris - Siam 1909* berikutnya, Siam dengan rasmi melepaskan Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu kepada Inggeris,

"...the 19th century saw the first major political movements
which had significant social and "anti-colonial"



Rama V: Penakluk sebenar Patani

akan tetapi sebaliknya pula, sebagai imbalan, Siam memperoleh "pengiktirafan" Inggeris atas kedudukannya di Patani.

Margaret L. Koch dalam tulisannya "*Patani and the Development of a Thai State*" (JMBRAS Vol. 50 muka surat 77 dan 78) menyebut bagaimana utusan Siam menipu Raja Patani. Apabila jelas bahawa Raja Patani enggan menandatangani cadangan pembaharuan administratif ke atas Patani kerana keyakinannya bahawa tindakan ini akan menyebabkan kuasa baginda sebagai scorang raja akan terlepas kepada Pesuruhjaya Siam, baginda secara peribadi dirundingi semula dalam sebuah majlis khusus dan tidak rasmi. Dalam perundingan kali ini, utusan Siam, Phya Sri Sahadheb, menyerahkan kepada Raja dua buah dokumen yang disebutnya adalah sepucuk surat dengan sebuah salinan kepada Putera Raja Damrong. Isi surat ini, menurut utusan Siam kepada Raja, adalah mengandungi semua permohonan Raja Patani yang antara lain meminta supaya negeri Patani ditadbirkan seperti negeri Kedah, iaitu dengan cara semua kekuasaan, kecuali dalam kes-kes tertentu, berada pada tangan raja serta undang-undang Islam dan bahasa Melayu menjadi undang-undang dan bahasa rasmi. Kedua-dua dokumen tertulis dalam bahasa Siam, tetapi Phya Sri Sahadheb telah meyakinkan raja bahawa ia bukanlah sebuah dokumen persetujuan, malah sebaliknya adalah surat daripada pihak raja yang mengandungi permintaan-permintaannya kepada Bangkok. Apabila raja tetap enggan menurunkan tandatangannya tanpa terjemahan Melayu, Phya Sri Sahadheb mengeluarkan versi Melayunya. Yakin atas rundingan kali ini, raja kemudian menurunkan tandatangannya.

Ternyata kemudian bahawa surat yang baginda tandatangani adalah lain daripada versi Melayu yang baginda difahamkan. Raja Abdul Kadir segera menyedari bahawa satu penipuan telah berlaku. Baginda lalu mengirimkan utusannya menyatakan bahawa baginda tidak bertanggungjawab atas dokumen yang telah ditandatanganinya.

Hasilnya terjadilah pembaharuan administratif di Patani seperti yang dikehendaki oleh Chulalongkorn (Rama V). Dengan menempatkan para hakim, governor, timbalan governor serta para pegawainya di tempat raja-raja Melayu; bererti bermulalah secara rasmi kawalan langsung Bangkok ke atas Patani.

Pada 20hb. Februari 1902, Raja Abdul Kadir ditangkap oleh pihak

berkuasa Siam dan dibuang negeri ke Pitsanulok. Taraf baginda sebagai seorang raja dilucutkan pada 6hb. Mac tahun yang sama. Baginda diberbaskan pada tahun 1905 dan dibenarkan pulang ke Patani. Tetapi kerana merasa tidak betah lagi tinggal di Patani, baginda kemudiannya berpindah ke Kelantan dan mengkat di Kota Bharu pada pagi hari Sabtu 20hb. Mei 1933. Jenazah baginda dikebumikan di Maqam D'Raja Langgar, Kota Bharu.

Selain baginda, turut dibuang negeri ialah Tengku Ngah Shamsuddin, Raja Legeh. Baginda dibuang ke Songkhla pada 15hb. Mac tahun yang sama.

Sekalian raja-raja Melayu yang lain pun ikut mengalami nasib yang sama seperti Raja Patani dan Legeh. Semua kuasa dan kedudukan mereka dicopot. Mereka kini tinggal bersenang-senang menerima penceh dan sara hidup daripada Siam sambil menggigit jari melihat pegawai-pegawai Siam mengambil alih kedudukan mereka menjadi pemerintah di tanah warisan nenek moyangnya.

Malangnya nasib Patani. Ternyata awal abad ke-20 yang sering disebut oleh sejarawan sebagai era kebangkitan bangsa-bangsa menentang penjajahan, menjadi sebaliknya bagi Patani, justeru pada saat inilah Patani mulai hilang identitinya dan "terserap" masuk menjadi sebahagian daripada wilayah kerajaan Siam sehingga sekarang.

Senja telah turun di Patani. Apakah masih ada fajar hari esok untuknya?

9. DARI THESAPEBAN KE THAI RATHANIYUM: Jerutan Yang Makin Diperketat

Chulalongkorn atau Rama V mangkat pada tahun 1910 selepas meletakkan Siam pada suatu kedudukan yang kukuh dan selamat. Di kalangan para sejarawan, Chulalongkorn dan ayahandanya, Raja Mongkut, dianggap sebagai raja-raja Siam yang sangat berjaya dan yang bertanggungjawab memaju serta memodenkan Siam sekaligus menyelamatkan Siam daripada bahaya imperialisme Inggeris dan Perancis.

Khusus bagi negeri Melayu Patani pula, nama Chulalongkorn mungkin tidak begitu disenangi. Ada dua sebab utama kenapa hal ini terjadi:

Pertama: Kerana semasa Chulalongkornlah suatu dasar penyusunan semula wilayah telah diperkenalkan. Sistem ini yang bernama *Thesaphiban*, seperti yang dijelaskan oleh Tej Bunnag, adalah bertujuan untuk mewujudkan integrasi kebangsaan serta mengukuhkan kedudukan wangsa Chakri. Ia dikendalikan oleh Kementerian Dalam Negeri di bawah pimpinan Putera Damrong Rajanubhab dan dilancarkan pada waktu pembesar-pembesar tempatan Patani sedang berusaha mendapatkan bantuan asing bagi memperjuangkan hak dan kuasa otonominya. Kejayaan sistem ini telah memaksa kuasa raja-raja Melayu di Patani menyingkir untuk memberi laluan kepada kuasa baru Pesuruhjaya yang bertanggungjawab kepada Menteri Dalam Negeri. Lanjutan daripada sistem ini ialah penghapusan langsung institusi raja-raja Melayu dalam tujuh buah negeri Patani pada tahun 1902 seperti yang telah dikisahkan di muka.

Kedua: Kerana sistem Chulalongkorn yang sama juga telah menyebabkan Patani "terserap" masuk menjadi sebahagian daripada wilayah kemaharajaan Siam sehingga sekarang. Bolch dikatakan kegagalan Inggeris mendapatkan Patani lewat *Perjanjian Bangkok 1909* adalah berpunca daripada kejayaan Siam mengintegrasikan Patani terlebih dahulu



Prince Damrong: pembaharuan administrasi melalui sistem Thesaphiban

menjadi sebahagian wilayahnya pada tahun 1902. Dalam hal ini seorang pengamat sejarah menulis: "Alasan yang penting bagi ketinggalan Patani di dalam Perjanjian 1909 tidak boleh dinasikan adalah akibat kejayaan Siam pada tahun 1902 apabila mereka dapat menawan Raja Patani. Selepas peristiwa ini Inggeris memang mengakui bahawa Patani lebih bergantung kepada Siam..." (lihat J. Chandran "Perjanjian 1909 Antara Inggeris Dengan Siam Serta Latar Belakangnya" dalam *Jebat* bilangan 1, Universiti Kebangsaan Malaysia 1971/72, mukasurat 13).

Setahun selepas Perjanjian 1909 yang sangat mengecewakan orang Patani ini ditandatangani, Chulalongkorn mangkat. Meskipun dalam perjanjian yang sama, Siam terpaksa melepaskan negeri-negeri Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu kepada Inggeris, akan tetapi keadaan ini sudah sangat "melegakan" Siam oleh kerana negeri-negeri ini sesungguhnya, seperti juga Patani, bukanlah wilayah Siam yang sebenar.

Chulalongkorn digantikan oleh puteranya Vajiravudh (Rama VI). Seperti ayahnya, Vajiravudh adalah juga berpendidikan barat dan pengikut faham kebangsaan Siam yang kuat. Di bawah baginda, Siam mengubah faham patriotisme barat tentang "tuhan, raja dan negara" kepada simbol tradisional Siam" bangsa, ugama (Budha Thraveda) dan raja". Dengan ketiga-tiga simbol ini, Vajiravudh meneruskan usaha ayahnya membentuk sebuah kemaharajaan kebangsaan Siam yang bersatu dan kuat.

Tentu saja usaha-usaha ini tidak dapat diterima oleh golongan-golongan minoriti yang memiliki budaya hidup yang berlainan daripada bangsa Siam, terutamanya oleh orang-orang China dan Melayu. Bagaimanapun, oleh kerana orang-orang China yang tinggal di Siam sudah putus ikatan daripada negeri leluhurnya dan sudah berterkad untuk meneruskan hidup di dalam sebuah negara asing yang baru seperti Siam, maka mereka tidaklah menentang dasar patriotisme ini secara terang-terangan. Dalam keadaan seperti ini, maka perlawanannya secara terbuka ke atas dasar ini hanyalah datang daripada minoriti Islam Patani di selatan dan suku Isan di Timur Laut.

Segera selepas *Pemberontakan Nasa* 1922 yang gagal, pemerintah pusat di Bangkok terpaksa menyemak kembali beberapa dasarnya yang dilaksanakan di Patani yang rupanya tidak disenangi rakyat Melayu-Islam. Antaranya ialah dasar mengenakan pendidikan wajib ke atas

rakyat berdasarkan *Educational Act 1921* yang menghendaki anak-anak orang Islam belajar di sekolah bahasa Thai, birokrasi pentadbiran dan campur tangan pusat dalam urusan sosial dan ekonomi wilayah-wilayah selatan. Pada bulan Julai 1923, melalui Menteri Dalam Negeri, raja mengarahkan supaya;

- 1- Amalan-amalan yang tampaknya bertentangan dengan Islam dihentikan dengan segera dan mana-mana peraturan baru yang hendak dikenakan tidak boleh melanggar ugama Islam.
- 2- Tarif cukai yang dipungut dari orang Melayu-Islam di Patani tidak boleh lebih tinggi daripada tarif yang dipungut di negeri-negeri Melayu bersempadan yang di bawah Inggeris.
- 3- Pegawai-pegawai pemerintah yang ditugaskan di Patani mesti-lah jujur, sopan dan tegas. Mana-mana pegawai yang sedang dikenakan tindakan disiplin kerana kesalahan di tempat lain tidak boleh ditempatkan di Patani.

Menurut Surin Pitsuwan dalam *Islam di Muangthai, Nasionalisme Melayu Masyarakat Patani* (terjemahan Hasan Basri daripada *Islam and Malay Nationalism: A case study of the Malay Muslims of Southern Thailand*), LP3ES, Jakarta 1989, muka 53, tiga garis panduan ini mencerminkan dengan jelas akan tanggapan pemerintah pusat terhadap masalah otonomi Patani pada masa itu. Ketentuan-ketentuan baru ini, yang berasal daripada seorang raja yang nasionalis, menurut beliau lagi, dianggap sebagai petunjuk mengenai maksud polisi sebenar di kalangan elit yang berkuasa di Bangkok pada waktu itu.

Akan tetapi, menurut Surin pula, beberapa sifat dasar negara Siam itu sendiri serta struktur birokrasinya, telah menyebabkan arahan sang raja tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya. "Birokrasi negara itu sangat didominasi oleh orang Thai Buddhis, yang dijiwai oleh semangat etnik Thai, sehingga tidak bisa diharapkan untuk dilaksanakan dengan ikhlas dasar-dasar negara yang menghormati perbezaan regional..." (Surin, sumber sama, muka surat 54).

Dua tahun selepas mengeluarkan ketetapan-ketetapan yang tidak sampai terlaksana ini, Vajiravudh mangkat (26 November 1925). Baginda digantikan oleh adiknya Prajadhipok, putera bongsu



Phibun Songgram: pelopor dasar Thai Rataniyum

Chulalongkorn daripada permaisurinya Soawabha Phongsi. Zaman pemerintahannya yang tidak lama (dianggap yang terpendek dalam sejarah dinasti raja-raja Chakri) dipenuhi dengan berbagai kekacauan politik dan kewangan. Usaha baginda menyelamatkan kuasa mutlak raja-raja berakhir dengan kegagalan. Tidak lama selepas peristiwa rampasan kuasa yang mengakhiri kekuasaan mutlak raja-raja pada 24 Jun 1932, baginda meletak jawatan.

Rampasan kuasa atau kudeta yang tidak menumpahkan darah oleh kumpulan yang menamakan dirinya *Khana Rasdr* (Parti Rakyat) ini memulakan satu era baru dalam evolusi politik negara Thai. Selepas peristiwa ini satu zaman pemerintahan berperlembagaan dengan kuasa rakyat mendapat tempat mulai wujud di Thailand.

Bagi orang-orang Melayu di Patani, perubahan-perubahan ini disambut dengan genibira. Mereka mengharapkan agar di bawah sistem parlimen, peluang mereka untuk mendapatkan beberapa hak dan kuasa daripada pemerintah pusat, terutamanya yang menyangkut urusan-urusan keugamaan, kebudayaan dan bangsa, akan lebih cerah dan terjamin.

Pada tahap ini, tidak ada pilihan lain bagi Patani kecuali terpaksa menerima realiti bahawa mereka adalah sebahagian daripada wilayah negara Siam. Impiannya untuk memisahkan diri daripada Siam dan bergabung dengan rakan-rakan negeri Melayu milik Inggeris yang bersempadan, hampir dapat dikatakan mustahil. Sepuluh tahun selepas *Pemberontakan Nasa 1922*, pemimpin-pemimpin Patani merasa perlu mencuba taktik baru.

Sekitar waktu yang sama, perkembangan politik di negeri Melayu bahagian Inggeris, juga cenderung ke arah konsolidasi dan penyatuan bagi membentuk sebuah Persekutuan Tanah Melayu yang bersatu. Dengan demikian, dokongan politik yang sudah biasa mereka terima dari negeri-negeri Melayu tetangganya mengering akibat cepatnya pengaruh pentadbiran Inggeris serta pesatnya pembangunan yang dicapai di bawahnya. Sementara itu, semangat nasionalisme yang berkobar seperti pada peringkat awal Inggeris mula-mula mengambil alih negeri-negeri ini daripada Siam (terbukti daripada pencentangan Tok Janggut di Kelantan dan Haji Abdul Rahman Limpong di Terengganu) juga telah mereda. Dua buah keadaan ini, ditambah dengan mangkatnya Raja Patani yang

terakhir di Kelantan pada tahun 1933, telah menyebabkan pemimpin Patani yakin bahawa mereka tidak boleh lagi mengharapkan dokongan daripada rakan-rakannya yang berjiran, tetapi sebaliknya harus berjuang sendiri melalui sistem politik baru Thai yang kini terbuka.

Namun, kegembiraan ini bagaimanapun tidak lama. Harapan orang Melayu Patani untuk bergantung kepada Parlimen ternyata tidak membawa hasil. Peranan dan pengaruh parlimen tampaknya hanya terbatas pada pengungkapan keluhan atas nama rakyat sahaja di samping kekuasaan-kekuasaan yang sangat kecil. Menurut Surin lagi, kekuasaan yang sebenar masih tetap berada di tangan sekelompok kecil pegawai-pegawai tentera serta pegawai-pegawai tinggi kementerian. Selain dari itu, perlombagaan baru Thai itu sendiri memungkinkan wujudnya suatu sistem parlimen yang terdiri dari dua majlis; Majlis Tinggi yang ahli-ahlinya dilantik dan Majlis Rendah yang ahli-ahlinya dipilih. Oleh kerana kabinet yang dilantik tidak tergantung kepada dokongan Majlis Rendah, maka suara rakyat melalui wakil-wakil yang mereka pilih, hampir-hampir tidak mempunyai makna politik apa-apa.

Ternyata orang Melayu sangat dikecewakan oleh sistem yang pada mulanya sangat mereka harapkan bagi memperjuangkan hak-hak mereka di Patani.

Situasi ini kemudiannya semakin memburuk pada bulan Disember 1938 apabila sebuah kabinet yang "ultra nasionalis" dibentuk di bawah pimpinan seorang yang bernama Phibul Songkram. Di bawah kabinet ini segera dilancarkan dasar negara rasialis yang menuakai konsep "negara Thai untuk ras Thai". Dasar ini yang dikenali dengan nama *Thai Rathaniyum* adalah bermaksud bahawa hanya ciri-ciri kebudayaan Thai sahaja yang akan diizinkan dan dibenarkan berkembang di Thailand. Golongan-golongan minoriti lain harus tunduk kepada norma-norma Thai ini. Sebuah kumpulan yang luar biasa ambisiusnya dilancarkan bagi memasukkan semua cabang ras Thai dan bukan Thai ke dalam sebuah entiti politik bangsa Thai yang padu dan kuat. Gerakan ini dikenali juga dengan nama *Pan Thai* atau *Thai Raya*.

Turut berubah di tengah-tengah kemelut kempen ini ialah nama negara itu sendiri. Bagi mencerminkan aspirasi *Thai Rathaniyum* ini, nama lama Siam yang netral dirubah menjadi "Negara Thai" atau

"Thailand" pada bulan Jun 1939. Nama terakhir ini diperkirakan cukup kuat bagi melambangkan semangat rasialisme Thai gaya Phibul. Walaupun nama ini ditukar kembali kepada "Siam" pada bulan September 1945, akan tetapi ia diubah semula kepada "Thailand" pada tahun 1948 dan kekal menjadi nama negara sehingga sekarang.

Kempen atau tepatnya "gerakan" *Thai Rathaniyum* ini sangat mengejutkan orang Melayu di Patani. Harapan mereka untuk mendapatkan sebuah "otonomi" bukan sahaja tidak berhasil dan berantakan, akan tetapi malahan kedudukan lama mereka yang sedia dinikmati sejak sebelum zaman revolusi makin dipersempit. Bukan sedikit kegetiran yang terpaksa mereka alami gara-gara gerakan ini. Politik nasionalis yang ditempuh Phibul nyatanya amat menyeluruh sehingga kegiatan kehidupan rakyat schari-hari pun tidak mampu lolos daripada jaringannya.

Di bawah gerakan ini orang Melayu tidak lagi dibenar mengenakan pakaian tradisional mereka, tidak boleh lagi memakai nama-nama Melayu-Arab sebagaimana lazim serta tidak juga boleh menggunakan bahasa dan tulisan Jawi mereka. Sebaliknya mereka dipaksa memakai pakaian cara barat seperti berseluar dan bertopi (bagi lelaki) dan beraun serta berbaju pendek (bagi wanita). Sebuah dewan kebudayaan Thai, dikenali dengan nama *Sepa Watana Tam*, dibangunkan di Bangkok pada tahun 1940, khusus bagi tujuan memaju serta menyebarluaskan faham kebudayaan Thai ke seluruh negara.

Turut menjadi mangsa ialah urusan peribadi dan keluarga orang Islam seperti perkahwinan dan warisan yang selama sistem *Thesaphiban* Chulalongkorn dikecualikan daripada undang-undang Thai, kini di bawah Phibul pengecualian ini ditarik balik. Lebih menjijikkan ialah upaya yang dilancarkan bagi menyamakan faham kebangsaan Thai dengan Buddhism, dalam erti bahawa pegawai-pegawai kerajaan dapat kehilangan jawatan atau peluang naik pangkat sekiranya mereka bukan berugama Buddha. Kecuali itu, pindaan kurikulum dalam bidang pendidikan juga dibuat bagi maksud menarik orang bukan Buddha agar memeluk ugama Buddha (lihat Surin, *sumber sama*, muka surat 70).

Inilah situasi gawat yang dialami Patani pada saat-saat menjelang Perang Dunia Kedua. Ternyata *Thai Rathaniyum* cukup mempan bagi menjadi sebuah igauan buruk yang menghantui masyarakat Islam Patani

yang diketahui sangat fanatik terhadap ugamanya. Nyata kini bahawa belenggu yang dilemparkan bangsa Thai ke atas Patani sejak 1785 kiranya mula menjerut pada zaman Chulalongkorn dan mengetat pada zaman Phibul. "Rasa mahabbah apapun yang masih ada terhadap kekuasaan Thai menghilang pada saat Bangkok mulai melaksanakan program asimilasi paksaannya", kata Surin lagi.

Menyedari bahaya yang bakal mengancam ugama dan bangsanya, orang Melayu Patani segera bangkit mengatur strategi baru. Sikap terbuka yang mereka ambil sejak bermulanya sistem parlimentar kini berubah menjadi sikap konfrontasi secara terang-terangan.

Tidak ada pilihan lain bagi Patani pada titik ini. Satu-satunya jalan yang terbuka ialah kembali semula ke medan perjuangan seperti yang pernah mereka tempuh pada zaman sebelum revolusi. Hampir seluruh citra mengenai konfrontasi dan penentangan rakyat Patani terhadap Siam pada tahun-tahun sekitar sebelum dan selepas Perang Dunia Kedua terpusat pada seorang tokoh yang sangat karismatik bernama Haji Sulong.

10. HAJI SULONG

Dan Memorandum Tujuh Perkara

Pada waktu Phibul membentuk kabinetnya yang 'ultra nasionalis' pada bulan Disember 1938, Haji Sulong sudah 12 tahun berada di tanah tumpah darahnya - Patani. Pada waktu beliau pulang dari Makkah pada tahun 1926, keadaan di Patani masih panas. Gejolak *Pemberontakan Nasa 1922* masih terasa. Anak-anak dan isteri masih meratapi ayah dan suami yang hilang. Kampung yang di bumi hangus masih tinggal kesan rentong. Sementara pelarian atau pengungsian ramai yang belum berani pulang ke Nasa, setengahnya menetap di Kedah dan sesetengah yang lain menetap di Kelantan, termasuk Raja Patani yang terakhir, Tengku Abdul Kadir Kamaruddin.

Haji Sulong ialah tokoh ulama Patani yang scolah-solah telah 'disediakan' bagi memimpin masyarakatnya buat menghadapi sepak terajang politik *Thai Rathaniyum* Phibul. Beliau ditakdirkan tidak menjadi terkenal kerana kitab-kitab karangannya atau kerana murid-muridnya, tetapi lebih kerana penglibatannya dalam perjuangan memperbaiki nasib dan kedudukan rakyat Patani pada tahun-tahun sebelum dan selepas Perang Dunia Kedua. Kehilangannya secara misteri pada bulan Ogos 1954 persis seperti menambahkan lagi keharuman nama beliau di kalangan rakyat Patani khasnya dan umat Islam Semenanjung Melayu amnya.

Kelahiran dan Pendidikannya

Haji Sulong dilahirkan di Kg. Anak Ru, Patani, pada tahun 1895. Ayahnya, Haji Ab. Kadir bin Muhammad ialah cucu kepada Hj. Zainal Abidin bin Ahmad atau "Tuan Minal", pengarang kitab *Kashf al-Litham* dan *Aqidat al-Najin* yang sangat terkenal itu.

Pada waktu berumur lapan tahun, ayahnya mengirimnya belajar di pondok Tuan Guru Hj. Ab. Rashid Kg. Bandar, Sungai Pandan, Patani.



Haji Sulong: pernah digelar Imam Bonjol Patani

Empat tahun kemudian, iaitu sewaktu berumur 12 tahun, beliau berangkat melanjut pelajaran di Kota Makkah. Selama belajar di sini, beliau bertemu jodoh dengan Hajjah Khadijah binti Hj. Ibrahim Tok Raja, iaitu adik kepada Hj. Mohd Noor Ibrahim yang kemudiannya menjadi mufti Kerajaan Kelantan. Selepas kematian anak pertama yang diberi nama Mahmud, beliau suami isteri pulang ke Patani pada tahun 1926.

Pada tahun-tahun awal selepas kepulangannya, Haji Sulong membangunkan *Madrasah al-Maarif al-Wataniah* di bandar Pattani. Menurut maklumat yang sempat diperoleh, sekolah ini adalah sekolah ugama pertama sepertinya pernah didirikan di Patani. Masyarakat Patani pada waktu itu, malah sampai sekarang pun, yang lebih mengenali institusi pondok sebagai tempat belajar ugama, bagaimanapun menerima baik pembaharuan yang dimulai oleh Hj. Sulong ini. Ia adalah sebuah sekolah model baharu yang bukan sahaja memiliki sukanan pelajaran dan memakai sistem kelas, akan tetapi juga menjadi istimewa kerana adanya latihan kawad oleh para pelajarnya pada setiap pagi. Para pemerhati beranggapan bahawa scolah-olah ada maksud lain bagi Hj. Sulong di sebalik pembaharuan dalam sistem dan corak pendidikan yang diperkenalkannya kepada masyarakat Patani ini. Keadaan ini lebih ketara apabila mengingat adanya kalimah *al-Wataniah*, yang bermaksud 'kebangsaan' pada papan tanda nama sekolah ini.

Meskipun mendapat sambutan baik daripada masyarakat, tetapi sekolah ini ditakdirkan tidak berusia lama. Selepas berjalan antara 2 hingga 3 tahun, sekolah ini menerima perintah "katup" daripada pihak berkuasa kerajaan Thai yang sangat merasa curiga atas perkembangannya.

Dengan sekolah yang diperintah tutup, tidak ada pilihan lain bagi Hj. Sulong kecuali kembali mengajar di madrasah seperti ulama-ulama lain pada zamannya. Mulailah beliau mengajar di surau di depan rumahnya, tetapi sekali lagi tidak seperti ulama-ulama sezaman yang kebanyakannya mengajar dalam bentuk *halaqah* pondok sepenuh masa, corak pengajaran Hj. Sulong lebih berupa kuliah mingguan dan antara Maghrib - Isya'. Pada umumnya beliau mengajar dua bidang ilmu, tafsir dan usuluddin. Cara pendekatan beliau sewaktu mengajar kedua-dua bidang ilmu ini sangat berbeza daripada pendekatan yang pernah di tempuh oleh ulama-ulama pondok tradisional lain pada waktu itu. Bagi masyarakat Patani yang

biasa mengenal tafsir melalui kitab-kitab *Baidhawi* dan *Jalalain*, huraian dan tafsiran ayat-ayat al-Qur'an dari Hj. Sulong adalah "baru" dan sarat dengan konsep tauhid dan semangat jihad. Menurut keterangan yang diperoleh, kuliah beliau sangat menarik, progresif dan berani. Keadaan seperti ini berjalan tanpa gangguan sehingga Perang Dunia Kedua.

Menubuhkan *Hai'ah al-Tanfiziah*

Tidak lama selepas Phibul menjadi Perdana Menteri dan melancarkan kempen *Thai Rathaniyumi*, Hj. Sulong menubuhkan *al-Hai'ah al-Tanfiziah li al-Ahkam al-Shari'iyah* (Lembaga Pelaksana Hukum Shari'ah) pada tahun 1939. Tujuannya ialah untuk menggembeling tenaga penumpin-pemimpin ugama di Patani dalam usaha menyekat ancaman kerajaan Thai hendak mensiamkan orang Melayu serta mempertahankan kesucian ugama daripada dicabul oleh cita-cita *Pan Thai* atau *Thai Raya* gaya Phibul. Sejumlah 11 orang dilantik menduduki lembaga ini, antaranya ialah Hj. Mat Pauh, Hj. Hasan Mak Enggol, Hj. Ab. Majid Embong (Chaok), Tok Guru Bermuin dan lain-lain. Setakat ini belum diketahui sejauh manakah peranan yang telah dimainkan oleh Lembaga ini sehubungan dengan kempen *Thai Rathaniyum* ini.

Adalah dipercayai, bahawa pada peringkat awal, Hj. Sulong tidak bercadang untuk melibatkan dirinya dalam 'politik' Patani, akan tetapi keadaan yang berlaku seolah-olah telah meletakkannya dalam suatu kedudukan yang sukar baginya untuk berlepas tangan. Orang-orang Melayu Patani kiranya telah menemukan satu kepimpinan yang terpercaya di bawah beliau.

Pada tahun 1944, Phibul memansuhkan jawatan Qadhi dan membubarkan undang-undang keluarga dan pembahagian pesaka (faraidh) Islam dan mengantikannya dengan undang-undang civil kerajaan. Apa-apa kes yang berbangkit berhubung dengan perkara ini adalah dirujuk dan diputuskan oleh pihak berkuasa mahkamah awam Thai.

Tidak puas hati dengan perkembangan ini, orang Melayu - Islam menubuhkan Majlis-Majlis Ugama Islam dalam keempat-empat buah wilayah selatan; Patani, Yala, Narathiwat dan Setol. Di Patani, Hj. Sulong terpilih menjadi Yang Dipertua pertama, manakala di Yala, Yang

ang ini. Dalamnya ada banyak hal yang perlu diperbaiki. Terutama dalam pengelolaan sumber daya alam dan lingkungan. Untuk itu, kita perlu berusaha agar seluruh masyarakat Indonesia dapat ikut berperan dalam mengelola sumber daya alam dan lingkungan dengan baik.



Pridi Panomyong: *janji ekonomi untuk Petani?*

Dipetua pertamanya ialah Hj. Mustafa Awang, di Narathiwat Hj. Daud Mat Diah dan di Setol Haji Abdullah Lang Putih (kemudiannya Ahli Parlimen Setol dan Menteri Kesihatan Thai).

Saya tidak pasti siapakah pencetus idea penubuhan majlis-majlis ugama ini. Yang jelas ialah badan ini sekurang-kurangnya dapat diharapkan menjadi penghubung antara rakyat Islam dengan Bangkok tanpa terikat dengan basa-basi pentadbiran dan kepentingan golongan. Dalam keadaan-keadaan tertentu, Majlis menjadi wadah bagi orang-orang Islam dalam empat buah wilayah menyampaikan suara dan citacitanya kepada kerajaan dalam apa-apa masalah yang menyangkut umat dan masa depan Islam.

Hj. Sulong termasuk golongan ulama yang mencurigai keterlibatan kerajaan dalam urusan ugama. Ia berpendapat bahawa campur tangan politik dalam soal-soal hukum Islam sejak masa Raja Chulalongkorn adalah merusak kemurnian dan kesucian Islam. Terlepas daripada soal apakah ada kerjasama antara orang Islam dengan kerajaan atau tidak, Hj. Sulong berpendapat bahawa hukum Islam hendaklah tetap berada sepenuhnya di bawah lembaga kehakiman Islam yang tersendiri.

Pada 14hb. Februari 1944, satu rayuan atas nama masyarakat Islam di kemukakan kepada kerajaan oleh Ahli Parlimen Narathiwat, Tengku Ab. Jalal bin Tengku Abdul Muttalib (Adul Nai Saiburi) berhubung dengan ancaman kempen kerajaan terhadap ugama dan budaya orang Melayu. Jawapan yang diterima dari pihak kerajaan adalah negatif.

Selepas Phibul jatuh pada bulan Julai 1944, barulah tekanan-tekanan ini mengendur sedikit. Perlembagaan baru Thai (Jun 1946) ada memperuntukkan satu dua perkecualian kepada orang Islam. Satu suruhanjaya dibentuk oleh kerajaan baru (pimpinan Pridi dan Kuang Aphiwong) bagi menyiasat keadaan yang berlaku di selatan. Hasilnya: keistimewaan yang pernah dinikmati oleh orang-orang Islam berhubung dengan otonomi hukum keluarga Islam dikembalikan semula. Dalam masa yang sama juga, orang-orang Melayu membentuk sebuah jawatankuasa bertindak bagi mendesak kerajaan memenuhi beberapa tuntutan, antara lain penggunaan undang-undang Islam secara lebih meluas dan taraf kedudukan yang lebih baik bagi orang-orang Islam, sekurang-kurangnya di empat wilayah selatan.

Namun, sedikit kelonggaran ini bagaimanapun tidak dapat dinikmati lama. Pada 8hb. November 1947, Phibul kembali berkuasa selepas melancarkan satu *coup d'état* yang memaksa Pridi lari keluar negeri. Akibatnya: Perlembagaan baru digantung dan Phibul kembali mengganas. Pemimpin-pemimpin Melayu membuat rayuan ke London meminta Inggeris supaya jangan mengiktiraf regim Phibul dan mohon supaya menangani nasib dan masa depan mereka di Patani.

Memorandum Tujuh Perkara

Dalam banyak hal Pridi dapat dianggap sebagai seorang Perdana Menteri yang sangat toleran. Hubungan eratnya dengan *Chularajanontri* (Shaikhul Islam) Haji Shamsuddin telah menyebabkan beliau mudah menangani masalah-masalah orang Islam di selatan. Kepimpinan beliau menjadi tumpuan harapan bagi golongan Melayu - Islam berusaha memperbaiki kedudukannya bagi memperoleh otonomi politik dan kebudayaan dalam sebuah kemaharajaan Buddha yang sangat konservatif di dunia. Tidak lama selepas memegang jawatan pada bulan Mac 1946 ia dapat membujuk Raja Ananda Mahidol bagi mendapatkan sejumlah wang dari perbendaharaan kerajaan bagi memajukan kesejahteraan ugama dan pendidikan orang Islam.

Pada 1hb. April 1947, satu pertemuan di antara pemimpin-pemimpin masyarakat Islam wilayah selatan diadakan di Patani. Keputusannya: satu kata sepakat dicapai bagi menyerahkan sebuah memorandum yang mengandungi beberapa tuntutan daripada masyarakat Islam di selatan kepada wakil-wakil kerajaan Thai apabila mereka datang membuat tinjauan ke Patani (tinjauan ini dilakukan oleh anggota-anggota suruhanjaya yang dibentuk oleh Pridi dalam usahanya menangani masalah-masalah orang Islam di selatan). Setelah siap, memorandum ini kemudian diserahkan secara rasmi kepada 7 orang anggota suruhanjaya yang melawat Patani pada 24 Ogos 1947 oleh Haji Sulong (selaku Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Patani) dan Wan Uthman Wan Ahmad (selaku Pengurus Persekutuan Semangat Patani). Sebelum itu, berdasarkan memoir Haji Sulong sendiri dalam bukunya yang diharamkan, *Gugusan Chahaya Keselamatan*, senarai tuntutan yang sama juga pernah dikirim

କୁନ୍ତୁ ସୁ ଚହିଆ କୁଲାମଣ

* أوله *

صاحب الفنیة ترانکور و الحاج محمد سالم نعاني

دېف دان د کاواز کن اوله

الحاج محمد أمين بن الهرحوم الحاج محمد سالم

و كيل دعيت فطاني

نمبر 25 جالن تارين فطاني

حق ملحف تر تتو باگي ذر پشن

جينا كالى فر تام 10,000 نسخه

2501 هـ 1377 ب

1948 م

Kitab Gugusan Cahaya Keselamatan yang diharamkan oleh kerajaan.
Thail.

langsung kepada Perdana Menteri pada 3hb. April 1947 (2 hari selepas pertemuan diadakan).

Memorandum ini mengandungi rencana tujuh perkara dan sangat diharapkan bagi pembentukan sebuah daerah otonomi Melayu - Islam dalam empat buah wilayah selatan. Inilah memorandum yang kelak kemudiannya masyhur dengan nama "Tujuh Tuntutan Haji Sulong" kepada kerajaan Thai. Tujuh tuntutan ini ialah (saya petik dalam kata-kata Hj. Sulong sendiri sebagaimana yang ditulis dalam memoirnya di atas):-

1. Minta mengadakan seorang ketua yang berugama Islam diperanakkan di dalam empat wilayah dengan pilihan suara anak negeri dalam empat wilayah dengan diberikan kepadanya kuasa penuh.
2. Mengadakan pelajaran bahasa Melayu pada tiap-tiap sekolah mukim bagi kanak-kanak berumur tujuh tahun sebelum lagi masuk belajar bahasa Siam atau bercampur pelajaran dengan bahasa Siam.
3. Kehasilan atau kedapatan di dalam empat wilayah dibelanjakan padanya sahaja.
4. Pegawai kerajaan dipakai orang Islam 80 peratus mengikut penduduk negeri banyak yang berugama Islam.
5. Tulisan bahasa Melayu (jawi-P) menjadi bahasa rasmi.
6. Mengasingkan Mahkamah Shari'ah daripada pejabat undang-undang negeri serta mengadakan undang-undang khas baginya untuk memutuskan pendakwaan yang berthabit dengan hukum ugama Islam.
7. Mengakui rakyat di empat wilayah keturunan bangsa Melayu.

Haji Sulong tidak mencadangkan pembentukan sebuah negara merdeka, tetapi mencukupi dengan hanya sebuah daerah kebudayaan yang otonomi bagi menpertahankan identiti serta sifat-sifat khasnya. Cadangan ini sangat minimun bagi memungkinkan golongan Melayu - Islam melangsungkan cara hidup tradisionalnya serta menjaga kemurnian ugama Islam yang mereka anuti.

Semula, tuntutan-tuntutan ini optimis dapat dipertimbangkan oleh Bangkok, kalaupun tidak sepenuhnya. Di bawah Perdana Menteri Pridi yang diketahui terpengaruh dengan bentuk federalisme Switzerland, beliau dipercayai bersedia memberikan otonomi kebudayaan bagi etnik Melayu dalam lingkungan bangsa Thai. "Pridilah yang oleh Hj. Sulong sebagai pemimpin *de facto* kepada komunitas Muslim, begitu diharapkan untuk memberikan dokongan politik kepada perjuangan untuk memperoleh otonomi politik" (Surin, *Islam di Muang Thai, Nasionalisme Melayu Masyarakat Patani*, LP3ES, Jakarta 1989, muka surat 117).

Bagaimanapun harapan-harapan ini segera buyar dan sirna apabila Phibul kembali berkuasa pada 8 November 1947, tidak lama selepas memorandum berkenaan diserahkan. Meskipun dengan Pridi yang telah pergi, Hj. Sulong yang sudah terlanjur dalam politik, tidak dapat menghentikan langkahnya bagi memperjuangkan otonomi politik yang sudah berjalan. Belakangan, selepas peristiwa ini, beliau banyak terlibat dengan YM Tengku Mahmud Muhyiddin, putera Raja Patani yang terakhir, di Kelantan, dan inilah juga yang menjadi sebab sebenar bagi penangkapan kali pertama ke atasnya pada petang hari Jumaat 16hb. Januari 1948.

Haji Sulong dibebaskan empat tahun kemudian - 1952. Selama dalam tahanan di Ligor, beliau menulis memoirnya *Gugusan Chahaya Keselamatan* yang kemudiannya diterbitkan oleh anaknya Hj. Mohd Amin pada tahun 1958, tetapi segera diharamkan oleh kerajaan. Selepas dibebaskan Hj. Sulong pulang ke Patani dan menyambung semula kerjaya lamanya menjadi "Tok Guru".

11. MAHMUD MUHYIDDIN: dan "janji Inggeris" yang mungkir

(I)

TEMPOH 15 tahun mulai 1939 apabila Haji Sulong menubuhkan *Hai'ah al-Tanfiziah li al-Ahkam al-Shari'iyyah* hingga 1954 apabila beliau "hilang" secara misteri, dapat dianggap sebagai satu tempoh yang sangat kritikal dan menentukan dalam sejarah Patani. Dalam tempoh ini, perjuangan ke arah otonomi Patani pada satu ketika dan ke arah kemerdekaan pada satu ketika yang lain, mencapai puncaknya. Selain Hj. Sulong, terdapat pula seorang lain yang berjuang dalam medan yang sama, tetapi pada sisi lain, dalam upayanya merebut Patani. Tokoh yang dimaksudkan ialah YM Tengku Mahmud Muhyiddin, yang bersama-sama dengan Hj. Sulong membentuk satu regu pimpinan yang sangat berpengaruh dalam perjuangan Patani pada tahun-tahun selama Perang Dunia Kedua dan beberapa tahun selepasnya.

Tengku Mahmud Muhyiddin ialah putera kedua raja Patani yang terakhir - Tengku Abdul Kadir Kamaruddin. Beliau yang dilahirkan di Patani pada tahun 1905, menerima pendidikan awal si sebuah kolej di Bangkok sebelum menyambung pelajaran tingginya di Penang Free School di Pulau Pinang. Selepas ayahnya mangkat di Kota Bharu, Kelantan pada tahun 1933, beliau memasuki Perkhidmatan Pegawai Tadbir Melayu Kelantan dan bertugas sebagai *Superintendent Education Officer* di Kota Bharu. Nama beliau mula dikaitkan dengan perjuangan Patani pada tahun 1942 apabila beliau menyertai pasukan tentera British yang berpangkalan di India.

Adalah menjadi cita-cita Tengku Mahmud untuk membebaskan Patani daripada cengkaman Siam. Meskipun beliau sendiri dilahirkan selepas perlucutan ayahandanya daripada menjadi Raja Patani, akan



Tengku Mahmud Muhyiddin: Sang Putera Malang.

tetapi sebagai bakal pewaris takhta kerajaan Patani, maka adalah menjadi hasratnya untuk mendapatkan semula haknya yang telah dirampas ini. Selepas lama menunggu, peluang nampaknya terbuka pada bulan Disember 1941, apabila Kerajaan Siam di bawah pimpinan Phibul memilih untuk berpihak kepada Jepun dan melawan Berikat dalam Perang Dunia Kedua. Pada bulan Februari 1942, beliau berlepas ke India, berkhidmat dalam pasukan tentera British dan sekaligus bekerjasama dengan gerakan bawah tanah nasionalis Melayu, dengan harapan bahawa apabila perang selesai, British akan membantunya mendapatkan Patani.

Semasa berada di India, Tengku Mahmud pada mulanya bertugas sebagai Ketua Bahagian Melayu dalam Jabatan Penerangan yang ditubuhkan oleh Inggeris. Kemudiannya, apabila pasukan *Force 136* ditubuhkan, beliau dilantik mengetuai pasukan ini dengan diberi pangkat Major oleh Lord Mountbatten. Tugas beliau yang utama ialah melatih anggota-anggota Melayu dalam pasukan ini untuk beroperasi di Pantai Timur Tanah Melayu dan Selatan Thai apabila British merancang pendaratan tenteranya bagi memukul pasukan Jepun di Malaya kelak.

Pada waktu itu Inggeris memang sedang merencanakan jalan "pulang" ke Malaya, manakala Tengku Mahmud Muhyiddin pula sedang merancang untuk mendapatkan pembebasan Patani. Dengan Siam yang kini berpihak kepada Jepun, Tengku Mahmud berpendapat bahawa peluang adalah "terbuka" baginya untuk mendapatkan sokongan Inggeris bagi pihaknya.

Sebenarnya, persoalan mengenai kepentingan Selatan Thai sebagai satu kawasan strategi perang, memang telah lama dibincang di peringkat pegawai tinggi tentera Inggeris di London. Beberapa orang pegawai kanan tentera telah menyatakan betapa perlunya kawasan strategik itu diletakkan di bawah kawalan British. Pada 15hb. Mac 1943, Sir Maxwell, bekas Ketua Setiausaha Negeri-negeri Selat, dalam sebuah memorandum rahsia "Masa Depan Segenting Kra" kepada Pejabat Jajahan telah memperakunkan supaya kawasan berkenaan, atas alasan-alasan strategi perang, digabungkan oleh Inggeris. Menurut beliau, di kawasan inilah, Jepun mendaratkan pasukan tenteranya bagi menghancurkan kekuatan British di Malaya dan Burma. Selain itu beliau juga merujuk kepada kemungkinan adanya bahaya yang bakal mengancam kedudukan Singapura jika Siam atau lain-lain kuasa membina terusan di segenting ini.



Negeri-negeri Melayu Segenting Kra

Menurut Maxwell lagi, adalah tidak sukar bagi British untuk memasukkan daerah-daerah Selatan Thai ini di bawah kawalannya oleh kerana dari segi etniknya, penduduk kawasan ini, terutamanya penduduk wilayah-wilayah Patani, Yala, Setol dan Narathiwat, adalah terdiri daripada orang-orang Melayu yang dari segi sejarahnya mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan negeri-negeri jirannya di utara Malaya. Orang-orang Melayu ini pula, kata Maxwell lagi, akibat daripada tindakan Siam menghapuskan kesultanan mereka dan menguatkuasakan bahasa Thai menjadi bahasa rasmi, telah menyebabkannya lebih cenderung untuk berada di bawah Tanah Melayu Inggeris daripada di bawah Thai.²⁹⁾

Tengku Mahmud Muhyiddin yang pada waktu itu sudah diakui sebagai pemimpin oleh penduduk Melayu Patani, telah "mencium" adanya kesempatan ini dan lalu mengeksploratasinya dengan sangat galak dan lihai. Ia aktif bekerja melatih pasukannya di India dan malahan bepergian sampai ke Hijaz dan Mesir mempengaruhi penduduk Melayu yang terkandas di sana supaya menyokong Inggeris. Bagi rancangan operasi pulang ke Malaya dan tentang nama-nama orang yang patut dihubungi dalam sebuah operasi rahsia dari Trincomalee, Ceylon (sekarang Sri Lanka), Tengku Mahmud adalah menjadi Ketua Penasihatnya.³⁰⁾

Menurut rencana asal Tengku Mahmud, apabila operasi rahsia ini dapat berjalan sebagaimana diatur, hubungan akan dibuat dengan pemimpin-pemimpin Melayu di Selatan Thai bagi menujuhan pasukan anti Jepun dan sekaligus anti Siam di Patani. Di bawah formula ini, apabila kuasa Berikat menyerang Jepun di Malaya dan Selatan Thai nanti, maka mudahlah bagi pasukan ini, dengan kerjasama pasukan *Force 136*, mengadakan perlawanan menentang Siam. Pada perkiraan beliau, apabila Patani berada di bawah pendudukan Berikat, langkah-langkah akan diambil melalui Liga Bangsa-Bangsa bagi membebaskan Patani daripada

29) Lihat Nik Anwar Nik Mahmud "Patani: The Search for Security and Independence" dalam *Akademika 31*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi 1987, muka surat 106.

30) Sila lihat cerita sebenar operasi ini dalam Tan Sri Ibrahim Ismail, *Sudahkah Kamu Bertemu Mariam*, Dewan Bahasa dan Pustaka 1986. Tan Sri Ibrahim Ismail ialah salah seorang bekas anggota Pasukan *Force 136* yang terlibat secara langsung dalam operasi ini pada tahun 1944.

Siam.

Pada tahap ini, segala-galanya berjalan lancar dan baik. Kemerdekaan Patani daripada Siam sudah hampir pasti. Malah, dalam satu majlis yang diadakan di New Delhi, India, pegawai-pegawai tinggi tentera British telah mengangkat gelas minuman "ucap selamat (toast)" kepada Tengku Mahmud Muhyiddin sambil berseru "Hidup Raja Patani". Sewaktu menulis mengenai perkara ini, Surin Pitsuwan menyebut dengan lebih jelas: "ada kemungkinan yang nyata bagi Patani untuk dipisahkan daripada negara Thai apabila perang sudah berakhir nanti".³¹⁾

Akan tetapi wahai, Perang Dunia Kedua di Asia berakhir dengan sangat cepat dan mendadak apabila Jepun menyerahkalah kepada Berikat pada 14hb. Ogos 1945. Akibatnya, semua yang diatur tidak bakal terjadi. Khusus bagi Tanah Melayu Inggeris dan Hindia Belanda (Indonesia), banyak peristiwa politik berlaku di luar perancangan. Antaranya rancangan KRIS (Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung) untuk mengisyiharkan kemerdekaan Tanah Melayu dalam lingkungan Indonesia Raya, menemui kegagalan. Bagi negeri Patani pula, impian Tengku Mahmud Muhyiddin untuk meraih "takhta"nya kembali dengan bantuan British jadi musnah dan hancur berkecaci.

Sebabnya adalah mudah: British tidak lagi memerlukan khidmat pasukan anti Jepun atau *Force 136* untuk kembali ke Tanah Melayu. Dengan penyerahan mendadak Jepun, Inggeris mempunyai laluan mudah untuk "berlenggang" pulang ke Malaya dan sebaliknya menekan kumpulan-kumpulan anti Jepun seperti MPAJA yang dulu dibantunya tetapi kini berbalik menentangnya. Semua yang diatur Tengku Mahmud Muhyiddin punah dan berserak. Rancangan operasinya di Pantai Timur Semenanjung dan Selatan Thai tidak akan pernah menjadi kenyataan, dan dengan demikian, peluangnya untuk kembali ke Patani turut tidak ada.

Bagaimanapun, masih ada satu lagi harapan bagi *Sang Putera Malang* ini, iaitu sanksi perang ke atas Siam oleh pihak Berikat akibat tindakannya (Siam) bersubahat dengan Jepun. Sebagai pesakit perang, menurut beliau, Siam patut dihukum bukan sahaja dengan mengambil semula keempat-empat negeri Melayu (Kelantan, Kedah, Perlis dan Terengganu)

31) Surin Pitsuwan, *ibid.* muka surat 77

yang diserah oleh Jepun kepada Siam, akan tetapi juga sekalian dengan mengambil Pataninya.

(II)

Tengku Mahmud Muhyiddin pulang pada bulan September 1945 dan menyertai Pentadbiran Tentera British (BMA) di Tanah Melayu. Semasa dalam perkhidmatan ini beliau telah mendesak Inggeris supaya mengambil wilayah Selatan Thai mulai Segenting Kra menjadi sebahagian dari Tanah Melayu Inggeris. Desakan ini telah mendapat perhatian daripada pegawai-pegawai tentera Inggeris di Tanah Melayu yang kemudiannya telah membuat pengesyoran kepada Pejabat Luar Inggeris di London supaya menjadikan subjek ini sebuah agenda dalam rundingan antara pihak Berikat dengan kerajaan Thai.

Namun apa yang terjadi adalah sangat mengecewakan. Dalam perjanjian yang dipersetujui pada 1hb. Januari 1946 antara Inggeris-Siam (*The Anglo - Thai Peace Settlement Negotiation 1945 - 1946*) tidak ada wilayah baru dimasukkan di bawah Tanah Melayu Inggeris. Memang benar bahawa Siam telah menyerahkan keempat-enam buah negeri Melayu (Kelantan, Kedah, Terengganu dan Perlis) kepada Inggeris, akan tetapi negeri-negeri ini adalah negeri-negeri asal yang memang telah menjadi milik Inggeris sejak *Perjanjian Bangkok 1909* lagi. Keadaan yang sama juga berlaku pada penyerahan dua buah negeri Shan kepada Inggeris di Burma.

Sudah jelas kini bahawa negeri Patani sekali lagi tidak dipedulikan. Para pengamat sejarah berpendapat bahawa dalam beberapa hal, Inggeris terpaksa tunduk kepada tekanan Amerika yang tidak menganggap bahawa mereka (Amerika) berada dalam keadaan perang dengan Siam, di samping Inggeris sendiri merasa sangat perlu menjaga hubungan baiknya dengan Siam bagi menjaga kepentingan dan masa depan pertahanannya di Asia Tenggara. Paling penting daripada semua ini ialah janji Siam yang akan membekalkan beras sebanyak 1.5 juta ton dengan percuma kepada Inggeris di Tanah Melayu jika Inggeris menggugurkan tuntutannya ke atas Patani.

Tengku Mahmud Muhyiddin kecewa bukan kepalang. "Janji" Inggeris

kepada beliau semasa berkhidmat di India dahulu kiranya dibuat oleh pegawai-pegawai tinggi tentera tanpa apa-apa komitmen dengan kerajaan British sendiri. Manakala beliau sendiri pula, saking naifnya, telah tidak "mengikat" janji ini dalam bentuk yang lebih kemas untuk dapat dipertanggungjawabkan. Dengan demikian, apabila akhirnya British menggugurkan tuntutannya ke atas Selatan Thailandnya dan negeri Patani khasnya, beliau tidak dapat berbuat apa-apa. Pasar sudah usai dan orang-orang sudah pada pulang ke rumah masing-masing.

Sekarang, tidak ada apa lagi yang tinggal bagi Tengku Mahmud. Satu-satunya kenangan yang mampu diraihnya atas semua khidmatnya kepada Inggeris selama ini ialah anugerah bintang kebesaran *Medal Of British Empire* (M.B.E) dari kerajaan British kepadanya.

Meskipun kemudiannya beberapa rayuan dikemukakan oleh pemimpin-pemimpin Melayu Patani kepada Setiausaha Tanah Jajahan Inggeris di London dan Kerajaan Inggeris sendiri, namun keadaan nampaknya sudah tidak dapat diubah. Inggeris seperti tidak punya minat dan atau apa-apa kepentingan lagi dengan Patani. Keadaan ini diperkuuh lebih dua tahun kemudian apabila tercetus darurat di Tanah Melayu (1948) yang menyebabkan Inggeris malahan makin merasa terikat dengan Siam (mulai 1948 kembali bernama Thailand) dalam usahanya membendung kegiatan gerilya komunis di sempadan.

Harus diingat, bahawa sekitar waktu yang sama juga, di Patani sendiri, Haji Sulong dengan beberapa orang rakannya berhempas pulas dengan cara-caranya sendiri pula bagi mendapatkan otonomi Patani. Selepas Tengku Mahmud Muhyiddin pulang dari India, kedua tenaga ini bergabung dalam satu barisan perjuangan yang sama dan dengan motif yang sama. Apabila Haji Sulong ditangkap pada 16hb. Januari 1948, Tengku Mahmud menubuhkan GEMPAR (Gabungan Melayu Patani Raya) di Kota Bharu pada awal Mac tahun yang sama. Beberapa tahun kemudian, apabila Haji Sulong dibebaskan pada tahun 1952, mereka bergabung tenaga lagi sehingga akhirnya Allah S.W.T menjemput mereka ke hadratNya pada tahun 1954 dalam jarak waktu yang tidak berselang lama.

12. GEMPAR

Dan Simpati Parti-Parti Politik Tanah Melayu

GEMPAR (dibaca menurut abjad jawi: ga, mim, pa, ra), atau lengkapnya *Gabungan Melayu Patani Raya*, ditubuhkan di Kota Bharu, Kelantan pada 5hb. Mac 1948 (bersamaan 24hb. Rabi'ul Akhir 1367), tidak lama selepas Haji Sulong ditangkap. Meskipun ada bisik-bisik yang menyebut bahawa ilham bagi penubuhan badan ini berpunca daripada PKMM (Parti Kebangsaan Melayu Malaya), namun sangat jelas penubuhan badan ini nampaknya terjadi secara tergesa-gesa dan lebih merupakan akibat spontan daripada peristiwa penangkapan Haji Sulong daripada misalnya penubuhan sebuah pertubuhan yang dirancang dan ditata terlebih dahulu.

Menurut *Pengasuh* 11hb. Mac 1948, istiadat penubuhan GEMPAR telah disempurnakan pada pagi hari berkenaan, Jumaat, bertempat di Madrasah Muhammadiah, Majlis Ugama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan (bangunan pejabat lama di Jalan Sultan, Kota Bharu), dengan dihadiri oleh sejumlah tidak kurang daripada 200 orang Melayu anak bumi dan keturunan negeri Patani serta orang-orang Kelantan dan lain-lain lagi. Yang Mulia Tengku Ismail bin Tengku Nik telah dipilih menjadi Yang Dipertua GEMPAR dalam penubuhan ini.³²⁾ Beliau dibantu oleh dua orang Naib YDP terdiri daripada YM Tengku Abdul Jalal bin Tengku Abdul Muttalib dan Nik Mahmud bin Hj. Abdul Majid. Setiausaha GEMPAR ialah Nik Muhammad bin Nik Abdul Rahman, manakala penolongnya ialah Tengku Muhammad bin Tengku Husin. Lain-lain exco GEMPAR ialah Hj. Yaakub bin Hj. Abdul Rahman (Bendahari), Kamarulzaman bin Mohd Salleh (Penolong Bendahari), YM Tengku Kamariah binti Tengku Abdul Kadir Kamaruddin (Ketua Kaum Ibu),

32) Beliau ialah ayahanda kepada YM Tengku Ahmad Rithauddin, bekas Menteri Pertahanan dalam kabinet kerajaan Malaysia.

- اورغ اسلام بیع جو گفت کنند این .
 6. حسیل دان سکل فنداقاتن کراچان
 ددالم امفت ولایه ایت هندفله دگوناکن
 باگی فایده دان کماجوان ولایه ۲۱ ایت .
 7. هندفله دتوهکن میلس او گام اسلام
 پھر کواس ددالم سکل حال او گام اسلام
 ددالم امفت ولایه ایت دیاوه تدبیران دان
 اوروسن فکاوی تیکنی .
 8. دشنا براف کمیرا کیت راسای
 تسلک دقاطی بھوا یعنہا کواس کراچان بام
 تله مهتر سوان جواتنکواس باگی میاستکن
 ننتون کیت یقنزیوت دائس این ستالی
 الفکه کجیل هاتی دان رنده سماتت کیت
 دری سبوان کسبوان کیت منتنی ۲ تیاد

- دائس منزوی کتوان ۲۵ مک دکوارکن
 رساله داسر فرجوجان کیت این ستانی
 منجادی فدومن کفڈ سکلین ریعت دستیتو
 دان جوا سنای دنبی دافت ناهو اکن کعذان
 کفیجن دان کبندیون . کیت اومہ ملايو
 دان اسلام ددالم امفت ولایه ۱۱ مددعا داعن
 دافنه کیه منجادیکن کحاسیان چینا ۲ کبة
 اکن حق کمانسان کعادیبلن دان کیسان
 پھر سموای دھن کماجوان تندن دان ماس .
 ۹. ادقون داسرا فرجوجان کیت ایت
 اباله دمکنی .
 ۱۰. هندلق مباتوکن امقة ولایه
 بایت قناني ، جالا ، بشنارا

- فکاوی تیکنی بدلایلیه اوله اتفق ۲ نکارا
 درقد اورغ فرانگن نکارا ایت دان
 برکو اساله ای ددالم سرب مریبی فرناهن
 ددالم امفت ولایه این ساکنی ساتو نکارا .
 ۲۰. دلافن فوله (80%) فرانوس درقد
 کاکی ناشن کراچان ددالم امفت ولایه ایت
 مستبله درقد مزیک پھر او گام اسلام .
 ۳۰. بھاس سیام دان ملايو دجاذیکن
 بھاس نکازا ددالم ولایه ۲۱ ایت .
 ۴۰. بھاس ملايو هندفله دجاذیکن بھاس
 سکوله فرمولامن .
 ۵۰. اوونغ ۳ شرعیه هندفله داکومی
 اوله کراچان دان محکمه شرعیه داسیکن
 درقد محکمه عاده ، حکیمن ۲ هندفله درقد

- جو گ دقاطی جوانن رسی درند کراچان .
 ستانی کیت درقد مریک بدقوله دفرجیا
 بھوا جواننکواس ایت تله منصیحتکن
 کراچان اکن تربیق نالیس کیت ایت هباله
 سوانا فر کارا بیع کجیل دبوات دان دسوکولی
 اوله بھیکن بیع کجیل درقد فوای بیاد قدان
 هباله مصلیحة دیری مریکیت سندیری
 سهاج دان تیدی و اجب باگی کراچان متمیل
 بھجار آن دان تیباشن بیع سقام . حد ایتلہ
 دتللقن سکل فرمستان دان تربیق نالیس
 ریعت ۲ ملايو دیاوه گودان سیام ایت .
 ۵۰. سودھلے کادان یقدمکن ایت
 مک سکارغ دخن کهندق کیاپنکن ریعت
 جلات ملايو بھاد ددالم امفت ولایه یقنزیوت

serta 6 orang ahli jawatankuasa yang terdiri daripada Wan Ibrahim Mustafa (kemudianya diketahui menjadi Pegawai Penerangan), Tengku Din bin Tengku Bongsu, Wan Umar bin Nik Ali, Encik Husin Khal'ie bin Hj. Awang, Encik Asaad Shukri bin Hj. Muda dan YM Tengku Abdul Hamid bin Tengku Muda (lihat *Pengasuh* 11hb. Mac 1948).³³⁾

Tengku Mahmud Muhyiddin sendiri tidak hadir dalam majlis penubuhan GEMPAR ini, juga tidak memegang apa-apa jawatan di dalamnya. Walaupun demikian beliau dipercayai menjadi salah seorang tertubuhnya GEMPAR pada tarikh yang dinyatakan. Dalam suratnya kepada Miss B.W. Jones bertarikh 6hb. Mac 1948 (sehari selepas GEMPAR ditubuhkan), beliau menyatakan keinginannya untuk berdiri "outside the pale" pertubuhan ini.³⁴⁾

Setidak-tidaknya ada tiga tujuan utama kenapa GEMPAR ditubuhkan (seperti dipetik daripada manifestonya yang diterbitkan tidak lama kemudian):-

1. "Hendak menyatukan empat wilayah iaitu Patani, Yala, Bangnara dan Setol sebagai satu negara Melayu dan Islam dan melepaskan kaum Melayu yang ada di dalam empat wilayah itu daripada kehinaan kepichtan, ketindihan, keperahan dan keaniayaan atas diri masing-masing bangsa dan ugama" (*Manifesto GEMPAR* muka surat 7 dan 8).
2. "Mengadakan pemerintahan di dalam negeri yang bersesuai dengan kemahuan dan pendirian kebangsaan Melayu dan adat istiadat dan resam Melayu dan ugama Islam" (*ibid*, muka surat 26).
3. "Meninggikan taraf bangsa Melayu dan mutu kehidupan anak-anak negeri supaya tiap-tiap seorang dan sekaliannya dapat setinggi-tinggi sifat kemanusiaan, keadilan, kebebasan

-
- 33) Dalam pertemuan dengan Che Gu Mohd Abu Bakar bin Saman di Kota Bharu pada tahun 1988, penulis telah diberitahu bahawa satu majlis bergambar telah diadakan bersempena penubuhan GEMPAR. Tidak sampai sepuluh hari selepas peristiwa ini, sekeping gambar yang mengandungi anggota exco GEMPAR yang dipilih, sampai di pejabat Kementerian Dalam Negeri Thai di Bangkok.
- 34) Nantawan Haemindra "Problems of the Thai Muslims in the Four Southern Provinces of Thailand" (Part One), JSEAH, Volume VII, No. 2 September 1977, muka surat 213.

dan ilmu pelajaran yang bersetuju dengan masa dan tamaddun sekarang" (*ibid.*, muka surat 29-30)

Ibu pejabat bagi pertubuhan ini ialah di Kota Bharu. Pejabat-pejabat cawangan terdapat di bandar-bandar seperti Penang, Alor Setar dan Singapura.

Sebuah "Manifesto GEMPAR" (seperti yang dipetik di atas) yang mengandungi objektif serta garis panduan perjuangan dicetak dan diedarkan kemudian. Tidak ada tandatangan atau nama penanggungjawab bagi manifesto ini, demikian juga tarikh cetak dan tempat cetak. Namun begitu adalah dipercayai bahawa manifesto ini dicetak di Kota Bharu, tidak lama selepas GEMPAR ditubuhkan.

Tidak Sempat Meng'gempar'kan

Tahun-tahun selepas Perang Dunia Kedua menyaksikan era kebangkitan perjuangan kebangsaan atau nasionalisma Melayu yang sangat hebat di Nusantara amnya dan di Tanah Melayu khasnya. Pada waktu itu api revolusi Indonesia yang sedang menyalas, sampai juga bahangnya ke Tanah Melayu, manakala kesedaran kebangsaan orang Melayu di Tanah Melayu, terhido juga baunya oleh saudara-saudara mereka di Patani.

Inilah zamannya apabila GEMPAR ditubuhkan pada tarikh yang dinyatakan di atas. Indonesia telahpun mengisytiharkan kemerdekaannya pada waktu ini, meskipun masih menghadapi hujan peluru dan tank baja musuh. Manakala Tanah Melayu (baca: Malaya) pula, meskipun masih belum merdeka, tetapi sudah mampu menolak Malayan Union tajaan Inggeris dan menubuhkan satu barisan umat Melayu yang bersatu di bawah UMNO pada tahun 1946.

Di Patani, pada waktu yang lebih kurang sama, Haji Sulong dan rakan-rakannya bergerak dalam caranya yang tersendiri pula. Berbanding dengan rakan-rakan mereka di Indonesia dan Tanah Melayu, posisi mereka di Patani jauh lebih sulit dan lebih sukar. Sebabnya tidak lain ialah kerana kedudukan negeri Patani itu sendiri yang tidak berstatus "tanah jajahan", tetapi sebaliknya menjadi "sebahagian" daripada negeri Thai.

Dan, seperti yang telah anda baca sebelumnya, upaya Haji Sulong dan rakan-rakannya gagal mencapai matlamat. Selain dari kelemahan-

kelemahan sendiri, kegagalan ini juga bersebab daripada sikap Inggeris yang banyak mengalah serta sedikit kesan politik semasa yang berlaku di Tanah Melayu pada waktu itu.

Ceritanya begini: Tidak lama selepas GEMPAR ditubuhkan, iaitu kira-kira pada bulan Jun 1948, Inggeris mengisytiharkan "Darurat" di Tanah Melayu. Puncanya: huruhara yang ditimbulkan oleh anggota-anggota Parti Komunis Malaya (PKM). Selain dari kesan-kesannya yang nyata dalam sejarah politik Tanah Melayu, peristiwa Dharurat Tanah Melayu ini juga memberikan dampaknya yang besar dalam membantut perjuangan rakyat Patani. Hal ini tampak jelas dalam dua cara:

- a. Melalui persefahaman dan kerjasama antara Inggeris di Tanah Melayu dengan pemerintah Thai di Bangkok. Persefahaman ini dicapai dalam rundingan antara Pesuruhjaya Tinggi Inggeris bagi Asia Tenggara, Mac Donald, dengan Perdana Menteri Thai, Phibul Songkram, dalam upayanya menentang pengganas komunis Tanah Melayu yang berlindung di kawasan sempadan Tanah Melayu-Thai.
- b. Melalui tindakan pemerintah Thai memanfaatkan situasi ini dengan mengumumkan keadaan "darurat" juga di keempat-empat buah wilayah Melayu di Selatan Thai (September 1948) dengan dalih bahawa peristiwa Dharurat di Tanah Melayu telah mendorong orang Melayu dan China yang radikal melawan pemerintah.³⁵⁾

Ternyata kedua-dua perisyiharan darurat ini sangat mematikan langkah perjuangan Patani. Di Tanah Melayu, ekoran daripada perisyiharan ini, parti-parti politik kiri diharamkan. Ramai daripada pemimpin mereka yang selama ini diketahui sangat bersimpati dengan perjuangan orang-orang Melayu Patani, ditangkap dan dipenjarakan. Manakala di Bangkok pula, sebagai imbalan atas jasa yang diberikannya kepada pemerintah Inggeris, Kerajaan Thai telah membuat desakan agar Inggeris menekan kegiatan pemimpin Patani yang bergerak di Tanah Melayu.

35) Surin Pitsuwan, *Islam di Muang That: Nasionalisme Melayu Masyarakat Patani* (terjemahan Hasan Basri dari *Islam and Malay Nationalism: A Case Study of Malay Muslims of Southern Thailand*), LP3ES, Jakarta 1989, muka surat 125.

Keadaan segera menjadi sukar. Orang Patani kini bukan sahaja berhadapan dengan "hati batu" Siam, tetapi juga dengan pemerintah Inggeris di Tanah Melayu yang telah banyak mengecewakannya. Sekitar waktu inilah juga Tengku Mahmud Muhyiddin telah diperingatkan oleh seorang pegawai tinggi Inggeris agar tidak mencampuri permasalahan Patani atas alasan bahawa kerjasama Thai dalam membentera kaum komunis di sempadan adalah "sangat dibutuhkan". Lebih parah daripada itu ialah arahan Inggeris supaya GEMPAR dibubarkan dan orang-orang Patani yang berada di Kota Bharu dipindahkan ke sebuah penempatan khas di Pasir Puteh dan Besut, di samping kegiatan pemimpin-pemimpin mereka "diawasi".

Meskipun tidak sempat meng"gempar"kan kerana terpaksa dibubar lebih awal, namun GEMPAR sempat juga memainkan peranannya mengirim surat-surat bantahan dan rayuan kepada pihak-pihak yang difikirkan dapat membantu merubah nasib rakyat Patani. Antaranya menghantar kawat kepada Perdana Menteri British, Attlee, meminta kerajaannya supaya menangguhkan pengiktirafan ke atas kerajaan baru Thai pimpinan Kuang Aphaiwong sehingga Thailand menyelesaikan permasalahan Patani dan orang Melayu. Ekoran daripada kawat ini, seorang pegawai tinggi dari Kedutaan Inggeris di Bangkok, Richard Wittington, telah pulang ke London untuk berbincang dengan kerajaannya berhubung dengan masalah Selatan Thai serta pindaan kepada Perjanjian Inggeris-Siam 1hb. Januari 1946.

Rayuan juga telah diampaikan kepada Setiausaha Agong Bangsa-Bangsa Bersatu meminta Majlis Keselamatan supaya menyiasat keadaan yang berlaku di Patani serta mengadakan pungutan suara bagi menbolchkan rakyat di wilayah selatan menentukan nasib mereka sendiri. Surat-surat yang senada juga dikirimi kepada negara-negara seperti Pakistan, India, Indonesia dan Asia Barat bagi mendapatkan sokongan.

Namun, seperti yang dapat dilihat, segala usaha GEMPAR melalui diplomasi antarabangsa ini gagal mendapat hasil yang memuaskan. Ia hanya sekadar mampu menarik perhatian masyarakat dunia sahaja. Tidak lebih dari itu. Kerajaan Inggeris tampaknya lebih berminat menjaga hubungan baiknya dengan kerajaan Thai bagi mempastikan eksport beras

Thai terjamin. Begitu juga Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu yang tidak langsung membincangkan persoalan Patani kerana tidak ada sebuah negara pun yang bersedia membawa isu Patani secara rasmi kepada Majlis Keselamatan.³⁶

Simpati Rakan-Rakan Politik di Tanah Melayu

Sangat jelas bahawa pergolakan di Patani diikuti dengan penuh minat oleh saudara-saudara mereka di Tanah Melayu, terutamanya di Kelantan dan Kedah. Seperti yang telah diikuti sebelum ini, sejak Patani jatuh ke tangan Siam, tidak sedikit orang-orang Kelantan dan Kedah, malah Terengganu juga, ikut terseret dalam kempen pembebasan Patani. Pada tahun-tahun selepas Perang Dunia Kedua pula, apabila wadah perjuangan muncul dalam bentuk parti-parti politik, maka simpati ini tertuang melalui sikap dan perjuangan parti-parti politik pula, terutamanya parti-parti politik yang diistilahkan sebagai "kiri".

Sejauh yang dapat dikesan, kontak pertama orang Patani dengan parti-parti politik di Tanah Melayu bermula seawal 1940 apabila sebuah cawangan *Kesatuan Melayu Muda* (KMM) didirikan di Patani di bawah pimpinan seorang tokoh bernama Abdul Rashid.³⁷ Bagaimanapun, tidak jelas sejauh mana peranan yang telah dimainkan oleh KMM sehubungan dengan perjuangan Patani setakat ini. Kontak ini kemudiannya terputus selama pendudukan Jepun di Tanah Melayu, meskipun tidak dapat dinasikan bahawa hubungan rapat antara ahli-ahli KMM, terutama

36) Ramli Ahmad, *Gerakan Pembebasan Patani*, thesis tidak diterbitkan, Jabatan Sejarah Universiti Malaya 1975/76, muka surat 76-80.

37) Nama (tanpa bin) ini disebut oleh Amat Johari Muin dalam bukunya *Sejarah Nasionalisme Maphilindo* (Penerbitan Utusan Melayu, Kuala Lumpur 1969), muka surat 181 yang memetiknya daripada Agastja. Saya telah berusaha mengesan nama ini di Patani tetapi tidak berjaya. Dalam ingatan saya ada seorang tokoh guru dan penulis asal Chabang Tiga, Patani, bernama Abdul Rashid bin Muda. Beliau banyak mengarang serta menterjemah buku-buku pada tahun-tahun sebelum Perang Dunia Kedua yang kebanyakannya dicetak dan diterbitkan di Kota Bharu, Kelantan. Menurut maklumat yang saya peroleh, beliau meninggal dunia di Kota Bharu pada suatu tarikh yang belum dapat dipastikan - cuma disebut "dalam perang Jepun". Dipercayai teman akrab Abdul Kadir Adabi dan Saad Shukri.

Mungkinkah beliau orang yang dimaksudkan oleh Agastja sebagai pemimpin KMM di Patani?

cawangan Kelantan, seperti Saad Shukri, Abdul Kadir Adabi, Wan Mahmud Daud al-Makki, Wan Ibrahim Mustafa dan lain-lain, dengan pemimpin-pemimpin Melayu di Patani, tetap terjalin. Pada waktu diadakan konggeris Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung di Kuala Lumpur pada 16 dan 17hb. Ogos 1945, khusus bagi membuat persediaan mengisyiharkan kemerdekaan Tanah Melayu serentak dengan Indonesia, beberapa orang wakil dari Patani ikut hadir.

Selepas KMM diharamkan, simpati terhadap Patani mucul pula dalam berbagai parti-parti politik Melayu yang lain. *Malays Nationalist Party* (MNP) atau *Parti Kebangsaan Melayu Malaya* (PKMM) yang ditubuhkan persis bagi menggantikan KMM misalnya, pernah dihubungi diperingkat pusat oleh Tengku Mahmud Muhyiddin dalam persoalan mengenai Patani³⁸⁾. Manakala cawangannya di Kelantan, dalam mesyuaratnya pada 10hb. Februari 1948, memutuskan bersetuju memberi pernyataan simpati kepada orang-orang Melayu di Selatan Thai di samping membuat rayuan kepada Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu.³⁹⁾

Kecuali itu, pernyataan simpati juga datang daripada Persatuan Melayu Singapura. Satu keputusan dicapai dalam mesyuaratnya pada 6hb. Mac 1948 bagi menghantar "protes rasmi" kepada Bangsa-Bangsa Bersatu menuduh kerajaan Thai mengamalkan dasar "asimilasi palsu" ke atas bangsa Melayu di samping merayu orang-orang Melayu yang tinggal dalam empat buah wilayah Selatan supaya tidak berluijrah ke Tanah Melayu tetapi sebaliknya tabah menghadapi ancaman Siam. Sebuah cadangan juga telah diterima bagi menghantar tiga orang wakil persatuan, Encik Sardon Jubir, Encik Ahmad Ibrahim dan H.J. Namazie bagi menemui Menteri Negara Inggeris, Lord Listowel, bagi menggesa kerajaannya supaya mendesak kerajaan Thai mengubah dasarnya di Selatan.

Dari Kedah, simpati seperti ini datang dari SEBERKAS yang diketahui mempunyai kontak yang rapat dengan pemimpin-pemimpin Patani. Pada waktu memuncaknya isu Patani, empat orang wakil SEBERKAS datang

38) Ramli Ahmad, *ibid.*, muka surat 65. Lihat juga Ahmad Boestaman dalam *Merintis Jalan ke Puncak*, Pustaka Kejora, Kuala Lumpur, 1972, muka surat 31-38.

39) Nantawan Haemidra, *ibid.*, muka surat 214.

menemui Haji Sulong bagi membincangkan permasalahan Patani serta mengemukakan pandangan-pandangan perlu yang patut diambil. Menurut maklumat, SEBERKAS telah menasihatkan pemimpin-pemimpin Patani supaya menuntut taraf otonomi sebagai tindakan pertama, di samping cuba berusaha membentuk kerajaan buangan di luar negeri pada waktu dan keadaan yang difikirkan sesuai.⁴⁰⁾

Di Perak, badan yang sangat bersimpati dengan nasib orang-orang Melayu Patani ialah MATA atau lengkapnya *Majlis Tertinggi Agama SeMalaya* yang berpusat di Gunung Semanggol. Dari semasa ke semasa, MATA membicarakan perkara-perkara Patani serta turut membantah tindakan Siam di sebuah negeri yang disifatkannya sebagai "bukan miliknya". Dalam mesyuarat agongnya yang pertama pada bulan Mac 1948, suara-suara bantahan ini sangat jelas disampaikan.⁴¹⁾

Lebih daripada simpati ialah tindakan-tindakan yang diambil oleh *Angkatan Pemuda Insaf* (API). Meskipun API hanyalah sebuah barisan pemuda dalam parti induk PKMM, namun ia kemudiannya cepat berkembang membentuk keperibadiannya sendiri menjadi sebuah badan yang sangat dikenal dalam sejarah politik Tanah Melayu. Sehubungan dengan perjuangan Patani, badan ini telah mengatur satu pertemuan dengan Hj. Muhammad Amin (anak kepada pemimpin Patani - Hj. Sulong) di Taiping, bagi membantunya melancarkan satu pemberontakan bersenjata di Patani. Hasilnya: satu rancangan di atur bagi menghantar tiga kumpulan masuk ke Patani melalui tiga tempat; Sungai Derhaka, Baling dan Gerik. Menurut rancangan, kumpulan Sungai Derhaka di bawah pimpinan Zain Ariff akan menunggu di Changloon, manakala kumpulan Baling (di bawah Latif Madin) dan Gerik (di bawah Ahmad Boestamam, Tusin Yusoff dan lain-lain), akan berkumpul di Kg. Lalang, dekat Betong. Dari kedua-dua tempat ini mereka akan di bawa masuk ke Patani oleh rakan-rakan Patani mereka yang sedia menunggu. Dukacita apabila kumpulan-kumpulan ini sampai di tempat yang telah ditentukan, tidak ada orang Patani yang menyambut kedatangan mereka seperti yang dirancang. Mereka merasa sangat hampa. Selepas satu minggu menunggu,

40) Ramli Ahmad, *ibid*, muka surat 67.

41) Nabir Hj. Abdullah, *Maahad Ilyya' al-Sharif Gunung Semanggol 1934-1959*, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia 1976, muka surat 143.



Abdul Rashid Muda: diduga wakil KMM di Patani.

kumpulan-kumpulan ini pulang ke tempat masing-masing.

Kegagalan rancangan ini dipercayai berpunca dari tiga faktor. Pertama: rasa curiga golongan feudal kepada pemimpin-pemimpin API yang anti feudal; kedua: sikap kumpulan pemimpin ugama yang tidak suka kepada pertumpahan darah, tetapi sebaliknya lebih suka kepada cara penyelesaian melalui kompromi dengan kerajaan Thai, dan ketiga: kemungkinan adanya desakan yang dibuat oleh kerajaan Thai kepada Tengku Ab. Rahman supaya menyekat pihak-pihak tertentu di Tanah Melayu daripada membantu perjuangan Patani.⁴²⁾

42) Ramli Ahmad, *ibid.*, muka surat 63-70. Kemudian, dalam pertemuan saya dengan Tuan Hj. Muhammad Amin, saya diberitahu oleh beliau bahawa tindakannya ini telah menimbulkan kemarahan Tengku Mahmud Muhyiddin kepada beliau. Sambil menyifatkan sebagai "bodoh", Tengku Mahmud bertanya beliau "Berapa banyak kamu punya senjata bagi menghadapi Siam?".

13. HAJI SULONG DAN MAHMUD MUHYIDDIN: Regu Pimpinan Yang Tewas

Pada waktu Haji Sulong di tangkap pada petang hari Jumaat 16hb. Januari 1948, polis menemukan "surat wakil" penduduk Patani kepada Yang Mulia Tengku Mahmud Muhyiddin di rumah beliau. Oleh Governor Patani, Phya Ratna Pakdi, penemuan "surat wakil" ini dijadikan alasan bagi pihaknya menahan Haji Sulong.

Apakah maknanya "surat wakil"?

"Surat wakil" ialah surat persetujuan rakyat Patani menyerahkan atau mewakilkan urusan perkaranya dengan kerajaan Siam kepada Tengku Mahmud Muhyiddin. Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, bahawa satu kata sepakat telah dicapai dalam pertemuan di antara pemuka-pemuka masyarakat Islam Patani pada 1hb. April 1947 bagi menyerahkan satu memorandum tujuh perkara kepada team Suruhanjaya Penyiasat Hal Ehwal Selatan yang dibentuk oleh Perdana Menteri Pridi. Meskipun satu naskhah memorandum ini telah dihantar langsung kepada Perdana Menteri pada 3hb. April 1947 (dua hari selepasnya), namun seperti yang diputuskan, naskhah memorandum yang sama telah juga diserahkan kepada anggota suruhanjaya berkenaan pada 24hb. Ogos 1947, iaitu pada waktu team berkenaan melawat Patani. Pada perkiraan pemuka-pemuka masyarakat ini, apabila naskhah-naskhah memorandum ini sampai di Bangkok dan satu dialog mengenainya perlu diadakan di antara pihak kerajaan dengan wakil penduduk Islam Patani, maka "wakil" bagi pihak mereka (penduduk Patani) ialah YM Tengku Mahmud Muhyiddin.

Menurut Haji Sulong dalam bukunya *Gugusan Chahaya Keselamatan*, usaha membuat "surat wakil" ini tidak pernah diselindungi. Oleh kerana beliau yakin bahawa tindakannya ini tidak menyalahi undang-undang (m.s. 3), maka dalam satu pertemuan dengan Governor Patani pada 5hb. Januari 1948, beliau telah memaklumkan sendiri perkara ini kepada

Governor, dan menurutnya, sikap Governor nampaknya "positif". Langkah-langkah kemudianya diambil bagi mencetak sejumlah 200 helai surat wakil ini di Patani Press untuk ditandatangani oleh "manamana mereka yang bersetuju berwakil kepada Tengku itu"⁴³⁾. Dan seperti yang telah diketahui umum, dialog yang sangat diharapkan ini tidak sampai terjadi. Sebabnya ialah: Perdana Menteri Pridi yang merencanakan suruhanjaya berkenaan dan yang bersedia memberikan taraf otonomi kepada Patani, digulingkan di tengah-tengah usaha sedang diambil ke arahnya. Pada 8hb. November 1947, Phibul kembali berkuasa selepas melancarkan sebuah *coup d'état* yang memaksa Pridi lari keluar negeri. Ada maklumat yang sampai kepada penulis bahawa sebelum berlepas ke Singapura untuk mendapat suaka di China, Pridi "bersembunyi" di sebuah pondok di negeri Kedah, menyamar sebagai seorang "Muslim Bangkok" bersama-sama sahabat karibnya Chularajamontri (Shaikhul Islam) Haji Shamsuddin.

Tidak lama selepas berlaku perubahan pucuk pimpinan yang sangat menggejukan orang Melayu Patani ini, Haji Sulong ditangkap pada tarikh yang dinyatakan di atas. Dua hari kemudian, empat orang lagi ditangkap; Wan Uthman Wan Ahmad (Pengerusi Persekutuan Semangat Patani), Hj. Wan Husin Wan Din, Wan Mohid Amin Pujud dan Haji Salleh (Iman Masjid Raja, Cabang Tiga, Patani). Selepas dibicarakan di Nakorn Si Thammarat (Ligor) atas tuduhan menderhaka kepada kerajaan, beliau dan rakan-rakannya dihukum penjara 3 tahun "mengikut undang-undang ayat 104 dalam bab mencela kerajaan". Menurut Hj. Sulong, perbicaraan bagi kes ini bermula pada 14hb. Jun 1948 dan berakhir pada 24hb. Februari 1949. Sejumlah 57 orang saksi daripada pihak pendakwa (kerajaan) dan 15 orang daripada pihaknya telah dipanggil memberi keterangan. "Inilah sebesar-besarnya guaman di dalam negeri benua Siam", katanya.⁴⁴⁾

Pada waktu peristiwa ini berlaku, Tengku Mahmud Muhyiddin sudah lama pulang ke Tanah Melayu dan meneruskan kontaknya dengan pemimpin-pemimpin Melayu Patani, termasuk Hj. Sulong, dalam usahanya

43) Haji Muhammad Sulong Patani, *Gugusan Cahaya Keselamatan*, Patani 1377, muka surat 7.

44) Haji Muhammad Sulong Patani, *ibid.*, muka surat 12.

mewujudkan suasana "sokongan" di peringkat bawah bagi membantunya "menekan" Inggeris mendapatkan Patani. Sebelum Hj. Sulong, Tengku Mahmud Muhyiddin diberitakan telah meminta Tengku Ab. Jalal Bin Tengku Ab. Muttalib (Adul Na Saiburi), ahli Parlimen Narathiwat, supaya mengemukakan surat bantahan kepada kerajaan Siam berhubung dengan ancaman *Thai Rathaniyum* terhadap masa depan ugama dan budaya orang Melayu. Menurut catatan, surat bantahan ini telah dikemukakan pada 14hb Februari 1944, iaitu lebih kurang satu setengah tahun sebelum Jepun menyerah kalah. Jawapan yang diterima daripada pihak kerajaan bagaimanapun adalah negatif.

Selain itu, sebuah petition telah juga disampaikan oleh YM Tengku Ab. Kadir (Putera Raja Saiburi/Teluban yang terakhir) kepada Setiausaha Tanah Jajahan British di London bertarikh pada 1hb. November 1945, meminta supaya "membantu kami membebaskan diri daripada kekuasaan Siam". Petition ini juga dibuat atas nasihat Tengku Mahmud Muhyiddin sekembalinya ke Malaya pada bulan September tahun yang sama.

Kedua-dua surat rayuan dan petition ini bagaimanapun gagal merubah "hati batu" Siam yang keras sebagaimana ia juga gagal "mempengaruhi" kuasa tawar-menawar Inggeris. Dalam Rundingan Damai Inggeris-Thai 1946 (1hb. Januari), Inggeris telah mengalah kepada tekanan Amerika yang berpihak kepada Siam serta menerima janji Siam yang bersedia membekalkan 1.5 juta ton beras kepada Inggeris di Tanah Melayu sekiranya Inggeris menggugurkan tuntutannya ke atas Patani.

Dengan demikian, selepas Perang Dunia Kedua, perjuangan rakyat Patani berubah daripada tuntutan mendapatkan kemerdekaan mutlak daripada Siam kepada "berpada" dengan tuntutan mendapatkan taraf otonomi dengan kuasa-kuasa tertentu di dalam wilayah kemaharajaan Thai. Sifat otonomi ini, dari segi ciri dan bentuknya, adalah sebagaimana yang terkandung di dalam memorandum tujuh perkara atau tujuh fasal yang telah dihantar kepada Perdana Menteri Pridi pada bulan April 1947.

Dengan tertangkapnya Hj. Sulong, hampir tidak ada upaya lagi bagi Tengku Mahmud Muhyiddin. Usahanya selama tahun-tahun Perang Dunia Kedua dan selepasnya, baik di luar negeri maupun di Tanah Melayu, juga baik melalui saluran Inggeris maupun kontak dengan pemimpin-pemimpin tempatan di Patani sendiri, punah dan berantakan.

Tidak lama selepas kegagalan sessi dialog yang sangat diharapkan dengan Pridi dan penangkapan ke atas Hj. Sulong, Tengku Mahmud persis seperti mau melupakan sebentar keperitannya mengenai isu Patani, telah menerima jawatan Naib Yang Di Pertua Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan pada 1hb. Julai 1948. Jawatan ini adalah sebuah jawatan eksikutif bagi membantu Yang Di Pertua (pada masa itu disandang oleh Yang Teramat Mulia Tengku Yahya Petra), dan yang memerlukan beliau bertugas sepenuh masa dengan Majlis. Selama tiga setengah tahun beliau "berhabis waktu" di sini sambil memikirkan apakah yang patut dibuat mengenai Patani. Pada 1hb. Januari 1952 (tahun yang diperkirakan Hj. Sulong akan dibebaskan), beliau meletak jawatan untuk beralih ke "bidang perniagaan".

Akhir Riwayat Haji Sulong

Setelah menjalani hukuman penjara dalam jail besar (istilah Patani: *gok*) "Bang Kuan" di Bangkok, Hj. Sulong dibebaskan pada tahun 1952. Selama dalam penjara ini, beliau menyampaikan diri menulis empat buah kitab ugama dan sebuah buku mengenai penglibatannya dalam politik Patani. Anak beliau, Hj. Mohd Amin, memberitahu penulis bahawa beliau (Hj. Mohd Amin) telah membaca kesemua naskhah ini dan bercadang akan mencetaknya bila ada kesempatan. Namun, "amat disayangkan kerana naskhah-naskhah ini kemudiannya hilang dalam pindah-randah dari satu tempat ke satu tempat yang lain", katanya.

Selepas dibebaskan, Hj. Sulong kembali ke Patani dan menyambung semula "kerjayanya" yang lama: mengajar. Entah kerana simpati entah kerana pengajarannya yang lebih berkesan dan berani, kuliah-kuliahnya dikunjungi oleh ramai pendengar. Pada hari-hari beliau mengajar, bandar Patani dijejali orang ramai, manakala kenderaan bersesak di jalanraya. Para hadirin dikatakan datang sejaoh Jambu dan Palas (dari arah barat), dan Telaga Bakong dan Nongchik (dari arah utara).

Sambil itu, bersama-sama Tengku Mahmud Mulyiddin yang telah meninggalkan jawatannya di Majlis Ugama Islam Kelantan, beliau masih tidak lepas daripada terlibat dalam perjuangan politik Patani. Kali



Haji Wan Osman (atas) dan Che Ishak Abbas (bawah):
tewas bersama Haji Sulong.


ini mereka bergabung tenaga di dalam GEMPAR pula. Dengan masing-masing telah melepaskan jawatan rasminya, kedua-dua mereka kini mempunyai lebih banyak masa dan tumpuan kepada perjuangan Patani ketimbang masa-masa lalu.

Selepas dua tahun dibebaskan, keadaan nampaknya tenang dan aman. Kuliah-kuliah beliau berjalan baik, demikian juga kontak dan strategi perjuangan yang beliau atur bersama Mahmud Muhyiddin di Kelantan. Hampir tidak pernah ada sekatan pergerakan dikenakan oleh pihak berkuasa Thai ke atas beliau.

Schinggalah pada suatu hati apabila ketua pegawai penyiasat polis Thai di Songkhla, Lt. Col. Bunlert Lertpricha, memanggil Hj. Sulong, Che Ali bin Che Wook, Wan Uthman Wan Ahmad dan Che Ishak Abas supaya hadir ke pejabatnya di Songkhla. Menurut maklumat, Che Ali telah mengambil tindakan berasingan apabila beliau pergi ke Songkhla secara bersendirian lebih awal daripada rakan-rakannya yang lain. Tidak diketahui apakah yang telah dibincang dalam pertemuan berasingan ini. Bagaimanapun, melalui Che Ali ini, dikirimkan pesan supaya "Tok Guru" datang.

Pada hari Jumaat 13hb. Ogos 1954 (14hb. Zulhijjah 1373) berlakulah takdir Allah ke atas hambaNya. Hj. Sulong dan rakan-rakannya hadir di Songkhla memenuhi perintah panggilan ketua pegawai penyiasat polis. Turut hadir ialah anak beliau, Ahmad, yang dibawa bagi menjadi juru bahasa di antara pihaknya dengan pihak polis (Hj. Sulong dan rakan-rakannya tidak menguasai bahasa Thai). Sekali lagi tidak diketahui apakah yang telah dibangkitkan dalam pertemuan ini, kerana selepas pertemuan ini, Hj. Sulong dan rakan-rakannya, termasuk anaknya Ahmad yang dibawa untuk menjadi jurubahasa, "hilang" dan tidak pulang-pulang lagi ke Patani. Pada waktu diajukan pertanyaan ke pejabat polis, pihak polis sambil "angkat bahu" menyatakan bahawa Tok Guru sudah dibenarkan pulang. Sebuah buku rekod polis yang mengandungi tanda tangan keempat-cmpat mereka berlepas pulang ditunjukkan sebagai bukti.

Belakangan, ada teori yang menduga bahawa keempat-cmpat mereka "ditangkap" di luar undang-undang selepas mereka menurunkan tanda tangan "pulang" ke rumah masing-masing. Mereka kemudiannya dibunu-



Pulau Tikus dilihat dari pantai Samila, Senggora. Di sana lah dipercaya Haji Sulong bersama-sama dengan anak dan pengikutnya dibenamkan ke dasar laut.

dan ditenggelamkan di luar Pantai Samila (*Samila Beach*), Songkhla, pada malam hari yang sama.

Seorang nelayan Songkhla asal Penarek, Husin namanya, tiba-tiba diminta oleh seorang pegawai polis berbangsa Melayu supaya membuang 5 buah guni berisi "mayat" ke laut di luar pantai berhampiran Pulau Tikus. Semula beliau tidak mengetahui apa-apa berhubung dengan "guni-guni" mayat ini, tetapi kemudiannya setelah naik ke darat dan mendengar berita kehilangan Tok Guru, beliau segera 'mencium' adanya kaitan di antara peristiwa ini dengan "guni-guni" yang dibuangnya pada malam hari berkenaan.

Empat buah guni berkenaan dipercayai mengandungi mayat empat orang anggota rombongan Hj. Sulong, manakala sebuah yang lain disebut-sebut mayat seorang aktivis komunis berbangsa China.

Oleh keluarga Hj. Sulong, Husin diambil dan dilindungi, untuk dijadikan satu-satunya saksi dalam usutan Hj. Sulong yang bakal diperkarakan. Akan tetapi wahai, sebelum usutan dikemukakan, Husin telah dibunuh oleh seorang pembunuh upahan apabila beliau pada suatu hari keluar dari rumah perlindungannya untuk pulang melihat isteri dan anak-anaknya di Penarek.

Dengan demikian, kes "kehilangan" Hj. Sulong tidak pernah sampai ke muka pengadilan. Ketiadaan saksi dan ketiadaan kerjasama pihak polis, ditambah dengan rasa takut yang menghantui masyarakat Patani berikutan tragedi yang menimpa Hj. Sulong dan rakan-rakannya, telah menyebabkan tidak ada maklumat dapat dikumpul bagi dijadikan hujjah dan keterangan sekiranya kes berkenaan mau diperkarakan.

Akhir Riwayat Tengku Mahmud Muhyiyidin

Adapun Tengku Mahmud Muhyiyidin, maka beliau ditakdirkan meninggal lebih awal daripada Hj. Sulong. Tidak lama selepas meletak jawatan daripada menjadi Naib YDP Majlis Ugama Islam Kelantan, beliau membangunkan resort Pantai Cinta Berahi yang terkenal di Kelantan.⁴⁵⁾ Dengan berselindung di balik kedok perusahaan pelancongan ini, beliau

45) Mulai 1991 bernama *Pantai Cahaya Bulan*.

aktif mengatur strategi baru merebut Patani. Ada maklumat yang dapat penulis petik bahawa acapkali pantai peranginan ini menjadi pangkalan penyuludupan senjata ke pantai-pantai di negeri Patani. Bagaimanapun, aktiviti ini tidak sempat berjalan lama, sehingga kita pun tidak pernah tahu apakah yang bakal dibuat oleh Mahmud Muhyiddin pada tahap ini. Tidak lama selepas bermula pada tahun 1952, beliau meninggal dunia secara mengejut pada 12hb. Februari 1954.

Kuat dugaan penulis bahawa pada peringkat ini Tengku Mahmud sedang merencanakan samada untuk melancarkan sebuah pemberontakan bersenjata secara terbuka melawan Siam atau sedang menyusun suatu gerakan bawah tanah dengan kerjasama pemimpin-pemimpin tempatan di Patani.

Kematian beliau dimasyurkan kepada umum sebagai "mabuk ubat" atau "salah makan ubat" atau "keracunan ubat dengan durian". Maklumat ini diterima umum tanpa sebarang prasanga.

Benarkah demikian?

Pada tahun 1964 (10 tahun selepas kematian beliau), pada waktu penulis sedang belajar di Kota Bharu, seorang guru ugama, Hj. Wan Mahmud Daud al-Makki, memberitahu penulis bahawa kematian Tengku Mahmud Muhyiddin sebenarnya bukan kerana "keracunan" ubat seperti yang disebarkan kepada umum, tetapi memang sengaja "diracun" oleh orang tertentu melalui suatu perencanaan yang rapi daripada pihak Siam. "Saya kenal orang yang bekerja menjadi tali-barut Siam untuk tujuan ini", katanya. "Beliau termasuk anggota salah sebuah keluarga yang agak ternama juga di Kota Bharu".

Sayangnya, pada waktu saya bertanya beliau mengenai identiti orang berkenaan, beliau keberatan memberitahu kerana menurutnya orang berkenaan masih hidup pada waktu itu. "Tunggulah, saya akan memberitahunya kemudian," janjinya kepada saya.

Haji Wan Mahmud pada waktu itu sedang mengajar di Maahad Muhammadi, Jalan Merbau, Kota Bharu. Ayah beliau, Sheikh Daud bin Ismail al-Fatani, ialah sepupu kepada Tok Guru Hj. Wan Ahmad bin Mohd Zain bin Mustafa al-Fatani, seorang ulama Patani yang sangat terkenal pada penghujung abad ke-19 dan awal abad ke-20. Manakala ibunya, Fatimah, ialah anakanda kepada Tok Wan Ali Kutan, seorang

ulama Kelantan yang termahsyur pula. Pada waktu mudanya beliau aktif dalam Kesatuan Melayu Muda Cawangan Kelantan, dan akibatnya, beliau pernah ditahan Inggeris bersama-sama dengan Ibrahim Fikri (Terengganu), Wan Ibrahim Mustafa dan Mohd Abu Bakar bin Saman (semuanya sudah meninggal dunia).

Hubungan kami terputus empat tahun kemudian apabila saya meninggalkan Kota Bharu. Sejak itu kami jarang berjumpa. Sehingga pada waktu beliau meninggal dunia pada 14hb. April 1979, saya tidak pernah punya kesempatan yang menasabah untuk bertanya beliau tentang nama talibarut Melayu yang bekerja bagi pihak Siam seperti yang dijanjikannya kepada saya pada tahun 1964.

Benarkah maklumat ini? Hanya Allah s.w.t sahaja yang mengetahui.

14. TAHUN-TAHUN SELEPAS HAJI SULONG

Tahun 1956

Saya terjaga pada suatu pagi yang dingin untuk mencuri dengar percakapan bapa saudara saya dengan temannya mengenai seorang yang bernama "Haji Sulong". Percakapan itu berlangsung dengan sangat perlahan, hampir seperti berbisik, selagi mereka sedang duduk-duduk di atas bangku kayu di luar dinding bilik tidur saya, sambil menunggu sarapan pagi.

Pada waktu itu saya adalah bocah kecil yang baru berusia 9 tahun. Untuk selama satu minggu selepas bulan puasa tahun itu, saya dititip ayah di rumah bapa saudara saya di Teluk Hala, kerana menurutnya beliau sedang perlu berurus dengan seorang sahabatnya di Kelantan.

Sudah menjadi suatu kelaziman bagi saya tinggal di Teluk Hala pada waktu ayah sedang bepergian. Kerana sudah biasa, saya pun tidak merasa kekok apa-apa. Sehari-hari saya asyik bermain dengan adik-adik sepupu saya, terutama Abdullah, yang satu tahun lebih muda dari saya. Lebih menyenangkan ialah kerana isteri bapa saudara saya yang saya panggil Mak Bidah, sangat memanjakan saya.

Seperti itulah pada pagi yang dingin itu. Saya masih di atas kasur bersama sepupu saya Abdullah; sudah terjaga tetapi enggan bangkit. Seperti biasa, selesai senibyang subuh di sebuah balaisah berdekatan, bapa saudara saya bersenang-senang dengan teman jamaahnya, sambil beracak-acak menunggu Mak Bidah menyediakan sarapan pagi untuknya dan teman-temannya.

Rumah itu adalah sebuah rumah kedai yang dibina memanjang di tepi jalan pekan kecil bersimpang tiga itu. Setiap hari, pada waktu pagi, Mak Bidah berjualan nasi di atas gerai di depan rumah kedainya.

Sambil berselimut menahan dingin udara pagi di daerah berbukit itu, saya terus mencuri dengar percakapan mereka. Meskipun sangat perlahan,

namun saya dapat mendengarnya, kerana antara saya dengan mereka cuma dijaraki sekeping dinding kulit kayu yang tipis dan tidak dipaku rapat.

"Sukar untuk mencari seseorang bagi menggantikan Haji Sulong", kata bapa saudara saya yang saya panggil Ayah Mat.

Kata-kata itu sangat melekat dalam ingatan bocah kecil berusia 9 tahun yang tidak pernah dibenarkan belajar di "sekolah Siam".

*

*

*

*

Kecuali itu, saya pun tidak pernah tau siapa sebenarnya Haji Sulong. Saya tertarik mendengarnya semata-mata kerana percakapan itu berlangsung sedemikian perlahan. "Mesti ada apa-apa", fikir saya waktu itu.

Sehingga pada suatu hari apabila ayah pulang dan memberitahu ibu supaya bersiap-siap menyediakan keperluan saya. Waktu itu saya sudah berangkat dewasa; sudah belajar pondok, sudah mampu membaca jawi, pun sudah belajar bahasa Arab asas. Saya ingat benar bagaimana ayah memanggil saya pada suatu malam dan memberitahu, "Sudah sampai waktunya kamu pergi ke Kelantan dan belajar di sana. Aku sudah mengatur tempat belajar kamu di Bunut Payung dan meminta datuk saudara kamu di Palekbang supaya menengok kamu semasa kamu di sana".

Saya tidak dapat membantah, juga tidak ibu. Seperti biasa, apabila ayah mengeluarkan perintahnya, maka tidak akan ada sesiapa yang mampu menghalang.

Tidak ada sebab pernah dikemukakan kenapa saya harus belajar di Kelantan, sebagaimana juga tidak pernah ada alasan diberi kenapa saya dilarang belajar di sekolah Siam seperti adik sepupuku Abdullah.

"Nanti kamu akan tau sendiri", beritau ayah pada waktu saya memberanikan diri bertanya. Pada waktu itu saya memang sangat sedih kerana terpaksa berpisah dari ibu dan adik-adik, juga dari Mak Bidah yang sentiasa memanjakan saya.

*

*

*

*

Baru setelah berada di Kota Bharu saya mengetahui bahawa ayah mempunyai keluarga yang ramai di Kelantan, sehingga saya pun tidak pernah merasa sunyi dan terasing. Selepas dua tahun belajar, saya tidak pernah lagi pulang pada setiap kali musim cuti. Masa-masa senggang yang ada, saya gilirkan di antara sanak keluarga ayah yang ramai ini.

Pada suatu hari, masih pada pertengahan dekad 1960an, ayah datang ke pondok tempat saya menginap. Setelah mempastikan bahawa saya memang seorang anak yang patuh belajar, ayah memberiku hadiah berupa sebuah buku yang masih dalam balutan kertas. Selepas meninggalkan pesan "harap baca buku ini, jangan tidak", ayah pulang ke Patani.

Selepas beliau berbalik pergi, saya lalu memeriksa buku itu. Ternyata sebuah buku mengenai Patani bertajuk "Sejarah Kerajaan Melayu Patani" karangan Ibrahim Shukri. Selepas membaca buku ini, saya mula mengerti sikap ayah yang keras dan kenapa ayah memaksaku belajar di Kelantan.

Isi buku *Sejarah Kerajaan Melayu Patani* sangat mempengaruhi emosi dan sentimen saya selaku anak negeri Patani. Pada waktu itu saya sudah berusia 17 tahun dan banyak terdedah dengan buku-buku. Di Kota Bharu sendiri, sepanjang dekad 1960an, saya banyak mengikuti syarahan-syarahan politik yang kerap diadakan di Padang Merdeka. Tidak syak lagi, minat saya yang tinggi kepada buku, ditambah dengan pengaruh teman-teman sebaya yang banyak mengheret saya ke dalam majlis-majlis ceramah dan forum, telah mempertajam persepsi saya kepada berbagai-bagai permasalahan bangsa dan umat. Tidak hairan, apabila ayah memberi saya sebuah buku seperti SKMP, maka kesannya amat mendalam dan sangat berpengaruh.

Melalui buku inilah saya mula berkenalan dengan Haji Sulong, meski agak rengkas dan umum. Belakangan, apabila maklumat mengenai beliau ini saya peroleh lebih banyak, saya jadi mengerti akan cakap-cakap bapa saudara saya lebih satu dekad yang lampau.

Bertahun-tahun kemudian, saya langsung terlibat menekuni bidang sejarah Patani. Apa sahaja bahan yang saya temui mengenai Patani, akan saya kumpul untuk dijadikan sumber maklumat. Dalam hal ini, saya minta maaf pada ayah kerana tidak mampu menjadi seorang ulama seperti yang diharapkannya senula. Apa bolch buat kalau memang minat saya

lebih tertumpah kepada bidang sastera dan sejarah ketimbang bidang akidah atau shari'ah. Namun, di atas semuanya, saya merasa yakin bahawa saya tidak pernah mengecewakan ayah.

* * * *

Kematian Haji Sulong dianggap oleh sesetengah pemerhati sebagai bukti kegagalan pihak berkuasa Thai mengintegrasikan golongan minoriti Islam ke dalam negara Thai sebagaimana yang dapat dilakukannya ke atas golongan-golongan etnik lainnya. Berbanding dengan suku Isan di bahagian timur laut Thailand, orang Melayu-Islam di selatan (baca: Patani) hampir tidak mempunyai sebarang hubungan etnis dengan orang Thai. Ditambah dengan perbezaan bahasa, ugama, budaya dan juga pengalaman politik yang perit dengan Siam, hubungan orang Melayu dengan orang Thai hampir selamanya kekal dalam bentuk bertolak-belakang.

Selepas Haji Sulong, bentuk perjuangan orang Melayu terhadap Thai mengambil bentuknya yang lain. Dengan pemergian beliau, berakhirlah sebuah era penentangan di bawah pimpinan ulama. Sebelum muncul semula dalam bentuk perjuangan berorganisasi pada tahun-tahun 1960an, orang Melayu Patani tinggal terpaku mencari arah haluan selama beberapa tahun. Selama tempoh ini, Phibul Songkram, tanpa tedeng aling-alings meneruskan ulah politik ultra nasionalnya, melalui assimilasi kebudayaan yang dipaksakan sehingga September 1957 sebelum digulingkan oleh orang kuat tentera yang lain - Sarit Thanarat.

Pertubuhan Pembebasan Selepas Haji Sulong

Terdapat beberapa pertubuhan besar orang Melayu-Islam di Patani selepas Haji Sulong. Semua pertubuhan ini, tidak syak lagi, adalah pertubuhan atau organisasi yang berjuang untuk mendapatkan pembebasan Patani, atau dalam istilah lain biasa juga disebut "perjuangan pemisahan". Bagaimanapun, atas beberapa alasan, terutamanya kerana siri-siri "perjuangan" ini masih berlangsung, juga kerana saya sendiri merasa perlu membataskan isi buku ini di sini, maka saya tidaklah bercadang untuk menulis detail mengenai tindak perjuangan pertubuhan-pertubuhan



Tengku Abdul Jalal Mutalib alias Adul Na Saiburi (atas) dan Tengku Wira Kotanila: *dua pewaris takhta yang menganut fahaman politik berbeza.*

ini. Saya percaya, satu perbincangan khusus mengenai gerakan pemisah ini akan memerlukan sebuah tulisan yang tersendiri pula. Buat sementara, memadai lah jika di bawah ini saya hanya mencataatkan beberapa nama pertubuhan ini dengan beberapa maklumat sekadarnya.

a- Barisan Revolusi Nasional (BRN)

Ditubuhkan pada 13hb. Mac 1960, pertubuhan ini merupakan organisasi pertama ditubuhkan selepas pengharaman GEMPAR pada tahun 1948. Matlamat utama BRN ialah untuk menyatupadukan semula kumpulan pejuang yang ada ke dalam sebuah pertubuhan tunggal bagi memperjuangkan kemerdekaan Patani. Pada permulaan wujudnya, pertubuhan ini berjaya menggabungkan berbagai golongan pemimpin di dalam suatu wadah perjuangan semata-mata bagi mencapai matlamat yang telah digariskan. Di antara mereka termasuklah Haji Muhammad Amin (Presiden) yang boleh dianggap mewakili golongan tradisional ugama, Tengku Abdul Jalal bin Tengku Abdul Muttalib selaku Naib Presiden yang mewakili golongan feudal atau aristokrat dan ustaz Abdul Karim Haji Hasan selaku Setiausaha yang mewakili golongan muda yang panas-baram dan bersemangat revolucionar.⁴⁶⁾

Oleh kerana ia adalah pertubuhan pertama ditubuhkan bagi menyambung perjuangan Patani selepas meninggalnya Tengku Mahmud Muhyiddin dan Haji Sulong, maka BRN telah mendapat sokongan dan simpati yang sangat menggalakkan daripada masyarakat. Dalam masa yang singkat BRN telah berkembang hampir ke seluruh daerah dalam tiga buah wilayah selatan. Di tambah dengan meningkatnya gerakan komunis di kawasan sempadan, perkembangan BRN seperti ini tentu sangat mencemaskan kerajaan Thai.

Pada tahun 1963, kepaduan pucuk pimpinan berbagai golongan ini mulai retak. Ini terjadi kerana meluasnya jurang ideologi dan arah tuju perjuangan di antara mereka yang menerajui BRN. Ustaz Abdul

46) Haji Muhammad Amin (Thai: *Amin Toh Mina*) ialah anak kepada bekas pejuang Patani yang sangat terkenal, Haji Sulong, manakala Tengku Abdul Jalal (Thai: *Adul Na Saiburi*) ialah anak kepada Raja Teluban yang terakhir, Tengku Abdul Muttalib. Kedua-dua mereka pernah menjad i Ahli Parlimen Thai bagi kawasan Patani dan Narathiwat.

Karim misalnya, bekas scorang guru ugama pondok dalam daerah Jabat (Thai: *Ruso*), dikatakan sangat revolutionar dan cenderung kepada faham sosialis. Beliau mempunyai hubungan rapat dengan Partai Rakyat Malaya (PRM) pimpinan Boestaman dan ingin supaya BRN berjuang mengikut lunas-lunas perjuangan Partai Rakyat Malaya dengan matlamat membentuk sebuah negara republik Patani berasaskan sosialis. Keadaan ini telah menyebabkan berlaku perpecahan dalam BRN apabila Tengku Abdul Jalal yang mewakili golongan feudal dan Haji Muhammad Amin yang mewakili golongan tradisional ugama keluar meninggalkan BRN kerana lebih suka meneruskan perjuangan pembebasan Patani tanpa menekankan apa-apa faham atau ideologi. Kedua mereka kemudiannya menubuahkan Barisan Nasional Pembebasan Patani (BNPP). Seorang lagi pemimpin BRN, Haji Yusoff Chapakia (Banggol Petai), juga meninggalkan BRN tetapi menubuahkan organisasi sendiri - Parti Revolusi Nasional (PARNAS) pada tahun 1965.

b- Pertubuhan Bersatu Pembebasan Patani (PULO)

Ditubuhkan di India pada 22hb. Januari 1968 oleh Tengku Bira Kotanila (Kabir Abdul Rahman), scorang siswazah tamatan *Aligar University*. Beliau yang semula adalah salah scorang pemimpin pelajar Patani di universiti yang sama diberitakan sangat komited dengan perjuangan Patani serta masa depan tanah airnya.

PULO (Patani United Liberation Organization) ditubuhkan pada waktu BRN gagal menarik perhatian masyarakat antara bangsa terhadap isu Patani. Menurut Tengku Bira, sebuah pertubuhan pembebasan Patani yang baru perlu dibentuk di luar negeri bagi mendapatkan simpati antarabangsa. Apalagi dalam keadaan BRN yang telah retak. Atas kesedaran inilah satu mesyuarat para pelajar Patani telah diadakan di India pada tahun 1967, dan hasilnya, lahirlah PULO pada tarikh yang dinyatakan di atas.⁴⁷⁾

Segera selepas ditubuhkan, Tengku Bira berhijrah ke Saudi

47) Temubual dengan Tengku Bira di Kuala Lumpur (seperti dipetik oleh Ramli Ahmad, *sumber sama*, muka surat 117).

Arabia, untuk menumpukan perhatiannya buat melatih anak-anak muda Patani yang ramai bermukim di kota suci Makkah dengan cara meningkatkan kesedaran kebangsaan atau nasionalisma Melayu Patani di kalangan mereka. Tindakan ini sangat berbeza daripada pendekatan BRN yang lebih banyak menjurus kepada sosialisme, iaitu sesuatu yang sesungguhnya sangat asing bagi masyarakat Melayu Patani yang diketahui sangat fanatik Islam itu. Inilah sebabnya kenapa PULO didapati lebih mendapat tempat di hati rakyat Patani sehingga dalam waktu singkat ia berjaya muncul menjadi jurubicara rakyat Patani. Menurut sumber Thai, seperti yang dipetik oleh Surin, PULO menuliki organisasi yang baik dengan dokongan oleh lebih daripada 8,000 orang warga Patani yang bermukim di kota suci itu.

Selain bergerak di luar negeri, PULO juga mempunyai pimpinan setempat bagi menggerakkan berbagai kegiatan yang diharapkan dapat mencipta suasana-suasana politik yang dapat menguntungkan sebuah peperangan gerilya. Umpamanya, pernah diusahakan supaya kerjasama militer antara angkatan bersenjata Thai dengan pasukan bersenjata Malaysia di sempadan menjadi gagal dengan cara meninbulkan sikap menolak di kalangan masyarakat Malaysia pada satu pihak dan pada waktu yang sama, menghasung pendapat umum di Thailand pada satu pihak yang lain agar meragui kehadiran pasukan Malaysia yang beroperasi di wilayah Thai.

Kecuali itu, satu lagi tingkat pimpinan PULO yang sangat dikenal ialah pimpinan militernya. Menurut sesetengah sumber, PULO dipercayai memiliki pasukan militer yang paling terlatih dan paling baik perlengkapannya berbanding dengan pertubuhan-pertubuhan pemisah Patani yang lain.⁴⁸⁾

PULO berkembang berkat adanya publikasi. Sering disebut, bahawa salah satu hal yang menyebabkan PULO berpengaruh dan mendapat dokongan luas ialah kerana jaringannya yang menyebar di serata dunia Islam. Dengan dipimpin oleh para cendikiawan muda tamatan institusi pengajian tinggi di Timur Tengah dan Asia Selatan, PULO berjaya memperoleh dokongan dari dalam dan luar negeri.

Bagaimanapun, masih ada satu hal yang patut dipersoalkan: iaitu

48) Surin Pitsuwan, *sumber sama*, muka surat 180

apakah PULO berjaya menyatupadukan perjuangan pembebasan Patani di bawah satu badan politik tunggal, atau apakah PULO sendiri masih merupakan sebahagian daripada pertubuhan-pertubuhan pembebasan Patani yang banyak itu.

c- Barisan Nasional Pembelaan Patani (BNPP)

Sebuah pertubuhan yang sering dikaitkan dengan nama Bukit Budor, salah sebuah banjaran bukit besar dalam Wilayah Narathiwat. Kaitan ini dipercayai berlaku kerana ibu pejabat (markas) pertubuhan ini, atau sekurang-kurangnya pusat kegiatan militernya, berpangkalan di sekitar kampung-kampung yang bertali dengan Bukit Budor.⁴⁹⁾

BNPP didirikan di Malaysia pada 20hb Mei 1972. Antara pemimpin-pemimpinnya yang terkemuka termasuklah Bapak Idris @ Pak Yeh, Che Gu Umar, Tengku Abdul Jalal (semuanya telah meninggal dunia), Yang Mulia Tengku Sulaiman bin Tengku Mahmud Muhyiddin, Izzuddin bin Abdul Rahman dan lain-lain.

Dalam banyak hal, BNPP bolehlah disebut sebagai wadah perjuangan bagi kumpulan yang memisahkan diri daripada BRN atas sebab-sebab ideologi. Menurut sscetengah sumber, matlamat BNPP ialah untuk memulihkan kedudukan lama Patani di bawah kesultanan Melayu dengan status sebuah "negeri otonomi" di dalam Persekutuan Malaysia.⁵⁰⁾

Pada tahun 1986, sesuai dengan perkembangan mutakhir dunia Islam, BNPP merasa perlu berubah nama kepada Barisan Islam Pembelaan Patani (BIPP) melalui satu persetujuan yang dicapai dalam satu perhimpunan agong tahunannya.

Pertubuhan-Pertubuhan Pemisah Yang Lain

Di sana masih terdapat beberapa pertubuhan kecil lain yang turut meramaikan jumlah pertubuhan pemisah sekaligus memecahbelahkan

49) Pada sebuah buletin *Berita Patani* (jilid 2 bilangan 2) bertarikh 28hb. September 1973 yang jatuh ke tangan saya, terdapat catatan: dikeluarkan oleh Dewan Penyelenggaraan Barisan Nasional Pembelaan Patani, Bukit Budor, Patani.


50) Surin Pitsuwan, *sumber sama*, muka surat 175

kepaduan perjuangan mereka. Antara pertubuhan-pertubuhan ini termasuklah PARNAS (Parti Revolusi Nasional) yang dibentuk oleh Haji Yusoff Chapakia selepas beliau menarik diri dari BRN pada tahun 1965, Pergerakan Kemerdekaan Patani Bersatu yang ditubuhkan di Pakistan di bawah pimpinan Hj. Sha'arani (kemudiannya menjadi pensyarah di *Prince of Songkhla University* cabang Pattani dan Ahli Parlimen Thai bagi kawasan Narathiwat), The Black 1902, sebuah pertubuhan yang mengambil sempena tarikh penghapusan Raja-Raja Melayu oleh Siam pada tahun 1902 (diketahui hanya bergiat di kawasan Yala) dan Gerakan Islam Patani (GIP) yang katanya ditubuhkan di Kota Bharu, Kelantan.

Mudah dimengerti kenapa perjuangan pemisah Patani tidak pernah menjadi satu barisan perjuangan bangsa yang padu dan kuat seperti halnya dengan gerakan pemisah bangsa Moro di selatan Filipina yang pada umumnya bersatu di bawah pimpinan Nur Misuari. Selain dari banyaknya pertubuhan, kelemahan perjuangan juga wujud dalam bentuk penyelewengan, kepentingan peribadi dan kelompok, pengkhianatan di antara sesama anggota dan lain-lain penyakit yang biasa ditemui dalam mana-mana perjuangan.

Salah seorang sahabat lama saya di Kelantan pernah mengejutkan saya dengan sebuah pertanyaan: "percayakah anda jika saya katakan bahawa terdapat pertubuhan pemisah Patani yang ditaja sendiri oleh Kerajaan Thai di antara sekian banyak pertubuhan pemisah yang ada di Patani sekarang?"

"Benarkah?", tanya saya berbalik. Hampir tidak menduga dan separuh kaget.



(iii)

Tempat-tempat Bersejarah di Patani

ani Investită Pălări
"în formă grad
nu se deoseb
căci nu este
deosebită
de măs



15. KG KERISEK : Satu Tapak Sejarah Di Patani

Kampung Kerisek terletak lebih kurang 7 kilometer ke arah timur bandar Pattani sekarang. Terletak di tepi Lebuhraya Pattani-Narathiwat, kampung ini menarik perhatian ramai dengan bangunan masjid tuanya yang tak pernah sudah itu. Kampung ini bersempadan dengan Kg. Bandar di sebelah barat, Kg. Parit dan Kg. Kedi di sebelah timur, Kg. Tanjung Lulok disebelah utara dan Kg. Tanjung di sebelah selatan. Lebuhraya Pattani-Narathiwat termaklum terletak dalam keadaan melintang dari barat ke timur dan betul-betul melalui Kg. Kerisek termaklum.

Kampung ini merupakan salah sebuah kampung bersejarah di Patani dan mengandungi banyak bahan-bahan sejarah Negeri Patani lama pada abad-abad ke-16 dan ke-17. Pada saya kampung ini bolehlah dianggap sebagai satu kawasan sejarah atau "historical site" di Patani yang perlu diberi perhatian oleh para penyelidik sejarah dan budaya Melayu.

Sekurang-kurangnya terdapat empat buah kesan atau tinggalan sejarah lama di kampung ini. Bilangan ini terhad kepada kesan-kesan nyata yang dapat dilihat serta dengan sedikit tambahan daripada cerita-cerita lisan penduduk setempat sebagai maklumat pelengkap. Adalah dipercayai jika penggalian arkeologi dapat dibuat di kampung ini, penemuan sejarah ini masih akan banyak diketemukan.

Buat sementara, sebelum satu kajian terperinci dilakukan ke atas tapak sejarah ini dan untuk makluman pembaca, di bawah ini saya senaraikan kesan-kesan sejarah yang masih dapat dilihat di kampung ini. Kesan-kesan ini saya perturunkan secara kronologi.

(a) Kubur Marhum

Kubur ini ditemukan di Kg. Parit, suatu tempat arah ke sebelah timur Kerisek dan terletak di antara dua buah sungai kecil - Sungai Parit dan



Makam Raja Patani yang pertama - Sultan Ismail - di Kampung Parit Marhum, Kerisek.

Sungai Pepiri. Penduduk Patani menyebut kubur ini dengan pelat daerah mereka "Kubo Meghahom" yang bermaksud "Kubur Marhum". Kerana sering dikaitkan dengan kalimat "marhum" ini, kampung berkenaan kadang-kadang dipanggil juga dengan nama Kg. *Parit Marhum*. Salah scorang tokoh ulama' pengarang dari Patani, Sheikh Daud al-Fatani, disebut-sebut sebagai dilahirkan di Kg. Parit Marhum ini.⁵¹⁾

Kubur ini ialah kubur atau makam Sultan Patani yang pertama memeluk Islam - Sultan Ismail Shah. Menurut *Hikayat Patani*, seperti yang dituturkan di muka, sebelum memeluk Islam baginda bernama Phya Tu Nakpa. Pada suatu masa, sedang baginda memerintah di atas takhta kerajaan Negeri Patani, baginda ditimpa sakit "merekah" segala tubuhnya. Beberapa lama diubat oleh dukun-dukun istana, tidak juga sembah. Canang pun dipukul di sekeling negeri bagi mencari dukun yang boleh mengubat penyakit raja dengan janji "siapa yang boleh menyembuh penyakit raja akan diambil jadi menantu".

Seorang Sheikh yang tinggal di Kg. Pasai bernama Sheikh Said, sanggup mengubat penyakit baginda, tetapi dengan syarat apabila sembah baginda hendaklah memeluk Islam. Syarat itu diterima baginda, tetapi setelah sembah baginda tidak menepati janjinya. Beberapa lama kemudian, penyakit raja kambuh lagi. Lalu Sheikh Pasai itu datang lagi mengubat baginda dengan janji yang sama seperti dahulu. Setelah sembah baginda tidak juga menepati janjinya. Akhirnya penyakit itu datang lagi bagi kali ketiganya, dan baru pada kali inilah, setelah sembah, baginda memeluk Islam dan menukar namanya menjadi Sultan Ismail Shah.⁵²⁾

Ibrahim Shukri dalam bukunya, *Sejarah Kerajaan Melayu Patani*, muka surat 30-34, ada juga menyebut kisah pengislaman raja Patani ini tetapi dengan sedikit perbezaan pada nama; raja Patani sebelum Islam bernama Raja Antira, Sheikh yang tinggal di Kg. Pasai bernama Sheikh Sasiuddin dan nama raja Patani selepas Islam ialah Sultan Muhammad Shah.

Tidak ada catatan tarikh mengenai perlantikan baginda menjadi raja

51) Ismail Che Daud, "Sheikh Daud al-Fatani (1769 - 1847)" dalam *Pengazuh* bilangan 493, Julai-Ogos 1988, muka surat 28.

52) Lihat A. Teeuw dan D.K. Wyatt, *Hikayat Patani*, muka surat 71-75 dan A. Bangnara, *Patani Dahulu dan Sekarang*, muka surat 7-8.

dan juga kemangkatannya. Bagaimanapun, apabila baginda mangkat, baginda dimakamkan di Kg. Sungai Parit inilah. Makam ini kini terletak dalam suatu kawasan tanah perkuburan Islam dan ditandai dengan sepasang batu "nisan Aceh" abad ke-16 yang cantik.

(b) Telaga Lama

Sebuah telaga yang lebih luas daripada saiz telaga biasa ditemui di antara semak-semak tebal dalam sebuah kebun kelapa yang tidak terawat, tidak jauh di sebelah utara lebuhraya Pattani-Narathiwat. Menurut cerita penduduk kampung, telaga ini adalah tinggalan dari "kota lama" raja-raja Patani yang dahulunya terletak di sini. Telaga ini dibuat tanpa "kerck" atau "kong" dan sekarang hampir penuh dengan sampah sarap. Agak mungkin bahagian bawah telaga ini diikat dengan batu-bata sebagaimana yang lazim dibuat pada kebanyakan telaga-telaga tradisi yang lain.

Telaga ini dipercayai menjadi telaga tempat persiraman permandian ratu-ratu pemerintah Patani pada abad ke-17. Seperti yang diketahui pembaca, dinasti lama Patani mempunyai empat orang raja-raja perempuan yang dikenal dalam sejarah dengan nama "pemerintahan ratu-ratu". Keempat-empat mereka ialah Raja Ijau (1584-1616), Raja Biru (1616-1624), Raja Ungu (1624-1635) dan Raja Kuning (1635-1651).

(c) Tempat Menuang Bedil

Di tepi sebelah selatan lebuhraya Pattani-Narathiwat terdapat sebuah kampung yang dikenali dengan nama *Kg. Tuang Bedil*. Dinamakan demikian oleh kerana di kampung inilah kerja-kerja menempa atau menuang meriam besar bagi pertahanan Negeri Patani dilakukan pada zaman Raja Biru memerintah Patani. Meriam ini diperlukan bagi menguatkan pertahanan Patani yang sering diancam Siam pada waktu itu. Pada waktu meriam ini dituang, serangan pertama Siam ke atas Patani pada tahun 1603 Masihi telah dapat disekat.

Sejumlah tiga laras meriam berhasil disiapkan di tempat ini. Antaranya dua laras meriam besar bernama *Seri Negara* dan *Seri Patani*, masing-masing berukuran 3 depa satu hasta dan dua inci panjang. Satu laras yang

lain, *Mahalela*, adalah berukuran kecil - lima hasta satu jengkal sahaja. Pada waktu Patani kalah oleh Siam pada tahun 1785, meriam-meriam ini digotong ke Bangkok sebagai olch-olch dari medan perang. Sebuah daripadanya diberitakan jatuh di Kuala Patani pada waktu diangkut naik ke kapal, sebuah lagi yang bernama "Seri Patani" selamat sampai ke Bangkok dan kini dipamerkan di hadapan pejabat Kementerian Pertahanan Thai. Sebuah yang lain hilang entah ke mana.


Menurut Ibrahim Shukri dalam bukunya *Sejarah Kerajaan Melayu Patani*, tukang yang membuat meriam-meriam ini ialah seorang China bernama Lim Tau Kin atau disebut "Tok Kian" di kalangan orang-orang Patani. Beliau telah memeluk Islam dan tinggal di rumah seorang pembesar raja Patani.

Tapak tempat "menuang bedil" ini masih dapat dilihat sampai sekarang. Kawasan tanah di sekitar tempat ini menjadi hitam oleh sisa-sisa tahi besi dan tembaga yang terkumpul dan mendak di situ. Tidak banyak rumput tumbuh di sekitar kawasan ini sehingga sekarang.

(d) Masjid Pintu Gerbang

Inilah Sebesar-besarnya tinggalan sejarah di Kg. Kerisek. Terletak betul-betul di sebelah utara lebuhraya Pattani-Narathiwat dan ke barat sedikit daripada Kubur Marhum dan Telaga Lama, masjid ini sebagaimana disebut di atas menjadi "objek" utama yang menarik perhatian pengguna lebuhraya. Masjid ini yang dikenali dengan nama "Masjid Pintu Gerbang" adalah sebuah masjid yang tidak pernah dapat disiapkan seperti rencana asalnya dan tinggal terbiar sehingga sekarang menjadi rahsia sejarah yang tak terpecahkan. Maklumat lanjut mengenai riwayat masjid ini dapat pembaca ikuti di bawah tajuk "Masjid-masjid Bersejarah di Patani" di muka surat 168 buku ini.

Selain daripada empat buah tinggalan lama ini, masih terdapat beberapa objek sejarah yang lain di Kerisek, samaada yang tidak jelas riwayatnya atau yang sudah bercampur dengan unsur-unsur metos dan dongeng. Di antaranya ialah dua buah kubur lama yang ditandai dengan dua pasang batu nisan Aceh yang cantik. Kubur ini yang dikenali di kalangan penduduk tempatan dengan nama "Kubur Wayang Melayu"



Peta lakar Kampung Kerisek: 1. Kawasan tapak Istana Patani, 2. Telaga lama pemandian ratu-ratu pemerintah Patani, 3. Tempat menuang bedil, 4. Tempat terjadinya tragedi bunuh diri Lim Ko Niu, 5. Telaga Hang Tuah, 6. Masjid Pintu Gerbang, dan 7. Kubur Wayang Melayu.

terletak di tepi sebatang jalan setapak dalam sebuah kebun kelapa. Cuma dua buah kubur ini saya temukan pada awal tahun 1988, dengan sebuah daripada nisan-nisan ini telah patah. Tidak diketahui siapakah pemilik kubur ini.

Selain itu terdapat juga sebuah perigi yang menurut penduduk tempatan digali oleh Hang Tuah pada waktu beliau datang ke Patani. Perigi ini terletak di sebelah selatan lebuhraya di tepi jalan masuk ke Kg. Chembar. Tidak ada apa-apa keistimewaan pada perigi ini.

Turut dapat dikesan juga ialah tempat terjadinya tragedi bunuh diri adik perempuan "Tok Kian" (tukang pembuat meriam besar) bernama Lim Ko Niu di tepi pantai Tasik Tanjung Lulok. Konon diceritakan bahawa Lim Ko Niu ini datang ke Patani bagi memujuk abangnya Tok Kian atau Lim Tau Kin yang telah memeluk Islam dan menetap di Patani supaya pulang ke China. Kecewa kerana pujukannya tidak berjaya, Lim Ko Niu menggantung diri di sebatang pokok ketereh di tepi tasik termaklum. Bagi menghormati dan memuliakan Lim Ko Niu yang dianggap mempunyai pegangan keagamaan yang kuat, masyarakat China di Kerisek pada waktu itu telah mengukir wajah Lim Ko Niu di batang ketereh berkenaan dan menjadikannya sebagai suatu objek pemujaan menurut amalan agama mereka.

Kemudian, oleh kerana pantai Tasik Tanjung Lulok ini sering terendam apabila air pasang dan kadang-kadang terhakis, maka penduduk China telah memindahkan tempat pemujaan atau kuil ini ke satu tempat berhampiran masjid yang disebut-sebut sebagai dibina oleh abangnya. Inilah asas sebenar, menurut riwayat ini, bagi pembinaan kuil "Tok Pek Kong Mek" yang terletak di luar pekarangan sebelah barat masjid.

Meskipun diakui bahawa cerita-cerita ini sudah bercampur dongeng dan tokok tambah, saya percaya, cerita-cerita ini mempunyai asas mulanya. Kajian bolehlah dibuat bagi menyaring cerita-cerita ini bagi maksud mendapatkan yang benar dan menyisihkan yang palsu dan dibuat-buat.

16. TANJUNG DATO' : Misteri Sebuah Kuburan


(I)

Kampung Tanjung Dato' adalah sebuah kampung berbentuk tanjung yang menganjur serong dari arah selatan ke utara. Terletak di sebelah utara bandar Pattani sekarang, tanah tanjung yang hitung panjang 1 kilometer lebar dan 10 kilometer panjang ini menjadi terasing dan sukar dihubungi kerana dipisahkan oleh Tasik Budi atau Tasik Tanjung Lulok seluas antara 5 hingga 6 kilometer. Sebuah sungai - Sungai Jambu namanya - bermuara tenang di rahang tasik antara tanah besar dengan tanah tanjung berkenaan (lihat peta).

Di daratan tanah besar, pada garis selari dengan tanah tanjung dari Kuala Bekah ke Jambu, atau dari barat ke timur, terdapat kampung-kampung bersejarah yang banyak disebut dalam buku ini. Antaranya ialah Bandar Pattani, Kampung Bandar, Kerisek, Tanjung Lulok, Sungai Parit, Kampung Kedi, juga kampung-kampung yang belum pernah disebut seperti Bapu, Balai Dua, To' Raja Haji, Bermin dan lain-lain. Boleh dikatakan bahawa sejarah lama Patani sejak zaman kesultannya yang pertama hingga ke zaman kejatuhannya kepada Siam pada tahun 1785 adalah berlegar di sekitar daerah-daerah di antara dua batang Sungai Jambu dengan Sungai Patani inilah - termasuk daerah-daerah di pedalaman seperti Pujud, Jeram, Kelang, Tabeh dan lain-lain.

Menurut cerita bahari orang tua-tua, tanah tanjung ini dahulunya hanyalah sebuah beting pasir yang tumbuh selari di hadapan pesisir pantai negeri Patani. Semula, tanah beting ini tidak berpenghuni dan tidak bernama. Pada awal abad ke-17, tanah beting ini mulai beroleh nama melalui suatu "peristiwa" yang berlaku dalam sejarah negeri Patani.

Peristiwa ini berlaku pada zaman Raja Biru memerintah negeri Patani (1616-1624). Baginda Raja Biru ialah raja perempuan kedua memerintah



Peta latar Tanjung Dato'



Makam Raja Patani di Tanjung Dato'



Tembok makam Marhum Tanjung yang terbarier

negeri Patani selepas Raja Hijau (1584-1616) dan raja ketujuh dalam urutan raja-raja pemerintah Patani sejak kesultanan Patani yang pertama dimulai oleh Sultan Ismail Shah atau menurut seseorang sumber Sultan Muhammad Shah. Pada waktu baginda memerintah Patani, kempen Siam bagi menakluk Patani sudah bermula. Untunglah, kempen pertama yang dilancarkan pada tahun 1603 ini mampu disekat oleh raja perempuan Patani sebelumnya, Baginda Raja Hijau.

Apabila baginda menjadi raja, usaha baginda pertama-tama ditumpukan kepada kerja-kerja memperkuatkan benteng pertahanan negeri Patani menghadapi ancaman Siam ini. Dalam rangka usaha baginda seperti inilah, menurut cerita lisan rakyat Patani, kisah yang berkaitan dengan "tanah tanjung" ini dikatakan berlaku. Selain dari riwayat lisan, kisah yang sama juga ada disebut dalam buku *Hikayat Patani* (The Hague, Martinus Nijhoff, 1970).

(II)

Menurut cerita, antara langkah-langkah yang diambil oleh Baginda Raja Biru dalam usaha menyekat kemaraan Siam ialah membina meriam besar. Cadangan membina meriam ini dicapai selepas baginda berunding dengan pembesar-pembesar negeri dan setelah ditemukan tukang yang sanggup membinanya. Seperti diceritakan sebelum ini, tukang pembuat meriam ini ialah seorang Cina yang telah memeluk Islam dikenali dengan nama "To' Kian" atau nama sebenarnya sebelum Islam Lim Tau Kin. Beliau ialah seorang yang berasal dari negeri China yang datang menetap mencari penghidupan dalam negeri Patani dan telah memeluk Islam secara sukarela sewaktu menumpang di rumah seorang pembesar Patani.⁵³⁾

Oleh kerana dalam negeri Patani pada masa itu belum ada loji pelebur besi, maka terpaksa meriam-meriam tadi diperbuat daripada tembaga kuning. Bagi mengumpulkan tembaga kuning secukupnya, raja telah menguatkukan peraturan melarang jualbeli tembaga kuning keluar negeri bagi tempoh selama 3 tahun. Bagi mereka yang memiliki tembaga kuning pula digalakkan menjual atau mempersembahkannya kepada

53) Ibrahim Shukri, *ibid.* muka surat 64.

raja. Barangsiapa yang melanggar peraturan ini akan dikenakan hukuman bunuh.

Tidak jelas pada tahun berapakah peraturan ini dikuatkuasakan, tetapi selagi dalam tempoh inilah, seseorang yang dikenali dengan nama "Dato' Gombak" muncul dalam peristiwa ini. Beliau yang datang daripada Minangkabau dikatakan telah sedia bermiaga di Patani bersama khadamnya Abdul Mu'min pada waktu sang raja sedang mengenakan peraturan ini di seluruh negeri. Kebetulan beliau mempunyai persediaan tembaga kuning yang lumayan banyak dalam simpanannya. Hendak dijual takut terlanggar perintah raja, tak hendak dijual, akan menghadapi bahaya kerugian yang banyak.

Dengan takdir Allah, datanglah ke Patani seorang saudagar daripada Melaka untuk membeli tembaga kuning. Secara senyap-senyap saudagar ini telah dihubungi oleh orang-orang Dato' Gombak. Dipendekkan cerita, jualbeli tembaga kuning itu pun berlakulah, tetapi sewaktu barang itu mau diangkut keluar dari Patani pada waktu malam, ia telah disergap oleh pengawal pantai dan dibawa mengadap raja. Setelah disiasat, barang itu didapati dibeli daripada Dato' Gombak. Dalam perbicaraan yang dijalankan kemudian, Dato' Gombak didapati bersalah kerana melanggar perintah raja dan dijatuhi hukuman bunuh.

Menurut *Hikayat Patani*, Dato' Gombak bersama khadamnya Abdul Mu'min dibunuh di suatu tempat bernama "Pintu Gajah di kaki Jambatan Kedi". Lebih lanjut *Hikayat Patani* muka surat 77 mencatatkan begini:

"Maka mayatnya pun dibuangkan pada sungai parit itulah. Dengan takdir Allah Ta'ala di atas hambanya, maka mayat Syaikh Gombak itu pun terdiri hingga pinggangnya di atas air itu, dan mayat Abdul Mu'min itu terdiri sehingga dadanya di atas air. Apabila air surut mayat kedua itu pun (hanyut) hilir, kedua beriring-iring seperti orang berjalan rupanya : apabila air pasang mayat kedua orang itu pun hanyut balik ke Jambatan pula, tiga hari lamanya yang demikian itu. Maka dipersembahkan orang kepada Tuk Besar. Arakian maka Tuk Besar pun masuk mengadap raja memohonkan



Makam To' Panjang di Tanjung Dato'



Wakaf yang tak terawat di depan Makam To' Panjang di Tanjung Dato'

maya^t Nahkoda Gombak dengan mayat Abdul Mu'min. Maka mayat itu pun dikaruniai baginda, , maka mayat kedua itu pun disuruh oleh Tuk Besar bawa ke seberang. Setelah sampai ke pantai seberang itu, maka mayat Nakhoda Gombak dan Abdul Mu'min itu pun ditarik orang naik hendak dikuburkan. Maka dengan takdir Allah Ta'ala mayat Tuk Panjang dua bermurid dengan Abdul Mu'min pun sekonyong-konyong memanangkan dirinya dengan lembut, tiada pernah mayat orang demikian itu. Maka mayat kedua itu pun dikuburkan oranglah. Setelah sudah disebut orang kubur Tuk Panjang datang sekarang ini pada tempat Tuk Panjang itulah" (disalin tanpa mengubah ejaan asal).

Patut dicatat bahawa istilah "seberang" yang dipilih menjadi tanah perkuburan Dato' Gombak serta khadamnya sebagaimana disebut dalam petikan *Hikayat Patani* di atas adalah merujuk kepada "tanah tanjung" yang tumbuh di seberang Tasik Budi termaklum. Kedua mayat tersebut sengaja dikuburkan di tempat terasing bagi maksud "membuangnya" jauh dari pada kawasan orang ramai sebagai tambahan ke atas hukuman bunuh yang telah dikenakan ke atasnya. Konon khabarnya, setelah mayatnya dikuburkan dan sehingga sekarang pun, kubur Tok Panjang ini tidak pernah tetap ukuran panjangnya. Jika anda mengukurnya pada kali pertama sepanjang tujuh hasta (ukuran biasa panjangnya), maka pada kali yang lain, ukuran ini didapati berubah sama ada bertambah atau berkurang.

(III)

Dalam pada itu tanah beting berkenaan makin melebar dan membesar jua. Ia kemudian tumbuh menjadi sebuah tanjung yang besar dan berperanan menjadi penghadang ombak daripada menerjah pantai tanah besar Patani pula. Belakangan, dipercayai ratusan tahun kemudian, tanah beting ini mula dihuni penduduk dan akhirnya berkembang menjadi sebuah perkampungan nelayan yang makmur dan produktif.

Pada tahun 1856, iaitu selepas berlalu dua abad daripada peristiwa di atas, seorang raja Patani yang lain bernama Tengku Besar atau Tengku Muhammad, iaitu raja yang menjadi pengasas kepada raja-raja Patani daripada keturunan Kelantan, dimakamkan di tanah perkuburan "Tanjung" ini pula, tidak jauh daripada makam Dato Gombak di atas. Kerana makamnya di sini, maka baginda dikenali selepas mangkatnya dengan nama "Marhum Tanjung".

Pada hari ini kubur To' Panjang (sebagaimana ia dikenali sekarang) berdua dengan khadamnya Abdul Mu'min tetap menjadi ingatan kepada sejarah lama negeri Patani. Kedua kuburan ini kini terletak dalam sebuah rumah, lengkap dengan peneduh dan tembok batunya. Kuburan ini mampu menarik lebih ramai pengunjung berbanding dengan makam diraja berdekatannya. Kebanyakannya datang untuk membayar nazar atau lain-lain tujuan khurafat yang bertentangan dengan syara', lebih daripada untuk mengenang dan menghargai sejarah lama Patani sendiri.

17. CHABANG TIGA: Kota Tua Dan Makam Raja

Bandar Pattani terletak di muara Sungai Patani dan mengadap ke arah timur - Laut Cina Selatan. Sungai Patani adalah di antara beberapa batang sungai besar dalam lima wilayah Selatan (Narathiwat, Songkhla, Yala, Satun dan Patani sendiri), dengan ulunya mencecah daerah-daerah perbukitan yang bersempadan dengan negeri Perak di Semenanjung Malaysia. Pada hari ini bandar Patani berkedudukan sebagai pusat pentadbiran atau ibu negeri bagi Changwad (wilayah) Patani. Sebuah cawangan universiti - *Prince of Songkhla University* - juga didirikan di bandar ini (di satu tempat bernama Ru Sembilan).

Dari segi sejarahnya, bandar Pattani adalah sebuah bandar pelabuhan yang utama di pantai timur Semenanjung Melayu. Zaman gemilangnya terutama dicapai pada abad ke-17, iaitu pada waktu negeri Patani diperintah oleh raja-raja Melayu dari keturunan Seri Wangsa. Selama abad ini, bandar Patani muncul menjadi tempat tumpuan pedagang-pedagang asing dari timur dan barat; dari timur berdatangan pedagang-pedagang Jepun, China, Annam dan Bugis, sementara dari barat pula berdatangan pedagang-pedagang Inggeris, Belanda dan Portugis. Di Patani, para pedagang ini bersaing sesama mereka merebut pasaran, sama seperti mereka bersaing merebut dan menguasai pasaran di Melaka, Maluku, Johor dan Banten pada waktu itu. Sekitar abad ini bandar Patani muncul menjadi ibu negeri bagi sebuah negeri yang juga bernama "Patani", iaitu sebuah negeri Melayu yang meliputi wilayah-wilayah Patani, Yala, Narathiwat dan sebahagian wilayah Songkhla sekarang.

Selepas Patani jatuh ke tangan Siam pada tahun 1785, Patani memulakan sejarah barunya menjadi negeri di bawah takluk Siam dan kemudiannya, selepas *Perjanjian Bangkok 1909*, menjadi sebahagian daripada negeri Thai sehingga sekarang.

Bagi menggantikan Sultan Muhamad yang dikalahkan, Siam melantik

- (1) Kota Chabang Tiga
 (2) Masjid Raja
 (3) Kubur To' Ayah



TASIK BUOI

KUALA BEKAH

KG. BETINO

KG. BANDAR

BANDAR PATTANI

SG. PATANI

1

2

3

Peta lalak Cabang Tiga, Patani

Tengku Lamidin menjadi Raja Patani. Tetapi pada tahun 1791, seperti yang dituturkan sebelum ini, raja ini sebaliknya memberontak melawan Siam. Selepas pemberontakan dapat dipadamkan, Siam melantik seorang Melayu lain bernama Dato' Pangkalan menjadi raja Patani, tetapi sekali lagi, pada tahun 1809, Siam menghadapi pemberontakan rakyat Patani yang dipimpin sendiri oleh rajanya - Dato' Pangkalan. Belajar dari dua kali pengalaman pahit ini, Siam kemudian melantik seorang bangsa Siam bernama Nai Kwan Sai menjadi raja Patani sehingga apabila beliau mati pada tahun 1815.

Pada tahun 1816, Siam membahagikan negeri Patani kepada tujuh wilayah kecil; masing-masing bernama Nongchuk, Janbu, Jalor, Teluban, Legeh, Raman dan Patani sendiri. Pembahagian ini dibuat tidak lain kecuali ialah untuk memecahkan kekuatan Patani yang sering memberontak melawan Siam. Bagi setiap "wilayah kecil" ini Siam melantik "raja-raja" dari kalangan orang-orang yang difikirkan sedia bekerjasama dengannya. Bagi wilayah kecil Patani, Siam melantik Tengku Sulong menggantikan Nai Phai, yang dipindahkan menjadi raja wilayah kecil Jambu. Pada tahun 1832, Tuan Sulong ini melancarkan pemberontakan habis-habisan melawan Siam dengan dibantu oleh raja-raja Kelantan, Kedah dan Terengganu, tetapi gagal.

Berikutnya daripada pemberontakan ini Siam melantik seorang penduduk Kerisek bernama Nik Yusoff menjadi raja wilayah Patani. Perlantikan ini bagaimanapun tidak lama kerana pada tahun 1845 Siam melantik Tengku Besar, seorang anak raja dari Kelantan, menjadi raja Patani. Nik Yusoff yang tadinya menjadi raja Patani dipindahkan ke Jambu sehingga apabila beliau meninggal dunia pada tahun 1853.

Kota Tua Chabang Tiga

Apabila Tengku Besar (anak raja muda Kg. Laut), Kelantan dipilih oleh Siam menjadi raja Patani, baginda segera berangkat ke Patani melalui jalan laut dan berbuat kampung di seberang hujung tanjung (sekarang dipanggil Kg. Tengku Besar Semerak). Apabila baginda mendapatkan tempat ini tidak sesuai, baginda lalu berpindah ke Kg. Chabang Tiga dan membuat kota istananya di sini.



"Kedua-dua" rumah besar yang dibina pada tahun 1920 dan 1930 ini terdiri daripada dua bahagian yang dipisahkan dengan gerbang yang dikenali sebagai Gerbang Cempaka. Rumah yang pertama dibina pada tahun 1920 ini merupakan sebuah perumahan yang besar dan mempunyai empat bilik dan dapur. Ia dibina dengan menggunakan batu pasir dan batu kapur yang dibawa dari Pulau Pinang.



Bahagian Istana Cabang Tiga

Untuk mengetahui maklumat lanjut tentang bangunan ini, sila hubungi PPSR atau ahli sejarah tempatan.

Tidak dapat dipastikan bilakah istana ini mula dibina. Yang jelas ia dibina oleh Tengku Besar selepas beberapa tahun baginda ditunjuk menjadi raja Patani pada tahun 1845. Oleh kerana baginda mangkat pada tahun 1856, dan baginda pula sempat tinggal di istana ini, maka bolehlah diandaikan bahawa istana ini siap dibina pada pertengahan abad ke-19.

Kampung Chabang Tiga terletak tidak jauh di sebelah selatan kuala Sungai Patani yang dikenali dengan nama Kuala Bekah itu. Terletak lebih kurang 150 meter di tebing sebelah kiri mudik sungai Patani, kampung ini termasuk di antara tempat-tempat bersejarah di negeri Patani. Bagi melengkapkan ciri-ciri kompleks kediaman raja-raja Melayu tradisional, raja Patani yang kedua, pengganti Tengku Besar, bernama Tengku Puteh, membangunkan sebuah masjid kira-kira 100 meter di hadapan istananya, dan dikenali sehingga sekarang dengan nama "Masjid Raja Chabang Tiga".⁵⁴

"Runtuhan" istana beserta dengan pagar kotanya yang miring masih dapat dilihat di Kampung Chabang Tiga sehingga sekarang. Terletak dalam suatu kawasan tanah yang agak luas di pinggir bahagian selatan bandar Patani sekarang, kompleks kota ini mengadap ke arah timur berhadapan dengan sebatang jalan kecil dalam sebuah kawasan yang padat dengan rumah-rumah penduduk (dahulunya diperkirakan kawasan rumah-rumah pembesar dan pekerja istana).

Yang masih tinggal pada istana ini sekarang ialah balai penghadapannya (rekabentuknya mirip dengan bahagian hadapan Istana Balai Besar di Kelantan tetapi lebih kecil sedikit). Saya difahamkan bahawa bangunan di bahagian belakang balai ini, serta sebuah bangunan lain di bahagian lain di bahagian utaranya, telah runtuh atau diruntuhkan. Dinding tembok kota yang miring kini ditopang, atau pada sesetengah tempat di "tampal semula" bagi mengelakkannya daripada menyembah bumi. Tidak ada usaha-usaha pembaikian atau "bina semula" dibuat bagi memelihara kota tua ini.

Mengikut Wan Husin, penghuni istana ini, yang saya temui pada tahun 1975, istana ini dibina secara gotong-royong oleh rakyat Patani dan disiapkan secara peringkat demikian peringkat. Sistem yang dipakai ialah

54) Sila ikuti catatan mengenai masjid ini di bawah tajuk *Masjid-masjid Bersejarah di Patani* di muka surat 137 buku ini.

sistem "kerah" yang menjadi amalan popular dalam tradisi raja-raja Melayu lama. Katakanlah pada minggu pertama, rakyat dari daerah A (tentunya di bawah seorang ketua) datang bekerja; maka pada minggu hadapan, rakyat dari daerah B pula datang bekerja. Demikianlah seterusnya sehingga sebuah istana untuk kediaman seorang raja dapat disiapkan oleh rakyat di bawah pengawasan tukang-tukang yang mahir serta berpengalaman.

Menurut Wan Husin lagi, bata tembok kota dan mana-mana bahagian yang memerlukan penggunaan bata, tidak diikat dengan simen sebagaimana sekarang, sebaliknya kata beliau, "diikat dengan tiga jenis bahan tempatan iaitu telur, pulut dan manisan kelapa". Saya tidak dapat memastikan sejauh mana dakwaan ini benar, tetapi saya pernah diberitahu bahawa masjid tua di Teluk Manak, Narathiwat, juga pernah menggunakan bahan-bahan yang sama bagi mengikat bata-bata atau perabong yang diperlukan. Selain dari itu saya juga pernah membaca cerita bagaimana sebuah masjid di Pulau Penyengat, Riau, Indonesia, dibina dengan menggunakan bahan-bahan yang lebih kurang sama (lihat *Mastika*, Ogos, 1955, muka surat 3).

Sangatlah menyedihkan apabila istana dengan tembok kotanya ini tinggal terbiar tanpa perawatan. Seperti kesan-kesan sejarah lain di Patani, kesan-kesan sejarah di Chabang Tiga ini juga tidak terpelihara, apalagi untuk dibaik pulih bagi menjadi ingatan yang kekal kepada sejarah bangsa. Dengan tinggalan yang ada seperti hari ini, adalah dikhawatirkan istana ini akan luput dari pandangan mata dalam jangka waktu yang tidak lama.

Makam Raja-raja Patani


Makam ini terletak dalam kawasan tanah perkuburan yang dikenali dengan nama "Kubur Tok Ayah". Kadang-kadang ia juga disebut "Kubur Langgar" atau "Langgar Raja". Kubur ini terletak di tepi jalan besar Patani-Yala, lebih kurang 200 meter di hadapan istana dan Masjid Raja termaklum.

Makam ini terletak bersekalii dengan kubur orang awam Islam yang lain. Satu petak atau lot khas diperuntukkan bagi raja-raja dan keluarganya



Makam Raja Cabang Tiga

V. Salasilah Raja-raja Patani Keturunan Kelantan



Singkatan kata: T = Tengku

Sumber: Ibrahim Shukri, *Sejarah Kerajaan Melayu Patani*,
Maiba'ah Majlis Ugama Islam Kelantan, Kota Bharu (t.t.).

di dalam kawasan tanah perkuburan ini. Hanya keluarga raja-raja pemerintah Patani dari keturunan Kelantan sahaja dimakamkan di sini. Itupun tidak semua. Mereka yang dimakamkan di sini ialah dua orang raja Patani, iaitu Tengku Timung (raja ketiga) dan Tengku Bongsu atau Tengku Sulaiman Sharifuddin (raja keempat), Raja Muda (namanya tidak dikenali), isteri Tengku Sulaiman, Tengku Biru (cucu Tengku Sulaiman), Tengku Haji (saudara Tengku Sulaiman), anak lelaki Tengku Haji, isteri Raja Muda serta dua orang keluarga raja yang tidak dapat dipastikan. Dua orang raja Patani yang lain, Tengku Puteh (raja kedua) dan Tengku Ab. Kadir Qamarddin (raja kelima dan terakhir) dimakamkan di Kelantan oleh kerana kedua-dua baginda kebetulan mangkat di Kelantan. Sementara itu, raja Patani yang pertama, Tengku Besar atau Tengku Muhammad dimakamkan di Tanjung Dato', Patani. Oleh kerana tempat pemakamannya ini, baginda dikenali selepas mangkatnya dengan nama "Marhum Tanjung".

Makam Tengku Sulaiman terbuat daripada marmar yang cantik. Di belindangnya, sebelah menyebelah, terdapat semacam kata-kata "pesanan" tentang konsep dan zaman pemerintahan baginda di atas takhta Kerajaan negeri Patani. Teks pesanan ini tertulis dalam dua baris tulisan jawi yang panjang, berbunyi:

"Hai segala mereka yang empunyaai mata hati, lihatlah engkau daripada masa aku lagi hidup di dalam dunia di atas kerajaanku dan. aku memegang akan negeri Patani seupama bunga sekuntum, tiada ada keberatan kepada aku. Maka takkala kecut itu bunga, telah terbuanglah ia daripadaku hingga halah kosong tanganku. Demikianlah orang yang menuntut dunia. Hanyalah aku meninggal di dalam dunia dua perkara, nama yang baik atau nama yang jahat, dan aku bawa bersama dengan aku kepada negeri akhirat yang baqapun dua perkara juga, amal yang baik atau amal yang jahat. Hendaklah engkau sekalian mengambil fikiran atas ibarat sekalian perkataan pesanan aku ini adanya".

Sepasang batu nisan berukir daripada marmar buatan Itali juga tersedia di makam baginda. Pada waktu saya berziarah ke makam ini, bagi kali pertama pada tahun 1975, sebuah daripada batu niisan ini di curi orang. Dua belas tahun kemudian, apabila sekali lagi saya berziarah ke makam ini, nisan yang sebuah lagi itu pula di 'kabur' orang.

Rumah peneduh makam ini kini telah bocor menyebabkan sebahagian kayu bahagian atas jadi reput dan patah. Tidak ada usaha-usaha pemeliharaan dibuat. Semuanya terbiar dan menunggu masa untuk lenyap dan musnah sebagaimana lenyap dan musnahnya Kerajaan Melayu Patani itu sendiri.

Seperti yang diketahui sebelum ini, raja-raja pemerintah Patani daripada keturunan Kelantan ini merupakan raja-raja Melayu terakhir pernah memerintah negeri Patani sebelum sistem "beraja" ini dihapuskan oleh Siam pada tahun 1902. Terdapat lima orang raja kesemuanya yang sempat memerintah Patani sejak Tengku Besar Kg. Laut dilantik menjadi raja Patani pada tahun 1845 (lihat rajah). Raja Patani yang terakhir, Tengku Ab. Kadir Qamaruddin, mangkat di Kelantan pada 20hb Mei 1933 dan dimakamkan di makam D'Raja Langgar, Kota Bharu.

18. MASJID-MASJID BERSEJARAH

Sesuai dengan sejarah lampau yang jaya dan perannya yang utama dalam bidang dakwah Islamiyah di Semenanjung Melayu, Patani Darul Salam memiliki banyak tinggalan-tinggalan sejarah lama Islam yang sangat berharga dan dibanggakan. Tinggalan-tinggalan ini sebahagiannya terlihat dalam bentuk institusi pengajian ugama atau yang lebih dikenali di Patani dengan nama "pondok", manakala sebahagian yang lain dalam bentuk seperti masjid, makam-makam dan yang lebih penting ialah kitab-kitab jawi yang jumlahnya cukup banyak.

Dalam buku ini, perbincangan akan diberi terlebih dahulu kepada tinggalan-tinggalan lama Islam dalam bentuk masjid dan makam-makam. Insya' al'Lah, perbincangan mengenai para ulama Patani serta karya tulis mereka, akan menyusul dalam buku saya yang kedua mengenai Patani bertajuk *Patani: Islam, Ulama dan Kitab Jawi*.

Sekurang-kurangnya terdapat empat buah masjid bersejarah di Patani yang semuanya berusia lebih satu abad. Masjid-masjid ini ialah Masjid Wadi al-Husain di Teluk Manak, Pekbun (Narathiwat), Masjid Pintu Gerbang, Kerisik (Patani), Masjid Raja Chabang Tiga (Patani) dan Masjid Raja Selindung Bayu, Teluban (Patani).

Kita ikuti riwayat masjid-masjid ini menurut kronologi:-

1- Masjid Wadi al-Husain, Teluk Manak

Terletak di Kg. Teluk Manak dalam daerah (ampur) Bachok⁵⁵⁾, Narathiwat, masjid ini diperkirakan masjid paling tua dapat dikesan di Patani setakat ini. Walaupun tidak diperoleh catatan yang tepat mengenai tarikh masjid

55) Nama "Bachok" adalah nama baru yang diperkenalkan oleh Siam bagi menggantikan nama lama "Pekbun" yang masih kekal disebut oleh penduduk tempatan dan orang-orang Melayu sehingga sekarang.



Masjid Wadi Hussein di Teluk Manak



Papan tanda di mulut jalan ke Teluk Manak

ini dibina, namun adalah dipercayai masjid ini adalah diantara masjid yang sangat tua dan unik di Nusantara. Pada naskhah *Taqwin Islam Tahun 1405 Hijriyyah* yang dikeluarkan oleh Majlis Ugama Islam Wilayah Narathiwat ada disebutkan bahawa usia masjid ini adalah di sekitar 350 tahun.

Dilihat secara sepintas lalu, baik secara dekat atau melalui gambar foto, rekabentuk dan struktur bangunan masjid tua ini sangat mirip dengan rekabentuk dan struktur bangunan Masjid Kampung Laut di Kelantan, yang juga usianya tidak diketahui dengan tepat. Tidak jelas apakah memang ada kaitan sejarah di antara kedua buah masjid ini, atau sekurang-kurangnya adakah kedua-dua masjid ini dibangunkan dalam jarak waktu yang lebih kurang sama, sehingga model rekabentuknya hampir bersamaan.

Menurut Hj. Abdul Hamid, atau lebih dikenali dengan panggilan *Pak Da Duku*, dari Kg. Duku, Pekbun, Masjid Teluk Manak didirikan oleh leluhurnya Wan Husain Senawi - seorang ulama lagi hafiz dari Kg. Sena, Jambu, Patani. Beliau (Wan Husain), tidak lain ialah datuk saudara kepada tokoh ulama Patani yang sangat terkenal - Sheikh Daud al-Fatani.

Wan Husain dianggap peneroka pertama yang membuka Kg. Teluk Manak. Salasilah lengkap beliau, seperti yang dituturkan Pak Da Duku ialah: Wan Husain anak kepada Sultan Qanbul anak kepada Syed Ahmad Idrus anak kepada Syed Kuning anak kepada Sultan Pak Tani. Manakala Pak Da Duku sendiri, si pencerita, adalah seorang yang berpangkat cucu kepada Wan Husain termaklum. "Nama saya Hj. Abdul Hamid bin Hj. Abdul Kadir bin Wan Husain (pendiri masjid) bin Sultan Qanbul bin Syed Ahmad Idrus bin Syed Kuning bin Sultan Pak Tani", katanya sewaktu menerangkan salasilahnya.

Saya tidak pernah tahu siapa nama-nama watak ini dalam sejarah negeri Patani khasnya dan sejarah alam Melayu amnya. Pak Da Duku pun tidak pernah memberitahunya secara jelas. Pada waktu saya menemui beliau pada awal tahun 1987 dahulu, beliau sudah berusia lebih 80 tahun, tetapi masih punya ingatan yang sempurna dan daya pendengaran yang kuat. Tiga kali saya bertanya beliau akan salasilahnya, dan untuk ketiga-tiganya kalinya beliau dapat menjawab dengan lancar dan tidak pernah berubah: nama saya Hj. Abdul Hamid bin Hj. Abdul Kadir bin Wan

Husain bin Sultan Qanbul bin Syed Ahmad Idrus bin Syed Kuning bin Sultan Pak Tani⁵⁶⁾.

Kampung Teluk Manak adalah salah sebuah perkampungan yang terletak di kaki Banjaran Bukit Budor dalam Wilayah Narathiwat, iaitu salah sebuah banjaran bukit yang besar dan utama yang terletak memanjang dari Pohon Jerai (Thai: *Ton Sai*) di sebelah utara hingga ke Jeringa (Thai: *Yi Ngo*) di sebelah selatan. Arah ke timur terbentang tanah sawah yang luas, manakala di bahagian barat pula, perlahan-lahan meninggi Banjaran Bukit Budor termaklum. Di tengah perkampungan mengalir sebuah caruk air yang menuruni bukit, langsung ke sawah. Tapak masjid dan rumah-rumah kampung terletak di sebelah utara caruk, sementara di sebelah selatannya terdapat kawasan tanah perkuburan yang luas tanpa semak. Nama masjid dipercayai diambil daripada terjemahan bahasa Arab bagi kalimat "caruk" dalam bahasa Melayu - *wadi* - lalu digabungkan dengan nama pendiri masjid, menjadi *Wadi al-Husain*. Oleh penduduk setempat, air caruk ini ditakung dalam sebuah tandak kecil, bagi kemudahan mereka mengambil wudhu.

Walaupun masjid ini kecil (berbanding dengan masjid-masjid zaman sekarang), namun tiang-tiang dan kayu-kayu asasnya adalah besar dan kelihatan tidak seimbang dengan luas dan lebar masjid. Semua kayu adalah dari jenis cengal batu yang diambil dari hutan Bukit Budor yang berdekatan. Kayu-kayu ini tidak digergaji, tetapi ditaruh dengan sejenis

56) Ada beliau menyatakan bahawa Sultan Qanbul adalah seorang perantau yang berasal dari Indonesia, tetapi tidak diketahui pasti di mana (diduga di sekitar Sumbawa). Beliau dikatakan meninggalkan negeri atas sebab-sebab yang tidak jelas, mungkin kerana perselisihan faham atau kerana mencari ilmu, lalu sampai ke Patani, menurunkan tujuh orang anak, masing-masing bernama Wan Hasan, Wan Husain (pendiri masjid), Wan Senik, Wan Biru (perempuan), Wan Jamal, Wan Bo dan Wan Mali. Wan Senik kemudiannya menjadi datuk kepada Sheikh Daud al-Fatani melalui anaknya Abdullah (kadang-kadang disebut juga Wan Idris atau Wan Derashid). Salasilah ini sedikit berbeza daripada salasilah Sheikh Daud yang dipetik oleh Che Ismail Che Daud (lihat bukunya *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu I* (Edisi Kedua), Majlis Ugama Islam Kelantan, 1991, muka surat 17) daripada Tuan Hj. Nik Ishak, Tikat, Kelantan yang menyebut Wan Idris @ Wan Senik adalah anak kepada Wan Abu Bakar anak kepada Wan Ismail anak kepada Tok Wan Faqih Ali (bukan Wan Idris @ Wan Senik anak kepada Sultan Qanbul anak kepada Syed Ahmad Idrus anak kepada Syed Kuning anak kepada Sultan Pak Tani). "Makam Sultan Qanbul ada di Ruing Garak, Binjai Lima, Patani," beritahu Pak Da Duku selanjutnya.

alat yang dipanggil beliung. Hampir seluruh bangunan masjid tidak menggunakan paku. Pada tempat-tempat yang sangat memerlukan paku, maka pakunya adalah paku yang ditempa sendiri oleh tukang-tukang besi tempatan. Menurut Pak Da Duku, untuk selama 100 tahun selepas didirikan, masjid ini tetap menggunakan atap sagu sebagaimana halnya rumah-rumah kediaman zaman dahulu. Baru kemudian, apabila timbul bata buatan Senggora (Thai: *Songkhla*), atap sagu tadi diganti. Perabung yang diperlukan kerana penggunaan bata ini diperbuat daripada kapur bercampur manisan kelapa dan tal sebelum ditukar kepada simen seperti yang ada sekarang.

Sebelum dibuka menjadi kampung, Teluk Manak adalah sebuah kawasan hutan dara tempat orang berburu rusa dan lain-lain binatang liar. Penduduk sekitar yang ditemui bercerita seenaknya akan kisah-kisah datuk nenek mereka berburu binatang-binatang ini. Diceritakan bahawa rusa banyak sekali di hutan Bukit Budor. Sewaktu berburu, binatang-binatang ini malahan bertempiaran lari sampai-sampai ke bawah masjid. Satu gulungan panjang jerat rusa masih ada tersimpan di bawah masjid sehingga sekarang (lihat gambar). Selain itu diceritakan juga bahan-bahan lama milik masjid; tujuh naskhah al-Quran tulisan tangan, kitab-kitab lama yang juga bertulis tangan (manuskrip), beliung, satu kawah besar yang bolch menanak nasi untuk 300 orang tetamu dan lain-lain. Kecuali beliung yang tidak mampu dimakan apa-apa makhluk perosak, semua bahan milik masjid yang lain sudah pada rosak; al-Quran dan kitab-kitab jadi reput dimakan cuaca dan sesetengahnya hilang, manakala kawah besar yang disimpan di bawah kolong masjid jadi tembus dan kemudiannya serpih menjadi keping-keping yang tidak boleh digunakan. "Sejak kawah besar masjid punah, kita tidak pernah lagi melihat ada kawah sebesar itu", tutur seorang penduduk. Menurut beliau, kawah berkenaan diguna pada waktu diadakan majlis-majlis perayaan ugama di masjid.

Kawasan sekitar masjid pernah menjadi permukiman para pelajar pondok (senteri) pada masa Hj. Abdul Kadir menjadi Imam Masjid sekaligus Tok Guru Pondok. Beliau termasuk salah seorang alim Patani, walaupun tidak begitu terkemuka, yang pernah mengajar ugama di Makkah selama 20 tahun sebelum "turun" ke jawi. Kecuali itu, Teluk

Manak tidak pernah dapat membanggakan peranannya sebagai sebuah pusat pengajian ugama seperti tempat-tempat lain di Patani.

2. Masjid Pintu Gerbang, Kerisek, Patani

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini⁵⁷⁾, masjid ini terletak di Kampung Kerisik dan merupakan monumen terbesar yang dapat dilihat dari jalan besar Patani-Narathiwat. Bagaimanapun, ia adalah sebuah masjid yang "tidak siap dibangunkan" menurut rencana asalnya dan tinggal terbiar sehingga sekarang menjadi saksi sejarah yang tak terpecahan.

Masjid ini dibina lebih kemudian daripada Masjid Teluk Manak. Bagaimanapun, tarikh sebenar ianya dibina, juga belum dapat diketahui pasti. Ketiga-tiga buah buku sejarah Patani (Ibrahim Shukri, A. Bangnara dan A. Teeuw dan D.K. Wyatt) tidak sepandapat mengenai tarikh masjid "tak sudah" ini dibina. Sementara itu riwayat-riwayat tradisi yang dapat dipungut di sekitar Kerisik, Tanjung Lulok dan Tanjung Dato', cenderung berpendapat bahawa Masjid Kerisik yang nama lengkapnya Masjid Pintu Gerbang, dibina oleh tukang bangsa China. Menurut sumber ini, cerita membangunkan masjid ini dikatakan ada kaitan dengan kisah seorang China bernama Lim Toh Kian atau Lim Tau Kin atau To' Kian (sebagaimana disebut oleh orang Patani) yang datang berdagang ke negeri Patani dan kemudiannya, setelah memeluk Islam, tinggal menetap di Patani. Konon diceritakan bahawa To' Kian ini mempunyai seorang adik perempuan yang ditinggalkannya di negeri China bernama Lim Kou Niu. Beberapa lama kemudian, adiknya ini datang ke Patani mengajak abangnya pulang, tetapi gagal kerana abangnya telah memeluk Islam dan enggan pulang ke China. Beberapa dipujuk, abangnya tetap juga tidak mau pulang. Saking kecewannya, adiknya Lim Kou Niu menggantung diri pada sebatang pokok ketereh di tepi Tasik Tanjung Lulok sekarang (lihat juga Ibrahim Shukri, *sumber sama*, muka surat 64-65).

Menurut sejarah Patani, Tok Kian inilah juga yang menjadi kepala tukang yang membuat tiga pucuk meriam besar, *Seri Patani*, *Seri Negara* dan *Mahalela*, pada zaman pemerintahan Raja Biru (1616-1624) dalam

57) Lihat tajuk "Kerisek, Satu Tapak Sejarah di Patani", muka surat 137



Masjid Kerisek yang juga dikenali sebagai *Masjid Pintu Gerbang*

usaha baginda memperkuat pertahanan Patani menghadapi ancaman Siam.

Sementara itu, A. Bangnara dalam bukunya *Patani Dahulu dan Sekarang* (Penal Penyelidikan Angkatan al-Fatani, 1977, muka surat 29) menyatakan bahawa Masjid Kerisik dibina pada masa Along Yunus (bukan Long Yunus) memerintah Patani (1726 hingga 1727, atau sesetengah sumber menyebutnya sehingga 1729).

Kecuali itu, sebuah lagi sumber menyatakan bahawa Masjid Kerisik dibina pada zaman yang jauh lebih kemudian, iaitu pada masa Tuan Sulong dilantik oleh Siam menjadi Raja Patani. Disebutkan di dalam sumber ini begini: "di dalam masa Tuan Sulong menjadi Raja di Patani, Baginda sangatlah mengambil berat terhadap urusan ugama Islam dan Baginda inilah yang membina Masjid Pintu Gerbang yang masih ada bekasnya di Kampung Kerisik hari ini" (lihat Ibrahim Shukri, *sumber sama*, muka surat 103).

Kesimpulannya: Tidak ada tarikh tepat mengenai masa dan oleh siapa masjid ini dibina. Riwayat tradisi lisan menyatakan ia dibina oleh Tok Kian pada zaman Raja Biru (1616-1624) atau beberapa tahun selepasnya, sumber kedua dari A. Bangnara menyebut ia dibina oleh Along Yunus (1726-1727/29) dan sumber ketiga dari Ibrahim Shukri, menyatakan ia dibina oleh Tuan Sulong (1816-18320). Jarak masa antara ketiga-tiga sumber ini berselang satu abad. Saya tidak dapat mempastikan mana satu diantara tiga sumber ini yang lebih mendekati kebenaran. Terserah kepada para penyelidik sejarah dan pengkaji bangunan mempastikan usia sebenar masjid ini berdasarkan bahan-bahan binaan yang digunakan bagi membangunkannya.

Pada hari ini Masjid Kerisik terletak di sebelah kiri Lebuhraya Patani-Narathiwat menuju sempadan Thai-Malaysia. Pemerintah Thai tetap memelihara tinggalan lama ini sebagai suatu monumen sejarah dan bagi tarikan pelancong. Bagi maksud ini, satu peruntukan wang telah disediakan bagi kerja-kerja baik-pulih dan pembaikian serta memagar kawasan masjid.

Arah ke barat masjid, betul-betul di luar pekarangan masjid, terdapat kuil *Tok Pek Kong Mek* milik bangsa China. Asas binaan kuil ini ialah kisah bunuh diri Lim Kou Niu yang dikisahkan di atas. Bagi menghormati

serta memuliakan tokoh Lim Kou Niu yang dianggap mempunyai keyakinan ugama yang teguh, masyarakat China di Patani pada waktu itu telah mengambil batang ketereh berkenaan lalu mengukirnya menjadi wajah Lim Kou Niu dan disembah sebagai suatu objek pemujaan menurut amalan ugama mereka. Kemudian, oleh kerana tempat kejadian peristiwa ini (tepi Tasik Tanjung Lulok), sering terhakis dan terendam air (pada waktu air pasang), maka penduduk China telah menindah kuil berkenaan ke tempat berhampiran dengan masjid yang didakwa dibina oleh abangnya yang telah memeluk Islam - Lim Toh Kian. Jarak antara kedua tempat ini ialah lebih kurang dua kilometer.

3- Masjid Raja Chabang Tiga Patani

Sejarah pembinaan masjid ini sangat berkait dengan raja-raja pemerintah Patani daripada keturunan Kelantan yang bermula dengan Tengku Besar, anak Raja Muda Kampung Laut, menjadi raja bagi negeri Patani Kecil pada tahun 1845.

Seperti yang telah disebut sebelum ini, tidak lama selepas Siam menakluk Patani, negeri Patani Besar dipecah-pecahan menjadi tujuh buah negeri kecil bernama Nongchik, Reman, Jambu (Yaring), Jalor (Yala), Teluban (Saiburi), Legeh (Range) dan Patani sendiri. Pada setiap negeri kecil ini, Siam melantik "Raja-raja Kecil" dari kalangan orang-orang yang dipercayai dapat berkerjasama dengannya. Raja Kecil Patani yang pertama yang dilantik selepas pemecahan ini bernama Tengku Sulong, iaitu anak saudara kepada Long Muhammad, Sultan Kelantan pada waktu itu. Pada tahun 1832, apabila Tengku Sulong ini terlibat dalam pemberotakan menentang Siam, beliau digantikan oleh scorang yang berasal dari Kerisik bernama Nik Yusoff. Pada tahun 1845, Nik Yusoff sengaja dipindah menjadi Raja Kecil Jambu dalam suatu rancangan bagi memberi tempat kepada Tengku Besar dari Kelantan merajai negeri Patani.

Tengku Besar kemudiannya menjadi pengasas kepada dinasti raja-raja Patani daripada keturunan Kelantan sehingga apabila sistem pemerintahan beraja ini dhapus oleh Siam pada tahun 1902.

Masjid Raja, Chabang Tiga, Patani, ini adalah salah sebuah masjid yang mempunyai kaitan sejarah dengan raja-raja pemerintah Patani



Masjid Raja Cabang Tiga

11.3.1. (left) view of construction of one of the minaret
of Masjid Raja Cabang Tiga (photo: Hamed, 2008)

daripada dinasti Kelantan. Ia dibina tidak jauh daripada istana lama raja-raja Patani di Kampung Chabang Tiga, menghadap ke arah jalan besar Patani-Yala dan terletak betul-betul di hadapan Kubur Tok Ayah yang menjadi makam bagi raja-raja Melayu Patani pada waktu itu.

Ibrahim Shukri menyatakan masjid ini dibina pada masa Tengku Sulaiman Sharifuddin menjadi raja Patani (1889-1899). Baginda ialah anak kepada Tengku Besar Kampung Laut yang menjadi pemerintah pertama Patani daripada keturunan Kelantan (lihat SKMP muka surat 123). Bagaimanapun, scorang penduduk tempatan Patani yang saya temui pada awal tahun 1987, Tuan Hj. Wan Uthman bin Wan Saleh (berusia 86 tahun pada masa itu) memberitahu saya bahawa "Masjid Raja" dibina pada masa Tengku Puteh menjadi raja Patani.⁵⁸⁾

Masjid ini adalah sebuah masjid batu dan masih digunakan bagi berjamaah serta lain-lain kegiatan keugamaan. Dari segi rekabentuk dan hiasan dalamannya, masjid ini mirip dengan rekabentuk serta ciri-ciri masjid di Kelantan yang dibina pada suku terakhir abad ke-19, dengan daun pintu besarnya terbuat daripada skeping kayu tanpa mumbung beserta ukiran bunga terhias indah pada bahagian sebelah atasnya.

Bangunan masjid ini segaja dibina berdekatan dengan istana atau dalam kawasan istana bagi tujuan melengkapkan ciri-ciri kompleks kediaman raja-raja Melayu tradisional yang biasanya mengandungi antara lain sebuah istana, balai penghadapan, rumah-rumah pembesar, masjid dan juga makam atau langgar (biasanya terletak tidak jauh dari masjid, malah dalam satu pekarangan dengan masjid). Semua ciri-ciri yang disebut ini dapat dilihat dalam kawasan Chabang Tiga, Patani, sehingga sekarang.

4. Masjid Raja Selindung Bayu, Teluban

Bandar Teluban terletak di muara sebelah kiri (mudik) sebatang sungai yang juga bernama Teluban (ada juga yang menulisnya *Telubin*), iaitu salah sebuah sungai besar dalam empat buah wilayah selatan (bekas negeri Patani). Ulu sungai ini mencelah daerah-daerah perbukitan yang

58) Tengku Puteh ialah anak kepada Tengku Besar dan dilantik menjadi Raja Patani selepas kemangkatan syahandanya pada tahun 1856. Baginda mangkat di Kelantan pada tahun 1881 dan dikenali selepas mangkatnya dengan nama "Marhum Kelantan".



masjid raja selindung bayu teluban
dianggap sebagai masjid terbesar di
seluruh pulau jawa



Masjid Raja Selindung Bayu, Teluban

menjadi sempadan di antara Selatan Thai dengan negeri Perak di Semenanjung Malaysia, malah tidak salah kalau dikatakan bahawa *perenggan* di antara Tanah Melayu Inggeris dengan negeri Thai yang dipersejuaui dalam *Perjanjian Bangkok 1909* dahulu adalah dibuat dengan mengambil kira daerah perbukitan yang menjadi pemisah antara ulu Sungai Teluban ini dengan ulu Sungai Perak.

Nama "Teluban" dipercayai diambil daripada nama Sungai di mana bandar berkenaan terletak, sebagaimana juga bandar Patani diambil namanya daripada nama Sungai Patani, Jambu diambil namanya daripada nama Sungai Jambu dan Menara (Thai: *Narathiwat*) diambil namanya daripada nama Sungai Menara.

Apabila Siam menakluk Patani, nama Teluban diubah kepada *Saiburi*. Pada tahun 1816, apabila Siam membahagikan negeri Patani Besar kepada tujuh buah negeri kecil, Saiburi turut mendapat taraf salah sebuah negeri bertujuh ini. Orang pertama yang dilantik Siam bagi merajai Saiburi ialah Nik Diah, iaitu saudara kepada Nik Dah yang dilantik menjadi raja bagi negeri Legeh.

"Masjid Raja" ini terletak di tepi sebuah bukit rendah bernama bukit Selindung Bayu, iaitu pada bahagian ujung sebelah utaranya yang bermula di tepi sebatang jalan besar pekan kecil Saiburi. Di sebelah timur masjid, iaitu di bahagian hadapannya, terdapat jalan susur keluar menuju Lebuhraya Patani-Narathiwat, manakala di sebelah baratnya pula terdapat tanah perkuburan Islam yang agak luas dan masih digunakan. Bukit Selindung Bayu termaklum terletak pada posisi sebelah selatan masjid dan menanjang sehingga perlahan-lahan berakhir pada persimpangan jalan di Lebuhraya Patani-Narathiwat.⁵⁹⁾

59) Kerana terletak di kaki Bukit Selindung Bayu, maka pekan kecil Teluban juga kadang-kadang dipanggil "Kedai Selindung Bayu" oleh penduduk tempatan. Atas sebab-sebab yang sama juga, masjid ini dikenali dengan Masjid Raja Selindung Bayu. Malah, sesetengah orang tua yang sama temui, cenderung menganggap bahawa pekan kecil Teluban adalah identik dengan nama "Selindung Bayu". Pak Da Duku (orang memberi saya maklumat mengenai Masjid Teluk Mansuk) misalnya menyebut istilah Raja Teluban dengan nama Raja Selindung Bayu, manakala Pak Su Latiff, anak bongsu seorang ulama Patani yang terkenal, Tok Kelaba, memberitahu saya bahawa nama timangan yang lengkap bagi pekan kecil Teluban ialah *Selindung Bayu Samaran Bulan Permatang Dua* (tembusul dengannya pada awal Mac 1991).

Masjid ini kecil sedikit daripada Masjid Pintu Gerbang, Kerisik. Dan walaupun tidak sempat dibangunkan sepenuhnya, akan tetapi masjid ini sudah diberi bumbung peneduh yang dapat memeliharanya daripada hujan panas serta sebuah rumah anjung di bahagian sebelah hadapan (tetapi tidak sempat disiapkan). Rekabentuk masjid mengandungi dua sisi atau dua sayap (kiri dan kanan) yang kira-kira selesa bagi menampung para jamaah. Sementara itu, bumbungnya pula adalah berbentuk "perabung lima", iaitu suatu rekabentuk bumbung yang sangat diminati dalam senibina rumah-rumah Melayu Kelantan-Patani pada abad ke-19 dan bahagian pertama abad kedua puluh. Kecuali itu, sebuah bumbung lain dalam bentuk "saji" atau "qubbah" di bina berasingan di bahagian sebelah hadapan (barat) khusus bagi menara masjid, menjadikan masjid ini mempunyai dua buah bumbung berasingan.

Sehingga buku ini ditulis, masjid ini telah tidak dipakai bagi tujuan ibadat. Beberapa tahun yang lalu, bangunan masjid ini dilitupi tumbuhan liar yang menjalar dan melilit sampai-sampai ke dalam masjid. Bagaimanapun, atas kesedaran penduduk setempat dan bagi maksud memelihara warisan lama Islam di pekan kecil yang cantik ini, usaha-usaha telah dibuat bagi membersih kawasan masjid ini. Pada waktu gambar masjid ini saya ambil, wajah masjid ini adalah lain daripada wajah yang saya lihat lebih sepuluh tahun dahulu.

Sebagaimana juga Masjid Kerisik, masjid ini juga tidak jelas sejarahnya. Tidak ada fakta berupa tarikh atau lain-lain petunjuk yang boleh dirujuk bagi mengukur zaman masjid ini dibina. Bagaimanapun, adalah diagakkkan bahawa masjid ini telah dibina seawal-awalnya pada separuh bahagian kedua abad ke-19, iaitu pada masa raja-raja kecil di atas dilantik oleh Siam memerintah Saiburi.

Ibrahim Shukri dalam bukunya *Sejarah Kerajaan Melayu Patani* (muka surat 119) ada menyebut pekerjaan "mendirikan kota istana raja di Selindung Bayu". Dicatatkan dalam buku ini bahawa istana berkenaan dibina pada masa Tengku Abdul Kadir memerintah Saiburi (pemerintah ketiga selepas Nik Diah dan Tengku Jalaluddin). Jika mau diandaikan bahawa Masjid Raja Selindung Bayu juga dibina pada masa yang sama dengan pembinaan kota ini, kita pun masih gagal mencari tarikhnya yang tepat oleh kerana, baik Ibrahim Shukri dalam buku di atas maupun A.

Bangnara dalam bukunya *Patani Dahulu dan Sekarang*, kedua-duanya langsung tidak menyebut akan tarikh-tarikh perlantikan dan kemangkatan bagi raja-raja kecil di Saiburi @ Teluban ini.

Setelah berusaha mencari ke sana ke mari, saya kemudiannya menemukan tarikh mangkat putera kepada Tengku Abdul Kadir yang bernama Tengku Abdul Muttalib, iaitu raja Saiburi yang terakhir. Putera ini, seperti yang saya temui dalam catatan Tok Kelaba, mangkat pada 21 hb. Rabiul Awal 1338, iaitu kira-kira pada penghujung tahun 1919 Masehi. Dengan mengambil kira fakta ini, kita dapat mempastikan bahawa Tengku Abdul Kadir yang "mendirikan kota istana raja di Selindung Bayu" sudah mangkat sebelum tahun 1902 (tarikh pemansuhan raja-raja kecil dibuat). Sebab jika tidak demikian, maka pastilah putera beliau yang telah dilantik menjadi penolong baginda dengan gelar *Phya Ratna Montri* tidak bakal menjadi Raja Saiburi.

Bagaimanapun, tarikh Tengku Abdul Muttalib ini naik takhta, belum dapat kita temui.

Jadi jelas, jika kita mengandaikan bahawa Tengku Andul Kadir ini juga yang mengambil inisiatif mendirikan Masjid Raja Selindung Bayu (yang saya kira sangat mungkin), maka tarikhnya mestilah pada dekad terakhir abad ke-19 atau seawal-awalnya pada suku terakhir abad yang sama. Jika andaian ini benar, maka usia masjid ini adalah "kadar dahulu kemudian" sahaja dengan Masjid Raja di Chabang Tiga, Patani yang dibina pada masa Tengku Puteh (1856 - 1881) atau menurut sesetengah sumber pada masa Tengku Sulaiman Sharifuddin memerintah Patani (1889 - 1899).

5. Tiga Buah Masjid Bersejarah Yang Lain

Terdapat tiga buah lagi masjid bersejarah di bekas negeri Patani, samada kerana tuanya atau kerana tarikh pembinaannya berkait dengan sejarah raja-raja Melayu. Izinkan saya untuk menghimpunkan pembicaraan mengenai ketiga-tiga buah masjid ini secara ringkas di bawah satu tajuk kecil sahaja oleh kerana maklumat-maklumat mengenainya tidak begitu jelas atau tidak banyak dapat dikumpulkan.

a- *Masjid Kg. Aur, Nad Tanjung*

Terletak tidak jauh dari pekan kecil Nad Tanjung, dalam daerah



Masjid Kampung Aur, Tanjung



Sebahagian dari ukiran yang menghiasi dinding masjid

Jambu (Yaring), iaitu beberapa ratus meter sahaja dari tepi jalan utama Nad Tanjung menuju ke kampung-kampung di pesisiran pantai. Ia adalah sebuah masjid yang termasuk dalam kategori "kecil" (lebih kurang ukuran balaisah sekarang), tetapi mempunyai rekabentuk yang comel lagi menarik. Oleh sesetengah pihak, masjid ini diperkirakan dibina lebih awal daripada Masjid Wadi al-Husain di Teluk Manak.

Saya sempat melawat masjid ini dan mengambil gambarinya. Tidak ada apa yang menarik pada masjid ini selain rekabentuk *gajah menyusunya* yang sudah jangan jarang ditemui dan kayu-kayu tua yang menjadi bahan bangunannya. Dilihat dari segi lokasi dan kawasan, bahan-bahan kayu serta ukiran-ukiran yang menghiasi bahagian dalam dan luar masjid, saya menduga masjid ini sudah sangat tua, meskipun tidak setua Masjid Teluk Manak seperti yang diperkirakan oleh sesetengah pihak.

Pada hari ini masjid ini masih dipakai bagi kegunaan bersempahyang jemaah oleh penduduk setempat. Walaupun bangunannya sudah miring ke sebelah utara dan sebahagiannya ke sebelah barat, namun ia tidak goyah. Kecuali sempit dan gelap kerana tidak diberi jendela seperti halnya dengan masjid-masjid lama yang lain, ia tetap selesa untuk dipakai sehingga sekarang.

b- *Masjid Tanjung Dato', Jambu*


Sebuah masjid yang relatif lama. Terletak di Kampung Tanjung Dato', tidak jauh dari makam Tengku Besar (raja pertama Patani daripada dinasti Kelantan) dan To' Panjang, masjid ini sering disalah-tafsirkan sebagai sama tua dengan Masjid Pintu Gerbang di Kerisek.

Masjid ini dibina atas inisiatif Raja Jambu, Tengku Wook atau Nik Wook, iaitu Raja Jambu yang terakhir dalam senarai raja-raja pemerintah negeri kecil Jambu.⁶⁰⁾ Seperti Masjid Raja Chabang Tiga

60) Tengku Wook @ Nik Wok ialah moyangda kepada Duli Yang Maha Mulia Tengku Anis, Raja Perempuan Kelantan sekarang. Salasilah lengkap baginda ialah: DYMM Tengku Anis Bte Tengku Abdul Hamid bin Tengku Muda bin Tengku Wook.



Masjid Tanjung Dato'



Masjid Tanjung Dato'

dan Masjid Raja Selindung Bayu, tarikh binaan masjid ini juga tidak diketahui pasti, tetapi diperkirakan terjadi pada suku terakhir abad ke-19, iaitu tidak lama sebelum sistem pemerintahan beraja dihapuskan di tujuh buah negeri Patani Kecil.

"Rekabentuk masjid ini disebut-sebut sama dengan rekabentuk Masjid Kerisek", bertahu Hj. Wan Uthman bin Wan Salleh kepada saya. Lebih lanjut beliau menjelaskan jika sekiranya Masjid Kerisek sempat dibangunkan sepenuhnya, maka bangunannya adalah persis seperti bangunan masjid di Kg. Tanjung Dato' inilah.

Saya tenang mendengarkan cerita dua buah maklumat ini. Jika maklumat-maklumat ini benar, maka pastilah Masjid Pintu Gerbang dibina pada masa Tengku Sulong menjadi Raja Patani Kechil, iaitu antara 1816 hingga 1832. Sangat mungkin pada waktu Masjid Tanjung Dato' ini dibina, para tukang atau sekurang-kurangnya orang yang mengetahui rekabentuk bangunan Masjid Pintu Gerbang masih hidup sangat besar, sehingga dengan demikian, mereka merafa perlu menyiapkan sebuah masjid lain yang sekira-kira sama atau mirip dengan Masjid Kerisek yang gagal disiapkan. Dengan memakai andaian ini, tampaknya fakta sejarah Ibrahim Shukri lewat bukunya *Sejarah Kerajaan Melayu Patani* yang menyebut bahawa Masjid Pintu Gerbang sebagai dibina oleh Tengku Sulong lebih dapat diterima ketimbang fakta-fakta lain seperti yang dinyatakan sebelum ini.⁶¹⁾

Sehingga buku ini ditulis, masjid ini tetap digunakan oleh penduduk setempat. Pada bahagian sebelah kanan masjid, malah sehingga beberapa kaki di luar dinding masjid, terdapat kawasan tanah perkuburan yang agak luas yang bukan sahaja menjadi tanah

61) Fakta ini bersesuaian dengan pendapat mutaakhir di Patani yang cenderung menganggap bahawa Masjid Pintu Gerbang memang sempat siap atau hampir siap dibangunkan, tetapi dibakar habus oleh Siam dalam peristiwa *Pemberontakan Patani 1832*. Kesan-kesan hangus dan rentung masih dapat dilihat pada pasir di sekitar masjid dan pada sesetengah bahagian masjid sendiri. Pendapat mutaakhir ini menolak bulat-bulat pendapat yang menyatakan bahawa masjid berkenaan "tidak mudah" dibangunkan atas sebab-sebab dongeng dan tahlul. Sambil menyifatkan sebagai "sengaja" diada-adakan oleh pihak Siam, pendapat mutaakhir ini juga menyatakan bahawa banyak usaha dilakukan oleh pihak-pihak tertentu sekarang bagi menggelapkan fakta sebenar sejarah Patani amnya dan sejarah Masjid Kerisek khasnya.

perkuburan bagi penduduk Tanjung Dato', tetapi juga bagi penduduk kawasan sekitarnya. Seperti juga halnya dengan masjid, kawasan tanah perkuburan ini pun sudah sangat tua dan lama, malah diperkirakan lebih lama daripada tarikh masjid itu sendiri.

c- *Masjid Raja Legeh, Narathiwat*

Ini ialah masjid paling muda dalam senarai masjid-masjid bersejarah di Patani (sekarang: bekas negeri Patani) Terletak di tepi jalan utama bandar wilayah Narathiwat (Melayu: *Menara*), masjid ini dimulakan pembinaannya pada masa Raja Legeh yang terakhir, Tengku Ngah Shamsuddin, masih hidup. Bagaimanapun, pembinaan ini dipercayai berlaku selepas kedudukan baginda sebagai seorang raja dicopot oleh pemerintah Thai pada tahun 1902. Selepas baginda mangkat, inisiatif pembinaan masjid diteruskan oleh Dato' Yutitham Haji Wan Naman bin Hj. Wan Ismail pada tahun-tahun sebelum Perang Dunia Kedua.⁶²⁾

Tanah tapak masjid adalah tanah wakaf daripada Dato' Nik Kechik, seseorang yang dipercayai masih mempunyai pertalian kerabat dengan keluarga diraja Kelantan. Beliau adalah seorang hartawan yang mempunyai banyak hartaan di Menara dan kawasan-kawasan sekitarnya, termasuk sebuah kawasan kebun kelapa yang luas di Pulau Kapas, Kuala Menara.

Masjid Raja Legeh baru dapat disiapkan sepenuhnya pada awal tahun 1950an dan dibuka dengan rasmi pada tahun 1954. Satu Majlis Persidangan ('ijtima') ulama Wilayah Selatan Thai telah diadakan bersempena dengan perasmian masjid yang kemudian diberi nama *Masjid al-Jum'iyyah* ini.

Tepat di hadapan masjid, iaitu di sebelah luar dinding pada ruangan mihrab dan tempat imam, terletak makam Raja Legeh yang terakhir - pendiri masjid. Makam ini terletak dalam sebuah rumah khas yang sentiasa bertutup, tetapi tidak berkunci. Para pengunjung masjid

62) Dato' Yutitham ialah istilah Thai bagi penjawat jawatan Qadhi di peringkat wilayah. Tuan Haji Wan Naman ialah bekas Muli Kerajan Legeh yang mewarisi kuasa-kuasa keagamaan selepas berakhirkanya kedudukan dan hak raja-raja Legeh ke atas Narathiwat.



Masjid Raja Legeh



Makam Raja Legeh

sentiasa dapat berziarah ke makam ini tanpa halangan.⁶³⁾

“Raja Legeh” merupakan salah satu dari dua puluh lima buah negara yang pernah ada di Negeri Sembilan. Negara ini terdiri daripada dua buah istana yang terpisah berjauhan. Istana pertama yang terdiri daripada dua buah istana ini terletak di kampung Takop, dan istana kedua yang terdiri daripada dua buah istana ini terletak di kampung Legor. Ia merupakan sebuah negara yang kecil dan tidak penting dalam sejarah Negeri Sembilan.

“Raja Legeh” merupakan salah satu daripada dua puluh lima buah negara yang pernah ada di Negeri Sembilan. Negara ini terdiri daripada dua buah istana yang terpisah berjauhan. Istana pertama yang terdiri daripada dua buah istana ini terletak di kampung Takop, dan istana kedua yang terdiri daripada dua buah istana ini terletak di kampung Legor. Ia merupakan sebuah negara yang kecil dan tidak penting dalam sejarah Negeri Sembilan. Negara ini terdiri daripada dua buah istana yang terpisah berjauhan. Istana pertama yang terdiri daripada dua buah istana ini terletak di kampung Takop, dan istana kedua yang terdiri daripada dua buah istana ini terletak di kampung Legor. Ia merupakan sebuah negara yang kecil dan tidak penting dalam sejarah Negeri Sembilan. Negara ini terdiri daripada dua buah istana yang terpisah berjauhan. Istana pertama yang terdiri daripada dua buah istana ini terletak di kampung Takop, dan istana kedua yang terdiri daripada dua buah istana ini terletak di kampung Legor. Ia merupakan sebuah negara yang kecil dan tidak penting dalam sejarah Negeri Sembilan.

63) Tarikh sebenar kemangkatan Raja Legeh belum ditemu. Bagaimanapun patut disebut bahawa negeri Legeh adalah negeri yang paling luas di antara tujuh buah negeri Patani Kecil. Sebelum dipindah ke Menara, ibu negeri Legeh terletak di Tanjung Mas atau *Range* dalam bahasa Thai. Selepas dipindahkan ke Menara, negeri ini (kemudiannya mendapat taraf *wilayah*) beroleh nama menjadi Narathiwat pada 19hb. Mei 1916. Sisa-sisa runtuhannya Raja Legeh yang terakhir di Kampung Takop, masih dapat dilihat sehingga waktunya.

19. MAKAM-MAKAM BERSEJARAH

Selain daripada makam-makam bersejarah yang utama yang telah disebut di bawah tajuk *Tempat-tempat Bersejarah di Patani*, di sana masih terdapat beberapa makam bersejarah lain yang tidak kurang juga pentingnya dalam kaitannya dengan sejarah negeri Patani lama. Di bawah ini dikemukakan empat lagi makam bersejarah yang masih boleh disaksikan sehingga ke hari ini.

1. Makam Dato' Pangkalan

Barangkali ini adalah makan kedua paling lama ditemui selepas makam Sultan Ismail Shah di Kampung Parit, Kerisek. Seperti yang dapat diikuti sebelum ini, Dato' Pangkalan ialah pemerintah kedua negeri Patani yang dilantik oleh pihak berkuasa Siam selepas kejatuhannya pada 1785 (pemerintah pertama ialah Tengku Lamidin). Oleh kerana sifatnya dilantik oleh Siam, maka pastilah baginda tidak menuiliki kuasa yang banyak seperti yang pernah dimiliki oleh Raja-raja Melayu Patani sebelumnya. Dalam banyak hal, pemerintah Patani pada peringkat ini bolehlah disebut sebagai *Raja Patung* yang memerintah, bergerak dan bertindak di bawah dalang Siam.

Namun demikian, Dato' Pangkalan telah membuktikan bahawa baginda bukanlah Raja Patung seperti yang dianggap orang. Pada tahun 1808, akoran dari perasaan tidak puas hati baginda terhadap campur tangan Siam dalam ehwal negeri Patani, baginda telah melancarkan satu pemberontakan melawan pendudukan Siam. Di bawah pimpinan baginda, serta dengan dibantu oleh pembesar-pembesarnya yang kanan seperti Dato' Sai dan Dato' Pujud, orang-orang Patani telah berjaya mengusir orang-orang Siam pada pusingan pertama, menyebabkan ketuanya, Laksamana Dajang, berundur ke Senggora. Bagaimanapun, dalam pusingan kedua, apabila orang-orang Siam ini datang lagi ke Patani, kali

ini dengan tenaga bantuan dan strategi serangan secara serentak dari arah laut dan darat, orang-orang Patani tidak kuat lagi.

Dato' Pangkalan terbunuh dalam serangan pusingan kedua ini. Menurut sejarah Siam, mayat Dato' Pangkalan telah dipotong kepala dan dibuang entah ke mana, tetapi menurut cerita *bahari* orang-orang tua di Patani, apabila Dato' Pangkalan mati ditembak, para anak buahnya telah membawa mayat baginda ke atas sebuah bukit dan dimakamkan di sana. Bukit yang dimaksudkan ini ialah Bukit Tabeh, terletak dekat sebuah tempat bernama Tabeh, dalam daerah Rakak (Thai: *Mayo*), Patani.

2. Makam Raja-Raja Teluban di Pulau Kerengga

Teluban atau Saiburi ialah sebuah di antara beberapa buah negeri Patani Kecil yang dipecah dan dibentuk oleh Siam pada tahun 1816. Orang pertama yang dilantik oleh Siam bagi merajai negeri kecil di sekitar Sungai Teluban ini bernama Nik Diah, sebuah nama yang belum dapat dikesan asal mulanya. Baginda digantikan oleh anaknya Nik Lebai @ Nik Jalaluddin, kemudian oleh anaknya Tengku Kadir dan kemudian lagi oleh anaknya Tengku Abdul Muttalib. Tengku Abdul Muttalib ditakdirkan menjadi Raja Teluban yang terakhir apabila Siam memansuhkan sistem pemerintahan beraja ini pada tahun 1902. Baginda mangkat pada tahun 1919 (21hb. Rabiul Awal 1338).

Kawasan makam bagi raja-raja kecil Teluban ini terletak di suatu tempat dekat pantai - kira-kira 100 elai dari gigi air - bernama Pulau Kerengga. Kampung yang berpenduduk tidak lebat dan terletak arah ke selatan Kuala Sai (dipercayai daripada nama ini Siam menamakan negeri kecil ini dengan nama Saiburi) ini merupakan sebuah kampung yang kaya dengan panorama alam yang menarik, sunyi dan nyaman. Arah ke laut, saya tidak dapat menganggarnya berapa jauh, terletak sebuah pulau kecil tanpa penghuni bernama Pulau Jelapi. Berdasarkan dongeng masyarakat setempat, pulau ini konon adalah sebuah kapal nakhoda yang telah menjadi batu kerana sumpahan ibu (semacam cerita *Si Tanggang* di Tanah Melayu dan *Malim Kundang* di Sumatra).

Terdapat dua buah makam utama di atas sebuah cangkat buatan dalam kawasan permakaman ini. Dua makam ini yang diperkirakan makam dua



Makam Raja-raja Teluban di Pulau Kerengga, Kuala Sai.

orang raja-raja Teluban, sayangnya tidak dapat dikesan pemiliknya. Walaupun memang ada catatan pada salah sebuah makam ini, namun ianya sudah tidak dapat dibaca lagi kerana hakisan alam.

Berdekatan dengan dua buah makam utama ini, masih ditemui beberapa makam yang lain lagi. Dipercayai makam-makam milik isteri, anak-anak dan keluarga dekat yang lain.

Kerana letaknya yang sangat dekat dengan bibir pantai, makam ini diperkirakan tidak bakal bertahan lama. Berdasarkan ukuran luas tanah yang dihakis ombak saban tahun, saya percaya, makam ini akan *terbis* dalam beberapa tahun mendatang. Agak baik jika usaha-usaha dapat diambil, terutama oleh keluarga dekatnya, bagi menyelamatkan monumen bersejarah ini.

3. Makam Korban Peristiwa Dusun Nyior

Makam ini terletak dalam kawasan tanah perkuburan orang Islam di Kampung Dusun Nyior, Tanjung Mas (Thai: *Range*), di sebelah barat masjid mukim dan di tepi jalan besar Dusun Nyior - Tanjung Mas.

Makam ini ialah makam sejumlah korban yang tewas dalam peristiwa berdarah Dusun Nyior yang sangat masyhur itu. Menurut sumber, sejumlah 11 (sebelas) orang dilaporkan "syahid" dalam peristiwa yang tercetus pada hari Isnin 26hb. April dan berakhir pada hari Khamis 29hb. April 1948 ini.⁶⁴⁾

Peristiwa ini berlaku tidak lama selepas Haji Sulong ditangkap pada kali pertama - 16hb. Januari 1948. Oleh kerana urutannya yang seperti ini, maka ramai penulis berpendapat bahawa peristiwa Dusun Nyior adalah berkait dengan penangkapan ke atas Haji Sulong, ulama pemimpin masyarakat Melayu Patani yang pada waktu itu sedang berusaha mendapatkan otonomi Patani daripada kerajaan Thai. Ibrahim Shukri menyebutnya sebagai "peristiwa yang besar sekali dalam sejarah kebangkitan orang-orang Melayu Patani menuntut keadilan dan

64) Tarikh ini berbeza daripada tarikh yang disebut oleh Ibrahim Shukri dalam bukunya *Sejarah Kerajaan Melayu Patani* dan A. Bangnara dalam bukunya *Patani Dahulu dan Sekarang* yang menyebutnya sebagai berlaku pada 28hb. April. Tarikh ini diyakini lebih benar kerana ia diberi sendiri oleh seorang yang ikut terlibat dalam peristiwa ini.

kebebasan" (SKMP muka surat 156), manakala A. Bangnara puja dalam bukunya *Patani Dahulu dan Sekarang* menyifatkannya sebagai "kejadian yang maha penting dalam sejarah pertumbuhan dan kesedaran umat Islam dalam tiga wilayah selatan dan peristiwa itu sebagai unggun api yang tidak akan padam dengan mudah" (muka surat 62). Selain itu, Dato' Haji Muhammad Asri bin Haji Muda (bekas Menteri Besar Kelantan dan Menteri Kabinet dalam kerajaan Malaysia) dalam memoirnya bertajuk "Berani Kerana Benar" (*Pelita Bahasa*, Jun 1989, muka surat 26 - 27) juga cenderung mengaitkan peristiwa ini sebagai reaksi balas rakyat terhadap tindak-tanduk kerajaan Thai dalam persoalan Patani. Malah, sebelum itu, saya sendiri dalam artikel bertajuk "Tuan Guru Haji Sulong Patani" telah juga memperlihatkan kecenderungan yang sama.⁶⁵⁾ Mengatasi semua ini, barangkali pandangan yang paling "melampau" ialah pandangan yang diberikan oleh seorang penulis Thai, Nantawan Haemindra apabila beliau menanggapi peristiwa ini sebagai satu rangkaian "pemberontakan 1948" bersekali dengan satu lagi peristiwa yang berlaku di Belukar Samak, Pek bun, sebelumnya.⁶⁶⁾

Tetapi apabila saya membuat penyelidikan sendiri ke atas peristiwa ini dari dekat pada tahun 1989 yang lalu, dan menemukan sendiri orang yang ikut terlibat (bukan sekadar saksi mata sahaja) dalam peristiwa ini, saya menyimpulkan bahawa semua tafsiran atau tanggapan ke atas peristiwa ini selama ini adalah meleset. Memang benar peristiwa ini terjadi beberapa bulan selepas Haji Sulong ditangkap, akan tetapi ini tidak lebih daripada suatu *kebetulan sejarah* sahaja. Pada hakikatnya tidak ada kaitan langsung di antara peristiwa ini dengan penangkapan Haji Sulong. Kalau adapun kaitannya, maka itu adalah sesuatu yang sengaja dikaitkan atau diada-adakan kemudian.

Peristiwa Dusun Nyior sebenarnya adalah lanjutan daripada satu peristiwa lain yang terjadi sebelumnya di tempat yang sama, tetapi yang tidak begitu diketahui umum. "Pada suatu hari yang malang, kampung

65) Lihat Ismail Che Daud (Penyelenggara), *Tokoh Ulama Semenanjung Melayu I*, Majlis Ugama Islam Kelantan, Kota Bharu 1988, muka surat 353.

66) Nantawan Haemindra, "The Problem of the Thai Muslim in the Four Southern Provinces of Thailand (Part I and II)", *Journal of Southern Asian Studies* 7, no. 2 (1976), muka surat 205.

kami didatangi oleh sekumpulan orang-orang China dari Perak. Mereka bersenjata lengkap. Di bawah ujung bayonetnya kami dipaksa mengumpulkan makanan, pakaian dan lain-lain keperluan untuk mereka. Tidak cukup dengan itu, kami dipaksa pula mengangkut "rampasan" berkenaan meredah hutan, lurah dan bukit menuju sempadan Thai-Perak". Cerita orang yang saya temui tetapi enggan dikenali ini.

Menurutnya lagi, seramai lebih kurang 20 orang anak-anak muda kampung, termasuk beliau sendiri (pada waktu itu berusia 21 tahun), dipaksa berjalan dua hari dua malam sebelum dibenar pulang dalam keadaan yang sangat letih dan lapar.

Yakin dengan cerita ini saya cenderung berpendapat bahawa peristiwa Dusun Nyior adalah berkait dengan peristiwa darurat di Tanah Melayu yang terjadi pada awal tahun yang sama. "Orang China" yang disebut oleh pemberi maklumat berkenaan sebenarnya adalah pengganas-pengganas komunis yang putus bekalan makanan kerana siasat pemerintah Inggeris di Tanah Melayu pada waktu itu. Mereka menyeberang masuk sempadan lalu mengarahkan penduduk kampung mengumpul barang-barang keperluan untuk mereka. Oleh kerana Kampung Dusun Nyior terletak tidak jauh dari sempadan Thai-Perak (dua hari berjalan kaki merentas bukit), juga agak terpencil, maka mudahlah bagi mereka menjadikan kampung ini sebagai lahan bagi mereka mendapatkan makanan.

Sumber yang sama juga berkisah bahawa selepas anak-anak muda ini pulang ke kampung, mereka berazam mengambil langkah-langkah perlu ke arah mempersiap diri bagi mempertahankan kampung dan harta benda mereka jika ditakdirkan gerombolan pengganas itu datang lagi. Mulalah mereka belajar ilmu mempertahankan diri; fizikal maupun mental. Empat orang guru yang sekaligus mereka angkat jadi pemimpin, telah mengatur persiapan ini. Mereka ialah Faqih Hasan, Faqih Husin, Tok Perak dan Haji Mat Karam. Pusat latihan dan amal bertempat di balaisalai Kampung Teka, Dusun Nyior.

Sewaktu mereka sedang dalam "tempoh beramat" inilah mereka tiba-tiba diserang oleh soldado Thai. Kiranya kegiatan mereka dicium oleh mata telinga kerajaan, lalu melaporkannya kepada pihak berwajib dengan salah tafsir bahawa satu gerakan sedang diatur bagi melawan kerajaan.

"Ramai yang mati," tutur si pemberi maklumat. "Maklumlah, amalan

kami baru sampai separuh jalan. Belum cukup tempoh matang," katanya melanjutkan.

Mengaitkan peristiwa ini dengan penangkapan Haji Sulong (baca: perjuangan Patani) ternyata suatu kesilapan yang sangat menguntungkan pihak berkuasa Thai. Dengan memakai momok "melawan kerajaan" pihak berkuasa telah menangkap ramai pemimpin Islam di wilayah selatan, walaupun yang tidak ada kena mengena dengan peristiwa ini. Tidak lama selepas peristiwa ini, kerajaan menangkap To' Kannan (semacam Penggawa) Tanjung Mas dan seorang pemimpin masyarakat di Teluban, bernama Mustafa. Kedua-dua mereka "hilang" begitu sahaja selepas ditangkap. Pada masa yang sama juga kerajaan bertindak "membersih" saki baki peristiwa kekacauan di Belukar Samak, Pekbun, iaitu satu peristiwa hitam yang terjadi pada akhir 1947, tetapi yang belum dapat dipadamkan sepenuhnya, sehingga apabila tercetusnya peristiwa di Dusun Nyior ini. Dengan memakai alasan yang sama kerajaan menangkap mereka yang disyaki terbabit. Beberapa orang antara mereka, seperti To' Nebeng Pak Tam dan Tengku Endok @ Lundok, sempat melarikan diri ke Kedah.

Sebelas orang yang dilaporkan terbunuhan dalam serangan soldadu Thai dalam peristiwa tragis ini dikebumikan pada satu tempat dalam kawasan tanah perkuburan orang Islam, Masjid Dusun Nyior, Tanjung Mas. Tidak ada apa-apa catatan pada makam ini, malah nisan pun hampir tidak ada. Penduduk kampung selalu menyatakan kehairanan mereka akan perbezaan tanah kawasan perkuburan ini daripada tanah perkuburan lain dalam kawasan tanah perkuburan yang sama. "Tidak banyak tumbuh rumput-rumpai di kawasan makam ini," kata mereka.

Saya sendiri pun sempat berziarah ke makam ini dan memang menyaksikan adanya ciri-ciri kelainan daripada kawasan tanah perkuburan yang lain. Pada pengamatan saya, rumput yang tumbuh di kawasan ini lebih menampakkan warna "kemerahan" daripada kebanyakan rumput biasa yang berwarna hijau.

4. Makam Syuhada', Kubur To' Ayah, Chabang Tiga

Ini ialah makam bersejarah yang paling muda dalam sejarah negeri Patani pada waktu buku ini ditulis. Ia baru muncul pada penghujung tahun 1975 berikutkan satu peristiwa tunjuk perasaan yang cukup besar dan sangat

lama dalam sejarah pergelakan rakyat Patani, tetapi yang telah tidak mendapat liputan selayaknya daripada media antarabangsa.

Peristiwa bermula pada 29hb. November 1975 apabila seramai enam orang penduduk Kampung Hutan Berangan dalam daerah Teluban, dibunuh dengan kejam oleh sepasukan tentera laut Thai (orang Patani menyebutnya *Serdadu Air*). Mayat keenam-enam mereka dicampakkan ke dalam Sungai Teluban berdekatan dengan Jambatan Kampung Kota. Kesemua mereka yang diperkirakan mati, dibiarakan tenggelam dalam sungai berkenaan.


Dengan kehendak Allah ke atas hambaNya, seorang di antara mereka ditakdirkan belum meninggal dunia. Beliau yang kemudian berjaya pulang ke kampung telah menceritakan semua peristiwa kekejaman yang dilakukan oleh "alat negara" ke atas satu kumpulan orang yang mereka namakan "rakyat Thai" atau *Thai Muslim*, iaitu etnik Melayu Patani.

Lanjutan daripada peristiwa ini, pada 11hb. Disember, satu kumpulan pelajar (lebih kurang 1,000 orang) dari wilayah-wilayah Patani, Yala dan Narathiwat mengadakan satu tunjuk perasaan di hadapan *Sala Klang* (pejabat gabenor) Wilayah Patani, membantah perlakuan zalim ini. Tunjuk perasaan ini berjalan secara aman di bawah anjuran sebuah badan yang diberi nama *Pusat Pembela Rakyat*. Pada keesokan harinya, selepas sembahyang Jummat, tunjuk perasaan ini menjadi lebih marak apabila sejumlah 5,000 orang yang bersimpati, ikut bergabung.

Esoknya, 13hb. Disember 1975 adalah hari Idil Adha. Mengambil sempena hariraya korban ini, orang ramai banyak memberi derma wang dan makanan kepada Pusat Pembela Rakyat. Serdadu Thai mulai mengawal jalan-jalan masuk ke bandar Pattani bagi mengelak penyertaan lebih ramai penduduk. Sembahyang hariraya berlangsung dalam hujan yang mencurah di hadapan *Sala Klang*.

Malamnya (malam keempat), kira-kira lepas Maghrib, pada waktu diadakan sudut pidato dan orang sedang ramai, "satu bom tangan telah dilontarkan oleh polis kerajaan Thai" membunuh 11 orang penunjuk perasaan dan mencederakan lebih 30 orang.⁶⁷⁾ Dalam keadaan kelam-

67) Terdapat juga sumber yang menyebut 13 dan 16 orang. Angka 11 di atas saya dasarkan kepada catatan pada makam syuhada' berkenaan yang merakam empat nama, manakala tujuh yang lain disebut sebagai dikebumikan di kampung masing-masing.



Makam Syuhada di Cabang Tiga.



Demonstrasi Rakyat Patani



Acharn (pensyarah) Ismail, salah seorang korban dalam Demontrasi Rakyat Patani 1976



Para demonstran mengiringi jenazah syuhada' ke Makam Cabang Tiga

kabut orang ramai menyelamatkan diri serta jerit-pekit mangsa yang kesakitan, ditambah dengan pelita yang "padam", polis Thai telah merampas barang-barang yang didermakan oleh orang ramai; beras, pakaian, makanan dan projector elektrik.

Pada 14hb. Disember, perhimpunan beralih dari Sala Klang ke Masjid Jami' Patani pula. Tunjuk perasaan di sini menjadi lebih terharu dengan kehadiran mayat-mayat mangsa yang akan dikebumikan dalam kawasan perkuburan To' Ayah di hadapan masjid. Satu perarakkan panjang lebih daripada dua kilometer terbentuk sewaktu jenazah para syuhada' ini dibawa ke kubur.

Kerana peristiwa yang tragis ini, tunjuk perasaan tidak segera berakhir, sebaliknya menjadi bertambah nyala dan ramai. Satu siri rundingan antara Pusat Pembela Rakyat dengan wakil-wakil kerajaan diadakan, tetapi semuanya berakhir dengan kegagalan. Beberapa tuntutan juga dikemukakan bagi mendapatkan ganti rugi serta hak-hak dan jaminan yang lebih adil tetapi semuanya berakhir dengan "tinggal janji". Beberapa tahun selepas peristiwa ini berakhir, orang Patani bukan sahaja tidak mendapat hak-hak mereka yang dijanjikan, akan tetapi malahan menyaksikan ramai di antara "pemimpin-pemimpin"nya hilang dan "ghaib" satu demi satu.

Kemuncak daripada peristiwa tunjuk perasaan ini berlaku pada 5hb. Januari 1976 apabila sejumlah 200,000 orang telah mengambil bahagian. Kali ini mereka tidak sahaja datang dari wilayah-wilayah majoriti muslim seperti Yala, Narathiwat, dan Setul (Thai: *Satun*), tetapi malah dari Songkhla juga.

Tidak semua daripada 11 orang yang terkorban dalam peristiwa ini dikebumikan di tanah perkuburan Kubo To'Ayah di Chabang Tiga. Cuma empat daripada mereka, iaitu Harun Muhammad, Hasbullah Ibrahim, Afandi Mat Rashid dan Wan Ismail Wan Husin dikebumikan di sini. Manakala tujuh yang lain, atas kehendak keluarga dekat mereka, dikebumikan di tanah perkuburan di kampung mereka masing-masing.

Tunjuk perasaan yang diperkirakan paling besar dalam sejarah Patani ini berakhir pada 24hb. Januari 1976, iaitu setelah mengambil masa penuh selama 45 hari (dikira bermula pada 11hb. Disember 1975).

Pada hari ini orang ramai dapat menyaksikan Makam Syuhada' ini

berdiri tinggi dalam kawasan tanah perkuburan Chabang Tiga ini, menambahkan satu lagi monumen dalam senarai tinggalan sejarah di Chabang Tiga khasnya dan negeri Patani amnya. Makam ini dibina dengan ciri-ciri yang sedikit berbeza, malah agak luar biasa, dibandingkan dengan makam-makam lain dalam kawasan perkuburan yang sama, termasuk makam keluarga raja-raja Patani di sebelah kanannya.



(IV)

Patani: Citra Luka Sebuah Negeri



20. HAKISNYA SEBUAH BUDAYA MELAYU

Dua ratus tahun telah berlalu sejak negeri Patani jatuh ke tangan Siam pada tahun 1785. Sejak waktu itu, negeri Patani telah kehilangan kemerdekaannya sebagai sebuah negara, manakala penghuninya, orang Melayu, telah kehilangan identitiinya sebagai suatu bangsa.

Tempoh 200 tahun atau dua abad adalah suatu tempoh yang lama. Selama tempoh ini, orang Patani, seperti yang telah anda ikuti sebelum ini, telah berdaya upaya berusaha membebaskan negerinya daripada taklukan Siam, tetapi tidak berjaya. Di sebaliknya pula, Siam pun tidak mau kalah ego; negeri Patani dipegangnya kuat-kuat. Lalu, setelah merasa yakin bahawa negeri Patani sudah secara sah menjadi bahagian negerinya berdasarkan *Perjanjian Bangkok 1909*, bermulalah usaha-usaha mensiamkan negeri Patani; buminya, rakyatnya, budayanya, pun juga sejarah lampauanya.

Pada waktu kejatuhannya ke tangan Siam, negeri Patani diperkirakan antara negeri Melayu yang mempunyai bilangan penduduk yang tinggi di Semenanjung Melayu. Meskipun tidak ditemui angka-angka rasmi secara sah dalam hal ini, namun dengan mengambil kira angka penduduk yang diberi oleh pelawat Eropah, Alexander Hamilton, yang melawat Patani pada masa pemerintahan Raja Kuning, yang mencatat bahawa negeri Patani pada zaman itu mempunyai bilangan penduduk lelaki sahaja (tidak termasuk perempuan) seramai 150 ribu orang, maka dapat dibayangkan berapa kira-kira angka warga Patani pada saat kejatuhannya lebih satu abad kemudian. Angka ini dipercayai jauh mendahului angka penduduk negeri Kedah dan Kelantan pada tahun 1835 yang dilaporkan masing-masing mempunyai jumlah penduduk seramai 50 ribu orang dan yang disifatkan sebagai "negeri yang mempunyai bilangan penduduk yang

paling ramai"⁶⁸ pada waktu itu.

Pada tahun 1909, yakni pada waktu negeri Patani secara sah terserah kepada Siam, jumlah penduduk Patani ialah 197,809 orang, tidak termasuk 300 orang rakyat British daripada keturunan India. Angka-angka lain yang ditemui ialah: lembu 155,692 ekor, kerbau 35,714 ekor, kuda 171 ekor dan gajah 345 ekor.⁶⁹

Dengan hampir semua penduduknya daripada bangsa Melayu, juga dengan merujuk kepada sejarah negerinya yang dibangun dan diperintah oleh raja-raja Melayu, maka sangat jelas bahawa negeri Patani pada saat terjadinya penyempadan baru di antara Inggeris - Siam, adalah sebuah negeri Melayu total; buminya, rakyatnya dan budayanya. "Siam has neither political territorial, sentimental, ethnological, anthropological nor geographical right over Patani", lapor sebuah tulisan bertajuk *Siamese Abuses in Patani* pada tahun 1923 dan yang disiarkan semula dalam *Suara Siswa*, jilid 2 bilangan 2 (Disember 1970), muka surat 10. Dengan realitinya yang seperti ini, ditambah dengan minat masyarakat anak negeri yang lebih berminat untuk bergabung dengan saudara-saudara Islamnya di seberang sempadan, maka adalah tidak mudah bagi "penjajah" Siam buat merubah negeri Patani menjadi sebuah wilayah Thailand dalam wajah Thai, sebagaimana tidak mudahnya pemerintah China merubah wilayah Xinjiang (dahulunya Turkestan Timur) menjadi China atau pemerintah India merubah wilayah Kashmir menjadi India.

Pada akhir tahun 1973, yakni setelah berlalu lebih 60 tahun daripada peristiwa *Perjanjian Bangkok* termaklum, pola demografi ini sedikit berubah. Upaya pemerintah Thai membawa masuk kumpulan orang Thai dari utara dan timur laut untuk tinggal bermukim dalam wilayah-wilayah selatan, terutamanya dalam tiga buah wilayah asal Patani (Pattani, Yala dan Narathiwat), mula menampakkan hasil. Pada tahun ini banci penduduk menunjukkan angka penduduk muslim dalam wilayah Pattani merosot kepada 78% daripada sejumlah 387,842 orang penduduk, Yala kepada

68) Lihat T.J. Newbold, *Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca* (London 1971). Lain-lain penduduk negeri Melayu yang tercatat ialah Pahang kira-kira 40,000 orang, Perak (35,000), Terengganu (31,000), Negeri Sembilan (27,000), Johor dan Melaka (masing-masing 25,000) dan Selangor (12,000 orang).

69) "Report on Patani", pertama kali tersiar dalam *The Perak Pioneer and Malay State Advertiser* (dipetik dari JMBRAS, Part I, 1988, muka surat 115)



DOMINAN: Sekiranya tidak ada papannya sebuah restoran dalam tulisan Thai, suasana pasar pagi Sabtu depan Hotel Palace di Pattani ini memang tidak berbeza dengan pasar-pasar yang terdapat di Kelantan. Tampak peraih wanita lebih dominan.



SIBUK: Zaman gemilangnya yang sesak dengan kapal dagang asing sudah lama berlalu. Kini Sungai Patani masih tetap hidup dan sibuk dengan kapal dan perahu nelayan.

61% daripada 218,546 orang penduduk dan Narathiwat kepada 78% daripada 371,930 orang penduduk.⁷⁰⁾

Sungguh suatu penurunan yang drastik. Adalah menjadi matlamat utama pemerintah Thai membawa masuk orang utara dan timur laut ke selatan bagi maksud mengurangi majoriti penduduk Melayu-Islam. Dengan demikian, diharapkan dominasi penduduk dan budaya yang sebelum ini berwarna Melayu-Islam, sedikit demi sedikit terhapus berganti dengan unsur budaya Thai yang semakin mendapat tempat dari semasa ke semasa.

Pada tahun 1985 (12 tahun kemudian), Pusat Pengurusan Pentadbiran Wilayah Sempadan Selatan Thai mengeluarkan angka-angka penduduk yang terkini. Bagi wilayah Patani, penduduk muslimnya merosot lagi kepada 77.55%, manakala bagi wilayah-wilayah Yala dan Narathiwat, angkanya menaik sedikit; Yala kepada 62.79% (lebih satu peratus) dan Narathiwat kepada 78.48% (naik 0.48 peratus). Jumlah semua penduduk muslim bagi ketiga-tiga wilayah ini ialah 819,274 orang daripada keseluruhan penduduk yang berjumlah 1,226,827 orang.⁷¹⁾

Meskipun para realitinya negeri Patani yang lama sudah "lenyap", berganti dengan hanya sebuah wilayah kecil bernama Patani, namun sehingga sekarang orang Patani tetap menamakan diri mereka *Orang Melayu Patani*. Pada sebuah buku yang terbit di Pattani pada tahun 1977, masih disebut istilah *Bahasa Patani* yang bermakna *Bahasa Melayu Patani*, suatu istilah yang kira-kira sama maksudnya dengan *Bahasa Indonesia* di Indonesia atau *Bahasa Malaysia* di Malaysia.

Semua penamaan ini menandakan bahawa jauh di dalam hati mereka, orang Patani tidak pernah merasakan bahawa mereka adalah orang Thai. Meskipun bertahun-tahun lamanya pemerintah Thai cuba melabelkan mereka dengan nama Thai Muslim, namun nama ini seperti tidak pernah mau melekat kepada mereka. Adalah suatu keajaiban sejarah apabila orang Patani, selepas dua ratus tahun menjadi bangsa yang ditakluk dan

70) Lihat Nantawan Haemindra, *sumber sama*, (Part I), muka surat 198.

71) Rathiya Salich "Peranan Wanita Thailand Selatan Dalam Kehidupan Masyarakat" kertas kerja yang dibentangkan dalam *Musyawarah Kerja, Muzakarah dan Musyawarah Komisi "B" Majelis Ulama Indonesia Propinsi Daerah Istimewa Aceh*, di Banda Aceh pada 24 hingga 28 hb. Januari 1993, muka surat 2.



SANTAI: Kaum ibu Melayu di Teluk Leweng, Pulau Kerengga (atas) berborak santai di serambi sembari tangan mereka membuka daun palas. Pemandangan serupa juga tampak kala menjelang senja di Sakom, Senggora (bawah).

diperbudak, mampu bertahan pada nama lamanya sehingga ke saat ini.⁷²⁾

Upaya Integrasi

Namun, bukanlah penjajah namanya kalau mereka tidak berusaha ke arah mencwujudkan sebuah integrasi nasional negaranya. Hal yang sama juga berlaku kepada "penjajah" Thai di Patani. Seperti yang dituturkan di atas, selepas aman menjadi bahagian wilayah negara Thai pada tahun 1909, bermulalah era baru sejarah Patani. Perlahan-lahan, tetapi dengan yakin dan pasti, langkah-langkah diambil bagi mensiasikan negeri Patani dan mengasimilasi orang Patani. Bermula dengan tindakan awal penghapusan raja-raja Melayu dan pengukuhan sistem birokrasi pada awal abad ke-20 (lihat *Jerutan Yang Makin Diperketat*), usaha ini diteruskan dengan *Akta Pelajaran Tahun 1921*, dan kemudiannya, yang sangat menggemparkan, ialah dasar *Thai Rathaniyum* (Thai Custom Decree) pada tahun 1939.

Di bawah Akta Pelajaran 1921, anak-anak orang Islam diwajibkan mengikuti sekolah-sekolah dasar dalam bahasa Thai. Akta ini yang semula bertujuan menyebarluaskan penggunaan bahasa Thai di seluruh pojok negara, juga diketahui mempunyai tujuan tidak langsung yang lain, iaitu bagi menyekat anak-anak orang Islam daripada menghadiri kelas-kelas bahasa Melayunya. Empat puluh tahun kemudian, selepas menyedari bahawa kuatkuasa Akta ini tidak mempan mempengaruhi orang Patani yang malahan menganggapnya sebagai suatu program assimilasi orang Patani ke dalam budaya Thai yang asing, juga gagal menyekat mereka daripada terus menyerahkan anak-anak mereka ke pondok-pondok tradisional yang dipimpin oleh *To' Guru* yang sangat mereka hormati, pemerintah Thai lalu memperkenalkan polisi baru. Pada tahun 1961, Sarit Thanarat melancarkan sebuah program yang boleh dinamakan "Program Pembaikian Pendidikan Pondok". Di bawah program ini, Kementerian Pendidikan memperoleh tugas baru mendaftar sekolah-sekolah pondok yang ada bagi maksud melayakkannya mendapat "bantuan" pemerintah dalam rangka menunjang perbelanjaan pengurusan yang makin lama makin tinggi. Bagaimanapun, sebelum "bantuan" jenis ini

72) Di Makkah, orang Patani masih dikenal dengan nama lamanya - al-Fatani - yang bermaksud "orang Patani" atau "orang dari Negeri Patani". Dengan identiti ini mereka biasanya dilayan sebagai orang Melayu atau orang Jawi, sama seperti saudara-saudara Islamnya dari rumpun Melayu yang lain.



TERLANTAR: Bekas istana yang pernah menjadi kediaman rasmi Raja Legeh di Kampung Takup (Menara) ketika Patani di puncak kejayaan, kini tersisih dan terlantar.



Sekilas pandang bahagian atas bekas Istana Raja Legeh ini kelihatan seperti bentuk patung Hindu.

dapat diberi, pondok-pondok mestilah terlebih dahulu memenuhi beberapa persyaratan yang ditetapkan oleh kementerian. Antaranya, pondok-pondok mestilah bersedia memasukkan mata pelajaran Bahasa Thai ke dalam kurikulum baru persekolahannya di samping bersedia menerima perkhidmatan guru-guru kerajaan yang dikirim buat mengajar di pondok-pondok.

Nah! persyaratan inilah yang sangat tidak mereka senangi. Bagi pemerintah Thai, upaya ini dilihat bagi membangun suatu jalur persekolahan yang baru sesuai dengan dasar integrasi nasional dan modernisasi pendidikan negara. "Daripada membangunkan sekolah-sekolah baharu yang tentunya akan memakan biaya yang sangat besar, adalah lebih baik jika dapat disesuaikan lembaga-lembaga pendidikan yang sudah sedia ada (baca: pondok) dan merubahnya secara beransur-ansur ke arah perubahan-perubahan yang diperlukan," fikir pemerintah Thai pada waktu itu. Akan tetapi bagi orang Patani, upaya ini sebaliknya dilihat sebagai suatu campurtangan pemerintah dalam chwal pendidikan tradisional mereka.

Patut disebut bahawa sebelum program 1961 ini diperkenalkan, pondok dianggap sebagai "lembaga keagamaan" lebih daripada *lembaga pendidikan*. Karena itu kedudukannya sangat peribadi, *sakral* dan sangat tergantung kepada ketokohan seseorang To' Guru yang menjadi pemimpinnya. Di bawah program Sarit Thanarat ini, campurtangan pemerintah berlaku dengan cara menawarkan "bantuan" agar dengan demikian pondok-pondok dapat berubah dan bersedia menerima bantuan. Satu kategori khusus diberi bagi pondok-pondok yang bersedia didaftar dan menerima persyaratan ini, iaitu *Sekolah Swasta Untuk Pendidikan Islam* (Rongrian Rasdr Son Sasana Islam) dan terletak di bawah pengawasan Bahagian Pendidikan Swasta dalam Kementerian Pendidikan. Cara ini, oleh pemerintah Thai, dianggap satu langkah inovasi bagi memungkinkan pondok tetap "swasta" tetapi dalam pada itu harus tunduk kepada peraturan-peraturan pemerintah jika ingin terus mendapat dokongan (baca: bantuan). Terdapat sejumlah 287 buah pondok yang telah didaftarkan di bawah kategori ini di antara tempoh tahun 1961 hingga 1966.⁷³⁾

Pada tahun 1968, program ini "mencengkam" setapak lagi apabila dua

73) Surin Pitsuwan, *sumber sama*, muka surat 145.

ketetapan baru diambil; *pertama* bahawa semua pondok yang telah berdaftar dan menerima bantuan pemerintah hendaklah menghapus penggunaan bahasa Melayu yang menjadi bahasa pengantar bagi sebahagian besar matapelajaran agama, dan *kedua*, bahawa orang tidak boleh lagi mendirikan pondok-pondok baharu. Dengan dua ketetapan ini, tampak jelas bahawa transformasi pondok menjadi *Sekolah Swasta Untuk Pendidikan Islam* yang dahulunya dibuat atas dasar sukarela, kini menjadi wajib, manakala bahasa Melayu berganti dengan bahasa Thai dan kurikulum keagamaan yang tradisional disesuaikan dengan kurikulum sekular yang baru.⁷⁴⁾

Semua perkembangan ini dilihat oleh orang Patani dengan sangat curiga. "Pondok-pondok sedang dihapuskan," kata mereka. Sebuah tulisan dalam *Suara Siswa* menyebut bahawa program seperti ini dirancang oleh Sarit Thanarat kerana pada pandangan beliau pondok-pondok adalah menjadi punca atau sumber kekuatan bagi orang-orang Islam menentang kerajaan. "Didapati bahawa sumber inspirasi bencikan Siam (berawal) dari pondok. Dan guru-guru agama yang ikhlas yang berkubu di pondok-pondok itu sangat berpengaruh terhadap orang-orang Islam Melayu."⁷⁵⁾

Pada tahun 1984 terdapat sejumlah 348 buah sekolah swasta Islam yang berdaftar, tetapi dengan hanya 202 buah sahaja yang masih aktif. Menurut pengamatan, kemerosotan ini bersebab dari dua perkara; pertama: ketidakmampuan sekolah-sekolah berkenaan memenuhi persyaratan atau peraturan-peraturan yang dikenakan oleh pemerintah dari semasa ke semasa, dan kedua: kerana dengan mengikuti persyaratan dan peraturan pemerintah menyebabkan sekolah-sekolah agama kehilangan kualiti ilmu-ilmu agama tradisional,⁷⁶⁾ atau dalam perkataan lain, mutu lepasan sekolah agama bantuan kerajaan tidak setanding mutu keluaran sekolah pondok tradisional yang mereka kenal sebelum ini. Dengan adanya ketetapan pemerintah bahawa sekolah-sekolah pondok yang baharu tidak bakal dapat didirikan, maka adalah dikhawatir bilangan sekolah-sekolah

74) Surin Pitsuwan, *sumber sama*, muka surat 146 dan 147.

75) *Suara Siswa*, Jilid 2 bilangan 2 (Disember 1970), muka surat 22.

76) Lihat W.K. Che Man, "Islam in Contemporary Patani" dalam *Akademika* bilangan 34 (Januari 1989), muka surat 119.

agama pondok tradisional akan berkurangan dari setahun ke setahun.

Inilah kesan buruk daripada campurtangan pemerintah dalam pengajian agama tradisional. Maka itu, untuk pertama kali dalam sejarahnya, masyarakat Islam Patani dihadapkan kepada kekurangan ilmuwan Islam yang memenuhi syarat. Sementara pemerintah menganggap ini sebagai suatu keberhasilan kerana semakin ramai murid belajar di pondok-pondok di bawah kawalannya, orang Patani sebaliknya merasa bahawa lembaga pendidikan keagamaan mereka sedang diambil alih. Phenomena ini sangat jelas apabila, secara perbandingan, diperhatikan angka-angka pelajar dalam tiga wilayah selatan yang mengikuti sekolah-sekolah kerajaan dengan angka-angka pelajar yang mengikuti sekolah-sekolah swasta untuk pendidikan Islam pada tahun 1984. Bagi wilayah Narathiwat misalnya, daripada jumlah pelajar seramai 61,790 orang, hanya 11,161 orang daripadanya belajar di sekolah-sekolah Islam. Bakinya seramai 50,630 orang belajar di sekolah-sekolah kerajaan. Angka yang lebih kurang sama juga berlaku di wilayah Pattani apabila daripada sejumlah 65,222 orang pelajar, sebanyak 16,132 daripadanya belajar di sekolah-sekolah Islam. Manakala selebihnya, 49,090, belajar di sekolah-sekolah kerajaan. Adapun bagi wilayah Yala, maka angkanya lebih kecil lagi, iaitu 9,543 belajar di sekolah-sekolah Islam berbanding 24,068 orang belajar di sekolah-sekolah kerajaan (daripada jumlah pelajar seramai 33,611 orang).⁷⁷⁾

Pada hari ini, ramai orang Islam Patani beranggapan bahawa dasar menukar sekolah-sekolah pondok tradisional kepada sekolah-sekolah swasta Islam pada hakikatnya tidak lebih daripada suatu langkah awal ke arah penghakisan nilai-nilai Islam dan identiti budaya orang Melayu. Dalam perkataan lain, penukaran ini bukan sahaja dibuat bagi maksud mengintegrasikan orang Melayu-Islam ke dalam sebuah negara bangsa bernama Thailand, akan tetapi juga bertujuan untuk melemahkan sistem pendidikan tradisional Islam yang terbukti sangat berjaya melahirkan pemimpin-pemimpin agama sekaligus politik di bekas negeri Patani.

Setelah berlalu tiga dekad, kini disedari bahawa sekolah-sekolah swasta Islam yang mengantikan sistem pondok tradisional dan yang

77) Sumber, *Educational Region II*, 1984 (dipetik dari W. K. Che Man, *sumber sama*, muka surat 119)

sekarang terletak di bawah kawalan pemerintah, tidak mampu menandingi peranan pondok dari segi penyebaran ilmu agama dan dakwah Islamiah di Patani. Ternyata campur tangan pemerintah dengan cara-cara yang telah dinyatakan, telah menyebabkan bidang pendidikan Islam jadi merosot serta gagal memenuhi citarasa dan keperluan masyarakat Islam. Ini belum lagi mengambilkira risiko yang terpaksa ditanggung oleh Tok Guru dan masyarakat Islam setempat berikutan peranan ganda guru-guru kerajaan yang dikirim mengajar di sekolah-sekolah seperti ini, yang kebelakangan ini diketahui bukan sahaja mengajar matapelajaran umum dan Bahasa Thai, akan tetapi juga sekaligus menjadi "mata-telinga" kerajaan bagi memata-matai kegiatan Tok Guru dan anak-anak pondoknya.

Aspek Bahasa

Suatu bidang yang sangat dekat dengan pendidikan. Kerananya, apabila kedudukan dan peranan pendidikan Islam jadi merosot, maka aspek bahasa pun turut merosot sama.

Seperti yang dapat difaham sebelum ini, bahasa Melayu adalah menjadi bahasa pengantar bagi kebanyakan matapelajaran pondok, setidak-tidaknya di peringkat awal, iaitu sebelum anak-anak pondok dapat mengikuti pelajaran tingkat tinggi mereka dalam bahasa Arab. Apabila ketetapan dibuat bagi melarang penggunaan bahasa Melayu di sekolah-sekolah swasta Islam, maka dapat dipastikan bahawa kesannya akan sangat buruk ke atas masa depan bahasa Melayu di Patani.

Sayugia disebut, bahasa Melayu yang dipakai sehari-hari di Patani adalah bahasa Melayu dalam loghat Kelantan, dengan sedikit kelainan dalam beberapa istilah dan pemakaian kalimah.⁷⁸⁾ Kerana ia ditulis dalam abjad jawi, maka di kalangan pemerintah bahasa ini dikenal dengan nama *Bahasa Yawi @ Jawi*. Atas sebab-sebab yang sama juga orang Patani kadang-kadang disebut "orang Jawi".

78) Maksudnya penggunaan beberapa istilah atau kalimah yang sama dari segi sebutan tetapi berlainan dari segi makna. Misalnya "jangak" bagi makna cantik, "halus" bagi kecik atau kecil, "kakak" bagi abang, "dua" bagi dengan, dan lain-lain. Selain dari itu terdapat juga beberapa kalimah khas milik Patani, seperti "sakar" untuk gula, "kain mandel" untuk sapu tangan, "kikir" untuk gigit, "bohong" untuk dusta, "surat" untuk buku, "buku" untuk kes, "telus" untuk muat, "serdadu" untuk askar atau tentera, "batas" untuk jalanraya dan lain-lain.



DAIF: Ruang belajar tidak berdinding dan daif seperti ini bukan suatu pemandangan yang aneh, setidaknya demikianlah yang tampak di sekolah swasta Islam di Tanjung Dato'.



UZUR: Tempat tinggal penuntut pondok yang uzur seperti ini bukan kendala untuk menghasilkan barisan ulama.

Isu bahasa sebenarnya pernah menjadi agenda utama dalam tuntutan tujuh perkara Haji Sulong kepada kerajaan Siam. Seperti yang dituturkan sebelum ini, sekurang-kurangnya ada dua hal yang menjadi tuntutan beliau sehubungan dengan isu bahasa ini. Pertama: tuntutan supaya bahasa Melayu diajar "pada tiap-tiap sekolah mukim bagi kanak-kanak berumur tujuh tahun sebelum lagi masuk belajar bahasa Siam atau bercampur pelajaran dengan bahasa Siam", dan kedua: mengakui tulisan bahasa Melayu (Jawi -P) menjadi bahasa rasmi.

Meskipun tuntutan ini tidak pernah dilayan, namun bagi maksud mengimbangi suasana pada ketika itu, pemerintah Thai sedikit berlembut apabila perkecualian dibuat bagi membenarkan matapelajaran Bahasa Melayu diajar di sekolah-sekolah umum kerajaan Thai. Sehubungan dengan ini, saya masih ingat, bagaimana pada dekad 1950an dan 1960an, beberapa orang guru bahasa Melayu dilantik dan ditempatkan di beberapa buah sekolah pilihan bagi memenuhi keperluan ini. Masyarakat setempat memanggil mereka dengan nama *Cikgu*, bukan *Khru*, bagi membezakannya daripada guru-guru sekolah kerajaan yang lain. Kebanyakan mereka adalah orang Melayu Patani sendiri, tetapi yang beroleh kesempatan belajar di sekolah-sekolah Melayu di Kedah, Pulau Pinang dan Kelantan pada tahun-tahun selepas Perang Dunia Kedua. Perkhidmatan mereka bagaimanapun tidak lama, kerana segera selepas beberapa tahun diperkenalkan, berlaku pengurangan jumlah waktu belajar bagi matapelajaran ini, sebelum akhirnya dihapus langsung. Akibahnya guru-guru ini yang semula sudah terlanjur dilantik menjadi pegawai kerajaan dengan gaji tetap, mendapat tugas baru mengajar matapelajaran lain pula, termasuk Bahasa Thai. Kebanyakan mereka kini sudah pada bersara.

Maka boleh dikatakan, lapangan yang masih dikuasai bahasa Melayu di Patani sekarang hanyalah dalam pergaulan sehari-hari, penyampaian khutbah Jumaat di masjid-masjid (atau surau) dan pengajaran agama di madrasah-madrasah. Tidak ada bahasa Melayu dalam urusan rasmi dengan kerajaan. Tidak ada bahasa Melayu dalam media massa. Tidak ada bahasa Melayu pada papan tanda dan tidak ada bahasa Melayu di mana-mana.

Terdahulu, di bawah tajuk *Jerutan Yang Makin Diperketat*, telah disebut apa yang dinamakan *Thai Rathaniyum*. Di bawah semangat atau

faham ini, orang Melayu Patani dilarang menggunakan bahasa Melayu, atau sekurang-kurangnya, penggunaan bahasa Melayu telah menyebabkan penggunanya tidak mendapat layanan. Bahasa Melayu telah menjadi bahasa terlarang di pejabat-pejabat kerajaan. Mana-mana pegawai kerajaan yang tahu berbahasa Melayu, dilarang berurus dengan anak negeri dalam bahasa itu. Manakala orang Melayu yang datang berurus dengan pejabat kerajaan terpaksa mengguna bahasa Thai, atau sekiranya mereka tidak tahu, mereka boleh mengguna khidmat juru bahasa bagi menyelesaikan urusannya - tidak kira samada urusan itu penting atau tidak.⁷⁹⁾

Dengan nisbah penduduk muslim (baca: Melayu) yang berjumlah 819,274 orang daripada keseluruhan penduduk 1,226,827 orang dalam tiga wilayah selatan (Pattani, Yala dan Narathiwat) pada tahun 1985, maka dapat dikatakan bahawa apa yang menimpa bahasa Melayu adalah sesuatu yang sangat malang. Meskipun diaku bahawa pemerintah Thai mempunyai alasan-alasannya yang tersendiri dalam usahanya mewujudkan sebuah integrasi nasional negara melalui pemakaian satu bahasa, namun penggunaan bahasa etnik minoriti tidak sepatutnya dinafikan. Kalau Thailand tidak mau mencontohi Malaysia yang diakuinya sangat toleran dalam soal bahasa, mereka boleh mencontohi USSR (sebelum 1991), yang walaupun mewajibkan penggunaan bahasa Russia dalam republik-republik di bawahnya, namun penggunaan bahasa anak negeri seperti Azeri, Uzbek, Tatar, Bashkir, Tajik dan lain-lain masih dibenarkan berlaku di sekolah-sekolah, juga dalam pelbagai media cetak dan elektronik.⁸⁰⁾

Pada hari ini, meskipun dengan jumlah penduduk Melayu yang berjumlah lebih satu juta orang (dengan mengambilkira mereka yang tinggal dalam wilayah-wilayah Setia dan Senggora juga), Thailand tidak

79) Ibrahim Shukri, *sumber sama*, muka surat 139.

80) Diakui, memang wujud Jabatan Pengajian Melayu di *Prince of Songkhla University*, baik di kampus induk di Haadyai maupun di kampus cabang di Pattani. Akan tetapi ia bukan ditubuhkan bagi maksumd atau memelihara, memupuk atau menyebarluaskan penggunaan bahasa Melayu di selatan, sebaliknya ia ditubuhkan bagi tujuan penyelidikan dan keperluan akademik di sesebuah universiti - lebih kurang sama maksudnya dengan penubuhan Jabatan Pengajian Melayu di universiti-universiti di Belanda, Perancis atau di United Kingdom.

mempunyai walau sebuah pun akhbar atau majalah dalam bahasa Melayu di peringkat kebangsaan - satu kedudukan yang dilihat sangat tidak seimbang berbanding dengan tiga buah akhbar harian dalam bahasa Inggeris (*Bangkok Post*, *The Nation* dan *Thailand Times*) dan sebuah akhbar harian dalam bahasa Cina yang saya tidak pernah dapat baca nama judulnya. Walaupun diakui, pernah terbit majalah dwibahasa (Thai dan Melayu), *Utusan Thai Selatan*, pada dekad 1960an hingga penghujung 1970an, namun majalah yang diterbitkan dua kali sebulan ini tidak lebih dari merupakan sebuah *majalah penerangan* kerajaan Thai kepada orang Melayu yang buta Thai tetapi yang dirasakan perlu bagi mereka mengetahui akan dasar-dasar dan usaha baik kerajaan terhadap mereka.

Akan hal radio dan televisyen pula, maka boleh dikatakan 90 % menggunakan bahasa Thai, diikuti selebihnya oleh bahasa-bahasa Inggeris, China dan Melayu (dalam loghat tempatan).⁸¹⁾

Selain dari apa yang telah disebutkan, hakisan bahasa Melayu juga dapat dilihat pada perubahan nama-nama tempat. Tidak dapat dinafikan bahawa oleh kerana negeri Patani dahulunya adalah negeri Melayu dengan penghuninya yang terdiri daripada orang Melayu, maka nama-nama tempat (termasuk nama-nama sungai, bukit, teluk dan tanjung) adalah bernama Melayu. Dalam perkembangan yang berlaku sekarang, sehubungan dengan usaha-usaha kerajaan ke arah penyatuhan bahasa dan budaya, maka nama-nama tempat ini juga mula berubah kepada nama-nama Thai bagi menghilangkan *bau* asal bahasa lokal. Sebuah kampung bernama Anak Bukit, misalnya, diubah menjadi *Na Ket*, Jeringa menjadi *Yi Ngo*, Becah Herong (*Cho Ai Rong*), Teluk Hala (*Ta Lo Ha Lo*), Bendang Setar (*Ban Nang Sata*), Merbol (*Ma Ru Bo*), Seppong (*Sa Pom*), Nasa (*Nam Sai*) dan lain-lain. Belum lagi mengambilkira nama-nama tempat yang mengalami perubahan total seperti Binjai Lima menjadi *Yarang*, Jambu (*Yaring*), Pohon Jerai (*Ton Sai*), Rakak (*Mayo*), Kuala Kawel (*Si Sakhon*), Teluban (*Saiburi*), Telaga Bakung (*Bo Thong*), Bidir (*Phi Then*), Bandar (*Ban Na*) dan lain-lain. Sangat jelas bahawa usaha mengubah nama-nama tempat ini termasuk dalam kempen menukar

81) Worawit Baru (Ahmad Idris), "Patani Dalam Konteks Dunia Melayu" dalam Mohd Yusof Hasn (penyelenggara), *Dunia Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1991, muka surat 67.



UTUH: *Dua bentuk rumah Melayu yang masih utuh ciri tradisionalnya, sehingga kini masih dapat dilihat di bahagian selatan Thailand. Untuk kediaman sebahagian besar rakyat, seperti tampak pada gambar yang dirakamkan di Kampung Nasa (atas), sementara kalangan bangsawan lebih banyak berciri seperti rumah yang terdapat di Kampung Cabang Tiga (bawah).*

wajah Patani Melayu menjadi Patani Siam. Apabila generasi orang Patani yang bercakap Melayu dan yang mengenali nama-nama tempat dalam bahasa Melayu ini berlalu, berganti dengan generasi baru yang terdidik di sekolah-sekolah kerajaan dengan nama-nama ilmu alam dalam bahasa Thai, maka tidak syak lagi warna serta identiti Melayu akan sedikit demi sedikit terhapus dari bumi Patani.

Hakisan Dalam Bidang Lain

Kecuali bidang pendidikan dan bahasa yang sangat terjejas dengan usaha-usaha integrasi pemerintah, unsur hakisan budaya ini juga dapat dilihat berlaku dalam beberapa segi yang lain. Di bawah ini, bagi tujuan meringkaskan kandungan bab ini, izinkan saya mencatatkan beberapa ntoktah penting daripada tindakan-tindakan pemerintah yang dapat ditakrifkan dalam kategori "hakisan budaya" ini. Antaranya:-

1- *Kependudukan*: usaha-usaha telah dan sedang diambil bagi membawa masuk lebih ramai orang Thai ke selatan (khasnya dalam tiga wilayah selatan) bagi mengimbangi jumlah penduduk Melayu. Usaha ini terutama dibuat melalui apa yang dinamakan *Nikhom Sangton Eng*, iaitu suatu projek pembukaan tanah-tanah baharu bagi tujuan permukiman dan pembangunan pertanian. Di bawah projek ini, tanah-tanah dimajukan secara besar-besaran dengan disediakan pelbagai kemudahan infrastruktur dan keperluan asas. Orang-orang Thai dari kawasan utara dan timur laut dipilih menjadi peserta utama projek yang dibangunkan di tengah-tengah masyarakat Melayu ini.

Usaha-usaha dengan maksud yang sama juga diambil dalam bentuk menempatkan lebih ramai pegawai dan kakitangan awam kerajaan di selatan, membuka kawasan-kawasan perdagangan dan perindustrian, membina kem-kem tentera, membina wat atau pagoda Budha dalam kampung orang Melayu, galakan maksiat dan luburanyang menyaksikan ribuan wanita penghibur turun memburu rezeki di bandar-bandar sempadan, dan lain-lain.

2- *Nama Thai Menggantikan Nama Islam*: terdapat semacam galakan tidak langsung ke arah penggunaan nama-nama Thai di kalangan anak-anak orang Melayu-Islam. Walaupun diakui, orang Melayu

pernah dilarang memakai nama-nama Melayu-Islam, semasa kempen *Thai Rathaniyun* dahulu, namun belum ada arahan rasmi dibuat dalam perkara ini. Bagaimanapun, bagi beberapa maksud tertentu, terutamanya bagi tujuan mendapatkan pelayanan yang lebih baik dalam perebutan mendapat tempat belajar dan peluang pekerjaan, pemakaian nama Thai ini mula mendapat tempat dan menjadi amalan biasa bagi sesetengah golongan. Bagi yang agak keberatan, mereka setidak-tidaknya memakai dua nama; nama Melayu-Islam di peringkat keluarga dan sahabat-sahabat dekat, dan nama Thai bagi urusan-urusan rasmi (surat dapur, persekolahan, pekerjaan, perniagaan dan lain-lain). Beberapa nama yang pernah atau sedang popular di Thailand seperti Dr. Surin Pitsuwan (Timbalan Menteri Luar Thai sekarang), Seni Madakakul (bekas pensyarah di Prince of Songkhla University dan Ahli Parlimen Narathiwat), Den Toh Meena (Timbalan Menteri Dalam Negeri Thai sekarang), Adul Na Saiburi (bekas Ahli Parlimen Narathiwat) dan lain-lain adalah mempunyai nama-nama Melayu-Islam di peringkat keluarga dan sahabat handainya. Dr. Surin misalnya bernama Abdul Halim Ismail, Seni Madakakul bernama Sha'arani, Den Toh Meena (Zainal Abidin Haji Sulong) dan Adul Na Saiburi (Tengku Abdul Jalal bin Tengku Abdul Muttalib). Pada hari ini terdapat ramai orang Melayu Patani yang mempunyai dua nama seperti ini.

- 3- *Pakaian*: Juga mulai kehilangan ciri-ciri Melayunya. Pada hari ini, unsur pakaian wanita Melayu Patani yang lama - baju kurung, kebaya, baju bandung, batik sarung dan batik lepas - telah sorot dari pandangan dan hanya dapat ditemui pada orang-orang tua separuh baya di kawasan-kawasan pedalaman. Tidak banyak fesyen pakaian tradisional ini menjadi pilihan bagi anak-anak gadis atau golongan pelajar. Taburan pakaian jenis ini tidak merata; lebih dekat dengan sempadan Malaysia, lebih banyak pakaian jenis ini dapat dilihat, manakala lebih ke utara, lebih jarang.

Bagi kaum lelaki pula, perubahannya tidak sangat ketara. Kain sarung atau kain pelikat dengan baju *Teluk Belanga* (bagi golongan tua), dan baju kemeja (bagi golongan muda) dapat dilihat di mana-mana. Bagi Pak Lebai atau To' Guru, pakaianya pastilah dilengkapi dengan baju luar (jubah) dan serban, atau sekurang-kurangnya kopiah (ketayap).

Manakala itu, pakaian biasa harian atau di tempat kerja ialah seluar panjang dengan samada kemeja atau baju T.

Di antara semua ini, pakaian bagi pelajar sekolah agama atau sekolah pondok adalah yang paling memperlihatkan type pakaian masyarakat Melayu Patani. Anak pondok lelaki biasanya bersarung, berbaju Teluk Belanga atau kemeja dan berkopiah (pada zaman dahulu anak-anak pondok lelaki dimestikan cukur kepala). Manakala bagi yang perempuan pula mereka biasanya bersarung (batik atau tidak), berbaju kurung dan bertudung. Dalam perkembangan mutuakhir, pakaian dalam bentuk jubah, mulai mendapat tempat (malah kadang-kadang dengan berhijab pula). Ciri ini sebenarnya adalah phenomena baru yang sedang berkembang di Patani sekarang dan yang dipercayai terpengaruh dengan kebangkitan Islam semasa serta kaitannya dengan gerakan dakwah dan fundamentalisme Islam masa kini. Dalam perkembangan yang lebih kemudian, type pakaian jenis ini juga mulai diminati oleh golongan pelajar wanita (Islam) di sekolah-sekolah umum kerajaan. Saking hebatnya sambutan mereka, maka ia sampai-sampai pernah mencetuskan isu hangat apabila sekumpulan pelajar Islam di Maktab Perguruan Yala membuat protes kepada pihak atasan berhubung larangan memakai tudung kepala di maktab berkenaan. Peristiwa ini berlaku pada awal 1988 akibat keluarnya peraturan yang melarang pelajar wanita bertudung daripada mengikuti peperiksaan penggal akhir. Sebab pimpinan maktab perguruan berkenaan berasumsi, bahawa kalau para calon guru itu dibenarkan memakai tudung - ada kemungkinan mereka akan tetap melakukan kebiasaan itu di tempat tugas mereka - maka akan bagaimanakah dampaknya kelak terhadap anak didik mereka. Jadi, sebelum gejala positif yang dinilai tidak sihat oleh penguasa maktab ini menjalar jauh ke tengah institusi pendidikan formal Thai, lebih baik dicantas saja. Dan harus diingat bahawa arahan atau larangan tersebut bukan bahagian daripada kebijakan (*policy*) Bangkok.

Selain hakisan dalam bidang-bidang yang telah dinyatakan, gejala yang sama juga berlaku dalam kemerosotan nilai tradisional dan adat resam masyarakat, kemunduran dalam bidang kesenian, krafangan Melayu, permainan rakyat, hiburan tradisional dan lain-lain. Permainan *Mak Yong* misalnya, yang memang diakui berasal dari istana raja-raja

Patani, hilang tidak berbekas. Saki baki terakhir bagi permainan jenis teater ini sempat menyelamatkan diri ke Kelantan, tetapi itu pun diperlakukan dengan versi baru. Hal yang sama juga terjadi pada pemainan wayang kulit yang satu masa dahulu banyak ditemui di kawasan Teluban, Pekbun, Laloh dan Dusun Nyior. Lalu, satu-satunya permainan milik Patani yang masih bertahan hidup sekarang ialah "Dikir Barat".⁸²⁾

Saya percaya cukup banyak warisan kesenian Melayu Patani yang hilang. Setahu saya tidak ada sebuah pun lagu-lagu istiadat dalam upacara rasmi istana Patani (seperti lagu-lagu bagi istiadat pertabalan atau masjlis-majlis rasmi istana yang lain) yang sempat diabadikan. Demikian juga dengan tarian, pakaian atau lain-lain alat kebesaran d'raja. Sungguh suatu kehilangan yang tidak bakal ditemui untuk dimunculkan kembali.

Pada tahun 1950an, masih ada perkumpulan kesenian Melayu di Teluban yang aktif membuat persembahan dalam bentuk pementasan sandiwara dan nyanyian Melayu. Tetapi tidak lama, kerana tidak ada dana dan tunjangan wang yang cukup, perkumpulan ini bubar sendiri apabila ramai ahli-ahlinya memilih untuk memberi perhatian kepada mencari penghidungan lebih daripada berkhidmat dalam bidang seni yang tidak pernah menjanjikan apa-apa.⁸³⁾

Pada hari ini tidak ada sebuah pun persatuan ditubuhkan bagi memelihara warisan budaya seperti ini di Patani. Tidak persatuan bahasa dan kesenian, pun tidak persatuan sejarah. Semua tinggallah sejarah lama yang dapat anda baca dalam bahagian tiga buku ini, sedang pada runtuh, terbiar dan dilupakan.

Saya sengaja tidak menyebut tentang warisan budaya dalam bentuk karya tulis, samada kitab atau buku di sini, kerana saya yakin perbincangan mengenai perkara ini akan sangat luas dan tidak terjangkau untuk sebuah bab selayang pandang seperti ini. Memang Patani adalah pusat kitab.

82) Nama *Dikir Barat* diberi oleh orang Kelantan bagi suatu jenis hiburan di mana orang-orang mengambil bahagian berpantun beramai-ramai dalam dua kumpulan secara bergilir-gilir. Perkataan *barat* adalah merujuk kepada negeri Patani yang memang dari segi geografinya terletak di sebelah barat negeri Kelantan. Malah, sehingga sekarang, masih ada orang Kelantan yang menyebut negeri Patani dengan istilah mereka sendiri - *sebelah barat* atau *alek barat*.

83) Maklumat daripada Cikgu Aziz, bekas guru Bahasa Melayu di Teluban (Mac 1990).

Ulama-ulamanya cukup ramai dan kreatif pula. Mereka bukan sahaja menulis kitab-kitab agama, tetapi juga mengenai perubatan, sejarah, politik dan sastera (Syekh Daud al-Fatani misalnya menulis *Kisah Nabi Yusuf* dan *Hikayat Laki-Laki Yang Saleh daripada Bani Israel*). Selepas Perang Dunia Kedua, terdapat beberapa orang penulis Patani yang sudah keluar dari penulisan kitab ini, mencebur diri dalam penulisan cerita-cerita bersyair dan makalah umum. Beberapa orang antara mereka diketahui menulis untuk majalah *Qalam* dan *Hiburan* (Singapura), *Pengasuh* (Kota Bharu) dan malah *Aneka Warna* juga. Lanjutan dari perkembangan ini, pada hari ini terdapat beberapa orang sasterawan Malaysia yang diketahui berasal dari Patani, tetapi hidup dan bekerja di Malaysia.

Selain itu cukup banyak cerita-ceita rakyat atau lisan tersebar di Patani (orang Patani menyebutnya *Cerita Bahari*). Saya ingat benar bagaimana pada suatu hari dalam tahun 1958, seorang tua di Laloh menceritakan kepada saya sebuah *cerita bahari* tentang seseorang yang bernama *Johan Mahligai*. Ceritanya mengenai seorang putera raja bernama *Johan Mahligai* yang keluar mengembara meninggalkan istananya. Pengembaraannya sangat lama dan menarik, dan itulah yang menjadi inti ceritanya. Sayang saya tidak ingat lagi kisah yang berujung dengan kesedihan ini. Bertahun-tahun kemudian, apabila ayah mengirim saya belajar di Kota Bharu dan saya banyak membaca buku-buku cerita klasik Melayu yang diterbitkan semula oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada dekad 1960an, saya tidak pernah menemukan sebuah cerita pun yang mengingatkan saya kepada *Johan Mahligai* yang pernah saya dengar dahulu. Saya percaya, cukup banyak cerita-cerita warisan seperti ini yang sudah hilang dan dilupakan sekarang.

Ini belum lagi mengambilkira pelbagai corak senibina dan seni ukir dalam pelbagai rupa dan bentuk; bentuk rumah, bentuk kepala perahu, ukiran pada dinding rumah, pintu dan malah kepala tangga, berbagai kesenian lain seperti silat, nyanyian rakyat, pantun, perbomohan, upacara-upacara adat dan perayaan dan sebagainya. Sungguh suatu khazanah budaya yang kaya, tetapi terabai.

Sayang tidak banyak kajian dilakukan dalam bidang-bidang yang dinyatakan ini di Patani. Padahal bahannya cukup banyak. Sedikit kajian

yang pernah dibuat oleh beberapa orang tenaga pengajar di Jabatan Pengajian Melayu, Prince of Songkhla University, seperti tidak mampu menimba air dari lautan yang sangat luas ini.

Pada hari ini orang Patani hidup dalam zaman transisi. Pada satu sisi, mereka cuba bertahan pada sesuatu yang bernama Melayu dan Islam, manakala pada sisi yang lain, mereka gagal dan justeru itu menyerah kalah kepada taqdir dan arus perubahanyang melanda mereka. Campuran antara dua dimensi budaya seperti inilah yang sedang hidup dan berkembang dalam masyarakat orang Melayu di Patani sekarang. Misalnya, bangunan *rumah wakaf* dalam rekabentuk Melayu, kini sudah berganti dengan rumah-rumah wakaf a la Thai. Malah, perkataan "wakaf" itu sendiri kini sudah berganti dengan perkataan *sala*. Dalam perkembangan yang sama juga sudah kedapatan rumah orang Melayu, malah madrasah dan masjid/surau, yang mempunyai tempayan besar tempat menakung air, menggantikan *qalah* dalam tradisi lama Patani.⁸⁴⁾ Ciri-ciri penggantian yang sama juga dapat dilihat berlaku pada perubahan reka bentuk rumah dan tata hias dalaman, perabotan, makanan dan lain-lain.

Adalah menjadi hasrat dan cita-cita kerajaan Thai untuk meleburkan budaya Melayu dan menyerapkannya ke dalam budaya Thai yang "lebih maju". Selepas *Thai Rathaniyum* yang tidak sepenuhnya berjaya, satu lagi dasar baru diperkenalkan, bernama *Tai Romyen*, iaitu suatu dasar yang secara nyata berusaha menghapuskan identiti Melayu dari bumi Patani,⁸⁵⁾ termasuk dengan cara kekerasan.

Pada tahun 1980, Kementerian Pendidikan mengedarkan buku-buku teks yang mengandungi gambar-gambar Nabi Muhammad s.a.w - suatu tindakan yang dianggap tidak adil dan tidak sepatutnya berlaku dalam wilayah-wilayah yang mempunyai majoriti penduduk Islam. Beberapa tahun kemudian, umat Islam di Thailand menyatakan protes mereka

84) Rumah dengan "tempayan besar" adalah asli budaya Thai. Pada mulanya, tempayan-tempayan ini diperlukan bagi menadah air hujan yang diperlukan di rumah-rumah orang Thai di bahagian timur laut Thailand yang diketahui merupakan kawasan kering dan kurang hujan. Lama-kelamaan, ia berkembang menjadi ciri khas rumah-rumah orang Thai, dan kemudiannya, apabila mereka berhijrah ke selatan, ciri ini mereka bawa bersama dan kini mempengaruhi orang Melayu.

85) *Patani Mesti Dibebasikan*, Dewan Penerangan PRC (t.t.), muka surat 12.



Patung Buddha terbesar di tengah-tengah perkampungan muslim di Bakung, Menara.



Simbol kemenangan: patung Rama V berdiri megah di Kuala Bekah, Patani.

kepada kementerian yang sama kerana tindakannya mengarahkan sekolah-sekolah umum kerajaan supaya meletakkan patung Budha dalam kawasan sekolah, termasuk sekolah-sekolah dalam empat buah wilayah selatan. Walaupun protes-protes ini berjaya menyekat pihak kementerian daripada menguatkuasakan arahan ini setakat ini, namun secara pasti, tidak ada sebarang jaminan dapat diberi bahawa arahan yang sama tidak bolch dikuatkuasakan pada tahun-tahun mendatang.⁸⁶⁾

Dengan semua perkembangan ini, orang Patani kini scolah-olah sedang berjalan dalam sebuah terowong gelap yang makin lama makin sempit ke dalam. Mereka dipaksa berjalan. Dipaksa. Tanpa henti dan tanpa dibenar menoleh ke belakang.

Maka telah hilang sebuah dunia Melayu ...

86) W.K. Che Man, *sumber sama*, muka surat 127.

21. MUHAJIRIN PATANI

Sepanjang abad ke-19 dan malahan sehingga pertengahan abad ke-20, Semenanjung Melayu menyaksikan suatu zaman perpindahan penduduk yang panjang dan lama. Perpindahan yang dimaksudkan ialah perpindahan penduduk negeri Patani Darul Salam ke negeri-negeri berdekatan akibat "huru-hara" dalam negeri berikutan kejatuhan kerajaannya ke tangan Siam pada tahun 1785 dan risiko pemberontakan yang gagal pada tahun-tahun selepasnya. Oleh kerana pemberontakan atau kemudiannya penentangan penduduk Patani terhadap Siam ini berterusan sehingga pertengahan abad ke-20 dan malahan sehingga kini, maka perpindahan ini juga turut berlangsung lama dan selari dengan pemberontakan - pemberontakan dan penentangan-penentangan yang dilancarkannya. Dalam bab ini saya akan cuba menyentuh aspek "migrasi" orang Patani ini dengan menyebut satu dua contoh orang-orang perseorangan yang terkemuka di Malaysia yang diketahui asal Patani, kampung-kampung yang diteroka dan didiami oleh mereka serta komuniti-komuniti masyarakat yang dikenalpasti menjadi tempat tumpuan penghijrah.

Pada keseluruhannya, ada tiga buah negeri di Malaysia yang menjadi arah tuju orang Patani, iaitu Kelantan, Kedah dan Terengganu. Dua buah negeri bersempadan yang lain, Perak dan Perlis, ditakdirkan tidak menjadi destinasi utama mereka apabila berhijrah.

Menurut maklumat yang sampai kepada kita, negeri Patani bersama-sama dengan negeri Kelantan dan Kedah adalah di antara negeri-negeri Melayu yang mempunyai bilangan penduduk yang ramai pada abad ke-19. Adalah dipercayai, pada waktu negeri Patani mencapai angka penduduk yang tinggi seperti ini, negeri-negeri Melayu Pantai Barat yang terkemuka sekarang seperti Selangor, Perak dan Negeri Sembilan masih mempunyai angka penduduk yang kecil dan rendah. Pertambahan angka penduduk bagi negeri-negeri yang disebut terakhir ini baru terjadi pada penghujung

abad ke-19 dan awal abad ke-20 berikutan migrasi besar-besaran orang-orang Cina dan India selepas penemuan bijih timah dan pembukaan ladang-ladang getah di negeri-negeri berkenaan.

Apabila Patani kalah, serta diikuti selepasnya oleh siri-siri pemberontakan yang gagal terhadap Siam, kehidupan rakyat dalam negeri menjadi sukar dan terancam. Lalu, atas faktor-faktor ekonomi, keselamatan dan kelangsungan hidup, ramai rakyat Patani melakukan "hijrah" keluar. Pada hari ini terdapat ramai warga Malaysia yang terkemuka dalam berbagai profesi dan lapangan hidup, sama ada di sedari atau tidak, mempunyai leluhur yang berasal dari Patani.

Pada tahun 1986, waktu saya singgah sembahyang di Masjid Wadi al-Husain di Teluk Manok (dalam daerah Bachok, Narathiwat), saya melihat sebuah kereta Malaysia diparkir di hadapan rumah bilal masjid - Hj. Ibrahim. Apabila saya kemudiannya berkesempatan bersalam dengan pemilik kereta berkenaan selepas sembahyang, saya diberitahu bahawa beliau datang berziarah keluarga induk di Teluk Manok dan kampung-kampung sekitar. "Nenek saya dulu berasal dari sini", katanya. "Setiap tahun, jika ada kesempatan, saya datang ke mari membawa anak-anak dan keluarga supaya hubungan silaturahim tidak putus". Lanjutnya. Dalam percakapan selanjutnya saya mendapat tahu bahawa beliau adalah bekas kerani di Pejabat Qadhi Parit Buntar, Perak.

Dengan umur bersara pada awal 1980an, beliau diperkirakan lahir pada penghujung dekad 1920an. Jika benar dakwaannya bahawa neneknya berasal dari Teluk Manok dan berhijrah ke Perak, maka dapat diandaikan bahawa peristiwa ini berlaku pada separuh bahagian kedua abad ke-19.

Sebelum itu, pada waktu saya tinggal di Kg. Banggol, Jabat (dalam daerah Ruso, Narathiwat) dalam tahun 1964, jiran saya, Tengku Yah (saya tidak pernah tahu nama lengkapnya) memberitahu saya bahawa DYMM Raja Permaisuri Agung Malaysia pada waktu itu (DYMM Raja Perenpuan Perlis sekarang) adalah sepupunya. Beberapa tahun yang lalu, di Jabat juga, pada waktu saya pulang berziarah keluarga, secara tak sengaja seorang ustaz memberitahu saya bahawa YB Menteri Kewangan Malaysia sekarang, Dato' Seri Rafidah Aziz yang berasal dari Selama, Perak, adalah bertitih dari sebuah keluarga induk yang berasal dari Pujud, Patani.

Sementara itu, menurut pengamatan penulis sendiri, beberapa orang bekas Menteri Besar Perak, Dato' Seri Kamarudin Mat Isa dan Wan Muhamad Wan Teh, masing-masing diketahui mempunyai leluhur atau akar keluarga dari Patani.

Selain dari itu, beberapa buah kampung di Perak, terutama dalam daerah Hulu Perak, diketahui dibuka oleh pendatang Patani. Saya masih ingat benar, pada waktu kerajaan Malaysia membina Empangan Temenggor beberapa tahun yang lalu, beberapa buah kampung tradisi terpaksa dipindahkan kerana terlibat menjadi kawasan tadahan air. Sebuah tulisan yang saya baca dalam akhbar yang memuat cerita asal kampung-kampung ini menyebut bahawa perkampungan berkenaan telah dibuka oleh orang-orang dari Patani. Mereka kemudian menetap di kampung-kampung berkenaan sehingga apabila dipaksa pindah berikutan projek empangan berkenaan. Mengikut keterangan penduduk, mereka yang dipindahkan sekarang merupakan generasi ketiga atau keempat selepas perkampungan dibuka.

Sangat jelas bahawa kampung-kampung ini dibuka sejak pertengahan abad ke-19, iaitu selepas Patani mengalami zaman porak-peranda dan kehancuran akibat perang dan pemberontakan.

Di Kedah, terdapat seorang tokoh bernama "Tok Moris" di Kg. Kubur Panjang. Beliau yang nama lengkapnya "Tok Bomoh Idris" telah menjadi pemimpin masyarakat tempatan menentang Siam di Kedah pada awal abad ke-19. Dari sumber-sumber penduduk diperoleh maklumat bahawa beliau berasal dari Patani.

Dalam sebuah tulisan yang tersiar dalam akhbar "Berita Minggu" (saya lupa tarikhnya), saudara Baharuddin Adam telah menulis mengenai sejarah bandar Kemaman, Terengganu. Menurut tulisan berkenaan, bandar Kemaman sekarang adalah berkembang dari sebuah perkampungan nelayan yang dibuka oleh pelarian perang dari Patani pada dekad 1820an.

Adalah dipercayai, Terengganu mempunyai cukup banyak keturunan yang berasal dari Patani. Ia bukan sahaja terbatas pada daerah-daerah Besut dan Setiu yang berhampiran, malah memanjang sehingga ke Paka dan Kemaman. Pada waktu saya "mencuri" hadir dalam Seminar Islam di Terengganu pada bulan Julai 1991 yang lalu, saya mendengar selingan ucapan dari pembentang kertas kerja, Dr. Shafie Abu Bakar dari Universiti

Kebangsaan Malaysia yang menyebut bahawa keluarga beliau di Paka adalah berasal dari keturunan "panglima Patani yang kalah perang dengan Siam". Menurut beliau, panglima-panglima ini, dalam pengunduran dari Patani, singgal di pesisiran pantai negeri Terengganu, lalu membuka kawasan kediaman baru, termasuklah di Paka.

Ulama-ulama terkenal dari Patani

Tetapi yang paling ketara daripada semua pelarian ini ialah ulama-ulamannya. Tidak seperti pelarian bukan ulama yang kebanyakannya hilang selepas hilangnya personaliti atau tokoh berkenaan, nama-nama ulama ini kekal disebut sepanjang zaman atas beberapa faktor, terutamanya kerana mereka meninggalkan karya tulis dan murid-murid yang melanjutkan ajaran mereka selepas matinya.

Di Terengganu misalnya, antara ulama Patani yang paling awal dikesan berhijrah ke negeri Darul Iman ini ialah Sheikh Abdul Kadir Bukit Bayas. Beliau dipercayai telah muncul di Terengganu seawal abad ke-19 lagi. Kerana kealimannya, beliau telah dilantik menjadi guru istana sekaligus mufti kerajaan Terengganu oleh Baginda Sultan Omar (1839 - 1876). Mengikuti selepasnya ialah Tok Sheikh Duyung, Tuan Hasan Besut dan Tuan Guru Hj. Husin Kampung Lapu serta anaknya Tuan Guru Hj. Muhammad. Kesemua mereka adalah ulama-ulama terkenal Terengganu dalam abad ke-19 (kecuali dua orang terakhir yang sempat hidup sehingga awal abad ke-20) yang telah meninggalkan ramai murid, karya tulis dalam bentuk kitab serta sumbangan yang bukan kecil kepada kehidupan akidah dan rohaniah rakyat Terengganu.

Manakala di Kedah pula, tokoh ulama asal Patani yang sangat terkenal ialah Tok Sheikh Jarum. Beliau yang berasal dari Bendang Badang, Patani telah berhijrah ke Kedah pada penghujung abad ke-19 lalu membuka pondok di Derga (Jalan Langgar). Nama tubuhnya yang sebenar ialah Hj. Wan Idris bin Hj. Wan Jamal, tetapi digelar *Sheikh Jarum* kerana ketajaman fikiran dan kejituannya apabila berhujjah. Mengikuti selepas beliau ialah Hj. Ismail bin Mustafa (ayahanda kepada Tuan Guru Hj. Husin Tok Cik Dol), Pak Chu Him Gajah Mati dan lain-lain. Sementara itu di Selangor pula, tercatat nama seorang Sheikul Islam yang diketahui berasal dari Patani, iaitu Tengku Mahmud Zuhdi bin

Tengku Ab. Rahman.

Di Seberang Perai, di kawasan Sungai Dua, terkenallah nama seorang ulama Patani yang datang mengajar dan membuka pondok di sana. Beliau ialah Tuan Minal atau nama sebenarnya Hj. Zainal Abidin bin Ahmad @ Muhammad, pengarang kitab *Kashf al-Litham* dan *Aqidat al-Najin* yang sangat terkenal itu. Beliau meninggal di Padang Lalang, Sungai Dua pada suatu tarikh yang belum saya temui.

Di Kelantan, bilangan mujahirin Patani ini, dalam kategori apapun, ulama atau bekas pejuang, lebih-lebih lagi rakyat biasa, cukup banyak. Malah lebih daripada di negeri-negeri yang lain, penghijrahan rakyat Patani ke Kelantan turut melibatkan keluarga raja-raja dan tokoh-tokoh ningratnya.

Sebenarnya tidak cukup ruangan untuk mencatatkan, walaupun sekadarnya, nama-nama keluarga terkenal di Kelantan sekarang yang berasal dari titihan Patani, belum lagi dari kalangan rakyat terbanyak. Tanyalah siapapun orang Melayu Kelantan sekarang, spontan mereka akan menjawab "memang saya ada keluarga di Patani". Demikian juga sebaliknya. Hal ini cukup ketara terutama bagi mereka yang tinggal di jajahan-jajahan Tumpat, Pasir Mas, Tanah Merah dan Kota Bharu.

Selain dari "hijrah" ke negeri-negeri Semenanjung Melayu, rakyat Patani juga ramai berhijrah ke Makkah dan negeri-negeri Melayu lain di Nusantara. Terdapat beberapa buah keluarga Patani yang berhijrah ke Sambas dan Pontianak di Kalimantan Barat, ke Kepulauan Riau dan pesisir timur Sumatera, malah ada yang sampai ke Brunei dan Aceh.

Kecuali itu, kota suci Makkah telah menjadi pilihan terbaik bagi ramai rakyat Patani, terutama ulamanya, bermukim dan bergiat. Sheikh Daud al-Fatani misalnya, selepas naik semula ke Makkah berikutan kegagalannya membantu pemberontakan Patani melawan Siam pada tahun 1832, telah menjadikan Makkah tempatnya mengarang kitab dan mengajar. Hampir keseluruhan kitab beliau yang dikatakan berjumlah lebih 100 buah itu dikerjakannya di Makkah. Mengikuti selepasnya ialah Sheikh Nik Dir al-Fatani, Hj. Wan Ahmad bin Muhammad Zain bin Mustafa al-Fatani, Sheikh Nik Mat Kecik al-Fatani dan lain-lain. Semua mereka yang disebut ini menetap dan meninggal di Makkah. Pada zaman-zaman yang lebih kemudian, tradisi "bermukim" di Makkah ini diikuti pula oleh ulama-

ulama Patani yang lebih kemudian seperti Pak Cik Daud, Sheikh Nur bin Sheikh Nik Mat Kecik al-Fatani, malah sampai-sampai kepada ulama Patani selepas Perang Dunia Kedua seperti *Pak Da Ail* dan lain-lain.

Komuniti-komuniti Patani Yang Lain

Selain dari peribadi-peribadi terkenal dari kalangan bekas-bekas pejuang dan ulama, terdapat juga perkampungan-perkampungan yang dikenalpasti diteroka dan dihuni oleh pendatang dari Patani ini. Antaranya yang sangat jelas ialah kampung-kampung di daerah Besut, Terengganu, sehingga hampir dapat dikatakan bahawa kebanyakan kampung-kampung tua di daerah ini, jika diselidiki, adalah dibuka oleh penghijrah Patani ini.

Pada waktu saya belajar sebentar di Kota Bharu, Kelantan antara tahun 1961 hingga 1965, saya pernah menyaksikan satu pertandingan bolasepak antara dua pasukan kelab sukan yang terkemuka dari Kelantan dan Terengganu. Kelab sukan Kelantan diwakili oleh *Kelab Sukan Kijang*, manakala Terengganu diwakili oleh pasukan *Kampung Petani*. Lama kemudian, apabila saya merujuk nama kampung ini dalam kaitannya dengan sejarah hijrah keluar rakyat Patani, saya mendapat kepastian bahawa *Kampung Petani* di Kuala Terengganu adalah sebenarnya "Kampung Patani", iaitu sebuah kampung yang pada mulanya menjadi tempat bermukim bagi pendatang-pendatang dari Patani. Kampung ini kemudiannya membesar dan membuaik sehingga muncul menjadi sebuah perkampungan yang terkemuka dalam sukan bolasepak di Terengganu. Sheikh Abdul Kadir Bukit Bayas yang disebut sebelum ini, sewaktu mulamula tiba di Terengganu, dikatakan tinggal di kampung ini sebelum berpindah ke Bukit Bayas. Menurut riwayat tradisi yang saya peroleh di Patani, *Kampung Patani* di Kuala Terengganu telah muncul seawal abad ke-18 Masihi lagi, iaitu berikutan kedatangan satu rombongan dari Patani yang dikirim oleh Ratu Patani pada masa itu bagi menabalkan Tuan Zainal Abidin menjadi Sultan Terengganu. Selepas istiadat pertabalan selesai, tidak semua anggota rombongan pulang ke Patani. Ramai antara mereka yang memilih untuk menetap di Terengganu. Nah! Kampung tempat mereka tinggal inilah yang kemudiannya dikenali dengan nama *Kampung Patani*.

Di Kelantan juga terdapat nama-nama kampung yang dapat

dihubungkait dengan Patani. Sebuah daripadanya terdapat dalam Daerah Sering (dekat Pangkalan Datu), Kota Bharu. Kampung ini benar-benar bernama "Kampung Patani". Sebuah yang lain yang terletak dalam jajahan Tumpat, berdekatan dengan Kampung Jal, mempunyai nama yang sedikit berlainan: Banggol Petani.

Saya tidak pernah tahu apakah terdapat nama-nama kampung di Kedah atau di Perak yang bernama *Kg. Petani* atau *Patani*, tetapi yang jelas ialah terdapat banyak tempat di dua buah negeri berkenaan yang mempunyai penduduk asal Patani. Pada waktu saya menyeberang ke Kedah dan singgah di rumah seorang penduduk di Padang Sanai (dalam Daerah Padang Terap), saya sedikit kaget apabila mendengar bahasa yang mereka pergunakan sesama mereka. Pada saya, bahasa yang mereka gunakan, termasuk langgamnya, bukan sangat loghat Kedah, tetapi lebih mendekati loghat atau lahjah Patani. Penggunaan bahasa dalam corak yang sama juga saya temui di Weng, Baling (sehingga ke Kuala Pegang) dan juga di beberapa tempat di Perak seperti Gerik, Kg. Lalang, Keroh, Rantau Panjang dan malah di Selama juga. Hampir semua mereka yang ditanya mengaku "bertitih" dari Patani.

Orang-orang Patani di Malaysia Kini

Terdapat ramai orang Patani yang tinggal di Malaysia kini. Tradisi "hijrah" ini nampaknya masih berterusan dan malah kadang-kadang lebih menjebol dan ramai. Kecuali loghat bahasa, hampir tidak ada perbezaan di antara orang Patani dengan orang Malaysia (keturunan Melayu). Ramai antara mereka yang telah menjadi "wargancgara" Malaysia dan memilih Malaysia menjadi tanahairnya.

Orang-orang Patani di Malaysia meliputi berbagai golongan dan kategori. Ada yang betul-betul pelarian (erti pelarian politik), tetapi yang teramai ialah "penghijrahan kehidupan", iaitu orang-orang yang terpaksa berhijrah kerana desakan kehidupan dan peluang pekerjaan. Di Malaysia sekarang, mereka kebanyakannya menjadi penjaja, peniaga kecil dan buruh binaan. Terdapat juga dari kalangan mereka orang-orang yang menjadi guru (terutama guru agama), pegawai awam kerajaan, penulis dan malah pensyarah universiti. Atas satu dan banyak sebab, saya tidak bermaksud menyebut nama-nama mereka di sini.

Orang Patani termasuk di antara orang-orang yang malang di dunia. Walaupun pada realitinya mereka telah "kehilangan" negeri, tetapi perjuangan mereka untuk mendapatkan kemerdekaan telah tidak dapat dibenarkan oleh undang-undang antarabangsa. "Mana ada tuntutan kemerdekaan bagi sebuah negara yang tidak dijajah?" Tanya mereka.

Maka hiduplah orang Patani menjadi "penumpang" di berbagai negara. Sampai kapan?

22. PENUTUP:

Patani *Darul Salam* Apa Itu?

Negeri Patani adalah termasuk di antara tiga buah negeri Melayu di Nusantara yang memakai gelar "Darul Salam" sebagai nama timang-timangan di belakang namanya. Dua buah negeri Melayu lain yang memakai nama timangan yang sama ialah Aceh dan Berunei. Ketiga-tiga negeri Darul Salam ini ditakdirkan mempunyai jalan sejarah dan tuah malang politik yang sangat jauh dan berbeza. Berunei hidup merdeka sebagai sebuah negara yang kaya dan mewah. Manakala Aceh, meskipun gagal mendapatkan kemerdekaan sendiri seperti yang pernah diperjuangkannya, namun di bawah kuasa bangsa serumpun, Indonesia, ia memperoleh taraf Daerah Istimewa dengan menikmati beberapa kuasa dan hak-hak tertentu, lebih daripada wilayah-wilayah Indonesia yang lain.

Patanilah yang bernasib malang di antara keluarga Darul Salam ini. Sudahlah ia dikuasai oleh bangsa Thai yang asing dan di luar rumpun keluarga Melayunya, akan tetapi, lebih daripada itu pula ialah ia tidak mendapat apa-apa status istimewa atau otonomi dalam bidang-bidang yang sepatutnya ia berhak, umpamanya dalam bidang pentadbiran agama Islam, hak-hak penggunaan bahasa dan adat resam Melayu, sistem pendidikan tradisional Islam atau lain-lainnya. Akibatnya, terjadilah bentrokan-bentrokan yang lama dan berpanjangan di antaranya dengan kuasa pusatnya di Bangkok.

Istilah *Darul Salam* adalah bermakna "Negeri Aman Damai" atau *Negeri Sentosa* atau *sejahtera*. Tidak diketahui pasti, siapakah yang memberikan nama timang-timangan ini kepada Patani. Yang jelas ialah nama ini telah dipakai sejak lama dan telahpun disebut dalam *Hikayat*

Patani sebagaimana yang terbukti pada naskhah yang diselenggarakan oleh Prof. A. Teeuw dan D.K. Wyatt (Martinus Nijhoff 1970).

Selepas membaca keseluruhan isi buku ini, para pembaca pasti mendapat kesan betapa nama *Darul Salam* ini sangat tidak sesuai diletakkan pada sebuah negeri seperti Patani. Dengan pengalaman sejarah dan politik yang dialaminya sekarang, penggunaan nama ini persis seperti suatu sindiran pula, kerana sejak takluk kepada Siam pada 1785, negeri Patani tidak pernah sentosa dan sejahtera lagi.

Allah s.w.t. sahajalah yang mengetahui apakah hikmat dan rahasia makanya negeri Patani berasib seperti ini. Hampir tidak pernah ada dugaan orang bahawa sebuah negeri sebesar dan secemerlang Patani, dengan kuasa dan peranannya yang utama yang pernah dimainkannya menjadi benteng penyekat ekspansi bangsa Siam ke selatan, tiba-tiba terkorban dalam permaian "tawar-menawar" Inggeris - Siam pada awal abad ke-20 dan kemudiannya, sekali lagi, pada tahun-tahun selepas Perang Dunia Kedua. Sangat benarlah kata-kata seorang peniaga Patani kepada saya, "Patani seperti seorang abang yang terpaksa berkorban jiwa bagi menyelamatkan empat buah negeri Melayu di selatan - Kedah, Perlis, Kelantan dan Trengganu. Selaku seorang abang, kerana letak geografisnya yang paling ke hadapan dengan Siam, Patani telah membayar dengan dirinya sendiri bagi melepaskan adik-adik di bawahnya daripada terus berada di bawah Siam."

Sesungguhnya nasib telah tidak memihak kepada Patani. Berkali-kali dalam perjuangan hempis pulasinya membebaskan diri daripada Siam, Patani seperti kehilangan tuah dan peruntungan baiknya. Pada hakikatnya, bukan hanya Patani yang dikalahkan Siam, tetapi termasuk juga Kedah dan Kelantan. Akan tetapi, di antara sekian banyak negeri Melayu yang takluk kepada Siam ini, Patani lah yang sangat tidak ingin dilepaskan Siam. Dalam rundingan yang berlaku di antara Inggeris dengan Siam yang membawa kepada termeterinya *Perjanjian Bangkok 1909* misalnya, kedudukan negeri Patani seperti tidak diacuhkan. Apabila Inggeris membangkitkan persoalan negeri Patani, wakil perunding Kerajaan Siam, Edward Strobell, menjawab keras: "If that is to be the game, I think we had better abandon the negotiations at once. I am having sufficient difficulty with the King about Kedah and am not prepared to go further than the three state I originally named. There are considerable settlements of

Siamese in Setol, and it might not be possible to include that state As for Patani it is out of the question, as the Siamese Government will never consent to its session."

Peluang sekali lagi terbuka pada tahun-tahun selepas Perang Dunia Kedua, apabila Siam yang selama perang berlangsung berpihak kepada Jepun menentang Sekutu, *sepatuinya* dihukum sebagai pesalah perang. Namun, pada kali inipun, helah diplomatik masih berpihak kepada Siam apabila Inggeris terpaksa melupakan tuntutannya ke atas Patani kerana terjepit antara tawaran beras percuma dari Siam pada satu pihak dengan tekanan Amerika pada satu pihak yang lain, di samping Inggeris sendiri pun turut merasa perlu menjaga hubungan baiknya dengan Siam berikutnya *Peristiwa Dharurat* di Tanah Melayu yang meletus tidak lama selepas perang berakhir.

Maka sekarang, tinggallah negeri Patani seperti yang dituturkan dalam buku ini; hidup dalam suatu suasana yang payah, jerih dan *tidak sejahtera*. Sehingga saat buku ini selesai saya tulis, orang Patani masih tidak dapat menerima hakikat keberadaannya di bawah kuasa Siam (sekarang Thailand), dan justeru itu, masih merasa perlu berjuang untuk mendapatkan kemerdekaannya.

Akhirul kalam: Saya suka menutup buku ini dengan mengutip kata-kata ulama pengarang Patani setiap kali mereka selesai menulis sesbuah kitab *kulit kuning* mereka. Katanya: (*Khatimah*) *Inilah akhir barang yang memudahkan oleh Allah s.w.t. ke atas hambaNya pada mentaswidkan ini risalah. Selesai pada 27 Ramadhan 1414 bersamaan 10hb, Mac 1994 di Kuala Bekah, Pattani, 'ala yadi al-Haqiqir al-Faqir al-Fani, Ahmad Fithy al-Fatani, ghafaral'Lahu lahu wa iwalidaihi, Amin.*

Tamma bi 'auni'l'Lah. Wa al-Hamdu liLlahi Rabbi al-'Alamin.

Bobliografi

- A. Bangnara, *Patani Dahulu dan Sekarang*, Panel Penyelidikan Angkatan al-Fatani, Markaz Darurat Daulat Islamiyah Patani, 1977.
- Abdullah Mohamed (Nakula), *Keturunan Raja-raja Kelantan dan Peristiwa-peristiwa Bersejarah*, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Kota Bharu, 1981.
- _____, *Sejarah Kelantan (Beberapa Lintasan)*, kertas kerja dalam Seminar Sejarah dan Budaya Wilayah Kelantan, Kota Bharu, 1980.
- _____, "Zaman Awal Kelantan: Negeri Tersembunyi di Semenanjung Malaysia", dalam *Adabi*, 1978.
- Abu Talib Ahmad, *Sejarah Tanah Besar Asia Tenggara*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1991.
- Ahmad Boestamam, *Merintis Jalan ke Puncak*, Pustaka Kejora, Kuala Lumpur, 1972.
- Ahmad Fathy al Fatani, "Tuan Guru Haji Sulung Pataui", dalam Ismail Che Daud (ed.), *Tokoh-tokoh Ulama Semenanjung Melayu I*, Majlis Ugama Islam Kelantan, Kota Bharu, 1988.
- Ahmad Johari Muin, *Sejarah Nasionalisma Maphilindo*, Penerbitan Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1969.
- Arong Suthasana, "Latar Belakang Wilayah Selatan Thai", dalam *Dian* Bil. 144 (1982).
- A. Teuuw & D.K. Wyatt, *Hikayat Patani*, Martinus Nijhoff, The Hague, 1970.
- Chaiwat Satha-Anand, "Patani in the 1980s: Academic Literature and Political Stories", dalam *Sajourn*, Vol. 7, No. 1, Februari 1992.
- Chandran J., "Perjanjian 1909 Antara Inggeris Dengan Siam Serta Latarbelakangnya", dalam *JEBAT* Bil. 1, Universiti Kebangsaan Malaysia 1971/1972.
- Dewan Penerangan BNPP, *Berita Patani*, Bukit Budor, 28 September 1973.
- Dewan Penerangan Patani Research and Coordination (PRC), *Patani Mesti Dibebaskan*, (II).
- Haji Buyong Adil, *Sejarah Terengganu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1978.
- Ibrahim Ismail (Tan Sri), *Sudahkah Kamu Bertemu Mariam*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1986.

- Ibrahim Shukri, *Sejarah Kerajaan Melayu Patani*, Majlis Ugama Islam Kelantan, Kota Bharu (tanpa tarikh).
- Ismail Che Daud, "Sheikh Daud al Fatani (1769 - 1847)", dalam *Pengasuh*, bil. 493, Julai - Ogos 1988.
- _____, (penyelenggara), *Tokoh Ulama Semenanjung Melayu*, Majlis Ugama Islam Kelantan, Kota Bharu, 1988, dan *Tokoh Ulama Semenanjung Melayu* (edisi II), 1992.
- Kokua Suwanantha-Pian, *Sejarah Thai Zaman Bangkok*, Dewan Bahasa dan Pustaka 1989.
- Koch M.L., "Patani and the Development of Thai State" dalam *JMBRAS*, Vol. 50 Part II (1977).
- Leonard Andaya, *Kerajaan Johor 1641 - 1728*, DBP, Kuala Lumpur, 1987.
- Manifesto Gempar* 1948.
- Misbaha, *Terengganu dari Bentuk Sejarah*, Utusan Publication & Distributors, Kuala Lumpur, 1978.
- Mohd Dahlan Mansoor, *Pengantar Sejarah Nusantara Awal*, DBP, Kuala Lumpur, 1979.
- M. Nasir, "Patani Negara Langkasuka" dalam *Dian* Bil. 91 (Ogos 1976).
- Muhammad Yusoff Hashim, *Persejarahan Melayu Nusantara*, Teks Publishing Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1988.
- Nabir Hj. Abdullah, *Maahad II-Ihya 'al Sharif Gunung Semanggol 1934 - 1959*, Jabatan Sejarah UKM, 1976.
- Nantawan Haemindra, "The Problems of the Thai Muslims in the Four Southern Provinces of Thailand", Part I, *JSEAS*, Vol. VII, No. 2, September 1976.
- _____, "The Problems of the Thai Muslims in the Four Southern Provinces of Thailand", Part II, *JSEAS*, Vol. VIII, No. 1, Februari 1977.
- Nik Anwar Nik Mahmud, "Patani: The Search for Security and Independence" dalam *Akademika* Bil. 31, Universiti Kebangsaan Malaysia 1987.
- _____. "Sistem Thesaphiban dan Kesannya ke atas Kedaulatan dan Kewibawaan Raja-raja Melayu Patani", dalam *Jehat* Bil. II, Universiti Kebangsaan Malaysia 1991/1992.
- Patani United Liberation Organisation (PULO)*, Jabatan Penerangan PULO (tt).

- Pernyataan Barisan Revolusi Nasional Melayu Patani*, Sekretariat Agung BRN, Pattani 1975.
- Raml Ahmad, *Gerakan Pembebasan Patani*, thesis tidak diterbitkan, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1975/76.
- Rattiya Salch (Prof. Madya), "Peranan Wanita Thailand Selatan dalam Kehidupan Masyarakat", kertas kerja *Musyawarah Kerja, Muzakarah dan Musyawarah Komisi B, Majelis Ulama Indonesia Propinsi Daerah Istimewa Aceh*, di Banda Aceh pada 24 - 28 Januari 1993.
- Saiifulwatan, "Masalah Perjuangan Melayu Pattani" dalam *Santajiwa* Bil. 34 (Ogos - September 1977).
- Suara Siswa*, Jilid 2 Bil.2 (Disember 1970), Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Islam Malaysia, ITM, Petaling Jaya.
- Surin Pitsuwan, *Islam di Muang Thai: Nasionalisme Melayu Masyarakat Patani*, terjemahan Hasan Basti dari buku *Islam and Nationalism: A Case Study of Malay Muslims in Southern Thailand*, LP3ES, Jakarta, 1989.
- The National Liberations Front of Patani*, Information Bureau National Liberation Front of Patani, Budor Hill, Patani (I.L.).
- "The Patani Movement for Liberation" dalam *Asean Review* Vol. 1, No. 30, September 11 - 17 (1976).
- Tuan Guru al Haj Mohd Sulim Fatani, *Gugusan Chahaya Keselamatan*, Saudara Press, Pattani, 1958 (2501 B.E.).
- Wayne A. Bongas, *Islamic Cemeteries in Patani*, The Malaysia Historical Society, Kuala Lumpur 1988.
- W.K. Che Man, "Islam in Contemporary Patani", dalam *Akademika*, bil. 34, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1989.
- Wood W.A.R., *History of Siam*, Charlemnuit Bookshop, Bangkok 1924.
- Worawit Baru (Ahmad Idris), "Patani Dalam Konteks Dunia Melayu", dalam Mohd. Yusof Hashim (ed.) *Dunia Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1991.